

Bil. 53

**Khamis
23 November 2017**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

| | |
|---|---------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 6) |
| RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT | (Halaman 27) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Perbekalan 2018 | |
| <u>Jawatankuasa:-</u> | |
| <u>Jadual:-</u> | |
| Maksud B.63 | (Halaman 28) |
| Maksud B.45 | (Halaman 93) |
| Maksud B.46 | (Halaman 109) |
| USUL-USUL: | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 27) |
| Anggaran Pembangunan 2018 | |
| <u>Jawatankuasa:-</u> | |
| Maksud P.63 | (Halaman 28) |
| Maksud P.45 | (Halaman 93) |
| Maksud P.46 | (Halaman 109) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titawangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/ S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

21. Yang Berhormat Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P., S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]

15. Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]

26. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia a/p Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggisa bin Juara

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 23 November 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, apakah pandangan pihak kementerian berhubung kenyataan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) yang mempertahankan polisi sesetengah hotel di Malaysia yang melarang pekerja wanita beragama Islam bertudung bekerja di bahagian perkhidmatan pelanggan (*frontline*) yang dilihat seolah-olah suatu tindakan diskriminasi selain tidak mendukung semangat Perlembagaan Persekutuan dalam kebebasan beragama dan agama Islam sebagai Agama Persekutuan.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memandang serius isu sebegini dan tidak akan berkompromi atas mana-mana perkara yang melibatkan pelanggaran kepada Perlembagaan Persekutuan negara kita.

Dalam hal ini, larangan pemakaian tudung adalah jelas merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap seseorang wanita dalam bidang pekerjaan berdasarkan satu, perkara 3(1) yang memperuntukkan Islam sebagai Agama Persekutuan namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

Kedua, Perkara 8(2) Perlembagaan yang menyatakan tidak ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan.

Perkara 11(1) Perlembagaan yang menyatakan bahawa setiap rakyat Malaysia bebas menganuti dan mengamalkan agama masing-masing dengan melaksanakan larangan ini secara tidak langsung telah menafikan haknya untuk mengamalkan ajaran agama yang dianutinya iaitu ajaran Islam yang mewajibkan wanita Islam untuk menutup aurat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini kementerian hanya menerima satu aduan berkenaan isu larangan pemakaian tudung dan sedang menjalankan siasatan serta mengumpul maklumat berkaitan aduan tersebut. Kementerian ini menegaskan supaya pihak hotel-hotel yang berkenaan untuk meneliti semula dasar hotel agar bersesuaian dengan agama, adat resam dan budaya negara kita dan tidak menyentuh sensitiviti rakyat. Dasar sedemikian adalah tidak boleh diterima lebih-lebih lagi apabila dilaksanakan di negara Malaysia yang majoriti penduduknya adalah yang beragama Islam.

Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan syarat agar setiap pemegang lesen perniagaan dan pekerja Islam di negeri itu perlu berpakaian menutup aurat.

Jadi soalan saya, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mana-mana hotel yang melaksanakan SOP diskriminasi ini serta adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan peraturan khas terutamanya dari perspektif diskriminasi?

Apatah lagi yang memang terkandung dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, haknya agar ia dipatuhi oleh pihak hotel seperti mewajibkan sekurang-kurangnya seorang *front desk officer*, dengan izin, memakai tudung untuk setiap hotel yang beroperasi di negara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan adalah undang-undang tubuh untuk *to enable*, dengan izin, apa yang telah disebutkan dalam Perlembagaan itu dilaksanakan, maka ia perlu diperundangan sebagai sebuah akta untuk memastikan apa kehendak Perlembagaan itu dapat dilaksanakan. Maka, kalau ditanya apa tindakan yang boleh diambil? Maka kita perlu melihat kepada akta-akta yang tertentu yang ada kaitan dengan pekerjaan, yang ada kaitan dengan pemberian lesen dan lain-lain. Kalau sekiranya akta ini wujud dan menyatakan bahawa diskriminasi itu tidak boleh dilakukan maka ia boleh dilaksanakan mengikut akta-akta tersebut.

Pada hari ini tidak ada satu akta yang menyatakan bahawa apa-apa pelanggaran kepada kehendak Perlembagaan itu boleh diambil tindakan melainkan kita cuma boleh mengambil tindakan terhadap akta-akta yang tertentu yang ada kaitan dengan diskriminasi. Maka bagi Kementerian saya di bawah Akta Pelancongan tidak ada peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana tindakan yang boleh dikatakan sebagai melanggar Perlembagaan. Maka kalau difikirkan perlu, kita boleh membawa perkara ini kita bincangkan untuk mewujudkan satu akta, *enabling act* untuk kita mengambil tindakan terhadap mana-mana tindakan dan perbuatan sesiapa sahaja di negara kita ini yang melanggar Perlembagaan, kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka.

■1010

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tahniah diucapkan di atas ketegasan kerajaan untuk menguatkuasakan peraturan yang telah termaktub dalam Perlembagaan negara. Soalan saya, bilakah penguatkuasaan polisi menutup aurat ini akan dikenakan juga pada sektor swasta sebagaimana kita sekarang ini, kerajaan telah laksanakan di sektor awam terutama pada pasukan unit beruniform. Jadi agar perkara ini dapat dipatuhi dan saya mengalu-alukan pindaan akta yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Jadi adakah perkara ini akan dilaksanakan di sektor swasta? Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah sebutkan iaitu apa-apa yang hendak kita lakukan, ia mesti bagi kita hendak menegakkan apa yang dikehendaki oleh Perlembagaan, kita memerlukan kepada akta yang membolehkan kita mengambil tindakan. Jadi dalam katah, menjalankan polisi untuk memastikan supaya di tempat-tempat pekerjaan itu tidak boleh berlaku diskriminasi, maka kita perlu memastikan supaya di peringkat sekarang ini, setiap sektor itu mesti menyatakan bahawa diskriminasi tidak boleh dilaksanakan.

Akta Pekerjaan sebagai contoh. Maka kita boleh sebut itu sebagai bahawa tidak boleh berlaku diskriminasi. Maka kalau ada berlaku diskriminasi yang mengikut kehendak Perlembagaan kita, ia tidak boleh dilakukan maka barulah kita boleh ambil tindakan. Jadi setiap sektor Yang Berhormat, setiap sektor sebab kita ini ada banyak sektor. Setiap sektor itu kita kena pastikan iaitu bahawa maksud yang dikehendaki oleh kita itu, hendaklah kita masukkan di dalam setiap akta itu. Kalau tidak, sukar untuk kita mempunyai satu arahan kalau ia tidak disokong oleh satu akta yang membolehkan kita berbuat demikian. Jadi ini perkara yang perlu kita lakukan dan sekarang ini sudah berlaku perkara seperti ini, maka kita harus duduk dan kita fikirkan apa yang perlu kita lakukan.

Ini Yang Berhormat, bukan hanya setakat kepada orang Islam sahaja. Baru saya tahu di sini, saya tidak pernah pun tengok itu orang perempuan Tamil kah, Hindu kah, orang India, pakai sari bekerja di kaunter dan kita tidak pernah tanya pun ataupun seorang Punjabi Sikh yang tidak dibenarkan bekerja di kaunter memakai serban. Kita tidak pernah persoalkan pun. Akan tetapi rupanya mungkin, memang ada dasar, yang tidak membenarkan orang-orang India Malaysia kita untuk memakai sari bekerja di kaunter. Mungkin. Semua dipaksakan untuk memakai skirt kah apa kah tetapi kita sebuah negara yang berbilang kaum, apa salahnya pakai satu uniform yang sama dibuatkan untuk sari, dibuatkan untuk serban dan mungkin tudung pun kita buat menampakkan logo hotel itu. Ini yang kita perlu lakukan.

2. **Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan terhadap lambakan kompleks membeli belah, kompleks komersial dan unit-unit kondominium mewah yang masih kosong dan tidak dapat dijual di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia, Negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, mengikut Laporan Bank Negara Malaysia iaitu dalam rujukan *BNM Quarterly Bulletin 2017*, dengan izin, hartanah residensi *or residential properties* yang masih tidak dijual adalah berjumlah 130,690 unit. Sebanyak 83 peratus daripada jumlah unit tersebut adalah berharga melebihi RM250,000 per unit. Hanya sebanyak 14 peratus daripada jumlah tersebut adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *I would like to repeat that, 14 percent* daripada jumlah tersebut adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala sebanyak 21 peratus adalah di negeri Selangor yang masih kosong dan tidak terjual.

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara rumusan kajian terhadap isu tersebut adalah terdapat kekurangan penawaran bagi unit-unit mampu milik. Oleh itu, dasar yang dipelopori oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam pembinaan rumah Wilayah Persekutuan adalah untuk menampung kehendak-kehendak rakyat yang sangat memerlukan kemudahan perumahan mampu milik.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang diperolehi, terdapat permohonan yang berjumlah 170,095 tetapi penawaran untuk rumah Wilayah Persekutuan ataupun RUMAWIP adalah hanya 44,064 unit sahaja. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan akan meneruskan usaha-usaha untuk menyediakan perumahan mampu milik ini kerana ia akan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamanya di Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih. Berkenaan projek mewah, larangan projek mewah yang dilakukan oleh Kabinet tempoh hari itu, adakah projek berkenaan 1MDB, Bandar Malaysia dan *Tun Razak Exchange* (TRX) ada tersenarai dalam larangan ini? Apakah kesan terhadap sektor hartanah di sekitar Lembah Klang kalau larangan ini diteruskan? Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kelulusan untuk TRX dan Bandar Malaysia sebenarnya kelulusan-kelulusan ini telah diberikan kepada mereka secara dasar. Kalau kelulusan-kelulusan yang awal telah diberi, kita tidak akan memberi satu kaedah di mana untuk menahan pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedang berbincang dengan pihak Bank Negara dan juga pihak JPPH untuk menyelesaikan apa yang disebut berkenaan dengan lambakan hartanah yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum sesuatu tindakan akan diambil. Untuk makluman Yang Berhormat, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini, kita akan meneliti dan melihat bagaimana yang kita dapat menyelesaikan masalah-masalah seperti apa yang telah tersebut dalam Laporan Bank Negara yang telah dikeluarkan itu. Terima kasih.

3. **Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah strategik yang sedang dirancang oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan impak kenaikan harga minyak yang memberikan kesan terhadap rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga jualan produk petroleum; petrol dan diesel di Malaysia adalah bersandarkan kepada trend harga minyak mentah di pasaran dunia dan kadar tukaran wang asing. Sebarang perubahan harga mentah dunia akan mempengaruhi harga produk petroleum yang ditetapkan oleh kerajaan yang diselaraskan secara mingguan bermula Mac 2017. Langkah ini telah berjaya mengurangkan ketirisan dan memastikan pemberian subsidi yang bersasar.

Dalam senario semasa, kerajaan masih memberi subsidi kepada sektor pengangkutan awam, nelayan dan gas memasak (LPG) serta pemberian BR1M bagi mengurangkan impak perubahan harga minyak dan kenaikan kos sara hidup kepada rakyat. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dan juga negara pengeluar minyak, perubahan kepada ekonomi dunia termasuklah ketidakstabilan ataupun *volatility*, dengan izin, harga minyak mentah menimbulkan cabaran kepada Malaysia.

Namun dalam persekitaran harga minyak yang lebih rendah, ekonomi negara masih mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6.2 peratus pada suku ketiga tahun ini. Pertumbuhan ini didorong oleh langkah-langkah kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung kepada mana-mana subsektor ataupun komoditi mahupun pasaran tertentu terutamanya hasil daripada minyak.

■1020

Sumbangan hasil minyak kepada jumlah hasil kerajaan telah pun menurun dari 40.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14 peratus pada tahun 2017. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan minyak dan pengurangan ini sebahagiannya diimbangi dengan kutipan hasil Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), peningkatan dan kecekapan dalam kutipan hasil yang seterusnya akan dikembalikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa mengikuti perkembangan ekonomi dunia termasuk perubahan harga minyak dari semasa ke semasa agar langkah penyesuaian dapat dilaksanakan mengikut keperluan dan bersasar. Hal ini bagi memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif terutama dalam menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Justeru, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan langkah-langkah yang bersesuaian sekiranya harga runcit produk RON95 dan diesel meningkat melebihi RM2.50 seliter secara berterusan selama tiga bulan. Ini bagi memastikan rakyat tidak terbeban akibat perubahan harga minyak dunia serta kadar inflasi yang lebih terkawal dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Antara lain yang telah kita sebut sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mempertimbangkan BR1M yang lebih bagi menangani isu kenaikan harga minyak melebihi RM2.50 seliter. Akan tetapi ini adalah salah satu daripada cadangan. Apabila nanti kita berdepan dengan masa keputusan yang perlu dibuat, kita akan memperincikannya dengan rakyat, apa sebenarnya intervensi daripada kerajaan dalam soal ini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk tidak melakukan sebarang pengumuman kenaikan atau penurunan harga minyak mingguan bagi mengelakkan spekulasi dan provokasi oleh pihak-pihak tertentu? Adakah sebarang tindakan undang-undang yang akan diambil oleh pihak kerajaan pada mana-mana pihak yang memutarbelitkan fakta dengan tujuan untuk menimbulkan rasa panik dan benci di kalangan rakyat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor ini baik. Sebenarnya saya pun pernah bercakap dalam Kabinet sama ada perlu atau tidak kerajaan secara rasmi mengumumkan perubahan harga setiap minggu sebab formula yang digunakan sudah pun diketahui ramai. Bermakna siapa yang ingin mengetahui harga minyak untuk minggu ini, kita akan tahu sebab formulanya sudah pun dikenal pasti dan telah diketahui oleh *public* terutama kawan-kawan kita yang berkenaan. Tidak perlu untuk kerajaan mengumumkan, tetapi saya serahkanlah kepada KPDNKK untuk membuat keputusan. Pada mereka, sama ada kita umum atau tidak umum agaknya perkara ini pun *is a public knowledge*.

Saya berpandangan kalau ada- contohnya Tuan Yang di-Pertua, tahun ini sahaja sejak kita mengapungkan harga, 21 minggu pengumuman harga naik, 21 minggu dengan totalnya 83 sen. Sebanyak 83 sen harga minyak naik dalam masa 21 kali kita umumkan. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga umumkan 13 minggu harga minyak turun. Keseluruhan penurunannya ialah 82 sen. Bermakna secara keseluruhannya, hanya satu sen sahaja kenaikan sejak kita apungkan ini secara mingguan.

Akan tetapi kalau kita dengar sebelah sana, bahawa kadangkala kalau harga-macam semalam kita mengumumkan lapan sen Tuan Yang di-Pertua, haram satu perkataan hendak memuji kerajaan atau apakah, tidak digunakan. Satu blok tidak ada cakap, kawan-kawan kita di sini di sebelah pembangkang tidak pun memuji usaha kerajaan.

Akan tetapi kalau harga naik, kita bersedialah dengan segala tohmahan dan fitnah yang dibuat. Oleh sebab itu kalau kita- tadi ada soalan sama ada kita perlu mengambil tindakan undang-undang. Saya beginilah, tindakan yang paling baik untuk mengajar mereka ini ialah apabila mereka mengundi Barisan Nasional nanti dalam pilihan raya, supaya mereka dapat memberikan undi kepada kerajaan yang lebih telus, yang terus terang dan jujur. Bukannya daripada pihak pembangkang yang sentiasa menggunakan isu ini untuk berpolitik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Saya lihat kesan harga minyak ini adalah berkaitan dengan indeks inflasi. Jadi oleh sebab itu, apabila mereka melihat kenaikan harga, ia juga melihat kos hidup mereka terkesan. Adakah *Economic Planning Unit* (EPU) membuat kajian tentang berapa peratus tekanan harga minyak ini kepada indeks inflasi?

Kedua, kerajaan boleh membuat *hedging techniques* supaya harga-harga ini tidak sampai ke peringkat yang melebihi daripada yang dijangkakan oleh mereka.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sekarang ini sudah BEBAS ini lain sikit Tan Sri. Akan tetapi apa pun, Yang Berhormat nampak ceria pagi ini, sudah kurus tidak pakai spek.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi penting. Memang kita akui bahawa kenaikan harga minyak memberikan tekanan kepada inflasi. Itu tidak boleh dinafikan. Kerajaan tidak membuat *hedging* secara *direct*, tetapi *complexity*-nya Yang Berhormat, contohnya apabila nanti kita berdepan dengan RM2.50, kita juga- katalah naik ke RM2.50, kita akan berdepan dengan satu dilema sama ada kita tambah BR1M dan ini akan mengurangkan kos sara hidup. Akan tetapi kita tidak dapat kawal inflasi kerana harga akan naik. Harga akan naik ke RM2.50 tetapi kita hanya bagi BR1M, contoh. Apabila kita bagi BR1M, harga naik, barang-barang lain akan naik. So, inflasi akan naik. So itu satu, tetapi kita bagi BR1M.

Keduanya, kita akan kawal harga *cap* RM2.50. Itu akan mengurangkan tekanan kepada inflasi kerana kita *cap* harga. Akan tetapi pada masa yang sama, kita berdepan dengan dilema *rating agency* akan kata kita *interfere* balik dalam pengurusan harga minyak ini. Selama ini kita telah begitu berdisiplin dalam mengikuti formula ini, tetapi *all of a sudden* sekarang ini kita akan intervensi. Jadi apabila ada intervensi, kita akan mendapat kekangan daripada *rating agency*. Jadi, kerajaan terpaksa berhati-hati dalam keadaan ini.

Akan tetapi yang penting, ada intervensi. Apabila ada intervensi, maka apa yang berlaku ialah kita kena lihat sama ada kita hendak tengok inflasi ataupun *rating agency*. Akan tetapi yakin dan percayalah apabila kita sampai pada RM2.50 nanti, kerajaan akan bertindak untuk melindungi kepentingan rakyat secara keseluruhannya. Itu janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan apabila kita sampai pada tahap itu, *insya-Allah*, kerajaan akan membuat tindakan yang sesuai.

Saya bersetuju tadi CPI apabila harga minyak, sektor pengangkutan yang paling terkesan Tuan Yang di-Pertua. So, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tentang isu minyak tadi dan saya akan bawa pandangan tentang *hedging* tadi antara lain kepada perhatian Kabinet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan, peratus eksport Malaysia ke luar negara masih bergantung kepada barang-barang asas seperti minyak dan gas, getah, minyak sawit dan barang-barang elektronik. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan eksport yang mempunyai *value added* yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Prestasi perdagangan Malaysia 2016 di mana jumlah perdagangan sebanyak RM1.49 trilion dengan eksport RM785.9 bilion, import RM698.6 bilion merekodkan imbalan perdagangan yang positif RM88.15 bilion bagi tahun kesembilan belas berturut-turut. Bagi Januari hingga Ogos 2017, jumlah peratusan eksport bagi produk minyak dan gas, getah, minyak sawit dan barang-barang elektronik adalah sebanyak 60.1 peratus atau RM370.84 bilion. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 26.1 peratus berbanding RM294.12 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 2016.

■1030

Ini jelas menunjukkan bahawa eksport negara mempunyai potensi yang tinggi bagi memperkasakan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pengeluaran barangan bernilai tambah tinggi adalah penting bagi memperkukuhkan pembangunan dan daya saing industri di peringkat global. Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 telah melaksanakan pelbagai program berinisiatif bagi menggerakkan sektor pembuatan Malaysia ke arah rangkaian nilai yang lebih tinggi. Antara strategi adalah supaya sektor pembuatan beralih kepada pengeluaran produk bernilai tinggi, lebih kompleks dan pelbagai.

Sebagai permulaan, kerajaan telah mengenal pasti tiga subsektor iaitu *electrical* dan *electronic*, *machine* dan peralatan MNE serta kimia dan dua industri yang mempunyai potensi iaitu industri aeroangkasa dan peranti perubatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 juga, Program Permohonan Produk Bernilai Tambah yang tinggi dan kompleks merupakan program bagi mengenal pasti projek-projek yang berpotensi untuk mengeluarkan produk berkaitan. Antara produk yang berkaitan termasuklah implan perubatan menggunakan teknologi *3D printing*, peralatan komposit untuk industri aeroangkasa dan penggunaan teknologi nano dalam barangan harian.

Bagi meningkatkan daya saing pengeksport, beberapa program khusus telah disediakan oleh MATRADE. Pertama, Program Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC), setakat ini melibatkan 175 buah syarikat. Di mana MATRADE memberikan tumpuan kepada program membangunkan syarikat pertengahan menjadi juara serantau dan global. Peruntukan dalam bentuk pembiayaan berjumlah RM7.51 juta yang menghasilkan jualan sebanyak RM643.15 juta.

Kedua, Program *Going Export- Go-Ex Programme*, dengan izin, menyasarkan pengeksport kali pertama atau pengeksport sedia ada untuk meneroka produk atau pasaran baru. Setakat ini melibatkan 87 buah syarikat dengan dana RM9.98 juta dan hasil jualan RM79.58 juta.

Ketiga, e-dagang ataupun *e-trade* merupakan sebuah program untuk membantu 25,000 PKS ke peringkat pasaran global melalui promosi secara *online*.

Keempat, Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) disediakan untuk meningkatkan keupayaan syarikat perkhidmatan Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran bantuan dalam bentuk geran dan *soft loans*. Bantuan maksimum peruntukan di bawah SEF sehingga RM5 juta bagi setiap syarikat.

Kelima, *Large Corporation-SME Partnership Programme*, dengan izin, program kolaborasi antara syarikat besar dan PKS bertujuan mewujudkan lebih banyak penyedia perkhidmatan PKS Malaysia yang berkemampuan untuk mengeksport menerusi penyertaan dalam projek-projek bertaraf antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dalam menggalakkan pembangunan sektor industri domestik, apakah sektor yang strategik yang akan diperuntukkan oleh kerajaan untuk menggalakkan sektor ini? Apakah Revolusi Industri 4.0 ini dapat dimanfaatkan selari dengan hasrat kerajaan untuk mengeksport lebih banyak lagi barang-barang yang *value-added* yang tinggi dan dengan sendirinya pergantungan kepada buruh asing akan terus berkurangan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Jika kita melihat sektor yang ada, yang pertama ialah sektor perkilangan. Sektor perkilangan ini 82.1 peratus daripada eksport.

Kedua ialah sektor pertanian - 8.9 peratus daripada keseluruhan eksport.

Ketiga, sektor galian - 8.3 peratus. Pertanian - 8.9 peratus dan lain-lain - 0.7 peratus.

Ini empat sektor utama tentang eksport. Daripada sektor perkilangan itu, yang kita lihat pada saat ketika ini ialah *electrical* dan *electronic* yang paling besar sekali iaitu 36.6 peratus; kimia - 7.5 peratus; petroleum - 6.9 peratus; jentera - 4.8 peratus; dan logam - 4.2 peratus. Kemudian sawit - 6.1 peratus; gas asli - 4.2 peratus; dan *petroleum crude palm oil* - 2.8 peratus.

Yang Berhormat Rompin, kita akan meneruskan sektor-sektor ini. Akan tetapi dalam Majlis Eksport Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, kita menumpukan 12 sektor utama yang sebahagiannya saya sudah sebut tadi. Majlis Eksport Negara ini bersidang empat kali setahun, melibatkan lapan kementerian, termasuklah *electrical*, *electronic*, *machine*, kelengkapan, petrokimia, automotif dan komponen, peranti perubatan, minyak sawit, perniagaan agro serta sektor perkhidmatan, pelancongan, pelancongan perubatan, perkhidmatan pembinaan, ICT dan pendidikan. Itu 12 sektor utama yang ditumpukan.

Mengenai Revolusi Industri 4.0, ia juga adalah merupakan fokus utama kementerian pada saat dan ketika ini, supaya kita tidak ketinggalan. Industri 4.0 ini melibatkan *smart home*, *smart offices*, *smart logistics*, *smart factories* yang melibatkan *cloud computing*, *robotics*, semua tentang perkara-perkara seumpama itu. Kita akan meneruskan dengan segala perkara yang melibatkan Revolusi Industri 4.0 untuk tidak ketinggalan. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan pihak MITI ada menganjurkan *Export Excellent Awards*.

Saya ingin bertanya, adakah penganjuran ini masih diteruskan? Apakah insentif untuk pemenang *awards* ini? Bagaimana dengan pengeksport yang berjaya untuk menambahkan nilai eksportnya secara tahunan, apakah insentif secara *tax* untuk tambahan eksport yang mereka capai?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Setakat ini, yang kita adakan ialah Enterprise 50 (E50) Awards. Ia merupakan satu usaha kerajaan untuk mengiktiraf syarikat-syarikat, terutama PKS. Di antara perkara komponen utama dalam pemilihan 50 buah syarikat utama setiap tahun itu ialah keupayaan mereka untuk mengeksport selain daripada kriteria-kriteria yang lain. Baru-baru ini, pada minggu sudah sebenarnya, saya terlibat hadir untuk melancarkan *Enterprise 50 (E50) Awards* itu yang kita adakan setiap tahun. Hadiahnya adalah merupakan hanya pengiktirafan, tidak ada hadiah-hadiah wang ringgit dan lain-lain.

Akan tetapi ia adalah merupakan satu yang ditunggu-tunggu oleh para pengeksport saban tahun. Mengenai *Export Excellence Awards* ini kita akan lihat nanti. Sebenarnya, banyak perkara-perkara yang kita berikan kepada syarikat, termasuklah Bumiputera untuk mereka menambahkan dan mengupayakan mereka dalam pengeksportan barangan ke luar negara. Jadi, selain daripada lima program yang saya sebutkan tadi ada lagi program-program sampingan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sebagai sekadar maklumat, alang-alang kita sudah bercerita tentang eksport ini. Sedikit sahaja lagi iaitu di manakah destinasi eksport kita ini?

Kalau ingin saya menyebut dengan cepat 10 negara, daripada nombor satu sehingga nombor sepuluh destinasi eksport utama. Nombor 1 – Singapura; nombor 2 – China; nombor 3 - Amerika Syarikat; nombor 4 – Jepun; nombor 5 – Thailand; nombor 6 - Hong Kong; nombor 7 – India; nombor 8 – Indonesia; nombor 9 – Australia; dan nombor 10 - Vietnam. Itu adalah 10 buah negara utama barang-barang eksport kita, yang kita hantar ke luar negara. Terima kasih.

2. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sektor yang boleh dibenarkan pekerja asing bekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Langat. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada Persatuan Majlis Perhimpunan Bekas Pemimpin Pelajar Ehsan di Pahang dan Persatuan Mediator Komuniti Malaysia daripada Maran.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman awal, kita mempunyai penduduk bekerja lebih kurang 14.3 juta dan kadar pengangguran negara kita lebih kurang 3.4 peratus sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kita kira masih memerlukan tenaga kerja asing. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Langat, pekerja asing hanya dibenarkan untuk bekerja di sektor-sektor seperti sektor perkilangan, perladangan, pertanian, pembinaan, perlombongan dan kuari, dan sektor perkhidmatan yang meliputi hanya untuk sub sektor seperti spa, urut kaki, pusat peranginan, hotel, *back of the house* bukan *frontliner*, kedi, pembantu taman tema haiwan, restoran, tukang masak, pencucian dan pembersihan, kargo, pelabuhan dan juga lapangan terbang.

Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat ini terdapat seramai 1,728,853 pekerja asing di negara kita. Manakala sektor-sektor yang dibenarkan pengambilan pekerja asing seperti mana yang saya sebutkan tadi ialah sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan pertanian dan pembantu rumah asing di mana sektor perkilangan, kita mempunyai 632,977 pekerja asing. Pembinaan mempunyai 318,736 orang, perladangan mempunyai 253,885. Perkhidmatan mempunyai 239,493 orang, pertanian mempunyai 156,703 orang dan pembantu rumah asing ialah 127,059 orang dan jumlahnya Tuan Yang di-Pertua ialah 1,728,853 orang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pekerjaan asing yang berjumlah 1.7 juta. Dalam masa yang sama, kita juga dimaklumkan 508,700 pengangguran yang berlaku dalam negara. Melihat daripada aktiviti yang dipergunakan oleh Kementerian Sumber Manusia, dia agak mengelirukan disebabkan oleh banyak pertindihan daripada kementerian-kementerian yang lain. Sebagai contoh, melihat kepada pekerjaan asing dalam TVET kemahiran adalah seramai 153,523 orang dan dalam masa yang sama Kementerian Dalam Negeri telah membuka ruang luas sedangkan Kementerian Sumber Manusia cuba meminimumkan tetapi Kementerian Dalam Negeri membuka lebar luas pekerja asing.

Sebagai contoh, Yang Berhormat Timbalan Menteri melaporkan mengatakan bahawa dia memberikan cadangan 100 peratus kepada pekerja asing dalam pembuatan. Ini sebenarnya tidak selari dengan dasar dan kerangka yang kerajaan dilihat sebagai untuk memastikan 508,700 orang ini dapat pekerjaan untuk ditukar ganti kepada pekerja asing.

Soalan saya ialah, apakah langkah kementerian untuk mengawal dasar yang kerap berubah mengikut selera kementerian yang lain? Di samping memastikan Kementerian Sumber Manusia mendapat *target* untuk memastikan pengangguran 508,700 orang itu dapat diselesaikan dengan kadar segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup budiman pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar itu, saya cuma budiman pada hari ini. Di lain-lain hari, saya tidak budiman. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup menawan [*Ketawa*] Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Langat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di samping 1.7 juta pekerja asing tadi, kita ada lebih kurang 153,523 orang ekspatriat ataupun pegawai dagang yang mempunyai gaji yang agak besarlah ke atas dan lebih kurang 51 buah negara yang membekalkan ekspatriat ini. Saya sebenarnya kalau kita lihat di awal dahulu, banyak tanggapan mengatakan bahawa negara kita ini dipenuhi oleh pekerja asing sehingga hampir 3 juta, 5 juta sebagainya dan ada menyatakan satu ketika mungkin 7 juta.

Sebenarnya usaha dibuat oleh kerajaan bagi mengurangkan pekerja asing ini. Bagi saya, saya ingat tidak ada pertindihan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita ada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi- *High-Level Committee* yang mengendalikan tentang isu-isu pekerja asing dan juga pendatang tanpa izin dari luar negara ini yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri yang dianggotai oleh pelbagai kementerian yang lain termasuklah Kementerian Sumber Manusia.

Kalau kita lihat hari ini daripada beberapa juta dahulu, sebelum ini lebih kurang dua juta lebih. Hari ini usaha dibuat oleh *High-Level Committee* ini ataupun *enforcement* di dalam negara kita dengan mengurangkan pekerja asing sehingga 1.7 juta hari ini. Ia menunjukkan bahawa usaha mengurangkan pekerja asing ini diteruskan oleh kerajaan termasuklah oleh Kementerian Sumber Manusia.

Banyak lagilah usaha dibuat oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua termasuklah kita meningkatkan kemahiran kepada pekerja-pekerja di negara kita ini. Baru-baru ini Perdana Menteri telah melancarkan TVET ataupun penjenamaan semula TVET Malaysia yang dianggotai oleh tujuh kementerian yang secara serius akan melihat bagaimana kita boleh mengisi peluang-peluang yang diisi oleh pekerja asing termasuklah ekspatriat ini diisi oleh pekerja tempatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa menggunakan kuasanya dengan bijaksana. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Bukan hari ini sahaja, harap hari yang akan datang pun sama. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kadar pengangguran kita agak membimbangkan, malah *census* yang terkini seperti mana yang diketahui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan izin, *youth unemployment is in the rise*. Berlaku peningkatan di kalangan orang muda yang tidak bekerja.

Disebut tadi ialah ada diwujudkan jawatankuasa peringkat tertinggi atau *High-Level Committee*, adakah Jawatankuasa Peringkat Tertinggi ini ada membincangkan galakan-galakan kepada majikan untuk menggantikan pekerja-pekerja asing ini dengan kita punya pekerja tempatan agar kadar pengangguran itu dapat dikurangkan? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu ya? Eh Bukit Katil, minta maaf. Yang Berhormat Tangga Batu belakang saya [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kadar pengangguran negara kita 3.4 peratus dan mengikut *International Level Organization* (ILO), dengan izin, kadar empat peratus ke bawah adalah kadar guna tenaga yang penuh bagi negara dia. Kalau empat peratus ke atas ialah negara yang penuh dengan pengangguran. Oleh sebab itulah dalam pengangguran ini Yang Berhormat Bukit Katil, kita ada dua keadaan. Pertama ialah pengangguran kerana pilihan, kerana sebab-sebab tertentu seperti pembubaran syarikat dan sebagainya. Kedua, kerana sebahagian daripada kita pilihan. Maknanya mereka hendak meningkatkan karier, menyambung pelajaran dan sebagainya.

Jadi saya tidak boleh katakan bahawa 3.4 peratus ini terlalu membimbangkan kita kerana dia *fluctuate*, dia turun naik dan ini tertakluk kepada peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh negara kita. Berhubung dengan jawatankuasa, *High-Level Committee* ini ialah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pekerja asing dan pendatang tanpa izin.

Boleh kata khusus tentang itu termasuklah daripada segi pengambilannya, daripada segi masalah keselamatan, masalah *enforcement* dan sebagainya dalam usaha juga mengurangkan kadar pekerja asing negara kita. Kita ada lagi jawatankuasa lain yang terlibat dengan peningkatan kemahiran pekerja negara kita.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita ada lebih kurang 153,000 ekspatriat ataupun pegawai dagang. TVET ini, jawatankuasa TVET iaitu TVET yang dijenamakan semula ini dan kita ada Majlis Kemahiran Kebangsaan yang jawatankuasa-jawatankuasa ini yang terdiri daripada pelbagai kementerian berusaha meningkatkan kadar kemahiran pekerja negara kita supaya mana-mana ruang yang ada yang dimiliki, diisi oleh pekerja asing akan kita isi dengan pekerja tempatan dan kerana sebahagian besar daripada pekerja asing biasanya mereka bekerja dalam sektor 3D yang biasa kita kenal pasti iaitu sektor yang *dangerous*, *dirty* dan juga *difficult* atau yang susah seperti pembinaan, perlombongan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bukit Katil, saya yakin bahawa usaha yang dibuat oleh kerajaan hari ini cukup serius bagi memastikan supaya pengisian pekerja-pekerja terutamanya pekerja mahir akan diisi oleh warganegara tempatan kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Isu penting. Saya benarkan lagi satu soalan tambahan. Yang Berhormat Sik.

■1050

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mulia, bagi saya soalan. Salah satu masalah pekerja ini tiba-tiba sahaja kilang ataupun tempat mereka bekerja itu ditutup ataupun diberhentikan ataupun mereka mendapat *short notice*. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kementerian menangani masalah ini, masalah kilang yang memberhentikan dengan tiba-tiba ataupun memberi *short notice* kepada pekerja-pekerjanya? Apakah bentuk perlindungan dan juga pampasan yang boleh dituntut dan juga diterima oleh pekerja-pekerja ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih daripada Yang Berhormat Sik, Kedah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan serius dalam menangani dan juga mempertahankan nasib pekerja tempatan. Bahkan kita juga tidak boleh berbeza ataupun ada diskriminasi antara pekerja tempatan dan juga pekerja asing. Termasuklah soalan yang dikemukakan oleh pelancongan tentang bertudung di hotel di sebagainya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perlindungan asas yang diberikan kepada pekerja terutamanya pekerja yang telah diberhentikan secara tiba-tiba dan sebagainya. Antaranya majikan hendaklah memberikan tempoh notis atau membayar gaji ganti notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah seksyen 12(2) Akta Kerja.

Majikan juga diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980 termasuklah 10 hari gaji bagi setiap tahun pengajian bagi mereka yang kurang dua tahun, 15 hari gaji bagi mereka yang bekerja dua tahun hingga lima tahun dan 20 hari gaji bagi setiap tahun pengajian mereka yang bekerja lebih lima tahun.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] seksyen 60M memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil seseorang pekerja asing. Maknanya kita akan bela. Kalau ada pemberhentian pun mesti berhentikan pekerja asing dahulu sebelum pekerja tempatan.

Di bawah akta yang sama menurut seksyen 60M, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerja oleh sebab lain-lain pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan sama ditamatkan terlebih dahulu.

Kegagalan majikan untuk mematuhi peraturan undang-undang yang ada dan melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukan akta, apabila disabitkan denda tidak lebih RM10,000 akan dikenakan. Mana-mana pekerja sama ada pekerja tempatan atau asing yang terlibat dengan pemberhentian boleh mengemukakan tuntutan bagi faedah-faedah kewangan yang dinafikan oleh majikan melalui tuntutan kes di Mahkamah Buruh di bawah Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Pekerja-pekerja yang terlibat boleh mengemukakan tuntutan di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

Jadi Yang Berhormat Sik usah bimbang kalau ada kes-kes seperti ini berlaku, diberhentikan maka pekerja-pekerja boleh membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Banyak lagilah pendekatan lain. Kita menyokong bagaimana kita hendak menggalakkan pekerja ini termasuklah gaji minimum dan TVET seperti mana yang dan sebutkan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

3. Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah berjaya ditahan di dalam kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) pada tahun ini; dan
- (b) adakah terdapat sebarang perancangan oleh kerajaan untuk meluaskan kawasan kawalan ESSCOM sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di negeri Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:
Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi.

*Minyak turun waktu berjaga;
Saya jawab soalan nombor tiga.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengisytiharan kawasan ESSZONE pada dasarnya adalah bagi mengekang pencerobohan bersenjata di Pantai Timur Sabah. Tanggungjawab ini diperluaskan untuk mengekang jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dan juga penculikan.

Secara tidak langsung tindakan ini telah membantu dalam mengurangkan aktiviti pencerobohan pendaratan pendatang asing tanpa izin ke Sabah. ESSCOM sentiasa prihatin kepada isu lambakan pendatang asing di Sabah. Dengan itu, pendekatan yang diambil oleh ESSCOM bagi menangani isu ini adalah dengan melaksanakan kerjasama dengan semua agensi keselamatan dan penguatkuasaan.

Agensi-agensi yang terlibat terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (*Coast Guard*), Jabatan Imigresen Negeri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kastam Negeri Sabah dan lain-lain agensi penguatkuasaan.

ESSCOM dengan agensi yang terlibat sentiasa melaksanakan pelbagai operasi dan pemantauan secara berterusan di perairan Pantai Timur Sabah termasuk sepuluh daerah kawalan ESSCOM bagi membendung kemasukan PATI di Sabah. Antara operasi yang sering kali dijalankan adalah Operasi Bersepadu dan juga Operasi Gabungan Semua Agensi Kerajaan ataupun GASAK. Operasi ini mengguna pakai konsep Strategi Lautan Biru (N-BOS) yang menggabungkan pelbagai agensi di dalam satu operasi. Konsep tiada hari tanpa operasi adalah diguna pakai oleh ESSCOM sehingga ke hari ini.

Operasi GASAK merupakan operasi yang fokus kepada sesuatu isu berdasarkan maklumat risikan. Pada tahun ini Operasi GASAK tidak dilaksanakan kerana tidak terdapat maklumat yang memerlukan operasi itu disegerakan.

Rentetan daripada tindakan-tindakan ini, ESSCOM telah berjaya menangkap sebanyak 1,156 orang pesalah yang terdiri daripada warga tempatan dan pendatang tanpa izin sejak bulan Januari sehingga bulan September 2017 melalui Operasi Bersepadu.

Operasi Bersepadu merupakan operasi harian yang diadakan tanpa waktu khusus melibatkan pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, APMM, Jabatan Imigresen Negeri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kastam, Majlis Kerajaan Tempatan, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pelabuhan Dermaga Sabah, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Jabatan Perikanan Negeri Sabah dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Pesalah bagi kesalahan-kesalahan terbabit ditangkap kerana telah melanggar kesalahan pelbagai akta jabatan berkaitan. Buat masa ini masih tiada sebarang perancangan oleh kerajaan untuk meluaskan kawasan kawalan ESSCOM sebagai langkah untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah sebab apabila wujud ESSCOM ini kita lihat untuk membanteras PATI ini sudah berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, saya tanya Yang Berhormat Menteri satu soalan. Adakah pihak ESSCOM bercadang untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen Sabah dan wakil penduduk setempat bagi mengenal pasti untuk membanteras isu status anak pendatang tanpa izin.

Oleh sebab pengalaman saya di kawasan, ramai anak pendatang tanpa izin ini berkeliaran di sana sini. Jadi kita pun risau kerana anak-anak ini kalau dihantar ke negara asal mungkin mereka sudah tidak tahu keadaan di situ. Jadi ia berada di negeri Sabah. Sudah tentu apabila mereka dewasa, dia akan mendatangkan lagi satu masalah kepada penduduk negeri Sabah. Jadi saya tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kerajaan memang mengambil pendekatan seperti Yang Berhormat sebutkan. ESSCOM akan terus bekerjasama dengan semua jabatan terutamanya Jabatan Imigresen. Berhubung dengan kehadiran orang tempatan, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa RELA menyertai pasukan keselamatan yang terdiri daripada orang tempatan. Dalam masa yang sama TPM juga mengumumkan bahawa akan diikuti nanti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Jadi mereka ini terdiri daripada orang tempatan yang sudah pasti dapat memberi maklumat berhubung dengan orang asing dan juga anak-anak orang asing. Jadi tindakan yang berterusan akan dilaksanakan.

■1100

Saya berharap dengan kehadiran orang tempatan untuk memberi maklumat berhubung dengan keselamatan ini ia akan dapat mengurangkan lebih banyak lain-lain kes jenayah di kawasan ESSZONE terima kasih.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri satu perompakan yang berlaku kelmarin pagi pukul tiga lebih di perairan laut dari Kuching ke Pasir Gudang. *Company* ini syarikat Pengangkutan Kekal Sdn. Berhad dari Sandakan ini sudah kali ketiga dia punya *oil vessel* yang telah dirompak di air. Dua kali di perairan di Bintulu, di Miri. Ini hari ada jauh sedikit lah.

Akan tetapi pada masa pemilik ini mahu melabuh satu keadaan begitu. Mula-mula dia telefon ini Kuching APMM di sana, APMM bilang ini jauh, sudah di perairan di Johor. Suruh dia *refer* mahu kasi berlabuh di Johor. Pada masa Miri *called* Johor, Johor bilang ini *has to refer to* Putrajaya. Jadi, suruh ini pemilik *call* Putrajaya. Jadi ini satu masalah, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri bagaimana kamu punya SOP keadaan yang begitu susah yang rakyat ini mahu kasi satu laporan pun susah.

Keduanya, saya mahu tanya juga sebelum ini *vessel* belayar sudah memaklumi APMM bagaimana dia punya perjalanan, *how to go*. *Vessel* ini pun ada pasang ini AIS. Akan tetapi macam ketiga-tiga kali ia berlaku, macam APMM tidak memantau, langsung tidak ada keselamatan yang dijaga.

Sini saya pun mahu tanya, kalau sudah ada melapor satu keadaan begitu, adakah APMM mengambil perhatian menjaga keselamatan ini *on route of this* tongkang kah, *vessel* kah?

Ini satu *vessel palm oil* yang sedia ada 3,700 tan yang *value RM18 million*, kedua-dua kali itu, satu *RM14 million* dan satu *RM12 million*. *All these* terang-terang dirompak. Jadi saya mahu tanya bagaimana Yang Berhormat Menteri ini satu keadaan boleh dijaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat boleh bagi maklum bertulis ataupun berjumpa dengan saya kerana kes ini di luar kawasan ESSZONE - ESSCOM. Yang Berhormat bertanya pasal APMM jadi saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormat setelah Yang Berhormat menghantar perkara bertulis.

Yang Berhormat menyebut bahawa APMM susah untuk dihubungi tetapi orang lain cakup pada saya, senang dihubungi. Jadi Yang Berhormat sebut itu sila maklum secara khusus. Contohnya di Pantai Timur sekarang ini hasil gerakan yang kita buat termasuk juga membanteras rasuah kita telah berjaya mengurangkan kehadiran bot asing di kawasan Kelantan-Terengganu.

Jadi orang bagi tahu kepada saya bahawa senang dihubungi. Jadi Yang Berhormat kata susah. Kalau kerana kes itu susah, Yang Berhormat kena maklum secara khusus untuk membolehkan saya bagi jawapan. Untuk hari ini kita akan jawab semua berhubung dengan ESSCOM. Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ESSCOM atau ESSZONE pada 21 Mac 2016 tahun lepas, Timbalan Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua telah mengumumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah mendapat maklumat bahawa dalam setiap ADUN di Sabah adanya Komander Sulu. Apakah sudah dilaksanakan oleh ESSCOM? Adakah Komander-komander Sulu ini sudah ditangkap? Oleh sebab dalam keratan akhbar Timbalan Perdana Menteri beliau telah mengatakan bahawa mereka sudah kenali siapakah Komander Sulu ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua ini adalah soalan yang khusus dan saya kena jawab secara bertulis. Yang akan jawab ini Kementerian Dalam Negeri lah seba ini yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat tanya pasal kes penculikan, tahun sudah kita ada 10 buah kes penculikan. Akan tetapi tahun ini, kosong. Jadi bukanlah kita berdoa semoga sebulan lebih ini kalau-kalau ada kes penculikan. Akan tetapi semua ini berlaku kerana operasi yang telah saya sebutkan tadi membolehkan kita mengurangkan kes jenayah dan juga penculikan. Yang Berhormat kita akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

4. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana gejala ateis berkembang dalam negara ini dan langkah menyeluruh kerajaan bagi menyekat perkembangan kumpulan seperti '*Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur*'.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, menurut *Oxford Dictionaries*, '*atheist*' adalah merujuk kepada ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan Tuhan. Berhubung isu ateis yang tular di media sosial dan di dada-dada akhbar baru-baru ini, kerajaan menyedari dan berpandangan bahawa ideologi ini bercanggah dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan dan perlu disekat daripada menyerang akidah umat Islam.

Kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah yang serius dalam membendung dan menangani isu-isu yang bertentangan dengan akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* demi kesejahteraan rakyat negara dan negara Malaysia. Hal ini kesalahan berkaitan dengan akidah dan kesucian agama Islam telah diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri dan ini selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri JAIN dan MAIN dan agensi-agensi lain seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan. Manakala penyelarasan maklumat dan tindakan diselaraskan melalui Mesyuarat Pemandu Mengenai Ancaman Akidah Peringkat Kebangsaan (JAPAS). Sekian, terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya sebenarnya ingin makna langkah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri agak umum. Kita tahu bahawa yang diuar-uarkan itu kebanyakan yang terlibat kita dapat melihat adalah muka-muka Melayu dan orang-orang muda. Kehadiran mereka dalam masyarakat ini sangat menggusarkan dan menyebabkan masyarakat merasakan sebagai satu ancaman kepada anak muda kita. Jadi kita semua tahu tadi Yang Berhormat menyatakannya adalah bertentangan dengan Rukun Negara juga bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

Mereka ini bukan sahaja setakat tidak mempercayai adanya Tuhan, tetapi tindakan mereka agak agresif bila di dalam *Facebook social media* mereka menyerang agama-agama lain seperti juga menyerang agama Islam. Jadi setakat sekarang ini saya hendak tahu adakah sebarang tindakan yang khusus yang spesifik kepada golongan ini dan berapa orang yang telah diambil tindakan dan sebagainya? Seterusnya membendungnya itu, bagaimana yang akan diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat seperti Yang Berhormat sedia maklum dan menyebut tadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mereka bergerak melalui media sosial khususnya *Facebook*.

Di pihak JAKIM telah bekerjasama dengan SKMM untuk membuat laporan kepada pihak *Facebook*. Malangnya pihak *Facebook* mengatakan menjawab maklum balas bahawa ia tidak bertentangan dengan apa-apa polisi yang dibuat oleh mereka. Kalau SKMM hendak mengambil tindakan dia tidak boleh mengambil tindakan dengan menyekat satu-satu *Facebook* milik peribadi. Kalau kita hendak menyekat itu, dia akan menyekat secara keseluruhan *Facebook* itu. Kita tidak mendapati setakat ini mereka menggunakan pendekatan secara terbuka.

■1110

Berhubung dengan perkara yang kedua saya bersetuju bahawa ideologi *atheist* ini amat berbahaya kerana ia juga bukan hanya menyebarkan pemahaman mereka kepada orang Islam tetapi juga kepada bukan Islam. Di dalam Perlembagaan kita ada dua peruntukan penting yang kita harus semua fahami.

Pertama di dalam Perlembagaan untuk orang Islam dalam konteks agama Islam dipelihara dan dijaga melalui Perkara 11(1) yang harus dibaca dengan (4) yang mengatakan bahawa kebebasan agama di negara kita ini terikat kepada Perkara 11(4) iaitu menyatakan sebarang bentuk penyebaran agama, kepercayaan, doktrin di kalangan orang Islam itu adalah ditegah dan kerajaan boleh mengadakan apa juga peruntukan undang-undang untuk menyekat pemahaman ataupun penyebaran doktrin-doktrin yang dirasakan boleh mengganggu-gugat kesucian agama Islam itu sendiri.

Itu untuk orang Islam bagi bukan Islam sebenarnya seperti yang kita semua sedia maklum ia bercanggah juga dengan undang-undang yang berkaitan dengan ketenteraman awam dan kemoralan bahkan kita sudah ada Akta Hasutan umpamanya yang sekiranya ada pihak-pihak yang cuba untuk menyebarkan ideologi-ideologi doktrin seperti mana *Atheist* ini yang cuba untuk menyangkal kesucian agama-agama lain. Ia boleh diambil di bawah Akta Hasutan ini.

Kita harus faham bahawa dalam konteks Malaysia, Perlembagaan kita menyatakan kita bahawa kebebasan agama itu bukan bermakna kebebasan untuk tidak beragama kerana *it is unconstitutional*, dengan izin, untuk mengatakan bahawa kita boleh menyebarkan pemahaman tidak beragama di dalam konteks negara ini sebab *freedom of religion is not freedom from religion*.

Bermakna kita tidak boleh dengan izin, *incite people to leave religion or promote to no religion*. Kita tidak boleh mengarahkan ataupun mempromosikan supaya satu fahaman yang bertentangan dengan Perlembagaan untuk kita tidak beragama seperti mana yang saya jawab tadi dalam konteks Rukun Negara kita tidak boleh bertentangan dengan prinsip Kepercayaan kepada Tuhan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Gerakan ke arah *Atheist* bermula dengan Islam liberal, *free thinker* dan *Atheist* dengan menyebabkan mungkin ada cucu orang ternama sudah tidur dengan anjing dan salah tafsiran tentang ayat, dengan izin... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang dibaca oleh pemimpin negara dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa orang Islam juga boleh menukar agama. Itu yang menyebabkan bahawa program atau proses ke arah *Atheist* itu berlaku.

Yang Berhormat, pada 2 Ogos mereka ini cukup berani memaparkan gambar perjumpaan mereka dalam *Facebook*- dukacita dengan Yang Berhormat Kota Raja - anak-anak Melayu. Jadi saya hendak bertanya apakah gerakan-gerakan yang tersusun, program yang tersusun dan kemas, terutama di kalangan orang-orang Islam untuk menghalang, menyekat dan memahamkan umat Islam tentang bahaya Islam liberal, bahaya *free thinker* dan bahaya *Atheist* ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih, Yang Berhormat Pendang. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan Dasar *Wasatiyyah* Negara yang hari ini diimplementasikan dan dilaksanakan di semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi. Apa makna *wasatiyyah* ini? Saya telah berulang kali menyebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Wasatiyyah dalam konteks negara kita bukannya dalam kerangka kesederhanaan ataupun tidak mempunyai apa-apa pendirian sama ada ke kanan atau ke kiri. Akan tetapi yang paling penting *wasatiyyah* dia tidak merelakan sama ada dua bentuk ekstremisme.

Pertama radikal ekstremisme dan yang kedua liberal ekstremisme. Apa Yang Berhormat Pendang sebutkan tadi adalah terkait dengan konsep liberal ekstremisme yang mana kita tidak mahu kesucian agama Islam dalam konteks negara kita difaham di luar kerangka akidah *Ahli Sunah Wal Jamaah* dan di luar kerangka *manhaj wasatiyyah* ini.

Oleh sebab itulah kita harus pertahankan prinsip ini dan di peringkat kerajaan melalui JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan pelbagai agensi-agensi lain kita bekerjasama supaya pemahaman dan prinsip *wasatiyyah* ini difahami dengan tuntas.

Oleh sebab itulah apa juga bentuk provokasi yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang kononnya atas nama Islam mengikut kerangka pemikiran mereka yang menyeleweng dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran mengikut fahaman mereka secara *literalist* seperti yang disebutkan tadi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Tidak ada paksaan dalam agama.

Ini harus difahami dengan konteks yang jelas. Apa yang dimaksudkan dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Tidak ada paksaan agama adalah untuk memaksa orang lain menerima agama Islam dan itu dipertahankan dalam konteks Malaysia. Kita tidak pernah memaksakan Islam itu kepada orang-orang bukan Islam. Mereka bebas untuk mengamalkan agama masing-masing seperti mana yang termaktub di dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan, Islam Agama Persekutuan dan agama-agama lain bebas untuk diamalkan.

Akan tetapi bagi orang Islam yang memeluk agama Islam mereka terikat dengan hukum, mereka terikat dengan peraturan. Ini... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Itu tidak bermaksud maknanya mereka tidak bebas untuk melakukan apa-apa sehingga menyeleweng pemahaman Islam itu sendiri, ini tidak betul seperti analoginya kalau kita masuk satu-satu persatuan kita tidak boleh memaksa orang masuk dalam satu-satu persatuan tetapi bila dia bersetuju untuk masuk dalam persatuan dia perlu ikut peraturan dalam persatuan tersebut.

Tidak ada orang yang boleh masuk sewenang-wenangnya persatuan dan dia kata dia hendak menggunakan pendekatan undang-undang dan peraturannya sendiri dan tidak mahu mengikut peraturannya itu. Inilah yang harus kita fahami dalam kerangka ilmu dan akidah yang benar. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bertapaknya fahaman *Atheist* ini sebahagian daripada sebabnya ialah apabila mereka melihat agama ini diperalatkan. Tidak digunakan untuk mendatangkan kebaikan tetapi sebaliknya digunakan untuk mempertahankan penyelewengan dan kezaliman.

Punca daripada pemikiran *Atheist* itu ialah apabila mereka melihat Islam bagi orang yang beragama Islam tidak mendatangkan keadilan. Hanya cakap *lip service* tetapi dari segi amalan dan tindakan jauh bercanggah. Ini menyebabkan mereka memikirkan bahawa agama adalah alat pemerintah. Kalau kita hendak ambil apa yang dikatakan oleh Karl Marx, "*The opium of the people*"... [*Dewan riu*] Ini hakikat, ini yang menyebabkan orang rasa- inilah masalahnya. Ini yang melibatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, lain soalanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Ahli Yang Berhormat, tolong senyap supaya kita dapat dengar dengan jelas supaya Yang Berhormat Menteri dapat jawab dengan jelas. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Inilah yang mempengaruhi pemikiran seperti mana di Timur Tengah. Tidak payahlah kita cerita negeri-negeri. Lalu kalau kita hendak lawan *atheism*, fahaman *Atheist* ini orang Islam kena ikhlas dalam agama mereka. Bersuara menentang yang zalim, menolak rasuah, menolak penyelewengan, tuntut pemerintah telus dalam kes 1MDB barulah orang nampak... Wah! Agama ini *power*... [*Dewan riu*] Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?... [*Dewan riu*]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Zalim... [*Dewan riu*]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan dengan Yang Berhormat Shah Alam ini. Nampak gayanya apa yang dicakup itu kena balik pada muka dia. Waktu dia bersama dengan parti sebelum ini yang banyak menggunakan Islam dialah- dia mengatakan bahawa kerajaan tolak Islam. Dia mengatakan kerajaan, kerajaan sekular. Dia menghasut rakyat mengatakan bahawa kerajaan ini tidak mengamalkan Islam... [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Akan tetapi hari ini bila dia berpindah kem dia tinggalkan rakan-rakan dia yang lain. Dia...

■1120

Tuan Yang di-Pertua: [*Mengetuk tukul*] Menteri, Menteri, duduk Menteri. Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ikut Peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Peraturan mesyuarat, ini peribadi.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini peribadi, ini peribadi, saya bukan peribadi... [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu. Yang Berhormat, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, apabila Menteri memberi penjelasan tolong senyap, saya sendiri mahu dengar apa penjelasan Menteri, ini soal penting.

Kalau Ahli Yang Berhormat pun bercakap juga, teriak-teriak, macam mana kita dengar penjelasan? Yang Berhormat Shah Alam, jangan ganggu apabila penjelasan diberi kerana waktu Yang Berhormat Shah Alam mengemukakan soalan, Menteri senyap. Ini soal penting, ini soal agama, soal akidah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik Tuan Yang di-Pertua, Peraturan mesyuarat. Saya tidak bawalah buku itu tetapi ini menyentuh peribadi. Saya sebut secara umum, yang Menteri jawab ini kena pada saya pula. Macam mana pula itu, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan politiklah itu, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, jawapan politik macam itu. Saya cakap umum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cakap umum.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya yang menimbang sama ada apa yang dihujah itu oleh setiap Ahli Yang Berhormat melanggar peraturan atau tidak. Yang Berhormat tadi apabila mula-mula bercakap, saya benar-benar meneliti tetapi di hujung hujah itu dikaitkan dengan politik, *politicking* 1MDB daripada agama. Jadi apabila Yang Berhormat memberi penjelasan pula...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Apabila Menteri menjawab dengan cara begitu bermakna hujah yang dipolitikkan terpaksa dijawab dengan politikkan... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu adalah saya punya *ruling*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya cakap 1MDB secara umum Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak sebut Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini dia cakap *direct* kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana boleh!... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat bercakap begitu bahawa *you* sebut 1MDB, Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap! Peraturan Mesyuarat mengatakan bahawa apabila Speaker bercakap, tidak ada siapa yang boleh berhujah!

Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat sebut 1MDB, Yang Berhormat kata bukan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Pekan seolah-olah Yang Berhormat memisahkan lada dengan pedas, gula dengan manis. Tidak boleh Yang Berhormat begitu. Sila Yang Berhormat Menteri, terus buat penjelasan, yang lain senyap.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang amat bijaksana. Saya amat seronok bila ada Tuan Yang di-Pertua seperti ini yang cukup bijaksana mengawal keadaan. Sebenarnya saya terpaksa menjawab politik kerana tuduhan-tuduhan yang diberikan kepada kerajaan adalah tidak berasas. Hari ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak tuduh apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hanya menyatakan kena ada ketelusan, kena ada ketelusan... [*Dewan riuh*] Islam tuntutan ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam. Begini Ahli Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat Menteri. Ahli Yang Berhormat, kalau beginilah tabiat berterusan, lain kali saya akan berunding dengan timbalan-timbalan saya bahawa kalau ada Ahli Yang Berhormat yang berhujah itu walaupun baik hujahnya menimbulkan kekecohan seperti ini, kami pura-pura tidak nampak Ahli Yang Berhormat demikian. Kami tidak akan jemput untuk bercakap.

Jadi ingat itu, Yang Berhormat Shah Alam. Saya jemput Yang Berhormat Shah Alam soalan tambahan yang ketiga oleh kerana saya nampak bahawa isu ini adalah isu penting. Jadi kalau sudah dibuat seperti demikian, kecoh begini, lain kali saya tidak lagi panggil Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ada hujah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tapi Tuan Yang di-Pertua, bukan saya yang mengecohkan Dewan. Jawapan Timbalan Menteri itu *very personal*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cakap *principle*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cara beginilah yang mengecohkan Dewan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *General principle*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, *continue explain* tiada orang ganggu. Siapa yang ganggu tanpa *warning* saya suruh keluar. Sila.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen yang beretika depan pemerhati kita kena ikut peraturannya. Saya pun mendengar Yang Berhormat cakap tadi, saya tidak sampuk pun. Hari ini waktu saya bercakap, biar saya memberikan penjelasan.

Tadi saya terpaksa menjelaskan Tuan Yang di-Pertua kerana tuduhan melulu mengatakan fahaman Atheis ini kerana ketidakadilan berlaku. Ini tuduhan melulu kerana menggunakan agama, kerajaan menggunakan agama. Buktikanlah bila kerajaan menggunakan agama untuk mewajarkan fahaman-fahaman yang seperti ini... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai kerajaan sepanjang 60 tahun kita merdeka terbukti pemerintah yang dinakhodai oleh UMNO Barisan Nasional inilah yang telah merangka polisi, dasar yang bertepatan dengan prinsip Perlembagaan... [*Tepuk*] Islam sebagai agama Persekutuan, agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Islam dalam kerangka yang kita pemerintah laksanakan berpaksikan kepada akidah yang benar, berpaksikan kepada prinsip wasatiah, kesederhanaan sehingga diiktiraf oleh kerajaan di luar.

Raja Salman datang ke negara kita mengatakan bahawa kenapa mereka datang ke negara kita. Kenapa baginda memilih Malaysia sebagai destinasi pertama? Saya ingin ulang apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebutkan, apabila Raja Salman datang ke negara kita, dia mengatakan bahawa dia hendak menubuhkan *King Salman Centre for International Peace*. Kenapa? Ia kerana dia mengatakan bahawa, dengan izin... [*Membaca ayat dalam Bahasa Arab*] "*Semua ciri-ciri Islam yang sebenar ada di negara kamu tidak ada di negara kami*". Wajah sebenar Islam ada di Malaysia, kenapa? Ia kerana Islam itu agama yang adil, Islam itu agama yang disebut Al-Islam... [*Menyebut perkataan Arab*] Islam agama yang mengiktiraf *coexistence*, kebersamaan dan kesalingan.

Kita satu-satunya negara walaupun Islam agama Persekutuan tetapi kita meraikan kepelbagaian agama. Tidak ada dalam dunia hari ini yang menyambut semua agama sebagai cuti-cuti Malaysia. Tidak ada di dalam dunia hari ini yang mana agama-agama lain mempunyai patung Buddha yang terbesar di Asia, mempunyai patung Hindu yang terbesar di Asia tetapi kita tidak pernah mengalami sebarang bentuk pemberontakan, ketidakpuasan hati, kerana apa? Hal ini kerana Islam yang dibawa oleh pemerintah Barisan Nasional tidak pernah mendiskriminasikan sesiapa... [*Tepuk*]

Kalau inilah yang dikatakan ketidakadilan, saya rasa ini tidak betul sebab itu saya terpaksa menjawab Tuan Yang di-Pertua, kerana tohmahan dan fitnah yang sering diungkap-ungkapkan oleh pembangkang hanya menjatuhkan maruah Malaysia dan maruah Islam itu sendiri. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

5. Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah usaha kementerian untuk menggalakkan pembukaan lebih banyak taska di tempat-tempat kerja di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Malangnya saya kurang pandai berpantun, walau macam mana pun saya sanggup menjawab soalan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan taska di tempat kerja bagi memberikan sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga September 2017, terdapat 237 buah taska yang disediakan oleh majikan di sektor awam dan swasta. Daripada jumlah ini 192 adalah dari majikan sektor awam dan 45 daripada majikan sektor swasta.

Beberapa inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja sama ada sektor awam mahupun sektor swasta. Antaranya adalah:

- (i) menggalakkan kementerian atau jabatan kerajaan menubuhkan taska di tempat kerja masing-masing bagi kebajikan anggota perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989;
- (ii) peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan kerajaan bagi menubuhkan taska di tempat kerja di sektor awam; dan
- (iii) pemotongan cukai sebanyak dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan menyelenggarakan kemudahan taska di tempat kerja swasta serta pusat jagaan kanak-kanak selaras dengan Pekeliling Jabatan Hasil Dalam Negeri bertarikh 15 Februari 1996.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu antara inisiatif yang dijalankan oleh kementerian bagi menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja ialah:

- (i) mewujudkan *Task Force "Ramping Up the ECCE Industry"*, *Task Force ECCE* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu taska termasuk isu penubuhan taska di tempat kerja dengan mengadakan pertemuan dengan syarikat-syarikat bagi menerangkan keperluan dan kelebihan taska di tempat kerja;
- (ii) mengadakan sesi dialog bersama agensi teknikal Persatuan Taska Negeri dan Pengusaha Taska bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan pendaftaran taska dan membincangkan kaedah-kaedah bagi membantu mempermudah pendaftaran taska; dan
- (iii) menghasilkan 'adendum' dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi penubuhan tadika dan taska di bangunan bertingkat yang membenarkan ia beroperasi di bangunan bertingkat tidak melebihi aras lima bangunan tersebut.

■1130

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan perjumpaan dengan penyelaras taska negeri bagi membincangkan status kemajuan pendaftaran taska tempat kerja dan strategi pendaftaran. Antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut.

- (i) mengadakan taklimat kepada agensi kerajaan dan syarikat swasta berkaitan penubuhan taska dan pekerja dan insentif yang diperoleh oleh majikan yang menubuhkan taska tempat kerja; dan
- (ii) mengaktifkan fungsi *one stop centre* di peringkat negeri dan daerah bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agensi teknikal dalam pendaftaran taska.

Melalui usaha-usaha ini, majikan dapat memberikan kemudahan kepada pekerja yang mempunyai anak-anak kecil serta dapat memastikan anak mereka mendapat asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Sehubungan itu, pihak Kementerian menggalakkan majikan daripada sektor awam dan swasta meneroka peluang-peluang dan insentif yang disediakan untuk majikan menyediakan taska bagi membantu pekerja mereka dalam menguruskan hal ehwal pengasuh anak-anak sewaktu mereka keluar bekerja.

Hal ini secara tidak langsung akan membantu negara mencapai matlamat untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita kepada 59 peratus pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu juga, Kementerian mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2018 yang mewajibkan semua bangunan pejabat yang baru supaya menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak bermula di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sama ada Kementerian akan mewajibkan ahli-ahli Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia menjalankan pemeriksaan latar belakang calon pekerja yang mencari pekerjaan di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak agar keselamatan kanak-kanak akan terjamin dan adakah KPWKM akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dalam inisiatif ini. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menetapkan kelayakan minimum bagi pengasuh di taska di bawah seliaan Kementerian sebagai salah satu langkah peningkatan kualiti. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya ingin maklumkan di sini bahawa pemilihan pengasuh ini, kita sudah ada peraturan. Pengusaha hendaklah memastikan kriteria pemilihan pengasuh memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012. Semua pengasuh taska hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA;
- (iv) berdaftar sebagai pengasuh kanak-kanak berdaftar;
- (v) sesuai iaitu mesti mesra kepada kanak-kanak, amanah, sabar, empati, kreatif dan lain-lain sifat terpuji;
- (vi) mempunyai pengalaman menjaga kanak-kanak; dan
- (vii) sihat fizikal dan mental dan bebas dari kesalahan keburukan akhlak, kesalahan seksual atau penderaan kanak-kanak.

Ketua pengarah boleh membatalkan pengasuh kanak-kanak berdaftar sekiranya pengasuh tersebut disabitkan dalam kesalahan di atas. Bagi pekerja-pekerja di taska yang bukan pengasuh seperti tukang masak, tukang kebun dan lain-lain pembantu, maka mereka juga perlu permit pekerja asing dan di sinilah kita bekerjasama dengan KDN.

Selain itu juga, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, kita telah mewujudkan Daftar Kanak-kanak di mana nama-nama pesalah terhadap kanak-kanak disenaraikan dengan kerjasama pihak PDRM. Jika diperlukan oleh taska, taska boleh memohon kepada JKM dan ketua pengarah boleh menunjukkan sama ada nama-nama yang memohon untuk bekerja dengan taska dan pusat jagaan ini ada tersenarai di dalam senarai Daftar Kanak-kanak tersebut bagi memastikan mereka yang memohon pekerjaan itu tidak merupakan penjenayah terhadap kanak-kanak. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak mengambil pengasuh ini mahal. Oleh sebab itu kadang-kadang ada yang di kalangan pekerja-pekerja wanita terpaksa meletak jawatan. Hendak mencari pengasuh juga satu perkara yang payah. Maka, apakah ada perancangan daripada pihak kementerian supaya pusat asuhan taska ini yang terdiri dari kalangan tenaga-tenaga yang mempunyai *soft skill* untuk menjaga kanak-kanak.

Mereka ini diberikan dengan gaji yang tetap mengikut skil kelayakan, EPF ataupun tidak berpencen pun tidak apa tetapi asalkan tetap. Ini kerana ini salah satu daripada cara untuk kita hendak mengambil mereka yang mendidik anak-anak dan menjaga anak-anak di taska itu mempunyai skil. Ia boleh dibuat latihan melalui sekolah-sekolah vokasional yang disebut sebagai sains rumah tangga. Adakah perancangan daripada pihak kementerian untuk memikirkan perkara itu? Bayarannya separuh daripada ibu bapa dan separuh lagi ialah daripada kerajaan. Minta penjelasan.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Terima kasih atas cadangan tadi di mana bayaran itu dibuat sebahagiannya oleh kerajaan dan sebahagiannya oleh ibu bapa. Akan tetapi bermula tadi, bermula ayat daripada Yang Berhormat Bukit Gantang bahawa untuk mencari pengasuh ini mahal.

Jadi saya tidak tahu sama ada nanti kalau kita memperkenalkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu nanti akan menjadi satu pula bebanan kepada ibu bapa. Ini kerana apabila mereka kena membayar separuh daripada bayaran untuk kita mengasuh ataupun mengajar dan mendidik para pengasuh ini, mereka merasakan ini satu lagi bebanan kepada mereka.

Ini kerana pada masa ini, untuk pegawai-pegawai kerajaan di taska di tempat kerja disediakan subsidi kepada pegawai-pegawai kerajaan kita yang menghantar anak-anak mereka ke taska di tempat kerja dan juga untuk taska komuniti untuk mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan. Kerajaan juga menyediakan satu subsidi lagi untuk pendapatan-pendapatan yang tertentu. Untuk pendapatan seisi rumah RM5,000 ke bawah. Jadi ini sudah disediakan Yang Berhormat.

Namun demikian, menjadi hasrat kita di kementerian memastikan semua pengasuh itu adalah mereka yang berkebolehan, mereka yang mempunyai empati terhadap kanak-kanak, mereka yang pengasih dan penyayang dan mereka ini mesti melalui kursus-kursus yang telah didapati bahawa kursus-kursus ini telah ditambah baik bagi memastikan mereka dapat memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak yang mereka asuh.

Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, bahawa pihak kementerian sedang dalam proses untuk mengkaji semula peraturan-peraturan kita punya pusat-pusat asuhan ini di mana antara lainnya kita mencadangkan sekurang-kurangnya pengasuh kita mesti ada kelulusan minimum SPM selain daripada kelulusan-kelulusan yang lain ini.

Kalau kita mengambil daripada mereka yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi lagi, kita menetapkan kelulusan yang lebih tinggi seperti mempunyai ijazah ataupun diploma, tentu nanti bayaran mereka itu akan terpaksa ditingkatkan lagi. Ini pun akan menjadi masalah. Walau bagaimanapun, ini satu perkara yang sedang kita kaji juga. Terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Satu lagi soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan permintaan pembukaan taska di tempat bekerja semakin meningkat, saya hendak tanya sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu taska di Parlimen juga. Ini kerana Parlimen juga tempat bekerja untuk semua Ahli Parlimen dan ramai pegawai kerajaan bekerja di sini apabila Dewan bersidang. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Ini satu cadangan yang baik. Kami menyokong Tuan Yang di-Pertua, supaya ini dapat dilaksanakan kerana yang bertanggungjawab ada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun menyokong ini. Saya pun menyokong.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1140

6. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Pendidikan menyatakan maklumat kos, siapa kontraktor dan bilangan tablet PC yang telah diberikan kepada para guru sebagai bantuan mengajar. Nyatakan sama ada kontrak dianugerahkan secara tender terbuka dan jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, pemberian tablet bantuan mengajar bertujuan untuk membantu guru-guru mengakses pangkalan data soalan dan memudahkan mereka menyediakan latihan kepada murid-murid yang dapat digunakan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan teknologi abad ke-21.

Jumlah tablet yang diberikan mengikut kontrak fasa 1, 2 dan 3 adalah sebanyak 182,712 unit. Tablet tersebut diagihkan kepada guru-guru di negeri-negeri seperti berikut: Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Sembilan dan juga Perak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah nilai kontrak keseluruhan fasa 1, 2 dan 3 adalah sebanyak RM152 juta. Syarikat pembekal bagi tablet bantuan mengajar ialah syarikat Utusan Melayu (Malaysia) Sdn. Bhd., perolehan tablet ini dilaksanakan berdasarkan tatacara perolehan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Tujuan utama saya bertanya tentang tablet ini adalah pada sesi bajet yang lepas pada tahun 2017, Yang Amat Berhormat Pekan merangkap Menteri Kewangan masa itu telah menyatakan bahawa akan ada RM340 juta diperuntukkan untuk 430,000 guru mendapat tablet ini.

Akan tetapi daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, hanya ada 182,000 guru atau tablet yang telah diberikan dan wang yang diperuntukkan sehingga kini hanya RM150 juta. Jadi, lebih kurang hanya 10 peratus, jauh bezanya lebih kurang 1/3 sahaja bajet dan juga tablet ini telah diedarkan. Saya hendak tanya bilakah, adakah rancangan kerajaan untuk meluaskan lagi pemberian tablet ini kepada guru-guru, terutamanya di negeri-negeri lain. Oleh sebab saya nampak Pulau Pinang, negeri saya tak dapat lagi. Kalau ya, bila dan minta rancangan secara lanjut, secara teliti daripada pihak Kementerian. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berjaya kepada 443,794 pelajar-pelajar UPSR yang sedang berada di sekolah untuk mengambil keputusan mereka. Saya juga berasa amat gembira untuk memaklumkan bahawa tahun ini ada peningkatan hampir 8,958 pelajar telah berjaya mendapat semua A dalam mata pelajaran. Ini meningkat daripada tahun lalu iaitu hanya 4,866.

Tahniah saya ucapkan kepada semua pelajar, guru-guru dan ibu bapa yang telah memastikan kecemerlangan anak-anak kita dan peratusan pelajar yang gagal semua mata pelajaran pun telah turun begitu kurang sekali pada tahun ini.

Yang Berhormat Bukit Mertajam, menjawab soalan Yang Berhormat, kita sedar bahawa memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan telah mengumumkan program ini tahun lalu dalam pembentangan bajet. Seperti mana yang saya maklumkan sebentar tadi, ini merupakan fasa 3. Akan ada perlanjutan fasa ini dan kita harapkan sebelum bulan Jun tahun depan, kita akan selesai memberikan semua guru-guru yang mengajar di sekolah, satu tablet masing-masing.

Pada masa yang sama, saya juga harus merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia kerana membantu menyokong program memberi tablet ini kepada guru-guru yang menggunakannya dengan cara terbaik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniahlah kepada semua pelajar, khususnya di Parlimen Kinabatangan. Mereka telah melakukan yang terbaik.

Soalan tambahan, saya pertama sekali ingin merakamkan tahniah kepada kementerian sebab bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan membantu guru-guru untuk meningkatkan memberi peralatan, kemudahan dan sebagainya. Cuma Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang selalu dihadapi, khususnya guru-guru di luar bandar, mereka mempunyai kesukaran untuk menggunakan tablet sedia ada ini... [*Kedengaran suara seorang Ahli bersin*] Ini kena pergi jumpa doktor lah Tuan Yang di-Pertua, saya tengok [*Ketawa*] Gangguan, gangguan kah apa.

Masalah yang dihadapi iaitu di luar bandar, kita tidak ada *internet*. Jadi, persoalannya, apakah kementerian akan membuat satu *approach* ataupun pendekatan *Blue Ocean Strategy* dengan mungkin SKMM untuk memastikan setiap sekolah yang dibekal tablet itu ada talian *internet*. Oleh sebab kalau di kawasan saya, ada guru-guru terpaksa naik bukit Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari *line* yang *clear* sikit untuk di *upload*. Kadang-kadang dia tunggu satu jam baru ada satu garis, dia pun mengadu kepada kita. Ini masalah yang kita hadapi.

Jadi, niat kita yang baik itu tetapi perancangan kurang berkesan, jadi mesti ada *Blue Ocean Strategy*, dibekalkan peralatan yang bagus dan *internet line* pun ada. Barulah dapat kita hasil daripada usaha tersebut. Saya juga ingin bertanya, berapa banyak sudah tablet yang dipulangkan sebab kerosakan dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, soalan itu spesifik iaitu mengenai dengan soal data. Soalan Yang Berhormat Kinabatangan itu *remote*, *not connected* tetapi kalau Yang Berhormat Menteri mahu jawab juga, boleh. Sila.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Saya akan beri sedikit maklumat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Kinabatangan, bab *internet* pencapaian ini di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Walau bagaimanapun, saya ambil maklum apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Kementerian Pendidikan Malaysia memang telah melakukan pelbagai strategi N-BOS dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Umpamanya, pemberian tablet ini sendiri juga merupakan NBOS di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Maka, kita akan terus mencari kaedah-kaedah. Apa yang pentingnya Yang Berhormat ialah kita hendak memastikan pendidik, guru-guru kita melaksanakan tanggungjawab mereka luar biasa.

Segala apa yang kita bagi kepada mereka untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran (PDP) dapat dilaksanakan dengan cara terbaik. Itu hasrat kita dan pada masa yang sama, kita juga ingin memastikan, kita bagi segala apa yang boleh. Bab soalan di pulangkan balik. Setakat ini kita belum menerima mana-mana tablet yang diberi itu di pulangkan balik, mereka masih menggunakannya. Saya pasti kita dapat menambah baik segala urusan ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

7. **Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada kerajaan bercadang untuk mengharamkan penjualan rokok '*Kiddie Pack*' daripada dijual di negara ini. Sekiranya tidak, apakah justifikasi terhadap tindakan yang diambil tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu. Sebelum saya menjawab, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada anak-anak di kawasan saya di Balik Pulau, di Pulau Pinang kerana mereka sudah ada peningkatan dari segi keputusan UPSR di Balik Pulau. Tahniah kepada guru-guru semua dan kepada ibu bapa kerana kejayaan itu dan untuk semua Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Setiu adalah berkenaan dengan perjalanan rokok *kiddie pack* yang kecil daripada biasa. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menerusi Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah pun mengharamkan sebarang penjualan *pack* rokok yang mengandungi kurang daripada 20 batang selaras dengan pematuhan kepada Artikel 16(3) WHO, *Framework Convention of Tobacco Control*.

Larangan ini telah pun berkuat kuasa mulai tahun 2010. *Pack* rokok yang mengandungi kurang daripada 20 batang rokok di kenali di peringkat antarabangsa sebagai *kiddie pack*. Ini ialah kerana *pack* kotak rokok sebegini menjadi tarikan kepada para remaja dan kanak-kanak terhadap produk rokok kerana harganya yang lebih murah serta reka bentuk kotak rokok yang lebih kecil.

Oleh itu, larangan penjualan rokok *kiddie pack* adalah untuk membendung masalah penggunaan rokok di kalangan remaja. Mengikut kajian yang telah dibuat, kajian *Tobacco & E-Cigarette Survey Among Malaysian Adolescents 2016* menunjukkan sebanyak 14.2 peratus remaja yang berumur 10 hingga 18 tahun di Malaysia merokok.

■1150

Majoriti remaja ini merokok kurang daripada 10 batang rokok dan dengan harga kurang daripada harga RM9. Oleh itu, penjualan semula rokok *kiddie pack* di Malaysia dikhuatiri akan menyebabkan peningkatan kepada *prevalent* merokok di kalangan remaja, Tuan Yang di-Pertua.

Di negara-negara ASEAN yang lain juga telah pun mengambil langkah melarang pembungkusan *kiddie pack*. Sehingga kini, hanya terdapat empat negara ASEAN yang belum melaksanakan kawalan iaitu Thailand, Myanmar, Filipina dan juga Indonesia.

Kementerian Kesihatan memandang serius terhadap masalah amalan merokok di negara ini yang merupakan faktor risiko kepada pelbagai masalah kesihatan dan kematian pra matang. Oleh yang demikian, kementerian tidak akan menyokong mana-mana langkah untuk implementasi *kiddie pack* pada bila-bila masa sekali pun, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih. Masalahnya kita ada dilema sekarang ini. Kalau diharamkan ataupun tidak akan menyokong, masalah timbul apabila mereka akan beralih kepada rokok-rokok haram, rokok-rokok seludup ataupun rokok-rokok tiruan yang akan menyebabkan kerosakan yang lebih lagi. Lebih bahaya sebenarnya rokok-rokok tiruan dan juga rokok-rokok seludup ini. Terima kasih.

Nak sebut semula? Apa langkah pihak kerajaan dalam perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian *Global Youth Tobacco Survey* yang dibuat di Malaysia di kalangan remaja umur 13 hingga 15 tahun ini, pada 2003, Tuan Yang di-Pertua, kadar merokok di kalangan umur 13 hingga 15 ini pada 2003 adalah 20.2 peratus. Pada 2009 ialah 18.2 peratus. Kemudian kementerian melaksanakan larangan *kiddie pack* ini pada tahun 2010 dan kadar merokok sudah menurun mendadak kepada 14.8 peratus sahaja di kalangan remaja berumur 13 hingga 15 tahun.

Dan didapati yang lelaki ialah 26.1 peratus dan perempuan 20.4 peratus. Ada juga perempuan yang merokok, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kesan dari larangan *kiddie pack* ini dapat menurunkan kadar merokok di kalangan remaja, Tuan Yang di-Pertua. Dan lain-lain tindakan adalah di luar bidang KKM. Ini kita bergantung pada lain-lain agensi lah, kastam dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada larangan terhadap merokok di tempat awam dan larangan merokok di sekolah. Dan memang merokok itu sangat indikatif membawa kepada penyalahgunaan dadah. Kerana sepanjang pengalaman saya, setiap penyalahgunaan dadah, dia bermula dengan merokok.

Soalan saya ialah bagaimanakah keberkesanan aspek penguatkuasaan itu? Ada hasilnya tapi kita tidak nampak penguatkuasaan itu berlaku di sekolah yang memang ramai murid merokok di sekolah misalnya, walaupun di bawah Kementerian Pendidikan tapi benda itu berlaku terus-terusan. Apakah ada usaha Kementerian Kesihatan untuk melakukan penguatkuasaan yang berkesan dengan kementerian yang lain? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan ini. Sebenarnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, memang pihak kementerian dan kerajaan telah pun meletakkan larangan ke atas 23 jenis kawasan larangan merokok. Ini termasuklah taman-taman. Ini ada senarai panjang ini. Tempat *air cond* dan sebagainya. Termasuk juga di parlimen tidak boleh merokok. Dan yang terakhir ini, kawasan R&R tidak boleh merokok. Taman-taman awam tidak boleh merokok. Taman Negara tidak boleh merokok. Kecuali di tempat terbuka di *parking* dan sebagainya.

Untuk memperkuatkan lagi tindakan pihak kementerian dan pihak kerajaan, kita sekarang ini- untuk sekarang, kawalan merokok adalah di buat di bawah Peraturan Kawalan Tembakau di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan ini diwujudkan pada tahun 2004. Jadi, tidak begitu kuat, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini, contohnya, mereka yang berumur 18 tahun boleh jual rokok tapi tidak boleh beli rokok. Jadi yang ini kita hendak perbetulkan. Sebab itu kita pihak kementerian sedang menggubal satu undang-undang baru khas untuk tembakau dan produk-produk tembakau.

Antara ciri-cirinya ialah kita hendak menaikkan larangan merokok ke umur 21 tahun. Ini bermakna dalam enakmen ini, dia tidak boleh jual dan dia tidak boleh beli. Yang ada sekarang boleh jual, tidak boleh beli. Yang akan datang ini, tidak boleh jual dan tidak boleh beli. Umur kita tingkatkan kepada 21 tahun. Antaranya lah. Ada berbagai-bagai lagi yang telah kita masukkan. Sekarang ini dah sampai kepada AG. Lepas itu, *insya-Allah*, kita akan buat perbincangan dengan pihak Ahli-ahli Parlimen kita sebelum kita bawa ke Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah*.

[Soalan No. 8 – YB. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan (Temerloh) tidak hadir]

9. Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta Menteri Pendidikan menyatakan, perangkaan mengenai buku-buku terbitan penulis-penulis warga Malaysia. Apakah peratusan dan jenis-jenis buku terbitan tempatan yang paling laris di pasaran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar yang menunjukkan soalan mengenai buku-buku terbitan penulis warga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan jualan bahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, didapati bidang bahasa menduduki tangga pertama terlaris dalam pasaran iaitu 46.04 peratus daripada keseluruhan buku-buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 2016. Bidang sastera merupakan bidang kedua terlaris iaitu 26.45 peratus. Diikuti dengan bidang agama, 5.04 peratus. Seterusnya, buku-buku dalam bidang perubatan dan kesihatan dengan 4.79 peratus, bidang pertanian dengan 4.52 peratus. Lima bidang tersebut merupakan bidang popular terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mendapat belian tertinggi dalam kalangan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia turut menerbitkan buku-buku karya asli penulis tempatan warga Malaysia bermula pada tahun 2012. Seramai 523 penulis warga Malaysia terlibat dalam penerbitan buku ITBM.

Jenis-jenis buku penulis tempatan yang diterbitkan oleh ITBM terdiri daripada novel, cerpen, puisi, drama pentas, kanak-kanak, umum, autobiografi, kritikan sastera dan travelog. Judul buku terlaris penulis tempatan yang diterbitkan oleh ITBM hingga Januari 2017 terdiri daripada karya asli dan karya yang telah diterjemahkan ialah kategori buku kanak-kanak sebanyak 76.85 peratus, diikuti oleh buku umum iaitu 13.23 peratus, novel sebanyak 4.45 peratus, puisi sebanyak empat peratus dan cerpen-cerpen sebanyak 1.38 peratus.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah apakah usaha-usaha untuk membantu buku-buku ini diterbitkan di pasaran global? Dan semestinya usaha menterjemah buku-buku ini juga harus dipergiatkan. Apakah negara mempunyai tenaga penterjemah yang mencukupi? Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas soalan tambahan.

Yang Berhormat, kita sedar kepentingan buku pada pembangunan minda modal insan dan pembangunan negara berkaitan dengan isu pada pagi ini. Usaha kita membantu buku-buku ini dalam pasaran global- soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Kerajaan sedar akan peranan buku dalam merangsang perkembangan ilmiah dan tamadun manusia serta memandaikan bahasa bangsa.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif. Yang pertamanya ialah memangkinkan pembangunan industri buku negara melalui pembidaan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Padang Terap telah pun secara rasmi telah menyatakan pendirian untuk membida status Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia.

■1200

Pembidaan ini adalah kerjasama DBKL, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Penterjemahan, Majlis Buku Malaysia. Semua bekerjasama untuk meletakkan Malaysia sebagai Ibu Kota Buku Dunia di samping menyokong Tahun Melawat Malaysia 2020. Pada masa yang sama, kadar sifar peratus GST bagi buku-buku dan penerbitan pada masa yang sama menggalakkan industri buku negara bergiat aktif dalam perdagangan dan pelesenan hak cipta, pembukuan antarabangsa melalui penyertaan di pesta-pesta buku dunia.

Soalan kedua Yang Berhormat Kuala Kangsar sebentar tadi ialah tentang tenaga penterjemah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini terdapat lebih kurang 2,300 penterjemah yang berdaftar dengan ITBM. Namun, hanya 500 daripada mereka aktif melaksanakan kerja-kerja terjemahan dalam pelbagai bahasa dan juga bidang. Usaha untuk meningkatkan tenaga penterjemah telah dilaksanakan oleh ITBM secara berterusan dengan mengadakan sebanyak 20 kursus penterjemahan setahun kepada mereka yang berminat dan bilangan ini perlu dipertingkatkan terutama dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, teknikal dan juga ICT.

ITBM dengan kerjasama MBKM mengadakan program pengkarya dan penterjemah guru dalam usaha untuk menambah bilangan penterjemah dalam kalangan warga pendidik. ITBM juga Tuan Yang di-Pertua, aktif membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan buku-buku terjemahan menyokong program-program dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti TVET, 1Murid 1Sukan, STEM dan lain-lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) 2017**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 2017**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.03 tgh.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Sumber Manusia bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 27 November 2017.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketujuh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.63 [Jadual] -
Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan 2018] -**

Tuan Pengerusi Kementerian Pendidikan. Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Sila.

12.05 tgh

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya peluang membahaskan perbekalan Kementerian Pendidikan B.63 dan P.63 di peringkat jawatankuasa pada hari ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin menyentuh maksud bekalan di bawah Butiran 010000 - Operasi Pendidikan, muka surat 489 dengan dibaca sekali dengan butiran kecil 010200 - Pendidikan Rendah dengan anggaran RM17,354,339,300 dan Butiran 010300 - Pendidikan Menengah dengan anggaran RM17,241,115,600. Saya mengamati bekalan pendidikan rendah dan pendidikan menengah tidak bertambah bagi anggaran tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017.

Pengurangannya ketara Tuan Pengerusi. Pendidikan rendah berkurangan sebanyak RM223.3 juta, manakala pendidikan menengah berkurangan sebanyak RM739.6 juta. Dengan itu, bagi pendidikan rendah dan pendidikan menengah, jumlah pengurang keduanya adalah sebanyak RM932.98 juta. Saya mohon penjelasan, kenapakah peruntukan pendidikan rendah dan pendidikan menengah berlaku pengurangan yang begitu ketara? Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam jawapan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi, tentunya dari tahun ke tahun bilangan murid akan meningkat dan ini berhadapan kepada pertambahan kakitangan khususnya guru-guru. Saya mendapati bilangan jawatan dicatatkan menurut Butiran 010200 - Pendidikan Rendah, kekal pada jumlah 264,660 bagi tahun 2016 berbanding 2017. Begitu juga bagi Butiran 010300 - Pendidikan Menengah, didapati bilangan jawatan 2017 ke 2018 kekal seramai 227,712.

Saya ingin tahu, apakah maksud mengekalkan bilangan jawatan bagi pendidikan rendah dan pendidikan menengah ini bererti pengambilan guru tidak akan bertambah? Anak murid makin ramai, tetapi guru dibebankan dengan lebih tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya menyentuh Butiran 020000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan, muka surat 489 dengan menyentuh butiran kecil 020100 - Pembangunan Infrastruktur. Saya memohon dibacakan sekali dengan maksud pembangunan P.63 dengan butiran projek 00102 - Rendah Akademik dan 00201 - Menengah Akademik.

Saya mengamati anggaran maksud pembangunan bagi rendah akademik untuk tahun 2018 berjumlah RM145,769,800 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2017. Saya mendapati berlaku penurunan sebanyak RM547.56 juta. Saya juga mendapati anggaran maksud pembangunan bagi menengah akademik bagi tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017 berkurangan mendadak sebanyak RM744.4 juta. Ini bererti jumlah maksud pembangunan bagi kedua-dua rendah akademik dan menengah akademik berkurangan sebanyak RM1.29 bilion.

■1210

Saya ulangi ya, ini bererti jumlah Maksud Pembangunan bagi kedua-dua rendah akademik dan menengah akademik berkurangan sebanyak RM1.29 bilion, Tuan Pengerusi. Saya mohon penjelasan, kenapakah Maksud Pembangunan bagi peruntukan Projek Rendah Akademik dan Menengah Akademik ini berlaku pengurangan yang amat ketara dan mendadak? Tidakkah ini akan menjejaskan pembinaan sekolah-sekolah baharu? Juga untuk menangani isu serius sekolah-sekolah daif, khususnya yang berlaku di Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan sebagaimana yang dilaporkan oleh Bernama, bukan Harakah ataupun sebagainya. Bernama pada 14 September 2017, diperakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri sewaktu melakukan lawatan kerja ke Sibu bahawa kerajaan akan mewujudkan pakej kewangan yang efektif untuk menyelesaikan isu sekolah daif di Sarawak. Yang Amat Berhormat Bagan Datuk mengesahkan hanya 29.9 peratus sekolah-sekolah di Sarawak mencapai pembelajaran yang selesa 1/3.

Tuan Pengerusi, dengan lain perkataan menunjukkan 70 peratus. Sebanyak 70 peratus sekolah-sekolah di Sarawak berada dalam keadaan daif dan separa daif. Saya turut mengamati daripada 1,454 sekolah di Sarawak didapati 1,020 buah sekolah mengalami kerosakan kritikal melebihi paras 75 peratus yang menuntut kepada pembaikan segera. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memandang serius isu ini dan permasalahan terhadap tahap pembelajaran yang daif di Sarawak ini.

Saya mohon juga Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimanakah pengurangan mendadak Maksud Pembangunan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah ini dapat menyelesaikan isu ataupun permasalahan sekolah usang, reput dan buruk secara menyeluruh? Bukan saja di Sarawak, Sabah- Tuan Pengerusi, Sabah juga saya sebut ya dan termasuk di seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Sehubungan dengan pengurangan RM1.29 bilion ini bagi Maksud Pembangunan sekolah-sekolah rendah dan menengah ini peliknya, saya dapati peruntukan pembangunan bagi bangunan dan pejabat Kementerian Pendidikan Malaysia ditambah. Boleh pula tambah pula ini sebanyak RM95.6 juta berbanding tahun lalu seperti yang disebutkan dalam Butiran 07000 muka surat 495. Jadi peruntukan untuk sekolah-sekolah dipotong, peruntukan untuk pejabat Menteri ditambah-tambah. Mohon penjelasan kenapa?

Tuan Pengerusi seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 050000 – Dasar, Penilaian Pengurusan dan Prestasi muka surat 491 dengan anggaran 81, 455, 400. Saya mohon dibacakan sekali dengan kedua-dua Butiran Kecil di bawah 050100 – Dasar Pendidikan dan 050200 – Penilaian.

Sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai laporan *Human Development Report* 2016, yang diterbitkan oleh UNDP. Menurut laporan tersebut, ranking *Human Development Index* (HDI), dengan izin, ini Malaysia berada di kedudukan 59 dunia dengan disentuh isu-isu pendidikan seperti berikut.

Satu, kadar keciciran murid 5.8 peratus bagi sekolah rendah untuk tempoh 2005 sampai 2015. Bagi tempoh yang sama juga didapati nisbah murid berbanding guru bagi sekolah rendah ialah pada kadar purata 11 murid berbanding seorang guru. Perbelanjaan kerajaan bagi pendidikan untuk tempoh 2010 sampai 2014 adalah kadar purata 6.1 peratus ke atas KDNK.

Tuan Pengerusi, saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan kadar keciciran murid sekolah rendah yang sebenarnya pada tahun 2016. Sasaran keciciran itu bagi tahun 2017 dan unjuran sasaran bagi tahun 2018. Saya ingin tahu, berapakah nisbah murid pada guru bagi sekolah rendah yang sebenarnya? Pada tahun 2016, sasaran nisbah murid kepada guru bagi tahun 2017 dan unjuran sasaran nisbah murid kepada guru bagi tahun 2018.

Tuan Pengerusi, saya mengamati anggaran peruntukan 2018 bagi Kementerian Pendidikan keseluruhannya berjumlah RM45.9 bilion. Minta maaf saya ada sedikit saja lagi kerana ini pendidikan yang penting dan kita hendakkan pendidikan ini diutamakan kerana kita ada banyak masalah sosial sekarang. Masalah buli, masalah mereka yang tercicir dan tidak tahu mana nak dibangunkan kerana ia adalah masa depan negara dan generasi yang akan datang.

Menurut perangkaan rasmi yang diterbitkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2010 bagi tahun 2018 diunjurkan sebanyak RM1,228.82 bilion. Ini bererti anggaran perbelanjaan kerajaan bagi pendidikan berbanding KDNK untuk tahun 2018, hanyalah pada 3.74 peratus. Jika dicampurkan sekali dengan anggaran perbelanjaan bagi pendidikan tinggi yang berjumlah RM13.9 bilion dengan jumlah keseluruhan RM59.86 bilion, kadar perbelanjaan pendidikan termasuk pendidikan tinggi berbanding KDNK masih rendah iaitu 4.87 peratus.

Ini menunjukkan betapa perlunya disemak semula dasar penilaian dan pengurusan prestasi sama ada ia benar-benar melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti dan masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi. Peruntukan yang ketara berkurangan bagi pendidikan rendah dan menengah sebanyak RM932.98 juta. Pengurangan ketara bagi Maksud Pembangunan pendidikan sekolah rendah akademik dan menengah akademik RM1.29 bilion. Nisbah kadar peruntukan pendidikan termasuk pendidikan tinggi hanya pada kadar 4.87 peratus berbanding KDNK merupakan perbezaan melampau daripada kadar 6.1 peratus bagi tempoh 2010 sampai 2014.

Mengapa dulu kita boleh sekarang kita kurangkan? Apakah kita tidak mahu negara yang maju dengan pendidikan yang lebih berkualiti membawa kepada negara yang lebih membangun?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bolehlah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya hendak tanyalah, apakah kita terlupa bahawa kalau melentur buluh biarlah pada rebungnya? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanah Merah.

12.18 pagi.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang bagi saya peluang. Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Parit Sulong selepas ini ya. Terima kasih [*Ketawa*]

Saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Operasi Pendidikan, Perkara Aktiviti 010200 – Pendidikan Rendah juga 010300 – Pendidikan Menengah, 010400 – Pendidikan Selepas Menengah.

Tuan Pengerusi saya ada gangguan daripada Yang Berhormat Lenggong, terima kasih. Halau dia keluar [*Ketawa*] Tiada siapa pun dapat menafikan bahawa pendidikan ialah elemen paling penting dalam kehidupan seseorang.

Tanpa pendidikan, mereka mungkin akan tersalah jalan dan mudah terpengaruh dengan perkara tidak baik sehingga akhirnya akan memberi kesan kepada masyarakat dalam negara. Menyentuh perkara ini saya juga ingin membangkitkan berhubung isu keciciran sekolah yang saya percaya kalau tidak dibendung ia boleh menyebabkan kita akan berhadapan dengan satu generasi yang bermasalah.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Setiawangsa, senyum lebih nampak.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Masalah keciciran sekolah ini bukanlah perkara kecil. Apa yang berlaku dalam tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur baru-baru ini boleh dijadikan peringatan atau isyarat kepada kita betapa bahayanya mereka yang keciciran sekolah.

Semua orang tahu siapa yang terlibat dan apa latar belakang mereka. Mengikut satu kajian terdapat lima tahap golongan pelajar yang tercicir iaitu lima golongan yang tercicir iaitu:

- (i) pelajar yang tidak meneruskan sekolah sebelum tamat Darjah 6;
- (ii) pelajar yang tercicir ketika kemasukan ke Tingkatan 1;
- (iii) pelajar yang tidak sampai ke Tingkatan 3;
- (iv) mereka yang tidak mengambil SPM; dan
- (v) pelajar yang gagal SPM.

Tuan Pengerusi, kategori keempat dan kelima mungkin tidak banyak masalah buat mereka kerana tersedia banyak sekolah kemahiran dan kolej untuk mereka menyambung pelajaran.

■1220

Akan tetapi apa yang membimbangkan kita ia tiada program khusus disediakan bagi mereka dalam golongan satu, dua dan tiga yang melibatkan remaja di bawah umur iaitu:

- (i) pelajar yang tidak meneruskan sekolah sebelum tamat Darjah 6;
- (ii) pelajar yang telah tercicir untuk kemasukan Tingkatan 1; dan
- (iii) pelajar yang tidak sampai ke Tingkatan 3.

Kelompok inilah apabila kita tidak mengawal boleh menjadi benih-benih untuk terlibat dalam kegiatan disebabkan mereka ini cetek ilmu, masih muda dan tidak tahu membezakan antara yang baik dan buruk. Oleh itu, bagi mengelakkan perkara itu berlaku, saya ingin mencadangkan kepada kementerian mencari jalan atau membuat satu kajian untuk mengenal pasti keperluan golongan tersebut ketika mereka di bangku sekolah.

Apa yang harus membimbangkan kita ialah di bandar, masalah keciciran sekolah ini terjadi di kalangan penduduk yang tinggal di projek perumahan awam atau di rumah kos rendah, kemiskinan keluarga menyebabkan ramai antara mereka berhenti sekolah dan pada masa yang sama sikap ibu bapa yang tidak mengambil peduli aktiviti anak mereka turut menjadi punca. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengatasi masalah tersebut khususnya di kawasan bandar.

Ini memandangkan- saya difahamkan jumlah pelajar atau murid yang berhenti sekolah dalam kalangan penduduk PPR dan perumahan kos rendah adalah agak tinggi. Mungkin kementerian boleh memberitahu kita faktor sebenar yang mendorong gejala tersebut berlaku.

Tuan Pengerusi, dalam berhadapan isu keciciran ke sekolah ini, saya berpendapat sudah masanya kementerian melakukan apa langkah yang bertujuan mewujudkan perasaan seronok untuk ke sekolah dan berada di sekolah. Melalui cara inilah, kita akan dapat mampu mengelakkan terjadinya kes keciciran sekolah ataupun ponteng sekolah. Satu modul persekolahan khususnya di peringkat sekolah menengah bermula daripada Tingkatan Satu perlu dirangka bagi mewujudkan perasaan seronok ke sekolah.

Melalui modul itu, murid dan pelajar akan diberi pemahaman bahawa sekolah bukan sekadar datang belajar, balik rumah buat kerja sekolah dan kemudian ambil periksa tetapi mereka- dicadangkan diterapkan dengan satu modul yang mana mereka berasa lebih seronok berada di sekolah berbanding di rumah. Maknanya modul tersebut bukanlah menumpukan kepada pembelajaran yang berpandu kepada buku teks sahaja tetapi juga aktiviti-aktiviti lain termasuklah dalam bidang kemahiran.

Tuan Pengerusi, menyentuh butiran 010200 – Pendidikan Rendah. Saya ingin menggesa kepada Kementerian Pendidikan untuk mengatasi segera masalah bebanan buku teks yang dibawa oleh murid-murid ke sekolah. Perkara ini sudah banyak kali dibincangkan. Apa yang dibangkitkan ini bukanlah isu baru tetapi ke hari ini, ia seolah-olah tidak ada penyelesaiannya walaupun kementerian sudah menyatakan buku teks yang disediakan sudah mencukupi tetapi terdapat sekolah-sekolah yang membebankan murid-murid dengan buku-buku kerja sekolah tambahan sehingga akhirnya memaksa mereka membawa beg yang berat ke sekolah.

Keadaan ini adalah tidak baik untuk kesihatan murid-murid itu memandangkan kalau diperhatikan dari segi tubuh badan murid darjah satu hingga darjah enam, mereka tidaklah sebesar mana. Kadangkala bak kata orang beg pula lebih berat daripada murid tersebut.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan jika sekolah-sekolah mahu juga mengekalkan buku-buku kerja sekolah, mereka perlu menyediakan tempat khas di sekolah masing-masing bagi murid-murid menyimpan buku-buku yang lain itu. Kalau di negara-negara maju Tuan Pengerusi, murid-murid tidak bawa buku pulang ke rumah. Kalau dibawa pulang pun hanya dalam jumlah yang kecil bagi menyiapkan kerja sekolah sahaja.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan berikutan ledakan teknologi maklumat sekarang, penggunaan buku teks dalam peringkat rendah perlu dikaji semula. Sebaliknya pembelajaran boleh diikuti melalui penggunaan tablet atau PC. Mungkin perkara ini akan melibatkan kos yang tinggi tetapi kaedah para guru menggunakan tablet atau PC tersebut untuk mengajar murid-murid mereka manakala murid-murid hanya perlu memiliki buku kerja sekolah sahaja dan mereka akan dibekalkan dengan nota-nota pembelajaran untuk belajar di rumah.

Melalui cara ini, saya percaya penggunaan buku teks dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dapat dikurangkan. Lagipun dalam zaman sekarang, kita ini tidak boleh terus dengan perkataan lama memaksa murid-murid sekolah rendah terlalu menumpukan pemerhatian kepada peperiksaan kerana usia mereka masih terlalu muda. Sepatutnya di sekolah rendah adalah peringkat bagi mendidik mereka untuk seronok dengan alam persekolahan dan bukan mewujudkan perasan takut bahawa alam itu penuh dengan buku dan kerja-kerja sekolah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan mengenai kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu khususnya di SKJC. Pada bulan lalu, Pengerusi Majlis Bahasa Cina Malaysia, Datuk Wang Hong Cai mendedahkan bahawa penguasaan bahasa Melayu yang lemah serta sukar memahami sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu punca utama kira-kira 30 peratus daripada pelajar kaum Cina keciciran di peringkat sekolah. Saya amat bersimpati dengan keadaan ini dan berpendapat, kementerian perlu mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut. Bayangkanlah walaupun sudah berada di peringkat sekolah menengah ada antara mereka tidak dapat menguasai dan memahami Bahasa Melayu.

Oleh itu, saya menggesa Kementerian Pendidikan untuk melakukan langkah bagi mengatasi masalah ini. Saya berpendapat satu kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar seumpama itu. Langkah ini perlu dilakukan kerana kita tidak mahu kelemahan penguasaan Bahasa Melayu itu akan dijadikan alasan oleh pihak-pihak tertentu untuk membuat tuntutan supaya Bahasa Melayu tidak diwajibkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Mahu tidak mahu sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menguasai bahasa Melayu.

Dalam Dewan yang mulia ini pun ramai di kalangan Yang Berhormat di kalangan kita yang bukan Melayu menguasai Bahasa Melayu dengan fasih. Syabas dan tahniah kepada mereka. Mereka adalah contoh dan ramai lagi pelajar-pelajar bukan Melayu mempunyai kemahiran tersebut. Oleh itu janganlah nanti kerana hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak boleh menguasai bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan maka kementerian didesak untuk melonggarkan syarat kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Yang Berhormat Baling pun hebat Bahasa Melayu. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

12.27 tgh.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bahas tentang Bekalan 63...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Minta tarik balik.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]:laitu di bawah Kementerian Pendidikan. Saya hendak sentuh tentang butiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tuduh bukan Melayu Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Butiran 010200 – Pendidikan Rendah. Di sini saya hendak sentuh bahawa dua hari sebelum semasa pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Pekan membuat satu pengumuman bahawa dalam bajet tahun yang akan datang ini, kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM654 juta bagi pembinaan empat pra-sekolah, sembilan pusat PERMATA termasuk dua pusat baharu untuk kanak-kanak autisme, 48 buah sekolah rendah, menengah dan kolej vokasional serta sebuah pusat matrikulasi.

Saya rasa ini adalah satu peruntukan yang cukup besar. Saya rasa ini juga satu pengumuman yang bagus dan saya sokong juga. Akan tetapi yang saya rasa kecewa adalah walaupun dua hari sebelum Yang Amat Berhormat Pekan membentangkan bajet, Kementerian Pendidikan membuat satu pengumuman di Putrajaya di mana memaklumkan bahawa MOE telah meluluskan 10 buah sekolah SKJC yang baru dan enam buah sekolah SKJC untuk berpindah. Jadi saya telah menghantar satu soalan kepada Kementerian Pendidikan, saya hendak tanya daripada RM654 juta ini berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk pembinaan 10 tambah enam SKJC yang baru ini?

Akan tetapi jawapan yang saya terima beberapa hari dahulu menyatakan bahawa semua ini masih dalam rancangan, jadi tidak ada satu maklumat yang teliti ataupun yang terperinci untuk menyatakan berapa peruntukan telah disediakan untuk pembinaan sekolah SKJC baharu ini. Jadi saya tidak faham, pengumuman sudah dibuat, kelulusan sudah diberi dan kalau mengikut sidang media ataupun kenyataan media menyatakan bahawa sebenarnya pembangunan ataupun pendidikan- mendirikan sekolah baru ini akan bermula pada tahun yang akan datang.

Sekarang sudah bulan November, hujung bulan November. Satu bulan lagi sepatutnya kerja untuk membina sekolah baru ini sepatutnya bermula. Akan tetapi sampai sekarang apabila kita hendak tanya berapa peruntukan yang telah disediakan, masih tidak ada jawapan. Jadi di sini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan sahaja boleh memaklumkan Dewan ini berapa peruntukan yang telah disediakan untuk sekolah baru SKJC baharu ini tetapi juga beberapa isu yang saya sentuh.

■1230

Kedua ialah tentang tanah sama ada tanah ini adalah daripada tanah *reserve* pendidikan ataupun yang ketiga ialah sama ada siapa yang akan membina sekolah ini. Saya juga hendak merujuk kepada satu jawapan kepada Yang Berhormat Batu Kawan di mana beliau bertanya bahawa SJK(C) Sungai Bakap ini bila akan dibina, kos pembinaan dan siapa yang akan membina. Daripada jawapan itu menyatakan bahawa untuk sekolah SJK(T) Sungai Bakap ini peruntukan sebanyak RM3.5 juta telah disediakan tetapi pembinaan projek ini dilaksanakan sendiri oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Jadi saya hendak tanya 10 buah SJK(C) yang baru dan enam buah SJK(C) yang berpindah ini akan dibina oleh...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kulai

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekejap ya - akan dibina dan dilaksanakan oleh LPS ataupun Kementerian Pendidikan yang akan buat kerja tersebut. Ini kerana itu sepatutnya tanggungjawab MOE dan bukanlah ditolak kepada LPS untuk membuat kerja-kerja pembinaan.

Kalau- Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan kesemua ini semua tugasnya dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, jadi saya hendak tanya kenapa untuk SJK(C) dan juga SJK(T) ini kita perlu LPS yang jalankan tugas ini dan dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan bangun, ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya ingin menumpang isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai mengenai pembinaan SJK(T) di Sungai Bakap. Pada tahun 2014, Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Hulu Selangor telah menyatakan bahawa Putrajaya masih dalam proses untuk mengenal pasti kontraktor India untuk diberikan tender untuk membina SJK(T) Sungai Bakap.

Jadi saya rasa pelik tahun 2014 dibuat pengumuman ada keluar dalam akhbar NST. Setakat ini saya telah membangkitkan isu ini tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab atau tidak mengendahkan isu ini sama sekali. Sekolah tersebut perlu dibina, satu sekolah baru perlu dibina dan selepas ini saya tidak tahu bila lagi sekolah itu akan dibina. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, saya rasa itu adalah satu isu yang penting walaupun pengumuman sudah dibuat, walaupun kelulusan sudah diberi tetapi...

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Yang Berhormat Kulai boleh benarkan Yang Berhormat Tebrau mencelah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau bangun.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Tebrau duduk. Dulu saya minta laluan *you* tidak bagi. Jadi sekarang- ya saya masih ingat apabila saya minta laluan *you* tidak bagi sekarang jangan minta okey.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Berdendam, dahsyat.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: *[Rakaman kurang jelas]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak payah la Yang Berhormat Kulai. Bajet boleh tidak sokong Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya rasa- pun tak nak. Jadi tak perlu nak bazirkan masa saya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kulai tidak payah banyak cakaplah bajet pun tidak sokong. Minta banyak buat apa?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hendak sambung ucapan saya okey, saya hendak sambung ucapan saya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bajet pun tidak sokong, hari-hari minta macam-macam buat apa. Buang masa sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hendak tanya ini, okey. Sekarang, saya rasa Ahli Parlimen Ayer Hitam mencabar Pakatan Harapan sama-sama bekerjasama untuk pembinaan sekolah baru ini. Saya rasa Pakatan Harapan di sini kami tidak ada masalah untuk sokong dan bekerjasama untuk pembinaan sekolah baru.

Jadi di sini saya hendak tanya oleh sebab di negeri Selangor, Pakatan Harapan kami adalah kerajaan negeri. Jadi kalau kita hendak biarlah LPS untuk menguruskan kerja-kerja pembinaan ini, jadi saya hendak tanya sama ada Kementerian Pendidikan (MOE) bersedia untuk mengizinkan wakil-wakil ADUN daripada Pakatan Harapan untuk duduk di dalam LPS ini dan menjadi pengerusi. Kalau cakap hendak kerjasama biarlah orang Pakatan Harapan, ADUN kami, duduk LPS ini kalau tidak benarkan orang kami duduk di dalam LPS ini, saya hendak tanya apa cara kerjasama ini?

Bukan itu sahaja, saya hendak sentuh juga walaupun nampaknya banyak sekolah baru sekarang telah diluluskan tetapi kelulusan pembinaan ini memang diberi ikut permintaan atau tidak? Saya hendak rujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Dong Zong, okey. Bukan yang saya cakap sahaja, bukan pembangkang yang tidak gembira.

Akan tetapi ini kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Dong Zong. Beliau menyatakan bahawa sebenarnya kelulusan ini tidak ada ikut permintaan tempatan. Beliau beri satu contoh di negeri Selangor, di Dengkil memang sudah ada SJK(C) Dengkil. Kalau ikut data pada tahun 2016 pelajar di sana hanyalah 600 orang.

Akan tetapi kerajaan sekarang menunggu kelulusan untuk membina dua buah sekolah lagi di kawasan tersebut. Jadi saya hendak tanya adakah ini pembinaan mengikut permintaan orang tempatan ataupun permintaan pemaju? Ini juga salah satu kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Dong Zong... [Menunjukkan senaskhah dokumen] Yang menyatakan bahawa kalau kita hendak membina SJK(C) yang baru kita perlu ada satu mekanisme yang sama dengan sekolah kebangsaan, baru lah itu bermakna. Jadi saya minta lah nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh lah memberi satu jawapan.

Saya juga hendak menyentuh tentang peruntukan untuk sekolah rendah. Sebenarnya setakat ini walaupun tiap-tiap tahun adalah RM50 juta untuk SJK(C) tetapi jumlah ini sebenarnya terlalu kecil dan kami rasa cukup kecewa kerana peruntukan untuk tahun ini perlu tunggu sampai bulan November baru sampaikan dan disalurkan. Kenapa tidak boleh buat awal sedikit? Walaupun peruntukan ini ada, tetapi kita tengok SJK(C) Yuk Tse di Tumpat, bumbung sudah bocor, bilik darjah dimakan anai-anai, bilik darjah tidak cukup, permohonan untuk bilik baru, sekolah telah menghantar permohonan untuk meminta bilik darjah yang baru sejak tahun 201,2 sampai sekarang tidak diluluskan.

SJK(C) Chun Yin di Titi, Negeri Sembilan sebuah bangunannya telah disahkan bangunan daif oleh JKR. Permohonan telah dihantar sejak 2015 sampai sekarang masalah ini tidak diluluskan lagi. SJK(C) Liat Choon di Kuala Selangor, bangunan juga mempunyai bangunan daif sampai sekarang minta peruntukan tidak disampaikan lagi. SJK(C) Permatang Tinggi di Bukit Mertajam mintalah 16 buah bilik darjah yang baru. Permohonan ini dihantar selama 12 tahun, sampai sekarang juga tidak ada apa-apa kelulusan daripada kerajaan.

Jadi di sini saya hendak menyebut beberapa sekolah ini sebagai salah satu contoh untuk meminta kerajaan teruslah memberi peruntukan yang lebih besar untuk membantu sekolah-sekolah ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Libaran. Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Parit Sulong ini selalu mendapat peluang ya.

12.37 tgh.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pendidikan merupakan antara faktor penting bagi pembangunan minda generasi. Peluang ini bukan sahaja hanya untuk penduduk bandar, Tuan Pengerusi tetapi juga penting kepada penduduk luar bandar.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih lah kepada kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan kerana memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi membaiki atau membina sekolah-sekolah daif di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh beberapa perkara. Pertamaanya Butiran 03700 - Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak, Butiran 00800 - Rumah Guru, Butiran 00300 - Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan, bahawa ada satu sekolah menengah iaitu SMK Gum-Gum dipohon sejak Rancangan Malaysia Kelapan.

Akan tetapi, saya difahamkan dalam RP2 telah diluluskan untuk pembinaannya. Pentingnya sekolah ini ianya berada di luar bandar di mana sekolah-sekolah rendah lebih kurang ada tujuh di sekitar itu memerlukan sebuah sekolah menengah di mana anak-anak petani, nelayan yang jauh daripada sekolah menengah yang sedia ada.

Jadi saya mohon kepada kementerian supaya melihat keperluan sekolah ini kerana setiap tahun apabila saya menghadiri program-program sekolah di mana ibu bapa menghantar anak-anaknya sentiasa menimbulkan isu mengenai pembinaan sekolah menengah ini.

Jadi saya harap kementerian mengambil serius tentang ini disebabkan bukan sekali saya mengutarakan perkara ini di Dewan ini, bahkan di luar Dewan terhadap kepentingan sekolah ini.

■1240

Satu lagi sekolah menengah iaitu SMK Libaran, saya difahamkan juga bahawa telah diluluskan pembinaannya di mana sekolah ini telah pun wujud menumpang di SK Padas sejak 10 tahun yang lalu. Saya pernah beberapa kali mengunjungi sekolah ini dan sekolah ini sudah tidak menampung kepada pelajar-pelajar yang datang daripada beberapa buah sekolah juga kerana sekolah ini juga adalah di luar bandar.

Jadi kepentingan sekolah ini amat diperlukan bukan sahaja kerana ibu bapa, tetapi kepentingan pendidikan sesuai dengan matlamat Kementerian Pendidikan supaya rakyat dapat secara demokrasinya mendapat pendidikan sama rata baik di bandar, di luar bandar, di pulau dan sebagainya. Jadi saya memohon supaya kementerian juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga memohon di atas peruntukan RM1 bilion ini di mana sekolah kebangsaan di kawasan saya dibina sejak zaman penjajahan lagi dan dibina juga masa pra kemerdekaan. Jadi sudah tentu sekolah-sekolah ini banyak kekurangan bukan sahaja daripada bilik darjahnya, tetapi daripada segi bangunannya. Jadi sekadar menyebut beberapa sekolah iaitu SK Nunuyan, SK Sungai Tiram, SK Gum-Gum Kecil, SK Tanjung Pisau, SK Sibugal Kecil, SK Ladang Sandak dan SK Rancangan Lubuh.

Saya sebut sekolah-sekolah ini kerana sekolah-sekolah ini sememangnya perlu diperbaiki dan ada sekolah perlu juga bangunan baru. Jadi diharapkan bukan sahaja kita mendengar bahawa RM1 bilion ini memang sudah cukup, tetapi apa yang saya maksudkan supaya keadilan terhadap pembahagian peruntukan ini haruslah juga diagih-agihkan ke kawasan yang sangat memerlukan seperti kawasan saya, kebanyakannya di kawasan luar bandar dan juga di kawasan pulau.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu mengenai di Hab Pendidikan Sandakan ini. Beberapa tahun yang lalu, kerajaan telah mengumumkan bahawa diperuntukkan sebuah sekolah seni yang beroperasi juga menumpang di SMK Elopura Bestari. Kita tahu SMK Elopura Bestari ini juga mempunyai ramai murid.

Jadi sekolah seni yang diwujudkan pertamanya di Sabah yang berada di Sandakan ini sudah tentu dialu-alukan oleh bukan sahaja masyarakat atau penduduk di Libaran, tetapi seluruh negeri Sabah. Kalau saya lihat kedudukan sekolah seni ini iaitu pada tahun 2013 mula diwujudkan, menumpang di SMK Elopura Bestari, muridnya hanya 120 orang tetapi meningkat pada tahun pada 2014, seramai 280 orang. Pada tahun 2015, ia meningkat 200 peratus sehingga 820 orang murid yang mengambil kursus yang ditawarkan sebanyak empat kursus iaitu muzik, tari, visual dan juga teater.

Kita tahu di Sabah Tuan Pengerusi, kita mempunyai ramai suku di Sabah ini dan setiap suku itu mempunyai seni masing-masing. Jadi sudah tentu bila ada wujudnya sekolah seni ini, sudah tentu ramai pelajar yang berminat mengambil bahagian. Tuan Pengerusi, saya juga hairan kenapa sekolah begini penting dan telah diumumkan bahawa peruntukan sudah tersedia sebanyak RM70 juta di mana sebenarnya kekangan yang dihadapi oleh pihak kementerian sama ada di pihak teknikalnya ataupun dari mana sumber sehingga sekolah ini tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, kebetulan hab pendidikan ini walaupun sekolah seni ini melibatkan seluruh negeri Sabah tetapi kerana hab pendidikan di Sandakan ini terletak di kawasan saya, sudah tentu sebagai wakil rakyat, amat bertanggungjawab atas isu-isu yang berkaitan. Jadi kita tidak mahu bahawa ia hanya diletakkan kepada kawasan Libaran sahaja tetapi sudah tentu kita harap daripada pihak kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, seterusnya Pejabat Pendidikan Daerah. Untuk melihat keseluruhannya ini, sudah tentu kementerian menjadi teras utama supaya melihat pelaksanaannya dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Satu lagi isu Tuan Pengerusi ialah mengenai pembinaan sekolah teknik ataupun vokasional. Pada empat tahun yang lalu iaitu kebetulan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan sewaktu itu telah mengumumkan juga bahawa sekolah teknik di Sandakan ini dinaiktarafkan menjadi kolej vokasional di Sandakan diletakkan juga di hab pendidikan, lokasinya sudah ada. Maksud saya tanah sudah dilaksanakan dan diumumkan waktu itu peruntukannya telah diluluskan RM60 juta, tetapi sehingga hari ini sekolah ini juga belum dibina. Jadi saya berharap kepada kementerian juga harus melihat perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

12.48 tgh.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus merujuk kepada Butiran 050100 iaitu Dasar Pendidikan dan juga Butiran 050200 iaitu Penilaian.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya saya rasa kita akan selepas persidangan ini, kita akan menghadapi PRU ke-14. Saya rasa dalam satu perkara di mana yang sangat fokus ataupun sangat dialu-alukan oleh masyarakat Cina ialah isu pengiktirafan sijil UEC. Akan tetapi nasib amat malang sekali sehingga sekarang, saya masih belum menerima apa-apa berita baik daripada pihak kerajaan. Ketika penggulungan Menteri Pendidikan, Menteri Pendidikan telah pun mengatakan pengiktirafan sijil UEC ia kekal *status quo* kerana tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Itu pendirian kerajaan buat masa itu tetapi pada hari semalam, kalau tidak silap, saya merujuk kepada laporan media, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Senator Datuk Chong pula mengatakan bahawa sebenarnya penilaian untuk sukatan pelajaran UEC telah pun disiapkan dengan sepenuhnya. Cuma tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat pengumuman mengenai pengiktirafan sijil UEC.

Jadi dalam perkara ini, saya rasa pihak kerajaan mestilah mempunyai satu pendirian di mana jikalau boleh, saya berharap pihak kerajaan dia perlu menjawab di dalam Dewan yang mulia ini, adakah sijil UEC akan diiktiraf pada tahun depan ataupun akan diiktiraf selepas persidangan ini. Itu saya rasa sangat penting kerana kita perlu menjawab kepada semua rakyat negara kita.

■1250

Untuk makluman Dewan ini juga, sebelum PRU Ke-13, masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Hou Kok Chong, ketika kempen pilihan raya dia kata, kalau sijil UEC tidak diiktiraf, beliau tidak akan bertanding lagi. Akan tetapi saya rasa minggu yang lepas beliau baru umumkan bahawa dia akan menjadi calon di kawasan Parlimen Tebrau. Inilah janji yang ditepati bagi pihak MCA.

Saya rasa bagi kerajaan ataupun bagi pemimpin-pemimpin tertinggi negara kita yang menunaikan janji mereka, sebenarnya memastikan bahawa sijil UEC ini dapat diiktiraf. Saya sudah banyak kali berkata di dalam Dewan ini. Sijil UEC merupakan satu sijil yang diiktiraf oleh keseluruhan universiti-universiti terkemuka di dunia. Universiti Oxford, Cambridge, termasuk universiti di Singapura *and* US. Mereka boleh iktiraf UEC tetapi saya tidak lihat mengapa universiti-universiti awam kita tidak boleh menerima sijil UEC.

Tuan Pengerusi, untuk perkara yang kedua iaitu Butiran 01100 - Bantuan Modal, 03900 - Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri, Butiran 00102 - Rendah Akademik, dan Butiran 00201 - Menengah Akademik.

Dalam perkara ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana saya dimaklumkan peruntukan penambahbaikan dan juga penyelenggaraan untuk sekolah pada tahun 2017, bajetnya adalah sebanyak RM600 juta. Akan tetapi bajet untuk tahun 2018 telah pun dikurangkan sehingga RM550 juta.

Jadi, apakah sebabnya peruntukan itu dikurangkan kepada semua jenis aliran sekolah? Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, kalau sebelum ini, tahun 2014 dan juga tahun 2015, nama 'sekolah menengah jenis kebangsaan Cina' ada diberi peruntukan dan juga ada disebut namanya di dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi perkataan 'sekolah menengah jenis kebangsaan Cina' telah pun hilang sejak ucapan Bajet 2017 dan ucapan Bajet 2018. Adakah itu bermaksudnya pihak kementerian pendidikan menganggap bahawa sebenarnya SMJK ini telah pun mempunyai peruntukan yang cukup, tidak perlu di tambah baik? Atau pun mereka tidak perlu melakukan apa-apa kerja penyelenggaraan?

Jadi, saya rasa dalam perkara ini saya amat berharap, selaku Ahli Parlimen dan juga sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kepada semua rakyat, saya rasa kita memang setuju untuk bagi pihak kerajaan menurunkan peruntukan kepada setiap jenis aliran sekolah. Supaya memastikan anak-anak kita dapat belajar di dalam satu sekolah, dalam keadaan yang selamat.

Sama juga kepada warga guru kita ataupun pegawai-pegawai ataupun staf yang bertugas di sekolah. Saya rasa itu adalah sangat penting dan kita haruslah juga memastikan bahawa segala peruntukan yang telah pun dijanjikan oleh pihak kerajaan dapat diturunkan pada tahun tersebut. Jangan mengulangi apa yang telah pun berlaku pada tahun 2017. Perkara yang berlaku pada Bajet 2016 ini saya rasa itu sesuatu yang sangat serius dan tidak boleh diterima.

Cuba bayangkan, tahun ini tahun 2017 tetapi kebanyakan sekolah-sekolah kita masih menerima- baru sahaja menerima peruntukan-peruntukan yang dijanjikan ketika pembentangan Bajet 2016. Saya rasa itu adalah sesuatu yang perlu diperbetulkan oleh pihak kerajaan.

Akan tetapi saya lihat ada kemajuan ataupun perkembangan, di mana pihak kementerian telah pun beransur-ansur menurunkan peruntukan yang telah pun dijanjikan. Saya berharap usaha yang sama akan diteruskan dan saya juga amat berharap segala yang telah pun dijanjikan pada tahun 2017 dapat diturunkan sebelum cuti sekolah. Ini kerana semasa cuti sekolah, pihak sekolah boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk membuat kerja-kerja penambahbaikan dan juga kerja-kerja penyelenggaraan. Sekian perbincangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong.

12.55 tgh.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Maksud B.63 Butiran 010200 - Pendidikan Rendah.

Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan tahniah kepada anak-anak yang telah mendapat keputusan UPSR di kawasan Parlimen Parit Sulong dan juga pada ibu bapa mereka dan juga terima kasih kepada guru-guru yang telah memberi pendidikan kepada anak-anak ini. Seterusnya, berkaitan perkara ini, KPM ada memperkenalkan satu cara pelaporan pentaksiran sekolah rendah ataupun pelaporan holistik dan bermakna untuk saya percaya ini adalah untuk mengenal pasti dan menentukan hala tuju UPSR itu sendiri.

Ada beberapa perkara yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian. Pertama, saya hendak meminta penjelasan mengenai saling kait antara empat jenis pelaporan yang dikeluarkan bersama dengan keputusan UPSR 2017. Bagaimanakah cara kerjasama dan juga peranan ibu bapa, masyarakat dan kerajaan yang boleh di buat untuk menjayakan objektif pendidikan rendah ini? Apakah pula bila keputusan itu ada, bila laporan ini ada, soalan seterusnya adalah- sebab ianya hasil daripada itu. Apakah pula yang murid akan dapat daripada keputusan pentaksiran yang diberikan ini? Jadi, saya memohon penjelasan. Oleh sebab ini saya dimaklumkan adalah baru diperkenalkan pada tahun 2017.

Seterusnya, bagi Maksud B.63 Butiran 010300 - Pendidikan Menengah. Saya bacakan bersekali dengan Butiran 020100 - Pembangunan Infrastruktur. Saya hendak mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga yang telah menjawab soalan saya di dalam Kamar Khas Parlimen pada 24 hari bulan Oktober. Saya mengambil maklum daripada respons KPM yang bersetuju bahawa bangunan JKR 935 SMK Semerah akan dirobohkan kerana ianya tidak lagi ekonomik untuk dibaiki dan ia akan dimasukkan di bawah senarai keutamaan Projek Sekolah Daif 2018 dengan gantian enam bilik sekolah menggunakan kaedah IBS.

Sebelum ini juga, pihak KPM telah memberi maklum balas bahawa proses membaik pulih semula bangunan usang di SMK Semerah ini akan di bawa ke dalam *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas pada tahun 2018.

Jadi, ada beberapa soalan yang saya hendak susulkan di bawah butiran ini. Daripada peruntukan di dalam Bajet 2018 ini, berapakah jumlah peruntukan di bawah tajuk ini yang di peruntukan untuk SMK Semerah di bawah Projek Sekolah Daif 2018?

Seterusnya, ini kerana saya bimbang dan khuatir ia akan mengambil masa yang lama. Baru-baru ini pula ada terbakar di sekolah yang sama. Maka, kerana itulah saya mohon perhatian KPM mengenai perkara ini agar ianya kita tidak perlulah untuk tunda lagi, memandangkan ia adalah berada di peringkat keperluan.

Jadi, soalan seterusnya apakah tindakan pihak kementerian untuk memastikan *wiring* dekat sekolah-sekolah ini semua dapat di naik taraf? Kita tidak mahu ia berulang lagi di sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Seterusnya, bagi Maksud B.63 Butiran 020000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif Pembelajaran Abad Ke-21 secara rintis tahun 2014. Kemudian ia luaskan ke seluruh negara tahun 2015. Jadi, maklum balas yang saya terima daripada sekolah-sekolah, terutamanya bila dijemput untuk merasmikan program-program anugerah kecemerlangan atau PIBG, didapati bahawa kosnya adalah sesuatu yang mencabar dan memerlukan kos yang sangat tinggi.

Walau bagaimanapun, saya akur dan faham ia adalah prasyarat yang sangat penting untuk menggalakkan iklim pembelajaran berkesan bagi memastikan pendidikan negara kita ini setaraf dengan negara maju. Jadi, sehubungan dengan itu, persoalan yang saya hendak bangkitkan pada pihak kementerian adalah bagaimana kementerian membuat agihan secara terperinci antara sekolah-sekolah bandar dan juga sekolah-sekolah di luar bandar? Apakah jenis justifikasi pemilihan sekolah-sekolah yang akan mendapat peruntukan di bawah butiran ini?

Seterusnya, berapakah jumlah kelas pelajar pintar yang telah diwujudkan di seluruh negara? Di bawah butiran ini juga, saya hendak juga mendapat maklumat untuk kawasan Parlimen Parit Sulong, berapakah pula peruntukan yang telah di peruntukkan berkaitan perkara yang saya bangkitkan? Seterusnya, Butiran 030200...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Panjang lagi kah Yang Berhormat? Sambung petang, empat minit.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong, empat minit 25 saat.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus ke B.63 Butiran 030200. Ini mengenai perkara pembangunan profesional.

Dalam memastikan kejayaan pendidikan abad ke-21 ini, guru saya kira merupakan faktor yang paling penting bagi memastikan kaedah kejayaan pembelajaran ini. Jadi oleh itu, saya percaya guru pun perlu berusaha dengan lebih cemerlang dalam profesion pendidikan agar dapat menangani pelbagai cabaran pembelajaran abad ke-21. Kefahaman guru tentang keperluan dan kemahiran membantu dalam menentukan strategi pengajaran terbaik agar dapat diintegrasikan secara berkesan di dalam bilik darjah. Guru juga perlu peka terhadap potensi dan minat anak murid supaya mereka dapat dibimbing untuk memilih aliran sesuai sekali gus digilap ke tahap paling maksimum.

Soalan saya berkaitan perkara ini, sejauh manakah perancangan Kementerian bagi perkembangan profesional guru-guru abad ke-21? Sehingga kini, berapa ramai guru-guru yang telah dilatih dengan kemahiran penggunaan ICT dan kemahiran mengenai pembelajaran abad ke-21?

Seterusnya, soalan saya, adalah apakah perancangan Kementerian bagi memastikan kurikulum ataupun modul pembelajaran di peringkat IPG dapat diselaraskan dengan keperluan pendidikan pembelajaran abad ke-21 agar guru-guru baru terutamanya telah bersedia dan juga mahir dengan kaedah pengajaran dan pendidikan abad ke-21?

Ini kerana mengikut satu kajian yang dibuat oleh NUTP, setengah guru muda ini mempunyai masalah keyakinan diri semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan perlu dibaiki komunikasi khususnya dengan ibu bapa serta perlu mempertingkatkan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar di dalam kelas.

Seterusnya, Butiran 050000 – Dasar, Penilaian dan Pengurusan Prestasi. Dia ada satu kajian yang dibuat oleh NUTP juga pada tahun 2014 yang mendapati bahawa 70 peratus daripada 9,000 guru yang terlibat dalam kajian itu mengalami tekanan ataupun stres kesan daripada beban tugas guru dan juga mungkin kerenah pengetua, ibu bapa, kerani dan juga pelajar.

Saya kira fenomena itu menyebabkan setengah daripada mereka itu mengambil pencekopsan awal. Jadinya, kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa fenomena peninggalan profesion ini dan untuk bersara awal sering dikaitkan dengan perubahan kurikulum baru dalam sistem pendidikan negara. Perubahan ini dikatakan menyebabkan senarai tugas guru semakin banyak dan harapan masyarakat kepada guru juga semakin tinggi sedangkan keadaan lain seperti sistem sokongan dan infra tidak banyak berubah.

Soalan saya adalah berapa jumlah guru yang bersara awal daripada tahun 2010 hingga 2016 disebabkan stres? Saya juga hendak *figure* ini untuk Daerah Batu Pahat. Juga, apakah status dan peranan jawatankuasa dalam menangani beban kerja guru yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan sebelum ini? Apakah inisiatif baru Kementerian bagi mengatasi perkara ini? Juga, berapakah jumlah pembantu guru untuk tugas pengkeranian yang telah dilantik sehingga kini?

Terakhirnya adalah Butiran 062900 – Program Sekolah Amanah. Saya cuma hendak tahu bagaimana cara pemilihan Program Sekolah Amanah ini dan saya hendak tahu di Johor, ada berapa banyak yang telah dipilih untuk bersama-sama dalam Program Sekolah Amanah? Saya juga hendak tahu bila Program Sekolah Amanah ini boleh dibuat dalam kawasan Parlimen Parit sulung. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, PKR sudah, DAP sudah.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Bukit Gantang belum, PAS belum.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: PAS. Yang Berhormat Bukit Gantang, sila. Ramai tak yang hendak berbahas?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai ya. Ya, sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

2.37 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Saya hendak berbahas berkenaan dengan Butiran 00700 – Pendidikan Guru - Maktab Perguruan. Jadi saya hendak bangkitkan berkenaan dengan pertukaran 11 kampus IPG kepada institusi bukan latihan perguruan iaitu dua kampus PERMATA, satunya TVET dan juga lapan lagi ialah kolej vokasional.

Penutupan ini sudah tentu memberikan beberapa implikasi. Antara persoalan saya ialah berapakah pensyarah yang terlibat daripada 11 kampus ini?

Kedua, ke manakah mereka ini hendak ditempatkan?

Ketiga, berapakah kos pengubahsuaian kampus ini? Sudah tentu apabila penggunaan IPG yang biasa hendak ditukarkan kepada TVET ataupun vokasional khususnya, ia memerlukan peralatan-peralatan yang lebih besar dan juga melibatkan kos yang banyak. Jadi persoalan saya, berapakah kos pengubahsuaian kampus ini?

Keempatnya, ke manakah kepakaran mereka ini? Kerana terdapat di IPG ini terdiri dari kalangan mereka yang pakar di dalam bidang-bidang tertentu. Maka, di manakah mereka ini untuk ditempatkan? Adakah hendak balik ke sekolah biasa ataupun hendak pergi ke PPD atau ke pejabat di peringkat pusat? Ini persoalan yang ditimbulkan.

Begitu juga dengan hal yang berkaitan dengan soal IPG. Dilaporkan kepada saya ialah yang kita lihat reaktor ataupun pengarahnya itu terdiri dari kalangan mereka yang sudah lanjut usia, yang kadang-kadangnya hendak pencen sudah di tempat situ. Sepatutnya letaklah reaktor ini terdiri dari kalangan mereka yang boleh duduk tiga hingga lima tahun supaya mereka boleh merancang perancangan-perancangan yang boleh mereka buat sewaktu mereka berada di IPG tersebut. Kalau letak mereka yang sudah hendak transit untuk hendak pencen ini, saya rasa sudah tepu dah, dia pun kadang-kadang pun sudah tidak ada idea untuk membawa perubahan atau perkembangan pendidikan.

■1440

Begitu juga berkenaan dengan purata tenaga pensyarah di IPG. Di sana kadang-kadang tidak wujudnya keseimbangan kerana kebanyakannya terdiri dari kalangan mereka yang sudah berumur 50 tahun. Sepatutnya biar ada satu daripada 30 tahun, 40 tahun dan 50 tahun. Sekurang-kurangnya dia mempunyai satu penyusunan yang baik dari segi pelapis untuk pentadbiran dan juga pengalaman. Di sana saya juga hendak bertanya berkenaan dengan wujud pertindanan antara kursus yang dianjurkan di IPG dekat dengan IPTA dan juga IPTS, berkenaan dengan sarjana muda pendidikan ini.

Saya juga mencadangkan supaya pihak kementerian dalam soal rektor ini biarlah IPG terdiri daripada kalangan mereka yang mempunyai kelulusan PhD di dalam yang kita tempatkan kerana zaman hari ini, zaman yang orang perlu nilai dari segi akademik tadi. Begitu juga kampus lama yang mempunyai nilai sejarah perlu dikekalkan. Macam kita tengok UPSI hari ini, sudah jadi UPSI tetapi sudah bercampur dengan program-program lain sepatutnya UPSI dikekalkan sebagai IPG sebenarnya.

Ia mempunyai nilai *heritage* ataupun nilai sejarah yang lama. Begitu juga, pastikan sekurang-kurangnya IPG di setiap negeri itu ada. Saya pun tidak faham kerana satu-satunya maktab perguruan di Kelantan ataupun di Kota Bharu yang ditutup sedangkan itu merupakan maktab perguruan, satu-satunya yang berada di Pantai Timur di Kelantan. Sebagaimana kita tahu, orang Kelantan ini, orang yang cerdik fasal kes dia makan budu banyak *kot*, jadi otaknya cergas. Jadi kita lihat, tiba-tiba maktab perguruan ini tidak ada di sana. Agak malanglah kepada kita.

Begitu juga pastikan kualiti guru-guru. Maksudnya di IPG ini kena buat kursus juga. Cikgu-cikgu ini kita tengok kadang-kadang ada juga, tadi disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong mengatakan guru-guru yang muda-muda, satu hal lah. Kadang-kadang yang tua-tua pun sama juga. Apabila sudah tua-tua ini, dia pun sudah tepu dia mari pejabat pun sudah tidak ada idea dan sebagainya. Kadang-kadang kena *refresh* balik. Mereka ini kena panggil jugalah kursus, buat di IPG-IPG yang berada di seluruh negara supaya ada pembaharuan mereka dari segi P&P dan sebagainya.

Saya hendak bangkitkan berkenaan dengan Butiran 020600 – Pembangunan Kurikulum. Hari ini kita telah pun diumumkan, keluar keputusan UPSR. Tahnihlah kepada anak-anak kita. Persoalannya, hari ini masih lagi orang *dok* bincang. Saya pun mendapat maklumat daripada kawan-kawan saya yang duduk di kementerian. Mereka pun memikirkan bagaimana di negara kita ini, masih lagi *dok* memikirkan tentang *exam-oriented*? Dulu sudah ada seperingkat, kita ada Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang telah pun dibuat. Tiba-tiba kita sudah tidak ada kerana ada kompelin, kerana mak ayah tengok *result* jatuh dan sebagainya. Jadi persoalannya, baguslah kita tengok *result* baik ini.

Jadi sehinggakan kadang-kadang kita tengok, mak ayah pun *stress*. Hari ini hendak tunggu keputusan ini, mak ayah *stress*. Macam kita dululah, pernah tunggu anak keputusan kita. Anak relaks sahaja. Mak ayah yang *stress* kerana nanti datang pejabat nanti, kebetulan pula kadang-kadang ada sesetengah itu, mak ayah cikgu. Sampai dekat sekolah, anak-anak orang lain dapat 5A, tiba-tiba anak cikgu ini pula dapat 3A atau 2A jadi terkesan.

Jadi persoalannya ialah adakah *exam-oriented* ini- kerana yang kita lihat, yang cerdik itu cerdik, yang kurangnya agak ketinggalan. Apabila *exam-oriented* ini akhirnya kita melahirkan orang yang hanya boleh menghafal semata-mata. Kadang-kadang mereka ini tepu. Sebab itu setengahnya mereka pula apabila mereka dilantik menjadi pimpinan dan sebagainya, otak mereka walaupun dapat *result* baik, dapat keputusan baik dari segi kepimpinan tidak ada, dari segi *soft skills*-nya, dari segi komunikasinya, agak kurang. Dari segi akademik, baik. Apakah kita hendak lahirkan manusia yang seperti begini? Sebab itu saya mengharapkan supaya ini difikirkan oleh pihak kementerian.

Hatta kadang-kadang sampai ke pendidikan peringkat awal, ini saya rasa sudah pun kita tengok sudah pun tersasar. Pendidikan awal seperti mana pendidikan pra sekolah. Budak lima, enam tahun, kita sudah pun diasak dengan soal *exam-oriented*. Sedangkan waktu ini, sepatutnya mereka hanyalah boleh melibatkan soal untuk bersosialisasi, untuk menghormati, ada etika, ada moral, ada akhlak, menghormati mak bapa, menghormati cikgu, menghormati orang tua dan juga menghormati rakan-rakan yang lain. Benda ini, benda yang sudah kita tidak tekankan sebaliknya tekannya ialah soal berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan gred ataupun keputusan yang hendak kita dapat. Maka hari ini, kita boleh tengoklah apa yang berlaku kepada pelajar-pelajar kita hari ini walaupun kita tengok ada kecerdikan sebagainya tetapi mengalami masalah moral yang begitu berat.

Mungkin timbul persoalan berkenaan macam mana kita hendak pula untuk hendak ambil pelajar-pelajar ini hendak saringan untuk masuk ke MRSM, untuk ke sekolah berasrama penuh. Mungkin ada masalah sebab mekanisme ini kena fikirkan mungkin kita boleh membuat satu peperiksaan untuk ketika hendak masuk itu, bukan bergantung kepada semata-mata dengan akademik diperoleh melalui UPSR sebagainya tetapi biarlah merekanya terdiri dalam kalangan orang yang mempunyai kelayakan dan mereka juga boleh menjadi orang yang sentiasa boleh berhadapan dengan hal ini. Walau bagaimanapun kita tahu untuk membuat PBS ini sebagaimana negara-negara maju, pendidikan mereka, saya pun tidak tahu mungkin fasal yang selalu dibuatnya, konsultansi kita daripada negara maju tetapi kenapa benda ini tidak dibuat di Malaysia?

Ini kerana kita lihat di negara-negara seperti mana UK dan sebagainya, apabila buat penilaian berasaskan sekolah ini, dia ada di sana penolong guru ataupun pembantu guru. Pembantu guru ini, dia akan menyediakan P&P. Dia akan menyediakan *key-in data*. Dia akan buat kerja perkeranian. Macam cikgu ini masuk, dalam konteks hanyalah untuk hendak memberikan tentang pendidikan dan juga menaikkan sahsiah diri anak-anak tadi.

Seterusnya ialah berkenaan dengan Butiran 060300 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM. Saya hendak menyentuh bagaimana ada satu macam Yang Berhormat Sungai Petani pernah sebut semalam berkenaan dengan di tempat saya juga ada satu blok, bukan satu blok, satu kawasan perumahan cikgu yang sudah pun saya ingat hampir 15 tahun dah tidak digunakan. Hari ini habis perabot, geng-geng mat pit ambil semua. Perabot habis, *wiring* semua habis mereka angkat sedangkan ini satu kerugian.

Saya anggarkan mungkin kalau kita bayangkan ada tengok dekat 100 unit, menjangkau sampai beratus juta wang kerajaan buat. Persoalan saya ialah apabila hendak buat benda ini, biarlah kerajaan melihat dasar keperluan setempat yang dikehendaki oleh guru-guru yang hendak berada di situ.

Akhir sekali, saya hendak tanya berkenaan Sekolah Rendah Kampung Jelapang yang dekat dengan simpang, yang sudah terbengkalai lama dan tidak didirikan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi Timbalan [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Ya, Yang Berhormat Tebrau.

2.48 ptg.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sebelum saya mula dengan hal-hal yang lain, izinkan saya respons sedikit kepada tuduhan Yang Berhormat Kulai tadi berkenaan dengan beberapa perkara.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Butiran apa ini?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Saya rasa respons pihak kementerian ada wakil di mana dua timbalan menteri di sini. Adakah Yang Berhormat Tebrau sekarang ini Timbalan Menteri Pendidikan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tidak mengapa, tidak mengapa. Saya-Berkeanaan dengan pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, yang 10 buah sekolah baru dan enam buah sekolah dipindah ini, pada keseluruhannya, masyarakat Cina memang menyambut baik tetapi kepada pihak yang sebelah sana, ini menjadi duri di dalam daging. Oleh kerana kita tengok mana-mana apabila masyarakat Cina dengar, mereka tepuk tangan, mereka gembira. Akan tetapi apabila pihak satu lagi sebut tentang perkara ini, mereka begitu marah, begitu garang seolah-olah ini satu perkara yang tidak baik.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Tebrau. Bolehkah?

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Okey, okey. Saya hanya ada 10 minit sekarang.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Boleh sebut mana pihak yang marah tak? Yang Berhormat Tebrau.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Jadi ini...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Tebrau. Ini satu tuduhan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Pihak MCA *running dog* ini.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Berkeanaan dengan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Pihak MCA *running dog*.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Berkeanaan dengan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini tohmahan-tohmahan yang tidak benar.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...DariPADA segi kewangan, Presiden MCA sudah janji bahawa MCA akan *take care* dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah sebut... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat lain diam, ya Yang Berhormat.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Semasa Perhimpunan Agung MCA, bahawa apabila kerajaan luluskan sekolah ini, kerajaan akan bantu. Jadi kita tetap tidak akan minta derma daripada DAP.

■1450

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Segambut.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Kita tetap tidak akan...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tebrau...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau, duduk ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: ...Membawa isu-isu kepartian dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: DAP, MCA mana mereka dapat dana untuk pendidikan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sana pun samalah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Cakap politik, apa...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Tebrau, duduk Yang Berhormat. Duduk sekejap. Duduk, duduk.

Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua baru bagi petua-petua, nasihat-nasihat kepada semua wakil rakyat yang memang layak, cerdik, pandai baca Peraturan Mesyuarat. Jadi, ingat Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat. Selepas ini macam Tuan Yang di-Pertua juga, siapa yang mengganggu selepas ini boleh duduk diam di luar. Ya, sila. Bukan duduk diam di dalam Dewan, duduk diam di luar. Sila Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Satu lagi yang mereka cuba mengelirukan masyarakat Cina ataupun rakyat jelata pada keseluruhannya, mereka tanya sama ada semua sekolah akan dibina serentak pada awal bulan tahun depan? Ini memang mustahil. Oleh kerana kawasan-kawasan yang kita cari ini ada yang baru hendak membangun, ada yang belum bina rumah pun, tak akan kita hendak bina sekolah itu dulu? Jadi ini jangan kelirukan masyarakat. Ini semua ada prosedur-prosedur yang kita perlu kita ikut. Apa yang kita janji kita tetap akan tunaikan. Jangan bimbang.

Satu lagi, tadi saya dengar satu senarai sekolah-sekolah Cina yang uzur, yang perlu *repair* dan sebagainya. Saya rasa keliru selama ini saya fikir DAP adalah satu *multiracial party* tetapi ia hanya tahu bahawa ada sekolah Cina yang uzur dan sebagainya. Mereka tidak tahu SK pun ada, SJKT pun ada, tidak pernah dengar mereka berjuang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Bising untuk sekolah-sekolah yang lain.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, ini butiran apa ini?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa ini bodoh punya cakap. Yang Berhormat, ini...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Cakap gunalah bahasa. Hei, kamu yang bodoh... [*Dewan riuh*]

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Apa yang saya bodoh?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa yang bodoh?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Kenapa saya yang bodoh?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini mengelirukan semua.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Ini betul, hakikat di luar kata kami *multiracial* tetapi sebenarnya...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]: Setuju, setuju.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: [*Bangun*]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: ...Hanya...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Peraturan mana ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Setiu, duduk. Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Ipoh Barat hendak minta pencerahan sebab itu dia bangun. Boleh bagi pencerahan? Hendak bagi?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tinggal 10 minit sebab saya pun ada banyak hal... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, tidak bagi. Yang lain duduk diam Yang Berhormat... [Dewan riuh] Yang Berhormat, duduk diam Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Saya memang hendak menguak bahawa di SJKC ada kelemahan tetapi ini tidak bermaksud bahawa cikgu-cikgu ataupun guru-guru besar tidak berusaha. Kalau kita tengok hampir semua sekolah Cina ada tuisyen dan selainnya untuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Hanya saya rasa sebagai seorang pendidik, saya rasa bahawa apabila Bahasa Malaysia bukan merupakan bahasa ibunda, elok saya cadangkan bahawa Kementerian melatih cikgu-cikgu yang ada kaedah pengajaran untuk murid-murid yang bahasa ibundanya bukan Bahasa Malaysia. Pada saya ini penting. Kami sebenarnya pun sedang mengkaji selain daripada itu apa yang kami boleh buat.

Tuan Pengerusi, Butiran 00201 – Menengah Akademik... [Dewan riuh] Saya hendak minta pihak Kementerian untuk mempercepatkan pembinaan SMK Kota Masai 3 di kawasan Tebrau. Oleh kerana ini merupakan satu kawasan yang...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau, nampaknya ada Yang Berhormat ingin mencabar saya.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya tidak pedulilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak dan saya dengar beberapa Yang Berhormat di sebelah kiri saya ingin mencabar saya. Sekali lagi saya ingatkan, kalau duduk kacau ganggu sahabat yang lain sedang berucap saya tidak akan teragak-agak. Saya ingat ramai pelajar-pelajar yang dengar dan tengok kelakuan kita Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih. Taman Kota Masai merupakan satu taman yang hampir 80 peratus penduduknya datang daripada kaum Melayu tetapi ini satu taman yang amat besar. Sekolah kebangsaan pun sudah ada tiga buah dan sekolah menengah pun perlukan tiga buah. Saya gembira dengar bahawa di dalam bajet kita umumkan bahawa SMK Kota Masai 3 akan dibina dalam tahun 2018 tetapi saya harap bahawa boleh dipercepatkan.

Butiran 060000 – Program Khusus dan Butiran 016000 – Bantuan Geran Per Kapita. Selama ini pembayaran bil utiliti merupakan satu isu. Oleh kerana kita ada sistem yang lain untuk sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Sebenarnya dari segi – selain daripada hak milik tapak, boleh kata sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan tidak ada beza. Silibus pun sama, cikgu pun semua dilantik oleh Kementerian dan sebagainya. Jadi pada saya, saya rasa cara yang paling adil ialah kita masukkan pembayaran bil utiliti ini ke dalam geran per kapita. Bermaksud kita bayar mengikut bilangan murid.

Ini satu perkara lagi ada pihak yang selalu kelirukan masyarakat Cina. Mereka beritahu masyarakat Cina bahawa peruntukan untuk sekolah Cina kurang daripada sekolah lain. Mereka kata *you* tengok sekolah Cina selalu pungut derma manakala SK jarang. Ada orang tanya saya soalan ini, saya tanya balik. Adakah *you* tengok SJKT selalu pungut derma tidak? Mereka pun jarang. Adakah ini bermaksud SJK Tamil mempunyai geran yang lebih banyak daripada sekolah Cina? Jadi sebenarnya saya sebagai seorang pendidik dan saya tahu bahawa geran per kapita ini tidak ada beza di antara lain-lain aliran. Hanya dikira beberapa orang murid sahaja dan semua sama. Jadi saya harap bahawa bil utiliti itu dimasukkan sebagai sebahagian daripada geran per kapita.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang walaupun saya menyambut baik tetapi saya ada bimbang sedikit. Oleh kerana di bajet tahun depan kita umumkan bahawa penjawat awam yang mengandungi lima bulan ke atas dibenarkan balik sejam lebih awal termasuk suami mereka.

Saya ingat, bagi perkhidmatan yang lain mungkin tidak ada masalah tetapi kepada sekolah ia akan timbulkan masalah. Kalau saya ajar Bahasa Malaysia ada waktu yang selepas satu jam yang terakhir, jadi waktu ini siapa akan masuk ganti saya? Kalau orang ganti saya, bolehkah dia terus ajar apa yang saya tidak habis ajar? Jadi saya minta bahawa Kementerian Pendidikan mesti buat persiapan supaya pelajaran murid-murid tidak terjejas. Saya ingat oleh kerana *constraint* masa, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

2.58 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk terus kepada Butiran 010000 – Operasi Pendidikan, Butiran 010100 – Pendidikan Awal, Butiran 010200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 010300 – Pendidikan Menengah di bawah kementerian ini.

Sebelum saya mulakan, saya mengalu-alukan kehadiran petugas daripada *Center to Combat Corruption and Cronyism (C4)* Petaling Jaya. Selamat datang ke Dewan Rakyat... *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, sebahagian daripada anak-anak kita gagal untuk menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah. Saya rujuk statistik Kementerian Pengajian Tinggi dan juga KPM secara keseluruhannya, pendidikan. Tahun 2016 sejumlah 10 peratus daripada jumlah keseluruhan anak-anak muda tercicir di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah dan juga menengah. Maksudnya hampir 500,000 orang yang terus terkeluar dari sistem dan ini sejumlah besar sama dengan dua kali ganda rakyat Perlis dan lima kali ganda penduduk Labuan. Besar jumlahnya.

Justeru, saya mahukan penjelasan kerana ia bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan bandar. Antaranya isu kos persekitaran sosial negatif, isu masalah sekolah yang jauh dan sebagainya.

■1500

Jadi, saya minta daripada kementerian, statistik lengkap dikongsi dengan kita mengikut pecahan jumlah, mengikut daerah kaum di seluruh Malaysia sepanjang lima tahun lepas. Adakah kementerian akan mewujudkan jaringan dengan TVET supaya ada pelajar-pelajar yang mungkin tidak berminat dengan alam persekolahan yang formal terus kepada institusi TVET ataupun perancangan lain yang mahu dikongsi? Kalau kita lihat peruntukan yang diluluskan, persoalan saya adakah ia mengambil kira untuk pendidikan lepas menengah yang hanya terfokus kepada infrastruktur fizikal? Bagaimanakah usaha untuk membina minat di kalangan pelajar dan walaupun ada pelajar yang tercicir bagaimanakah kita memastikan daripada aspek ekonomi dan kelangsungan hidup mereka tidak diabaikan begitu sahaja?

Tuan Pengerusi, antara sebab besar keciciran pelajar yang sering kita abaikan juga adalah kegagalan mereka menguasai kemahiran asas. Di sini saya rujuk PISA 2015, di mana sistem pendidikan kita menunjukkan sedikit perkembangan yang agak negatif. Saya mahu tanyakan kenapa hanya 51 peratus sekolah yang memberikan respons kepada ujian-ujian kurang daripada peratusan 83 peratus ditetapkan oleh OECD, pertama kali dalam sejarah Malaysia sehingga menyebabkan Malaysia terkeluar dalam senarai PISA 2015. Adakah ada sebab utama kenapa kita terpanggil ataupun terdesak untuk menampakkan gambaran yang indah sahaja terhadap penguasaan kemahiran asas membaca dan mengira? Hal ini kerana ada dimaklumkan pilihan asal sekolah-sekolah yang terpilih itu ditukar dalam kajian PISA dengan sekolah berprestasi tinggi.

Maka, itu dari luar peringkat PISA kalau kita lihat daripada Kementerian Pendidikan sendiri, *outcome* pertama, pendidikan berkualiti. Bagi tahun 2016, lebih separuh pelajar 2.6 juta gagal menguasai tahap minimum berdasarkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) dan 25 peratus pelajar Tingkatan 3 tidak memenuhi tahap minimum. Apakah perancangan kementerian dalam hal ini dengan belanjawan yang semakin berkurangan untuk pendidikan menengah dan juga rendah?

Saya juga ingin rujuk kepada isu KBAT. Saya tanyakan kepada kementerian dan saya berharap jawapan tidak perlulah mempamerkan isu polarisasi. Sebenarnya isu pendidikan ini, memang menjadi perhatian kepada semua. Semua daripada kita mempunyai anak-anak, kita mahukan pendidikan yang berkualiti.

Saya harap kerana itu haruslah lebih lapang dada menerima kritikan dan persoalan. Isu KBAT, memang kita mahu mengembangkan benda yang baru dengan tujuan dan objektif yang besar. Akan tetapi bajet pembangunan infrastruktur naik hanya RM1 juta dan peruntukan bahan pengajaran dan pembelajaran turun sebanyak 15.7 peratus. Jadi, bagaimanakah KBAT mampu bersaing dalam keadaan sebegini?

Saya juga risau akan perkembangan anak-anak sekolah kerana yang mendapat kritikan hebat atas kelemahan KBAT adalah para guru dan pelajar. Pelajar dikatakan tidak cukup usaha dan ada juga mereka pelajar-pelajar yang bersifat malas. Saya fikir, sikap menuding jari ini tidak membantu. Inilah juga yang sering menimpa pelajar luar bandar. Kementerian mengatakan ada beza pencapaian akademik. Bandar dan di luar bandar lebih kurang enam peratus. Jadi apakah yang akan dilakukan bagi merapatkan jurang demi mencegah *education inequality*, Tuan Pengerusi?

Isu seterusnya ialah pemerksaan buat TVET kerana diumumkan RM4.9 bilion ini bukan kali pertama saya sebutkan, tetapi persoalan saya sekarang ini kita lihat *enrolment* bagi pelajar aliran vokasional di sekolah amat rendah. Sebanyak 6.2 peratus pada tahun lepas, dan sasaran baru pada tahun 2018 adalah sebanyak tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah menengah. Bila masa berlaku keciciran, pelajar mungkin mahukan sesuatu yang lebih menarik, haruslah berfikir di luar kotak, adakah kementerian bercadang untuk menonjolkan TVET di peringkat yang lebih awal?

Selain itu, apakah tindakan yang bakal diambil untuk memperluaskan aliran TVET ini ke seluruh Malaysia? Datuk Kamalanathan, Timbalan Menteri menjawab lebih 66,000 permohonan ke aliran TVET diterima hanya 17,000 tempat yang ada. Ini jelas tidak mencukupi dan saya juga rujuk kenyataan kerana ada tujuh kementerian yang mengawal selia peruntukan RM4.9 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

Menteri Sumber Manusia menyatakan ada 6.7 juta pekerja asing dan sekarang mereka menjadi pesaing utama bagi pekerja-pekerja tempatan yang mengendalikan industri separa mahir. Jadi kalau kita ambil kira pekerja di masa hadapan Menteri Sumber Manusia mengatakan, cabaran utama mungkin pekerja asing juga akan melimpah ruah menjadi saingan utama bagi pekerja kemahiran tinggi.

Jadi, ini haruslah diambil kira oleh kementerian saya pohon memberikan sedikit pencerahan buat kami semua. Isu seterusnya Tuan Pengerusi, adalah isu beban dalam lambakan guru. Saya rujuk *National Union of Teaching Profession* (NUTP), lambakan tugas guru yang menggunung masih tidak ada lagi penghujungnya. Penyelesaian dan tanggungjawab hakiki guru adalah sebagai pendidik nusa dan bangsa bukan diketepikan atas desakan tugas birokrasi.

Tugas-tugas khas guru saya rujuk kepada mereka yang terpaksa mengajar di sekolah yang kurang murid contohnya amat membebankan, harus menyediakan fail laporan demi memuaskan hati pemantau serta pegawai yang berkait di Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. *World Bank* juga telah mendedahkan bahawa kita sangat *centralized* sistemnya, harus berikan sedikit ruangan supaya guru-guru boleh fokus kepada mengajar.

Hal ini agak penting Tuan Pengerusi, di manakah laporan kajian beban guru yang sudah diumumkan bertahun-tahun lalu yang sepatutnya dibentangkan pada Disember 2016? Apakah kementerian mengambil kira memperluaskan Projek Rintis Pengambilan Pembantu Guru Gred 17 pada tahun 2018?

Saya lihat di sini, yang amat mengecewakan peruntukan latihan dalam perkhidmatan bagi para guru diturunkan daripada RM40 juta kepada RM30 juta pada tahun 2018. Maksudnya, para guru mungkin akan mendapat latihan yang berkurangan tetapi bagaimanakah perancangan akhirnya bagi para-para guru ini? Saya juga merujuk dan mendapati hampir separuh bekalan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bersamaan dengan 48 peratus tidak mencukupi.

ICT yang tersedia hanya ada lebih kurang 24.8 peratus di sekolah dan saya tidak fikir kita boleh mencapai *The Fourth Industrial Revolution* bila masa keperluan asas ini tidak dapat digarap diguna pakai sepenuhnya oleh semua sekolah.

Penghujung tahun 2015, Menteri Pendidikan sendiri mengatakan bilangan guru sekarang mencapai tahap tepu atau maksima sebanyak 420,000 orang kesemuanya. Maksudnya, ada mereka yang merupakan kelulusan yang terpaksa menunggu sehingga setahun atau dua tahun sebelum dipanggil untuk temu duga dan berkhidmat. Berapakah bilangan guru yang sedang menanti panggilan masa ini? Bagaimanakah Kementerian bercadang untuk *perform clear cut matching programme* di mana graduan nanti dapat ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu diperlukan dan tidak terpaksa berhadapan dengan masa depan yang tidak menentu?

Hal ini kerana kita tidak mahu kalau mereka menunggu begitu lama, isu fasa *retraining* akan menambahkan kos dan bebanan tambahan. Terakhir- maaf lagi dua poin yang penting juga yang pertama isu Dasar Penilaian dan Pengurusan Prestasi, isu kes buli. Saya hanya ingin tekankan kajian UNICEF yang terkini tujuh daripada 10 kanak-kanak di Malaysia bimbang akan dibuli. Laporan Kementerian Kesihatan mengatakan 29.2 peratus remaja berumur 16 tahun mengalami masalah kesihatan, *mental health issues* yang serius. Jadi apakah pendekatan dalam zaman-zaman mencabar ini?

Terakhir, isu butiran kecil bantuan makanan prasekolah. Penting, Tuan Pengerusi di mana kita lihat telah menurun RM2 juta dalam bajet terkini. Sementara nutrisi anak-anak khususnya bagi anak-anak *bottom 40 percent* di Malaysia ini, kalau kita rujuk UNICEF, menunjukkan kepada 219- *National Health & Morbidity Survey (NHMS)*, 2015, 13.4 peratus anak-anak Malaysia berumur 18 tahun ke bawah mengalami tumbesaran terbantut, *stunting*.

I mean this is Malaysian kid dengan izin, 13 peratus mempunyai kekurangan berat badan dan 7.9 peratus *low-weight for height*. Pada tahun 1994, saya sebutkan dulu anak-anak Vietnam bawah lima tahun dapat dikurangkan *the extent of malnutrition* kepada hanya 19 peratus menjelang tahun 2008. Saya fikir bagi Malaysia, harus jadikan keutamaan kita tidak mampu menerima hakikat ataupun berhadapan dengan keadaan di mana *malnutrition* itu menjadi masalah utama bagi anak-anak. Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu.

■1510

3.10 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama, Butiran 061300 iaitu Bantuan Makanan Asrama, RM1.1 bilion.

Saya menyokong dan saya dapati bahawa terdapat aduan-aduan mengenai dengan pengelola kantin asrama ini iaitu mereka gagal untuk menyediakan makanan yang berkualiti. Kadang-kadang ada makanan yang basi dan ada juga lauk yang kurang segar dan sebagainya.

Jadi, apakah tindakan pihak kementerian dalam memantau mereka ini agar makanan yang disediakan memenuhi piawaian yang sepatutnya dan juga soalan saya, apakah tindakan tegas terhadap mereka yang mengambil mudah isu-isu begini, isu-isu penyediaan makanan ini yang selamat kepada pelajar-pelajar sekolah kerana ada pengajar yang mengadu mengalami sakit perut dan sebagainya. Jadi pada saya, isu keselamatan dan juga kesihatan pelajar-pelajar ini tidak boleh kita kompromi.

Kedua, berkenaan dengan pendidikan prasekolah iaitu RM3,655,800. Jadi, saya menyokong juga kerana pembangunan sesebuah negara dan rakyatnya ialah bermula dengan pembangunan dan juga pendidikan awal kanak-kanak. Semua dah tahu. Soalan saya, apakah langkah kementerian dalam memastikan hanya guru-guru terlatih diambil sebagai pembimbing dan juga pendidik di peringkat prasekolah termasuklah tadika yang dikelolakan oleh pihak swasta dan juga pihak KEMAS yang mewajibkan guru-guru untuk mempunyai diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Soalan saya juga, apakah langkah kementerian dalam memastikan kanak-kanak ini turut didedahkan dengan pelbagai kemahiran. Tambahan pula kerajaan telah mengenalkan konsep TVET dan sewajarnya kemahiran ini turut didedahkan kepada kanak-kanak sedari awal lagi.

Jadi kita lihat bagaimana di Jepun, kanak-kanak ini mereka diajar tentang penjagaan diri, kebersihan, integriti dan nilai-nilai murni yang lain dan ini telah dibudayakan dalam sistem pendidikan mereka sehingga berjaya membentuk kecemerlangan akhlak mereka. Peribadi dan juga membentuk pemikiran yang berjaya setelah mereka dewasa kelak.

Soalan saya juga, apakah usaha kerajaan dalam menerapkan elemen yang sama bagi memastikan kecemerlangan tersebut bukan hanya merangkumi akademik tetapi pembentukan sahsiah diri yang baik. Tambahan pula kita lihat masalah buli sekarang ini semakin menjadi-jadi dan apakah penekanan yang dicadangkan bagi menambah baik sistem pendidikan prasekolah ini.

Akhirnya ialah sistem pengkomputeran sekolah, RM11,500,000. Saya menyokong juga dan soalan saya, apakah langkah kementerian dalam menaik taraf makmal komputer ini terutama di luar bandar supaya dapat memiliki jaringan internet yang lebih baik. Jadi sekiranya dilihat cara pembelajaran hari ini memerlukan maklumat tersebut diperolehi dengan kadar yang pantas. Jadi apa yang saya lihat, ada yang berlaku kanak-kanak sekolah ini kerja sekolah mereka ini dibawa balik oleh pelajar tahapnya kalau kita lihat macam projek di universiti. Jadi kegunaan komputer dan juga kemudahan internet yang lemah menyukarkan para pelajar hingga ada yang terpaksa ke *cybercafé* hendak menyiapkan kerja-kerja mereka.

Jadi ini saya rasa ianya akan membebankan mereka yang kurang bernasib baik. Jadi kemudahan komputer yang baik perlu diadakan dengan segera agar pelajar di luar bandar dapat menikmati kemudahan yang sama seperti sekolah di bandar-bandar. Jadi kita tidak mahu ada jurang perbezaan daripada segi pendidikan di bandar dan luar bandar kerana mendapatkan akses kepada pendidikan yang baik.

Saya ingin melahirkan rasa kerisauan saya sebab sehari dua ini berlakulah serangan atau *ambush* untuk menggagalkan bajet. Kalau bajet digagalkan, apa akan jadi dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan? Bagaimana dengan bantuan makanan asrama kanak-kanak? Macam mana mereka hendak makan kalau tak ada bajet diluluskan? Begitu juga dengan lain-lain perkara, pendidikan prasekolah dan sebagainya. Saya rasa malulah kadang-kadang yang tolak bajet, saya rasa dia orang tak malu. Minta macam-macam. Minta macam-macam dalam perbincangan mereka. Jadi saya rasa malulah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu, soalan mana?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau nak rasa, kita kena ingat bahawa bila bajet gagal, akan menimbulkan satu perkara yang dipanggil *government lockdown*. Semua tak boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau di hospital, nak bagi ubat, nak *supply* ubat, semua tak dapat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Umpan dah kena itu, bagi dia.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akan tetapi *alhamdulillah*, walaupun mereka serang hendak kita, walaupun serang hendak kita, apa jadi sekalipun.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tak bagi. Kalau dia hendak bercakap, bercakap. Okey?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya dalam prosedur Dewan ini Tuan Pengerusi, yang soal belah bahagi ini tak payah buatlah. Buanglah, buang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *No, no, no*. Ini bukan prosedur, ini berkaitan dengan saya bercerita bantuan makanan asrama tak dapat *disupply* tanpa bajet yang diluluskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Fasal kita buat belah bahagi ini, itu memang ikut prosedur Tuan Pengerusi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, ini kena faham. Yang Berhormat Shah Alam, sekarang saya nak katakan bahawa...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia menghina Dewan. Ianya prosedur dalam Dewan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Peraturan Dewan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya prosedur dalam Dewan. Kalau kita tolak, maknanya kita menghina Dewan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Peraturan Dewan, 37(2).

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana buku peraturan Dewan?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: 37(2), saya tak benarkan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Memang dibenarkan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: 37(2), peraturan Dewan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ha, ya lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Standing order.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah seronok berhujah seorang. Kalau berhujah seorang, pandailah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, *standing order.* Duduk. Kamu boleh berhujah lepas ini, tak apa.

Jadi saya hendak katakan bahawa yang terlibat bukan sahaja rakyat di luar, mereka yang memerlukan bantuan kerajaan, BR1M, kebajikan masyarakat, apa yang mereka akan dapat kalau berlakunya *government lockdown* kemudian hari?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Fakta tak betul lah Yang Berhormat Setiu. Fakta tak betul. Ada prosedurnya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi saya hendak katakan, bukan sahaja mereka tetapi yang terjejas juga...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, betulkan dialah. Dia tak tahu prosedur, cakap sahaja lebih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang terjejas juga adalah Ahli-ahli Parlimen, tak dapat nak terima gaji. Yang kaya tak apalah. Nak bayar denda mahkamah pun kena kutip dengan rakyat. Hendak buat pilihan raya pun nak kena minta dengan rakyat, dah ramai dah tandatangan dah, 36 orang.

Jadi mereka tak apa. Rakyat yang tertipu dengan tipu helah mereka. Percaya, bagi derma. Kita siapa nak bagi? Tak ada orang nak bagi, duit tak ada. Ini masalah yang berlaku. Akan tetapi *alhamdulillah*, Allah masih menyayangi kita dan *ambush* mereka pada tempoh hari telah ditolak, tak berjaya. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tadi dah, ya. Bagi Yang Berhormat Kota Raja.

3.18 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahaskan B.63 dan saya ingin menyentuh Butiran 010300 – Pendidikan Menengah.

Tuan Pengerusi, ada Laporan Audit Negara baru-baru ini yang telah menunjukkan bahawa Program Pendidikan Ulul Albab (PPUA) bagi pelajar-pelajar di tujuh buah Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu tidak mencapai matlamat utama dalam melahirkan generasi ulul albab yang bercirikan Qurani ensiklopedik dan ijtihadik. Ini saya pun bila sebut ensiklopedik, saya pun nak gelak juga. Apalah sekolah nak jadikan budak-budak ensiklopedik. Dalam zaman sekarang ini, *you don't give the content, you give the method.* Kalau kita nak jadikan budak-budak seperti ensiklopedia, *you will never reach it.* Tak akan sampai.

Laporan Audit ini mendapati bahawa dalam tempoh 2010 hingga 2015 telah mengesan kelemahan pada pencapaian gred purata sekolah (GPS) bagi peperiksaan SPM dan sasaran menghafaz sekurang-kurangnya 20 juzuk Al-Quran sehingga tamat Tingkatan 3 tidak tercapai bagi program Quranic dan nisbah pembahagian antara guru dan pelajar yang ditetapkan bagi *halaqah* ini tidak dipatuhi.

Laporan ini mendapati punca pencapaian GPS SPM tidak menepati sasaran adalah disebabkan penetapan GPS yang tinggi iaitu 1.2, kekurangan guru pakar, guru tidak didedahkan sebagai pemeriksa kertas peperiksaan SPM sehingga tahun 2014 dan kurang penyelarasan program akademik secara berpusat antara tahun 2011 hingga tahun 2013.

■1520

Jadi pencapaian sasaran semua pelajar yang boleh menghafaz didapati kurang, makna tidak mencapai 20 juzuk Al-Quran semasa tingkatan tiga. Ini tidak memuaskan kerana hanya 46.1 peratus pelajar berjaya menghafaz sekurang-kurangnya 20 juzuk Al-Quran sehingga tahun 2015.

Tadi saya sebut bahawa laporan ini juga mendapati bahawa nisbah guru kepada pelajar untuk program hafazan ini tidak mematuhi kadar nisbahnya 1:5 guru dan pelajar. Satu orang guru untuk lima orang pelajar. Jadi saya ingin bertanya, apakah perancangan ataupun penyelesaian yang akan diambil bagi mengatasi kekurangan guru-guru hafazan dan pakar dalam program ini? Apakah KPM ada program-program khas yang khusus untuk melatih guru-guru pakar dalam bidang ini, dalam bidang hafazan dan sebagainya?

Seterusnya saya ingin juga bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pelaksanaan *Dual Language Program* atau DLP. Saya ingat dua tahun yang lepas setelah PPSMI dimansuhkan begitu, kita telah memulakan *Dual Language Program* dan hanya sekolah-sekolah yang terpilih dan mengambil program ini secara sukarela diberi program ini.

Jadi saya hendak tahu, berapa buah sekolah yang ada sekarang dan status pelaksanaan *Dual Language Program* ini dan pemantauannya. Apakah kesannya? Bagaimana adakah kita mencapai satu tahap bahasa Inggeris yang ingin kita capai itu dapat atau tidak? Ini kerana sudah lengang mengenai soalan *Dual Language Program* ini.

Kemudian saya ingin ke Butiran 062900 mengenai Program Sekolah Amanah. Sedikit pembacaan saya iaitu Sekolah Amanah ini adalah kerjasama di antara pihak swasta dan sementara dananya diberi oleh kerajaan untuk menguruskan sekolah itu. Jadi saya tertanya-tanya juga kerjasama macam mana pihak swasta dan apakah kepentingan pihak swasta di sini? Adakah hanya setakat CSR ataupun oleh kerana dia bekerjasama dengan sekolah, maka dia ada *perk*. Apakah yang dia dapat? Apa yang didapati oleh pihak swasta ini?

Sekarang ini, berapa buah sekolah Sekolah Amanah? Juga saya- itulah banyak sangat jenis-jenis sekolah, saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan sedikit juga mengenai Sekolah Transformasi. Kita ada Sekolah Kluster, Sekolah Warisan, Sekolah Amanah, Sekolah Transformasi. Ini menyebabkan sedikit mungkin saya bukan seorang pendidik, jadi saya tidak tahu sangat. Jadi, saya minta sedikit penjelasan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh P.63 iaitu Menengah Akademik – Butiran 00201. Kalau Yang Berhormat Menteri ingat tahun lepas 2016, saya telah membawa Ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning yang mengalami masalah *acute* untuk murid-murid sekolah. Mereka meminta dan memohon penambahan bilik darjah dan juga untuk mengubahsuai ruang-ruang dalam sekolah itu untuk dijadikan bilik darjah.

Jadi pada ketika itu Yang Berhormat Menteri respons dengan sungguh positif tetapi hingga sekarang setahun, adalah rombongan daripada Jabatan Pendidikan menziarahi sekolah itu. Akan tetapi sampai sekarang apabila saya tanya mereka apa statusnya, jawab mereka, sedikit habuk pun tidak ada Yang Berhormat Menteri.

Jadi macam mana setahun baru saya jumpa Yang Berhormat Menteri di Putrajaya. Akan tetapi sekolah masih tidak lagi dapat dinaiktaraf untuk menambah bilik darjah, kelas yang mereka minta itu. Saya ingat mereka sudah tunjukkan *proposal* kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi saya sudah *follow-up*, sudah letih *follow-up* dengan pegawai Yang Berhormat Menteri, jawabnya terpulung kepada unit ...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekejap. Satu lagi Yang Berhormat Shah Alam. Saya hendak tanya tentang status Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning 2 yang dalam projeknya telah diluluskan Kementerian Pendidikan untuk projek UKAS. Jadi sekarang ini, apa statusnya? Ini kerana kawasan itu memang memerlukan sekolah yang baru. Sekolah tadi sudah melimpah ruah, belum dapat dinaik taraf, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning ini. Sekarang dijanjikan satu lagi sekolah untuk projek UKAS tetapi statusnya masih tidak diketahui. Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Memandangkan masih ada dalam dua minit lagi, saya hendak minta izin untuk menjawab apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiu. Ini kerana masanya ada. Kita telah melihat keadaan di mana...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi dia bawa isu ini Tuan Pengerusi. Dia sendiri bawa, jadi saya perlu jelaskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk sekejap Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita hendak minta pencerahan kepada yang sedang berucap Yang Berhormat. Isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Raja. Itu jelas Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pencerahan sama ada Yang Berhormat Kota Raja setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal saya merasakan apa Yang Berhormat Setiu sebut itu amat mengelirukan. Diberikan gambaran bahawa seolah-olah apa yang dibenarkan dalam kita punya Peraturan Mesyuarat adalah satu perkara yang tidak wajar diikuti. Soal perbahasan, soal belah bahagi, ini semua patut dibuang keluarlah daripada buku Peraturan Mesyuarat.

Sebenarnya kalau bajet itu kalah undi sekalipun, saya yakin kalau boleh kalahlah. Ikut peraturan, ikut punya prosedur, tidak dilanjutkan sampai pagi sambil menunggu orang datang balik, maka saya yakin bahawa bajet itu apabila ditolak, boleh dipinda dan dibawa kembali esoknya. Akan tetapi apa yang telah tercapai adalah satu kenyataan bahawa pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah tidak berjaya mengawal harga barang.

Inilah poin yang hendak kita sampaikan. Kos kehidupan sudah naik, harga minyak naik, harga barang naik dan sebagainya. Maka kita buat satu *ambush* dengan tujuan untuk menyatakan bahawa *this is unacceptable*, tidak boleh diterima. Ia mengikut peraturan. Lalu, apa Yang Berhormat Setiu hendak buat bising? Kalau sudah kalah ...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ikut peraturan Yang Berhormat. Sekarang ini perbahasan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja? [*Ketawa*] Pandangan Yang Berhormat Kota Raja tentang Yang Berhormat Setiu apa? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat boleh ketawa Yang Berhormat, tetapi kita boleh ambil tindakan Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kota Raja, tidak payah responslah Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya biar minta Yang Berhormat Menteri respons. Saya tidak tahu apa hendak respons. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya bagi kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Selepas itu dua Barisan Nasional dan yang lain selepas ini. Ya, sila Yang Berhormat Pasir Mas.

3.27 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya terus kepada Butiran 030000 - Pembangunan Profesionalisme.

Saya ingin sekali lagi Yang Berhormat Menteri, untuk bangkitkan isu melibatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau KBAT sebagaimana soalan lisan saya beberapa hari yang lepas. Isu ini sememangnya mendapat perhatian ramai. Saya berpandangan beberapa pandangan kritikal yang dikemukakan terhadap KBAT bukan bererti menolak penambahbaikan terhadap pembangunan pendidikan di negara ini, bahkan kita sangat menyokong usaha gigih kementerian di dalam menaik taraf pendidikan negara.

Namun, kebimbangan menjurus kepada pelaksanaan yang dilihat tidak kepada peringkat-peringkat yang sesuai. Hari ini berapa ramai di kalangan murid sekolah kita yang masih gagal memahami ilmu asas membaca, mengira dan menulis dengan baik. Bagaimana mungkin mereka akan mencapai suatu tahap menyelesaikan masalah dan *critical thinking*. Saya tentunya berkongsi kebimbangan ini jika kumpulan ini agak tercicir nanti dan tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, masih terdapat 40 peratus guru daripada 282 sekolah sampel yang tidak menguasai KBAT dengan baik. Ini isu guru. Saya kira ini satu persoalan yang penting untuk dicermati secara bersama. Apakah pihak kementerian sudah menjangkakan keadaan ini akan berlaku semasa perancangan KBAT melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 dirangka dahulu dan apakah ia tidak dicari penyelesaiannya lebih awal? Saya harap ia bukan kerana sifat tergesa-gesa di dalam melaksanakan KBAT sehingga terlepas pandang perihal ketidakupayaan guru di dalam mengadaptasikannya di dalam pembelajaran mereka.

■1530

Soalan saya kepada kementerian, apakah strategi latihan pembangunan yang benar-benar berkesan bagi memastikan guru-guru negara ini dapat menguasai proses pengajaran dan pembelajaran gunakan KBAT ini dengan cepat dengan mengambil kira kumpulan murid yang masih lemah di dalam pendidikan asas seperti yang sebutkan tadi? Ini bukan sahaja penguasaan terhadap KBAT secara umum, bahkan ia mesti di fokuskan terhadap subjek-subjek yang diajar.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 010200 - Pendidikan Rendah, 010300 - Pendidikan Menengah. Isu yang turut di bangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat tadi, isu keciciran murid di sekolah rendah di Semenanjung perlu dilihat secara terperinci.

Kenyataan kementerian menunjukkan isu keciciran ini kembali meningkat dan ia sesuatu yang begitu serius dan mesti di atasi dengan segera. Statistik menunjukkan peratus keciciran pelajar sekolah rendah di Semenanjung ialah daripada 0.26 peratus kepada 0.74 peratus sepanjang 2014-2016. Manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah 0.05 peratus sehingga 0.10 peratus.

Bagi pelajar sekolah menengah pula, peratus keciciran pelajar bagi tempoh yang sama di Semenanjung adalah 1.09 peratus sehingga 3.59 peratus, manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah 0.41 peratus sehingga 1.48 peratus. Saya ingin bertanya, apakah faktor utama yang menyebabkan keciciran di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, terutamanya di Semenanjung? Bagi saya, tidak seharusnya berlaku begitu besar di tengah-tengah lajunya perkembangan pendidikan dalam negara kita dan ia amat rugi sekali kepada kita rakyat Malaysia.

Keduanya, kerajaan telah melaksanakan satu garis panduan dan modul intervensi yang dijalankan dalam projek rintis di sekolah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Kedah. Soalan saya, apakah hasil *pilot study* yang di jalankan di sekolah rintis tersebut? Apakah bentuk modul intervensi Kementerian yang akan digarap oleh sekolah-sekolah lain bagi menangani isu keciciran pelajar ini?

Butiran 040200 – Pengurusan Kewangan dan Akaun. Ringkas sahaja Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, apakah Kementerian mempunyai strategi melibatkan pihak atau syarikat swasta bagi menaja program-program pembangunan pendidikan di bandar mahupun di luar bandar? Adalah satu yang amat menarik jika perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah turut di kongsi dan dibangunkan bersama oleh pihak-pihak swasta yang berjaya. Ia adalah satu tanggungjawab sosial bersama yang saya fikir harus dikembangkan.

Kedua, saya ingin tahu sejauh manakah penglibatan mereka ketika ini, jika ada.

Butiran 020600 - Pembangunan Kurikulum. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan isu kurikulum dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan bukan sahaja melibatkan soal *ranking* mahupun gred tetapi apa yang lebih dan mesti kita tekankan adalah soal pembentukan akhlak moral, nilai sebagai seorang manusia yang berjaya. Pendidikan semasa usia muda lah yang akan banyak berperanan di dalam menentukan hala tuju hidup seseorang individu atau setiap rakyat di dalam negara kita.

Oleh itu, selain memperkasakan subjek Pendidikan Islam dan Moral di sekolah-sekolah, saya melihat satu keperluan besar kepada sistem pendidikan ke arah merangka dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap subjek-subjek yang lain, yang turut menerapkan nilai-nilai agama Islam yang tinggi. Supaya nilai keagamaan itu tersemat kukuh dalam jati diri seseorang pelajar. Keupayaan menitip kesedaran yang tinggi terhadap perihal ketuhanan dan kehambaan seorang insan kepada Tuhan-nya adalah inti penting di dalam menilai sesuatu sistem yang dilaksanakan, apatah lagi berkaitan sistem pendidikan.

Saya yakin pembinaan kurikulum pendidikan negara masih belum membuat cerapan sepenuhnya kepada aspek penting ini. Hanya menumpukan perihal keagamaan kepada subjek Pendidikan Islam sahaja adalah amat tidak mencukupi. Ia terus menghidupkan amalan sistem sekularisme di dalam pendidikan akademik yang perlulah disingkirkan demi melahirkan modal insan yang berjaya di dunia dan juga di akhirat.

Saya yakin jika pihak kerajaan memiliki keazaman yang tinggi ke arah tersebut, kita akan dapat menyaksikan perubahan dan kejayaan yang ketara dalam pencapaian akhlak dan akademik anak-anak kita nanti. Isu-isu dan gejala nakal dan buruk pelajar-pelajar di sekolah akan menurun dengan ketara, *insya-Allah*.

Justeru, saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian, apakah sudah terdapat perancangan masa depan supaya penerapan nilai mengenali kebesaran *Allah SWT*, nilai kekhalifahan insan dan nilai keagamaan yang lain dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek yang lain, selain daripada subjek Pendidikan Islam dan Moral. Supaya proses pembentukan akhlak para pelajar dapat dibentuk dengan sempurna.

Sudah tentu pengupayaan para guru adalah penting dan utama di dalam melaksanakan sistem bernilai agama yang ideal ini. Sekian Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin. Ramai lagi Yang Berhormat. Saya ingat ramai ringkas-ringkas Yang Berhormat.

3.35 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi, saya lima minit sahaja. Sangat menarik ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi. *Critical thinking* dan ada hubung kait dengan bahasa. Kita nampak, nampaknya ada golongan G25, *survey* daripada *Singapore* untuk mengembalikan bahasa Inggeris dalam sistem pelajaran negara. Sebenarnya, kejayaan sistem pelajaran negara bukan disebabkan oleh bahasa.

Akan tetapi pengolahan kita dalam membentuk satu sistem yang baik. Kita agak bernasib baik kita ada masyarakat Cina, kita ada masyarakat India, Kadazan, Iban. Adalah satu kekayaan bagaimana kita mengolah sistem pendidikan. Dalilnya, di Asia ini, mana negara yang menggunakan bahasa Inggeris berjaya dalam pembangunan mereka? Beritahu saya. *Singapore* bukan negara, ia *city state*. Negara Jepun, Taiwan, Korea dan sekarang China, tidak menggunakan bahasa Inggeris di Asia.

Di Asia, negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris semuanya berjaya. Negara yang menggunakan bahasa Inggeris tidak berjaya. Di Eropah, selain daripada England. England adalah negara yang sejarahnya berbeza. German, Perancis, Scandinavian country, Finland, Denmark, lagi apa? Norway, semuanya tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sistem pendidikan mereka. Akan tetapi mereka berjaya.

Di Amerika Utara ataupun Amerika Selatan, melainkan Kanada dan Amerika mempunyai sejarah yang berbeza dari segi pencapaian dalam pembangunan negara. Amerika mempunyai sistem pendidikan yang begitu menarik. Oleh sebab pelbagai bahasa dan *imported professionals* dalam negara Amerika. Akan tetapi pada keseluruhan di dunia ini, beritahu kita di mana negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa antara mereka berjaya dalam membangunkan negara? Mengapa kita terlalu ta'suf ingin mengembalikan satu bahasa yang tidak menunjukkan kejayaan mereka dalam membangunkan negara?

Jelas, ada G25, *survey* sana, mahukan bahasa Inggeris, bukan. Bukan bahasa, *critical thinking*. Cukup menarik Yang Berhormat Pasir Mas mengolah dan ia bukan sebab bahasa, ia sebab sistem, pengolahan dalam membentuk sebuah negara yang maju. Yang Berhormat Kota Raja, sedikit.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Rompin, sebenarnya inilah hujah yang diutarakan oleh pembangkang semasa PPSMI hendak dilaksanakan, bahawa negara kita perlu bahasa ibunda untuk di dalam aliran pengajaran kita. Akan tetapi pada ketika itu kerajaan tidak mahu mendengar ini semua. Akhirnya, selepas beberapa puluh bilion kita habis untuk PPSMI, kita baru hendak balik kembali kepada Bahasa Kebangsaan kita. Saya ingat di universiti sudah lama kita menggunakan Bahasa Malaysia untuk mengajar. Akan tetapi dengan datangnya PPSMI, semua terbalik kong. Universiti mengajar balik dalam bahasa Inggeris.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh saya sambung sedikit Yang Berhormat Rompin?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sedikit sahaja, seminit sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Rompin, terima kasih. Saya pun bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Rompin. Saya telah membawakan isu DLP ini beberapa kali. PPSMI ini adalah satu dasar. DLP ini adalah satu program, jauh berbeza dasar dengan program. Dasar sendiri pada waktu itu telah gagal. Sekarang kita sedang bawa DLP ini dalam bentuk satu program. Kerangka yang kita selalu gunakan untuk menerangkan kepada orang awam adalah sekolah boleh memilih. Bukan kita paksa. Dulu dasar kita terpaksa. Sekarang kita ada pilihan.

■1540

So, saya rasa masih lagi tidak menjawab soalan pokok iaitu apakah hanya dengan bahasa Inggeris sahaja kita boleh memartabatkan pelajar-pelajar kita di kalangan sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bahasa Inggeris penting sebagai satu instrumen kepada pelajar terutama di peringkat menengah tinggi dan universiti tetapi bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang ingin membentuk satu sistem pelajaran adalah salah. Ini pandangan daripada kebanyakan G25 lah- berbagai-bagai. Ini adalah satu fahaman yang tidak betul.

Saya beri contoh. Realiti yang berlaku dalam dunia ini, tidak ada satu negara yang bahasa Inggeris yang berjaya sebenarnya dalam dunia ini. Kenapa kita harus mendewa-dewakan bahasa ini? Bukan sebab bahasa. Jadi, *critical thinking* sebenarnya kita masih teraba-raba dalam membentuk satu sistem pendidikan di awal.

Kenapa ada keciciran, kenapa ada murid-murid tidak seperti murid di Jepun pergi sekolah bawa beg sendiri, cuci tandas. Di sini kalau anak kita cuci tandas, ibu bapa marah. Murid Jepun cuci tandas, cuci almarinya sendiri. Kita harus kembali kepada soal *basic*. *Go to basic*. Jangan kita teraba-raba dalam membentuk sistem pendidikan negara. Ini sangat berbahaya.

Saya satu lagi ialah tentang teknologi. Butiran 01800 – Bahagian Teknologi Pendidikan. Ini juga satu peruntukan yang besar RM500 juta. Jangan tersilap lagi kita teraba-raba lagi apakah sistem hendak pakai, komputer apa hendak pakai, bagaimana cara hendak pakai. Dahulu buat *lab* beratus juta kita buat, habis begitu sahaja. Ini kena kaji secara mendalam apakah sistem bahan teknologi- jangan teknologi itu jadi bahan ujian, tetapi teknologi itu mesti dipakai dan berterusan digunakan oleh- bukan sebab teknologi menjayakan satu sistem pendidikan tetapi manusia yang mengolah. Apa juga teknologi yang kita pakai tetapi tidak ada pengolahan naluri kemanusiaan yang ada pada pendidik, maka dia tidak akan berjaya, Tuan Pengerusi.

Ketiganya ialah saya ingin menyentuh dari segi pelantikan guru-guru. Sistem pelantikan guru-guru juga harus diubah. Banyak sudah orang bijak pandai. Pelantikan guru tidak semestinya orang Muar mengajar di Sabah. Ambillah orang Muar atau sekitarnya. Kalau orang Pahang, ambillah orang Pahang dan kawasan sekitarnya. Kalau orang Sabah dan Sarawak, ambillah orang Sabah dan Sarawak menjadi guru. Kita ubah. Jangan pada kelulusan guru sekarang.

Banyak sudah di kalangan murid-murid yang berjaya. Jadi jangan kita *confine*-kan kepada sistem yang sudah tidak sezaman ini. Orang Perlis, Kedah, ambillah orang di sana menjadi guru. Tidak adalah masalah setiap tahun Yang Berhormat Menteri kena campur tangan untuk tukar guru-guru daripada Sabah ke Semenanjung, daripada Sarawak ke Semenanjung, orang Perlis hendak balik ke Johor, orang Johor hendak balik ke Pulau Pinang.

Jadi, sistem pengambilan guru itu harus dipinda dan bersesuaian dengan keadaan hari ni supaya naluri guru dan supaya guru ini tidak dikacau dia punya kehidupan peribadinya yang melemahkan semangat dia untuk mengajar di sekolah-sekolah. Ini penting, Tuan Pengerusi, untuk diambil panduan oleh Kementerian Pendidikan.

Saya menyokong bajet ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Langkawi.

3.44 ptg.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Pengerusi, saya membawa ke Butiran 3000 iaitu tentang aset, anggaran perbelanjaan RM1.3 bilion. Saya mohon bertanya kepada kementerian dan Yang Berhormat Menteri, apakah perkembangan atau status kepada permohonan kita untuk meningkat taraf Sekolah Kebangsaan Kisap yang sudah beberapa tahun dan beberapa kali dibangkitkan ke pengetahuan pihak yang berkenaan?

Sebenarnya sekolah ini amat penting kerana keadaannya yang agak daif tetapi pada masa yang sama, menyeberangi padang bola, terdapat satu sekolah jenis kebangsaan yang cantik dan menarik. Masyarakat di situ berkata bahawa ini menunjukkan ada macam antara dua darjat. Jadi perkara ini sangat penting kepada penduduk di situ.

Keduanya, saya memohon bertanya tentang dua buah sekolah iaitu sekolah rendah dan juga sekolah menengah yang dicadangkan untuk dibina di Kampung Bukit Kemboja bagi mengurangkan kebergantungan kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di kawasan yang berkenaan. Dengan adanya dua buah sekolah ini, sudah tentu jumlah pelajar akan dapat dikurangkan di sekolah menengah dan sekolah rendah yang berada di sekitarnya dan akan memberi kebaikan yang lebih baik kepada pembelajaran anak-anak di kawasan tersebut.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Butiran 020100 – Pembangunan Infrastruktur.

Di Pulau Langkawi ini sebenarnya, Tuan Pengerusi, ia merupakan sebuah pulau pelancongan yang rata-rata ramai pelancong datang dari dalam dan luar negara. Sudah tentu imej bagi infrastruktur yang ada di Langkawi perlu kita perkemaskan agar ia memberi gambaran yang baik kepada pelancong-pelancong dari luar negara terutamanya.

Jadi, saya memohon supaya sekolah-sekolah yang berada di jalan-jalan utama ataupun di jalan protokol hendaklah ditingkatkan dari segi fizikalnya sama ada dengan mengecat semula, membaiki pagar, membaiki atap dan sebagainya. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian berkenaan mengambil maklum hal ini kerana ianya sudah tentu akan memberi impak yang baik kepada pandangan para pelancong ke Pulau Langkawi.

Saya juga ingin menarik kepada Kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Sesungguhnya di Pulau Langkawi ini, penginapan guru tidak cukup dan rumah untuk sewa pun tidak cukup kerana kita mempunyai tekanan daripada pekerja-pekerja luar daripada Langkawi yang datang ke Langkawi mencari sumber rezeki di hotel-hotel dan juga dalam sektor pelancongan tetapi pada masa yang sama rumah tidak berapa cukup untuk disewa.

Oleh sebab itu, saya ingin memohon Menteri yang berkenaan supaya dapat memperbaiki rumah-rumah guru yang sedia ada yang rosak dan sebagainya supaya dapat digunakan untuk diberi kepada guru-guru, kerana adalah kasihan kepada guru-guru yang datang daripada luar Langkawi apabila sampai di Langkawi hendak kena cari rumah yang mahal hendak kena sewa dan sebagainya. Ada satu ketika dahulu kena duduk di hotel sampai menangis dan sebagainya. Jadi ini perlu diberi perhatian. Seperti mana rakan saya kata tadi, jiwa guru itu perlu dijaga untuk dia memberi khidmat yang cemerlang kepada pelajar yang akan diajarnya.

Cadangan saya yang seterusnya ialah memandangkan Langkawi ini sentiasa mendapat kehadiran daripada guru-guru di seluruh negara untuk membuat kursus-kursus terutamanya di hotel dan sebagainya, apakah baik sekiranya kementerian boleh membina satu kompleks khas bagi Kementerian Pendidikan di Pulau Langkawi supaya ianya dapat digunakan untuk kursus-kursus dan latihan kepada guru-guru di seluruh Semenanjung untuk hadir ke Langkawi? Kadang-kadang mungkin mereka pergi Langkawi ini ada tarikan sedikit Tuan Pengerusi, kerana yang pertama hendak berkursus, yang kedua nak *shopping*, ha yang itulah itu, dan yang ketiga itu nak rasa relaks sikit. Jadi sekian sahaja. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

■1550

3.50 ptg.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020300, 020600 dan 040300.

Tuan Pengerusi, sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kurikulum sekolah, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan akan menggantikan buku teks mata pelajaran Bahasa Inggeris yang sedia ada dengan kurikulum yang selaras dengan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Oleh kerana buku-buku teks terbitan tempatan dikatakan tidak dapat memenuhi tahap CEFR yang diperlukan, maka buku import akan digunakan.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah mengarahkan agar buku teks *Super Minds* terbitan *Cambridge University Press* akan digunakan bagi Tahun 1 dan 2, manakala *Pulse 2* terbitan *Macmillan* akan digunakan untuk Tingkatan 1 dan 2. Buku-buku ini akan menggantikan buku teks KSSR dan KSSM yang sedia ada yang tidak lagi akan diedarkan kepada murid dan sebaliknya boleh digunakan hanya sebagai buku rujukan ataupun bahan sampingan. Walaupun dasar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris adalah suatu usaha yang murni dan harus disokong, namun terdapat pelbagai persoalan yang timbul ekoran dasar yang nampaknya digubal dengan begitu terburu-buru.

Pertamanya, apakah kewajaran menukar kurikulum dengan tiba-tiba apatah lagi dengan membabitkan kos yang begitu tinggi. Buku *Super Minds* telah dibeli dengan kos RM38.80 senaskhah, manakala *Pulse 2* berharga RM38.00 senaskhah. Jika berdasarkan angka enrolmen 450,000 murid bagi tahun 1 dan 400,000 murid bagi Tingkatan 1, jumlah kos pembelian senaskhah buku teks bagi setiap murid adalah dalam lingkungan RM33 juta. Tidakkah RM33 juta ini merupakan satu kos yang begitu besar khususnya apabila ia membabitkan buku teks untuk satu mata pelajaran bagi dua kohort sahaja? Adakah jumlah ini termasuk dalam anggaran perbelanjaan tahun ini dan adakah ia merupakan perbelanjaan tambahan?

Kos yang begitu tinggi ini juga tidak masuk akal Tuan Pengerusi, kerana buku-buku yang kononnya diimport sebenarnya tidak diimport tetapi dicetak secara tempatan dan dibekalkan melalui penerbit Pan Asia Publications Sdn. Berhad bagi buku *Super Minds* dan Kumpulan Desa Fikir Sdn. Bhd. bagi *Pulse 2* iaitu dua penerbit tempatan. Isi kandungan buku-buku tersebut pula tidak dipinda dan disalin secara keseluruhan. Pada masa yang sama, pengisian digital- *digital content* seperti cakera padat dan sebagainya yang terkandung dalam buku-buku asal telah dikeluarkan oleh penerbit tempatan. Justeru, adakah harga hampir RM40 senaskhah itu munasabah?

Tambahan lagi, mengapakah pembelian buku-buku ini tidak dibuat secara tender terbuka seperti mana buku-buku teks lain? Jika keselarian dengan CEFR merupakan syarat, saya pasti banyak lagi buku-buku terbitan asing mahupun tempatan yang dapat memenuhi syarat-syarat tersebut. Sebaliknya kementerian seolah-olah tergesa-gesa untuk membelanjakan wang yang begitu banyak tanpa kajian yang lebih mendalam. Apa yang lebih menghairankan, penggantian buku-buku teks ini telah dilakukan walaupun kementerian sendiri baru sahaja meluluskan pembelian buku-buku baru berdasarkan kurikulum KSSR dan KSSM pada awal tahun ini.

Buku-buku terbitan tempatan ini jauh lebih murah, hanya RM9.20 bagi buku teks Tahun 1 terbitan DBP dan RM7.50 bagi buku teks Tingkatan 1 terbitan Pelangi. Kedua-dua buku ini telah dipilih setelah melalui proses tender terbuka dan berdasarkan kepada enrolmen murid yang sama, jumlah kos adalah lebih kurang RM7 juta. Satu perbezaan yang ketara berbanding dengan buku teks *Super Minds* dan *Pulse 2*. Namun dengan penggantian buku yang berlaku ini, apakah yang akan berlaku kepada buku-buku teks tempatan ini yang sudah pun dibeli? Jika tidak mahu digunakan, kenapa kementerian membeli? Bukankah ini satu pembaziran yang amat besar?

Satu lagi isu yang timbul Tuan Pengerusi, kementerian mengarahkan untuk membahagikan buku-buku teks baru ini agar setengah diajar pada Tahun 1 dan Tingkatan 1 dan setengah lagi pada Tahun 2 dan Tingkatan 2. Saya tidak faham rasional bagi pembahagian yang dilakukan ini. Buku-buku ini direka untuk pembelajaran sepanjang tahun, tetapi kementerian bercadang untuk mengajarnya sepanjang dua tahun. Bagaimanakah murid akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan mempelajari hanya empat atau lima unit setahun? Apakah akan terjadi kepada murid-murid ini apabila mereka memasuki Tahun 3 dan Tingkatan 3?

Jika kementerian bercadang untuk meneruskan kurikulum baru ini bagi setiap kohort Tahun 1 dan Tingkatan 1 yang baru, adakah mereka juga akan belajar setengah modul atau modul yang sepenuhnya? Sekiranya kohort baru akan menggunakan modul penuh, bukankah murid sekarang akan ketinggalan berbanding kohort-kohort baru?

Akhir sekali, buku-buku teks baru ini menggunakan pengisian berdasarkan konteks *United Kingdom* tanpa ada pengisian tempatan langsung Tuan Pengerusi. Saya menggunakan sebagai contoh buku *Pulse 2* ini, pada muka surat 75 kita lihat mengisahkan mengenai seorang remaja yang bernama *Andrew* daripada masyarakat *Amish* dari *Mississippi, USA* dan *Andrew* ini akan melawat kepada Britain. Di sana beliau akan menghadiri festival muzik dan bermain beberapa sukan tradisi *British*. Artikel itu berakhir dengan arahan, "*Watch Channel 4 on Friday at 8 pm to see how Andrew gets on*", dengan izin Tuan Pengerusi. Kita tidak ada *channel 4* di Malaysia ini, macam mana hendak tengok? Astro pun tidak ada Tuan Pengerusi, saya tidak faham. Kemudian ada soalan kerja selepas daripada itu, "*Do you think Andrew will enjoy his trip to Britain? Why or why not?*".

Tuan Pengerusi, saya rasa saya yakin 99 peratus daripada murid kita tidak pernah pun melawat ke Britain ataupun faham mengenai konteks Britain. Macam mana hendak jawab soalan-soalan dalam buku-buku teks begini?

Jadi saya rasa Tuan Pengerusi, perkara ini tidak difikirkan dengan masak. Tanpa adanya rujukan kepada konteks kebudayaan tempatan dan jika kita menggunakan sepenuhnya konteks kebudayaan asing semata-mata, sudah tentu sukar untuk menarik minat murid kita dan malah saya percaya ia akan menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita. Saya pohon agar dasar ini dapat dipertimbangkan semula dan difikirkan secara masak-masak sebelum terus dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya teruskan. Kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah menggariskan kepentingan memartabatkan profesion perguruan dan menganjak ke arah kepimpinan *distributive*. Ini melibatkan meningkatkan autonomi kepada para pengetua dan mengukuhkan lagi pentadbiran sekolah. Antara masalah yang dikenal pasti dalam MEB adalah pemusatan kuasa yang keterlaluan.

Jadi di sini saya nampak malangnya Tuan Pengerusi, bukan sahaja disentralisasikan yang dicanangkan tidak berlaku, nampaknya cengkaman kuasa Persekutuan semakin kuat. Baru-baru ini seorang guru besar sekolah Tamil di Butterworth iaitu SJK(T) Mak Mandin telah menerima arahan pindah secara mengejut ekoran lawatan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang dan beberapa lagi pimpinan kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke sekolah tersebut untuk menyerahkan peruntukan kewangan bagi mendanai pembangunan infrastruktur sekolah.

Ini sebenarnya sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tiap-tiap tahun pun ada wang sebanyak RM1.75 juta diperuntukkan untuk 28 buah sekolah Tamil di Pulau Pinang. Manakala tambahan RM200,000 diberikan untuk pembangunan kelas pra sekolah. Sebenarnya bantuan kewangan ini diberi kepada semua sekolah separa bantuan seperti sekolah Tamil, Cina, Mubaligh dan agama rakyat. Pun begitu, lawatan yang dibuat oleh Ketua Menteri yang juga merupakan Ahli Parlimen setempat, Mak Mandin di Butterworth, telah dibuat atas jemputan lembaga amanah, *board of trustees* dan bukannya guru besar. Malah beliau tidak hadir pun semasa program tersebut.

Namun sejurus selepas peristiwa itu, Puan Tamilselvi iaitu guru besar telah disoal siasat oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan beliau diminta untuk menjelaskan mengapa Ketua Menteri dijemput ke sekolah dan sama ada beliau tahu mengenai lawatan tersebut. Beliau juga dituduh tidak mengambil langkah untuk memastikan pintu sekolah dikunci. Selepas daripada soal siasat yang dilakukan itu, arahan pemindahan telah dikeluarkan. Anehnya, ini merupakan pemindahan kedua bagi Puan Tamilselvi dalam tempoh setahun. Sebelum ini beliau dipindahkan dari SJK(T) Bukit Mertajam, secara kebetulan juga selepas lawatan pemimpin kerajaan negeri iaitu Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang atas jemputan PIBG.

Nampaknya Puan Tamilselvi seolah-olah dimangsakan sekali lagi sebab sekarang ini dipindahkan dua kali dalam masa yang begitu singkat. Saya rasa perkara ini tidak baik, bukan sahaja untuk kerjaya beliau tetapi juga untuk murid-murid dalam sekolah-sekolah tersebut. Kita sebenarnya nampak trend ini sudah berlaku banyak kali. Sebelum ini Ketua Menteri Pulau Pinang pun dihalang daripada melawat SJK(C) Kampung Sungai Lembu di Bukit Mertajam, namun kita nampak tidak ada masalah apabila pemimpin Barisan Nasional pula memasuki mana-mana sekolah ataupun buat program seperti mana di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), yang di mana ada bendera parti UMNO dan lagu UMNO dimainkan dan sebagainya.

■1600

Untuk mengakhiri Tuan Pengerusi, saya rasa politik sebenarnya harus dipisahkan daripada sistem pendidikan kita. Medan persekolahan adalah persada untuk menimba ilmu dan bukan untuk bermain politik. Apa salahnya seorang Ketua Menteri hendak hadir dalam kapasiti pemimpin kerajaan negeri ataupun wakil rakyat untuk membantu sekolah.

Saya rasa Kerajaan Persekutuan seharusnya menghormati sistem persekutuan negara bagi membuktikan kesungguhan untuk melaksanakan transformasi ekonomi dan pendidikan yang dicanangkan. Jadi tindakan menekan pentadbir sekolah ini ia hanya merugikan sekolah sebenarnya Tuan Pengerusi. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut. Oleh sebab ramai Yang Berhormat Menteri saya cadangkan 4.30 petang untuk menjawab dan saya hadkan masa 5 minit seorang. Ya, Yang Berhormat Jerantut.

4.01 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar selepas ini boleh duduk ya.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Salam perpaduan, salam sehati seja. Sikit sahaja saya terutamanya mengenai dengan Butiran 010000 – Operasi Pendidikan. Saya rangkumkan sekali gus butiran yang kecil 010200, 010300 – Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah.

Saya ingin bertanya pihak kementerian, berapakah anggaran peruntukan yang diberikan untuk program aktiviti ko-kurikulum termasuk pasukan beruniform dan juga peruntukan sukan yang diberikan kepada setiap murid di sekolah kita? Ini kerana apa yang saya perhatikan sejak akhir-akhir ini, kegiatan aktiviti ko-kurikulum ini sedikit mendapat halangan apabila sekolah-sekolah tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi mengendalikan program perkhemahan, sukan dan sebagainya.

Sedangkan kita mengetahui aspek ko-kurikulum juga merupakan salah satu cabang dalam bidang pendidikan yang tidak kurang penting bagi membentuk insan yang selaras dengan kehendak falsafah pendidikan negara. Jadi jikalau sekiranya pihak sekolah kurang mempunyai peruntukan untuk menjalankan aktiviti kokurikulum sama ada di peringkat sekolah ataupun di peringkat daerah, sudah pastilah kita gagal nanti untuk mencapai matlamat hasrat pendidikan dalam falsafah pendidikan negara. Juga bagi saya pendidikan ko-kurikulum ini penting terutamanya juga boleh melibatkan dalam bidang integrasi kaum yang ada di sekolah-sekolah.

Mungkin melalui perkhemahan, melalui aktiviti pasukan pakaian beruniform ini secara tak langsung kita boleh mengeratkan hubungan antara murid-murid yang pelbagai kaum ini dalam pelbagai aktiviti yang boleh kita jalankan. Secara tidak langsung juga mereka boleh berinteraksi semasa mereka menjalankan aktiviti. Jadi dengan ini saya pasti, eh berapa minit? Dua minit sahaja. Oh?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi jam tadi tak betul.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tak betul. Baru sedikit sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Baru satu minit lebih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Okey terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi saya mengharapkan agar pihak Kementerian Pendidikan khususnya dapat memberikan tambahan peruntukan dalam bidang ko-kurikulum ini bagi mencapai hasrat falsafah pendidikan negara.

Butiran yang kedua ialah di bawah bidang 060000 – Pembangunan Khusus iaitu di bawah Butiran Kecil 060300 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah peruntukan yang diagihkan kepada setiap PPD seluruh negara kita bagi membantu pihak sekolah menjalankan aktiviti bagi membantu pihak Pejabat Pendidikan Daerah membantu sekolah untuk membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang ada di sekolah-sekolah? Saya mendengar rungutan daripada pihak sekolah.

Sekarang ini terdapat kesukaran- sedikit kesukaran di mana mungkin ada kerosakan-kerosakan kecil yang berlaku di sekolah-sekolah, mereka melaporkan kepada pihak PPD tetapi pihak PPD tidak dapat membantu untuk sekolah ini mengatasi masalah-masalah yang diperlukan di sekolah mereka.

Sedangkan sebelum ini saya ada sedikit pengalaman duduk di Pejabat Pendidikan Daerah, kita dapati tidak ada masalah besar untuk membantu pihak sekolah menyelesaikan kerosakan-kerosakan kecil. Saya juga mendapat perkhabaran sama ada ini betul atau tidak, ada sebahagian daripada peruntukan yang diagihkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah ini diturunkan butiran kerjanya tidak selaras dengan keperluan di sekolah.

Sebagai contoh, sekolah ini mungkin memerlukan pembaikan tandas, kerosakan tandas, bilik mandi asrama dan sebagainya tetapi yang datang butiran kerja ialah berkaitan dengan ganti atap dan tukar pagar. Sedangkan tukar atap atau ganti pagar ini bukanlah keperluan utama di sekolah. Jadi saya mencadangkan jika boleh pihak kementerian menurunkan peruntukan ini melalui Jabatan Pendidikan Negeri hingga ke PPD dan terpulanglah kepada PPD bagaimana untuk mereka menguruskan peruntukan ini bagi disampaikan kepada pihak sekolah berdasarkan kepada keperluan sebenar yang ada di sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa sudah cukup ya.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Jadi yang terakhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah agaknya Sekolah Menengah Sains Berasrama Penuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam Bajet 2016 yang akan dibina di Jerantut itu hendak dimulakan? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

4.06 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus masuk kepada Butiran 010200 berkenaan dengan Pendidikan Rendah. Saya ingin membawa kepada pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa selalunya sekolah-sekolah rendah sekarang selepas peperiksaan UPSR dan peperiksaan akhir tahun kebanyakan sekolah membiarkan kanak-kanak begitu sahaja. Kanak-kanak selalunya tidak diberi kelas pengajaran dan sebagainya. Ini adalah aduan-aduan yang saya telah terima secara peribadi daripada ramai ibu bapa.

Saya tidak menyalahkan cikgu-cikgu kerana cikgu-cikgu menggunakan hujung tahun ini untuk membuat kerja-kerja pentadbiran seperti menyiapkan rekod dan sebagainya. Akan tetapi saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan dan kementerian perlu mengambil inisiatif untuk membuat sesuatu agenda supaya kanak-kanak tidak dibiarkan duduk diam atau bermain-main di dalam kelas khususnya untuk bulan Oktober dan bulan November.

Kedua ialah berkenaan dengan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil dan Sekolah Rendah Kebangsaan Cina saya ingin mendapat makluman daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah yang telah dirancang dan telah dibina untuk tahun 2016 dan 2017? Berapa juga sekolah yang telah dirancang tetapi belum siap dibina untuk tahun 2016 dan tahun 2017?

Seterusnya ialah butiran mengenai 050100 – Dasar Pendidikan. Saya menyelami juga isu berkenaan dengan DLP. Saya khusus kepada dua soalan satu adalah mengapa DLP hanya sebuah program diperkenalkan manakala dulu kita ada PPMI sebagai dasar? Mengapa DLP ini tidak dibawa sebagai satu dasar? Itu yang pertama.

Kedua, apabila PPSMI sebagai satu dasar gagal, apakah keyakinan kementerian untuk memastikan bahawa satu program boleh berjaya? Sebab saya rasa dasar mempunyai keutuhan daripada sudut prinsipnya berbanding dengan satu program. Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkenaan dengan polisi juga iaitu berkenaan dengan guru-guru. Apakah ada polisi kementerian untuk menggalakkan guru-guru daripada kalangan-kalangan pelajar-pelajar cemerlang?

Setiap tahun kita ada pelajar-pelajar cemerlang tetapi pelajar-pelajar cemerlang ini selalunya mengambil jurusan lain seperti doktor, peguam dan sebagainya. Saya tak nampak satu inisiatif atau perancangan daripada kementerian untuk menarik masuk pelajar-pelajar cemerlang ini sebagai guru-guru.

Di negara-negara lain khususnya *Singapore* kita nampak benda ini dijalankan sebagai satu pelan strategik tetapi tidak ada di Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat? Saya minta pencerahan- 060200 berkenaan dengan memartabatkan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tak ada masa.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *One* minit.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, Tuan Pengerusi saya minta pendapat Yang Berhormat Kapar berkait dengan gangguan seksual di sekolah Tamil di Kuala Selangor. Saya dipercayai bahawa guru itu telah dihantar kepada *office* ataupun ditukar kerja. Akan tetapi adakah ini akan mengatasi masalah *sexual violence* terhadap murid-murid sekolah? Minta pandangan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Masukkan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Klang dalam ucapan saya tetapi yang penting Yang Berhormat Timbalan Menteri isu kanak-kanak sekolah Tamil menjadi mangsa berleluasa. Setiap tahun kita ada satu atau dua isu tetapi kita tak boleh kata itu hanyalah satu atau dua isu. Kita sedang bermain-main dengan masa depan seorang kanak-kanak. Orang yang melakukan kesilapan ini adalah guru.

■1610

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja jawab soalan Yang Berhormat Klang malahan juga pandang isu ini secara serius.

Saya masukkan kepada 060200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Saya juga telah membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri sebelum ini untuk memartabatkan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Tamil dan juga Bahasa Cina. Apakah pelan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memartabatkan juga bahasa-bahasa lain seperti Kadazan, Iban dan sebagainya.

Terakhir Tuan Pengerusi dengan izin, 061900 – Bantuan Makanan Pra Sekolah. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nombor satu, berapa banyak pelajar yang terlibat dengan bantuan ini.

Kedua, kos purata seorang pelajar yang dapat bantuan daripada bantuan ini, dan ketiga, adakah kerajaan memberi satu petua apakah makanan-makanan menggunakan gizi makanan yang seimbang untuk pembekal itu membekalkan makanan di bawah bantuan ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

4.11 ptg.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Pembangunan Infrastruktur. Saya mohon kepada kementerian untuk menjelaskan apakah status permohonan saya untuk tiga perkara seperti berikut:

- (i) membina sekolah kebangsaan di kawasan Chandan Putri;
- (ii) Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar yang baru; dan
- (iii) Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa.

Butiran kedua ialah 00203 – Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Saya mohon kepada kementerian untuk memperuntukkan beberapa peratus kemasukan dan penerimaan pelajar ke MCKK kepada anak-anak di Parlimen Kuala Kangsar. Permintaan ini adalah wajar memandangkan sekolah ini terletak di dalam parlimen saya dan ini adalah permintaan yang sering disuarakan oleh warga Kuala Kangsar yang mempunyai pelajar-pelajar yang berjaya di peringkat UPSR dan PT3. Saya mohon permintaan ini dapat diluluskan, Yang Berhormat Menteri.

Kedua, saya faham mengenai dasar mewujudkan sekolah berasrama penuh untuk pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan. Saya juga berpendapat PIBG di peringkat sekolah-sekolah ini harus di perkasa dengan ibu bapa-ibu bapa yang berkemampuan.

Saya juga faham dan simpati kerana tidak mungkin ibu bapa-ibu bapa yang duduk jauh dan tidak berkemampuan ini dapat menyumbang secara terus dan setiap minggu dari segi tenaga dan wang Ringgit. Jadi saya ingin pendapat Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Adakah baiknya sekiranya 10 peratus dari kemasukan ke asrama penuh di seluruh negara diberikan kepada pelajar-pelajar dari keluarga berkemampuan dengan syarat mereka dikenakan yuran tambahan yang tidak sama dengan pelajar lain dan penglibatan dari segi masa dan wang ringgit melalui PIBG adalah wajib. Dengan itu, banyak aktiviti dan penambahbaikan sekolah menggunakan kekuatan dan kemampuan dana dari luar melalui ibu bapa-ibu bapa ini dapat kita gembeleng.

Akhir sekali Butiran 010100 – Pendidikan Awal. Saya mohon kementerian apakah penambahbaikan kepada pendidikan awal kanak-kanak di bawah Bajet 2018 yang melibatkan cadangan-cadangan oleh Jawatankuasa Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan. Saya mencadangkan modul-modul PERMATA Negara diserapkan ke dalam perancangan kementerian supaya kejayaan PERMATA Negara dapat dinikmati juga oleh semua bentuk taska dan tadika, pendidikan awal.

Kedua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya ada satu modul diwujudkan untuk ibu bapa atau penjaga memandangkan kebergantungan anak-anak ini secara terus kepada ibu bapa atau penjaga dan tidak mampu berdikari di tahap umur ini. Modul ini seharusnya mempunyai kemahiran keibubapaan, keupayaan ibu bapa menangani masalah psikologi di tahap ini dan belajar menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kanak-kanak di rumah supaya dapat berkembang dari segi fizikal, psikomotor, intelek iaitu kognitifnya, emosi, efektifnya dan rohani, keimanan dan akhlaknya dengan cemerlang.

Penglibatan ibu bapa ini akan membantu kementerian mencapai pendekatan holistik yang terbaik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Pahat.

4.14 ptg.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan. Saya fikir satu topik yang sangat dekat kepada kita tentang penentuan masa depan anak-anak.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendekati perbahasan ini oleh kerana batasan waktu. Melihat pendidikan dalam konteks program yang dikemukakan ini secara *integrated* iaitu antara program pembangunan operasi pendidikan, pengukuhan dan operasi pendidikan, pembangunan profesionalisme, pengurusan, soal dasar dan akhir sekali program khusus.

Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah dan tindakan yang telah dan boleh dilaksanakan untuk menentukan ada keseimbangan dan kesepaduan antara seluruh input ini supaya output pendidikan dapat dicapai. Misalnya kalau boleh saya beri contoh dan saya dapat difahami. Kita mahu melahirkan pelajar yang baik proses kemenjadiannya. Maknanya murid lahir manusia, akhirnya jadi manusia. Kita ada guru yang baik, kita ada ibu bapa yang baik. Bagaimana persekitaran sekolah? Bagaimana pengurusan sekolah? Jadi ini maksud saya. Jadi apakah langkah dan tindakan kementerian untuk memastikan seluruh input ini berlaku dalam seimbang.

Tuan Pengerusi, saya melihat beberapa soal khusus. Soal pertama ialah soal operasi pendidikan yang bertujuan akhirnya menyuburkan potensi insan dan melaksanakan proses kemenjadian.

Saya ingin mencadangkan dan ingin bertanya. Proses atau potensi insan yang bagaimana yang hendak dilahirkan? Boleh atau tidak saya mengemukakan selepas mengikuti seluruh proses operasi pendidikan itu, dari pendidikan awal, rendah dan menengah dan lepasan menengah, pelajarinya dapat dihindarkan dari penyakit-penyakit, segala penyakit yang kita bincangkan selama ini dalam bidang pendidikan seperti ponteng sekolah, dadah, dedah dan segala macam sehingga mereka ini menjadi manusia yang manusiawi sifatnya.

Saya ingin menyebutkan satu ciri yang mencirikan manusia itu iaitu keupayaan dia membuat pilihan. *The ability to make choice*. Jadi manusia. Satu-satunya makhluk yang ada kebebasan membuat pilihan ialah manusia. Binatang, syaitan dan iblis ini dia tidak ada pilihan. Ada satu jenis makhluk lagi yang ada kebebasan memilih iaitu jin.

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian menerusi pendidikan awal, rendah, menengah dan lepasan menengah itu supaya akhirnya manusia boleh membuat pilihan dalam erti bukan sahaja dia ada *critical thinking*, keupayaan berfikir tetapi dia ada dasar moral dan akhlak yang kuat, dia ada dasar keupayaan dan kemampuan memahami persekitaran, dia dapat membaca masa depan, dia tahu ke mana hendak dibawa dirinya. Jadi memahami diri dan persekitaran dan boleh bawa diri, dia boleh membuat keputusan dan pilihan sendiri.

Ini penting Tuan Pengerusi kerana kita tidak mungkin dapat mengekori murid-murid, guru disiplin, cikgu atau ibu bapa kah. Tidak boleh hendak hambat murid. Jadi kita mesti latih anak-anak ini menjadi manusia yang saya sebutkan, yang dicirikan oleh satu-satunya ciri yang mencirikan manusia iaitu keupayaan dia membuat pilihan.

Untuk itu kita perlukan kepada latihan profesionalisme. Latihan keguruan. Saya mencadangkan dan adakah kementerian melaksanakan ini. Membangun guru yang ada watak guru. Kita dulu kalau tengok orang berjalan, hah, ini dia cikgu. Ini *businessman*. Macam sekarang kita tengok, ini orang politik. Ini politik daripada Mersing. Misalnya lah kan. Atau daripada jiran saya. Jadi ada wataknya. Wataknya itu saya pakai lima C. Minta maaf, Tuan Pengerusi. Saya selesaikan tajuk ini. Ada lima C- "*character*", "*concept*", "*competencies*".

Kedua ialah tentang kesedaran dia tentang "*community*". Selepas itu akhirnya dia ada "*commitment*".

Kalau kita bangunkan guru yang demikian, bukan guru yang ada kemahiran masa depan, yang mana dia sendiri pun tidak ada masa depan, tetapi guru yang ada sahsiah guru dan sahsiah keguruan itu yang menjayakan peranannya sebagai seorang pendidik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit.

■1620

4.20 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 060200 - Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris.

Izinkan saya untuk memetik Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sam Tet, Ipoh yang lalu.

Bahasa Kebangsaan negara adalah identiti kepada sesebuah negara bangsa. Adalah janggal dan ironis jika terdapat seseorang yang bertaraf warganegara dengan mendapat segala nikmat dan keistimewaan seorang warganegara tetapi tidak boleh memahami, tidak boleh bertutur, tidak boleh menulis dan tidak boleh membaca dalam Bahasa Kebangsaan negaranya. Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tidak akan menghilangkan identiti etnik sesuatu kaum. Sebaliknya Bahasa Kebangsaan akan menentukan identiti sebenar bangsa Malaysia sejati yang setia kepada negara.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sama fungsinya dengan ikon yang melambangkan identiti negara seperti lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan. Bahasa sebagai sebuah medium komunikasi yang signifikan dalam pembentukan budaya dan peradaban masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa Bahasa Melayu memainkan peranan yang cukup istimewa dalam mengajar penuturnya untuk mengejar kemajuan dunia tanpa mengabaikan kesantunan dan adab dalam percakapan dan amalan seharian.

Bahasa yang mempunyai roh kesantunan dan budi perlu diserlahkan sebagai suatu gaya hidup mutakhir di dalam era dunia tanpa sempadan ini. Kemerdekaan negara kita sudah menginjak kepada angka 60 tahun dan Malaysia pula telah ditubuhkan selama 54 tahun yang lalu.

Saya lihat tidak ada sebab mengapa masih ada yang gagal menguasai bahasa kebangsaan dengan baik sama ada lisan atau tulisan.

Soalan saya, apakah usaha serta langkah yang telah dijalankan oleh kementerian dalam memastikan setiap pelajar sekolah vernakular berupaya menguasai bahasa Melayu dengan tahap kefasihan setanding atau sebanding atau lebih tinggi daripada pelajar sekolah kebangsaan. Bukan dengan mengadakan program sedia *ad hoc*. Akan tetapi haruslah program yang berterusan dan fokus.

Kedua, sejauh manakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian dalam Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris bagi mendepani agenda Transformasi Nasional 2050 akan datang.

Tuan Pengerusi, perkara kedua saya hendak sebut ialah tentang 010200, 010300 dan 01000 di Daerah Parit Tengah. Saya mohon kepada kementerian untuk menimbang permohonan saya untuk mendirikan sekolah rendah di Bandar Universiti Seri Iskandar dan sekolah menengah di Iskandar Perdana, Seri Iskandar.

Pada masa yang sama, saya juga merayu kepada kementerian supaya dapat menimbang permohonan untuk membina sebuah sekolah berasrama penuh di Daerah Parit Tengah. Akhirnya saya mohon kementerian untuk menimbang permohonan saya untuk mendirikan pejabat pendidikan daerah yang baru bagi Daerah Parit Tengah kerana sekarang ini pejabat yang ada itu agak sempit dan tidak selesa untuk pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas masing-masing. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

4.24 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.63 Butiran 010100 - Pendidikan Awal.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapakah jumlah prasekolah yang telah diwujudkan dan beroperasi di sekolah-sekolah Tamil buat masa sekarang. Saya juga ingin tahu apakah rancangan kerajaan sama ada kerajaan mempunyai hasrat untuk menambahkan lagi bilangan prasekolah di sekolah-sekolah Tamil.

Pada masa sekarang saya mendapat banyak aduan bahawa prasekolah yang wujud di beberapa sekolah tertentu tidak cukup malah mereka tidak ada kemampuan untuk menambahkan bilik darjah. Jadi saya minta, apakah rancangan kerajaan untuk menambahkan bilangan kelas atau pun bilik darjah untuk prasekolah di sekolah-sekolah Tamil dan saya juga ingin tahu apakah senario di sekolah-sekolah Cina. Adakah di sekolah-sekolah Cina juga menghadapi masalah yang sama.

Berkaitan dengan Bantuan dan Kebajikan Pendidikan di bawah Butiran 020500. Ini adalah isu yang penting di mana saya juga telah menerima beberapa aduan berkaitan dengan rancangan makanan tambahan. Saya difahamkan bahawa tahun ini, beberapa sekolah telah menerima surat daripada pihak kementerian untuk menyemak semula senarai murid-murid yang menerima Rancangan Makanan Tambahan ini.

Selepas disemak, ramai yang telah dipotong nama dan bilangan itu telah dikurangkan dan saya hendak tahu kenapa perkara ini berlaku. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengurangkan pemberian Rancangan Makanan Tambahan ini pada masa hadapan. Saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji semula polisi ini sebab sekarang kita semua tahu bahawa beban hidup semakin bertambah dan ini akan amat menyusahkan golongan miskin yang anak-anak mereka menerima Rancangan Makanan Tambahan ini.

Butiran 050100 - Dasar Pendidikan. Apakah cadangan kerajaan untuk memperkasakan generasi muda atau murid-murid pendidikan awal dari Darjah 1 hingga Darjah 3 seperti mana yang diamalkan di negara Jepun, di mana murid-murid diberi pendidikan atau latihan memupuk tiga perkara utama.

Pertama, berkaitan dengan peradaban.

Kedua mengenai kebersihan, dan yang ketiga mengenai sejarah, adat resam dan kesenian, dan bukan akademik sepenuhnya.

Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dan apakah fokus kita sebenarnya di peringkat awal pendidikan kita.

Butiran 010300 - Pendidikan Menengah. Ini juga merupakan satu isu yang penting iaitu berkaitan dengan sekolah peralihan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kewujudan kelas peralihan bagi murid-murid SJKT dan SJKC yang memasuki sekolah menengah.

Butiran 010200 - Pendidikan Rendah. Kerajaan pernah menjanjikan bahawa pembinaan sekolah-sekolah baru, menaik taraf dan membaik pulih bagi sekolah-sekolah Tamil. Kerja-kerja ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor di kalangan kaum India. Akan tetapi saya tidak tahu sama ada kerajaan masih meneruskan polisi ini atau pun telah dihentikan. Kalau tidak dilaksanakan ataupun telah dihentikan saya hendak tahu kenapa perkara ini dihentikan dan nyatakan juga status projek rancangan khas yang pernah dicadangkan oleh kerajaan, jumlah sekolah yang terlibat dan jumlah sekolah yang telah siap setakat ini.

Butiran terakhir, 010300 - Pendidikan Menengah. Saya juga ingin tahu, ini adalah isu yang berkaitan dengan penglibatan murid-murid dalam aktiviti kongsi gelap. Berapakah pelajar yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kongsi gelap? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka? Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar sekolah tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti kongsi gelap. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Batu Gajah dan juga tiga Yang Berhormat yang mencelah, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Klang, empat. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

■1630

Yang Berhormat, saya juga ingin mendapat izin Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk menjawab soalan-soalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan. Kepada mereka yang tidak ada dalam Dewan, pihak kami akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Ahli Parlimen Permatang Pauh, tidak ada. Maka saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Kedua ialah daripada Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Tanah Merah? Tidak ada, saya mohon maaf, secara bertulis.

Ketiga Yang Berhormat Kulai, ada. Tidak perlu tangan, nampak depan saya. Terima kasih. Yang Berhormat, saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan yang dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Beri peluang saya untuk memberi penjelasan. Sekiranya perlu pencerahan, di akhir jawapan saya, Yang Berhormat boleh. Saya akan cuba sedaya upaya untuk memberi pencerahan seberapa banyak yang boleh.

Yang Berhormat, adakah Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia untuk mengizinkan ADUN Pakatan Rakyat dalam LPS sekolah baharu SJKC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan LPS bukan berdasarkan keanggotaan mana-mana parti, sebaliknya daripada kategori anggota-anggota lima. Satu, pemilik tanah, yang kedua pertubuhan agama atau gereja yang terlibat, yang ketiga wakil murid-murid tua atau alumni sekolah yang ada dan wakil PIBG serta wakil Yang Berhormat Menteri. Ini dia kategorinya.

Untuk pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pembinaan 10 buah SJKC baru dan enam buah yang dipindahkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk pembinaan sekolah baru, langkah pertama adalah pengenalpastian skop dan keperluan sekolah tersebut daripada skop yang telah dikenal pasti, barulah kos projek akan diperuntukkan.

Juga berdasarkan kepada pengalaman saya Yang Berhormat, contoh pada tahun 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan enam buah sekolah baru Tamil, SJKT, 2012. Apabila diumumkan masa itu, kerajaan akan juga mewujudkan peruntukan spesifik kepada sekolah tersebut dan tidak seharusnya kalau 2012 diumumkan, 2012 peruntukan itu akan ada kerana proses untuk memperoleh kelulusan merancang sendiri Yang Berhormat, kadang-kadang akan mengambil masa 2 hingga 3 tahun.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Contoh yang saya dapat bagi ialah SJKC Sentosa, Klang. Baru. Sekolah yang ke-525, 95 peratus hampir siap. Pengumuman dibuat 2012 ya. Kita mendapat kelulusan rancang penuh pada tahun 2015/2016. Terus kita mula projek, sekarang hampir siap. Jangan khuatir, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman, peruntukannya akan berikuit. Jangan khuatir, pasti ada peruntukan. Kalau 10 sekolah baru, enam sekolah di lokasi dan *plus six* ini akan dilaksanakan oleh kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu SJKT Sungai Bakap. Memang benar, kita bagi kepada Lembaga Pengelola Sekolah kerana berdasarkan kepada Akta Pendidikan, kementerian tidak mempunyai bidang kuasa membina sekolah bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, kerajaan telah pun melaksanakan tanggungjawab dan bermurah hati menyediakan peruntukan kepada sekolah ini untuk dibina.

Yang Berhormat Batu Kawan juga mencelah untuk meminta maklumat, pelik mengapa 2014 diumumkan tetapi sampai hari ini tidak ada pergerakan. Yang Berhormat, asalnya tanah ini dicari satu kawasan yang tidak sesuai, kurang sesuai kerana tanah ini tidak begitu sesuai. Lepas itu kita membuat carian tanah, akhirnya kita telah berjaya mengenal pasti satu tapak tanah Kerajaan Persekutuan dan telah pun memberi 4 ekar tanah kepada pembinaan sekolah ini.

Bukan saja itu, lokasi tanah ini pula depan Taman Seruling Emas, yang mana pelajar-pelajar, penduduk-penduduk di Taman Seruling Emas hampir 30 peratus daripada pelajar SJKT Sungai Bakap ini daripada Seruling Mas. Maka tanah baru yang dikenal pasti Yang Berhormat, berdekatan dengan Taman Seruling Emas dan kita bagi RM3.5 juta kepada LPS dan LPS juga telah melantik konsultan tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia memantau melalui Jabatan Pendidikan Negeri. Itu bagi saya tidak pelik.

Yang Berhormat hendak tahu apa yang pelik, yang peliknya Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat jugalah ya, mungkin secara maklumat ini ringkas Yang Berhormat. Yang Berhormat di Pulau Pinang ada satu sekolah SJKT Rajaji. Tahun 2008, LPS Rajaji minta kerajaan negeri untuk sebidang tanah untuk ditukar tempat, sampai hari ini belum dapat Yang Berhormat. Itu bagi saya pelik dan ajaib. Tahun 2008, okey.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat, saya tidak beri laluan kerana soalan saya hendak jawab.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya ingin mendapat penjelasan sebab yang itu tohmahan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, biar saya selesai.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya ingin mendapat penjelasan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Awal-awal tadi saya sudah cakap, biar saya selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Lepas itu saya bagi laluan.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *But I will get you. I will get you* Yang Berhormat Timbalan Menteri *after this*.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya bagi laluan, jangan kkuatir.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *No, but you have to clarify. You cannot mislead the Dewan.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akan beri laluan selepas selesai. Yang Berhormat Kulai dengar.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengelirukan Dewan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Beritahu dia sabar sikit ya, saya akan beri laluan. Jangan kkuatir, saya di sini, tidak balik ya. Jangan kkuatir.

Yang Berhormat Kulai juga, Pengerusi Dong Zong mengatakan pembinaan SJKC tidak mengikut permohonan *panel gap*. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi keutamaan terhadap keperluan pendidikan kepada semua kaum dan bukan khusus kepada kaum tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, pembinaan sesebuah sekolah adalah bergantung kepada kelulusan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengikut Akta 1996.

Tentang isu SJKC, peruntukan terlalu kecil. Untuk tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan SJKC. Selain daripada itu, di bawah peruntukan pembangunan juga, kerajaan telah meluluskan pembinaan blok tambahan di SJKC Permatang Tinggi dengan kos RM10 juta. Juga untuk tahun 2018 juga Yang Berhormat ya, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan SJKC. Selain daripada itu, di bawah peruntukan pembangunan juga, kerajaan telah meluluskan pembinaan blok tambahan SJKC Permatang Tinggi. Saya sudah maklum tadi.

Untuk SJKC Yuk Tze. Yang Berhormat, KPM telah menerima permohonan dan saya juga baru dimaklumkan ada surat rasmi daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada permohonan untuk SJKC Yuk Tze, Tumpat, Kelantan ini, RM750 ribu telah pun diperuntukkan. Ini fasa pertama. Kerja-kerja akan dilakukan, ada surat bersama saya. Kita boleh beri maklumat ini secara terperinci kemudian kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hanya hendak sentuh beberapa, minta penjelasan terhadap beberapa kenyataan yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri buat.

Pertama, saya rasa kelulusan telah bagi tetapi kita mestilah ada satu *time frame* untuk habis pembinaan untuk *ten plus six* sekolah SJKC ini kerana saya rasa isu adalah penting kerana kita memang ada contoh yang cukup buruk.

Seperti untuk SJKC Kulai 2, lulus, dapat kelulusan pada tahun 1999. Bila pembinaan siap dan mula guna, pada tahun 2012. Lebih daripada 10 tahun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ambil contoh yang lebih dekat. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut pada tahun 2008 juga ada buat pengumuman, enam buah SJKC yang baru, salah satu terletak di Kajang. Umum pada tahun 2008, bila siap dan bila akan guna? Tahun depan. Hampir 10 tahun juga.

Jadi saya rasa kalau kami di sini, kita cakap kelulusan sudah bagi tetapi mestilah kita ada satu *time frame* yang *reasonable* untuk menyatakan bila *ten plus six* SJKC ini boleh siap dibina. Itu yang kita minta. Sebenarnya walaupun Yang Berhormat Menteri tadi cakap, ya kelulusan ialah *first step*, okey, banyak kerja lagi. Itu saya faham. Akan tetapi saya hendak beri satu contoh okey, SJKC Cheah Fah di Sunway Iskandar.

Construction Advisory Committee sudah ditubuhkan dan kalau ikut *Construction Advisory Committee* ini, memang mereka akan mula pembinaan pada tahun depan. Jadi, takkanlah sampai sekarang MoU tidak boleh maklumkan Dewan ini? Berapa peruntukan yang telah disediakan untuk SJKC Cheah Fah yang sekolah baru ini? Bukan saya yang cakap bahawa *ten plus six* ini mestilah dapat peruntukan sekarang.

■1640

Akan tetapi *ten plus six* ini memanglah sekurang-kurangnya berapa yang akan mula kerja tahun depan? Berapa banyak peruntukan yang telah disediakan? Itu yang soalan saya.

Kedua, saya nak tanya tentang LPS... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah ulang soalan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Apa masalah? Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi laluan, kenapa *you* nak kacau di sini? Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak kacau. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang cukup *gentleman*, sebab itu dia layak duduk di sana, yang duduk di sana mestilah *improve* sedikitlah.

LPS, kalau kita cakap untuk pembinaan sekolah bantuan, tidak boleh libat mana-mana ahli politik, itu saya terima, saya faham. Akan tetapi sekarang kita cakap tentang pembinaan untuk SJKC yang baru. Seperti SJKC Che Fai yang saya sebut tadi. *Construction Advisory Committee* telah ditubuhkan, itu di JB punyalah, di Johor. Jadi, wakil rakyat daripada pembangkang tidak dijemput, saya rasa itu biasalah. Akan tetapi sekarang kalau kita nak bina sekolah ini di Selangor, tujuh buah sekolah yang akan dibina di Selangor dan Selangor- Pakatan Harapan adalah kerajaan.

ADUN tempatan itu adalah daripada Pakatan Harapan. Kalau kita tidak cakap bahawa kita perlulah kerjasama untuk pembinaan sekolah baru ini. Kenapa- sedia tidak MOE menjemput wakil-wakil tempatan untuk turunlah menyertai dalam *Construction Advisory Committee* ini? Itu soalan kami. Takkan lah apabila pembinaan sekolah itu menghadapi masalah, barulah nak nyatakan bahawa Pakatan Harapan yang menyusahkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Proses itu, sebenarnya bukan. Kalau lah memang kita nak kerjasama untuk pembinaan SJKC ini, saya rasa di negeri Selangor, ADUN tempatan boleh tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Kita jemput wakil rakyat untuk juga duduk dalam *committee* tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat, saya. Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Bukit Bendera Yang Berhormat?.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Batu Kawan dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan ya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan memandangkan Yang Berhormat Menteri katakan tanah yang baru ini adalah lebih baik daripada tanah sebelum ini. Saya ingin bertanya di sini, sebelum ini, lot 464 telah diperuntukkan untuk pembinaan sekolah SJKT Sungai Bakap yang baru dan peruntukan wang RM3.5 juta. Amaun yang sama telah diberikan kepada LPS tetapi lotnya ditukar ke lot 3117. Saya pernah melawat dua-dua kawasan ini dan lot 464 ini adalah tanah yang datar, berbanding dengan 3117 ini yang berbukit-bukit. Jadi, dengan izin, *more allocation is needed to clear the land, I don't see how RM3.5 million is enough.*

Saya ingin tahu, dengan keadaan sekolah yang begitu daif, usang dan berbahaya untuk pelajar-pelajar, mengapa mengambil masa begitu lama daripada satu lot ke lot yang lain? Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dalam satu- yang saya ulang di sini, *a press statement you mentioned in 2014*, dengan izin, Yang Berhormat Timbalan Menteri, *that in June 2014, Putrajaya identified Indian contractors, July 2014 clearance work will start.* Saya ingin tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu telah disebut dalam perbahasan asal.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yes. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah disebut, biar tunggu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apa erti semua ini? Dengan izin Tuan Pengerusi. Tidakkalah kalau tanah itu tidak sesuai, kontraktor dilantik? *If the land is not good, how can we appoint the contractor?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That is exactly what you said in the debate.*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Yes, I have raised this many times before.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Let him answer, let him answer.*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya harap boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Bukit Bendera kemudian ya, *let me finish with all this first.*

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: *About this...*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak ada, tidak ada. *You tidak ada jawab tadi. You tidak minta pun benda ini tadi, when it comes to your turn, you pula, okey.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey tapi ini berkenaan isu...

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak ada, tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, tidak boleh berunding Yang Berhormat, nak bagi, tidak bagi, itu saja.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, memang saya- dia *have to sit down first* lah.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Dia isu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera nanti bangun semula, Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okay. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kulai, saya setuju, *time frame* itu kena ada. Biasanya Yang Berhormat, untuk pembinaan sekolah tertakluk kepada jumlah bilik darjah dan sebagainya, akan mengambil masa 16 bulan ke 24 bulan. Akan tetapi yang paling pentingnya adalah kelulusan merancang. Kadang-kadang kelulusan merancang ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kelulusan merancang ini pihak berkuasa tempatan. Contoh ya, untuk pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapat kelulusan merancang untuk pembinaan SJKT Sentosa Klang mengambil hampir dua tahun Yang Berhormat, akan mengambil masa. Akan tetapi- Yang Berhormat sabar ya. Akan tetapi kita ambil tahu, *the moment* kita mendapat kelulusan penuh untuk membina sekolah, kita akan serta-merta mula proses pentadbiran.

Under KPM ya, kita tidak ada sebab-sebab untuk melengahkan. Oleh kerana kita melaksanakan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua Ahli-ahli Parlimen, contoh Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Senator Chong, semua mengangkat perkara ini untuk memastikan sekolah ini dapat dibina secepat mungkin dan kita di Kementerian Pendidikan melaksanakan semua ini. Jangan khuatir Yang Berhormat, saya setuju *time frame* dan bila kita sudah sedia untuk memaklumkan *time frame*, saya akan maklum kepada Yang Berhormat, terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi perkara Yang Berhormat kata ialah spesifik, *Sunway Iskandar*. Yang Berhormat, *that is a very specific question, I will answer to you in writing*, dengan izin Tuan Pengerusi, terima kasih ya. Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ADUN tempatan boleh *join* atau tidak?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Saya pergi ada jenazah, saya minta maaf, sebab itu lambat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey, saya akan balik kemudian nanti Yang Berhormat, boleh?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Minta maaf Yang Berhormat, ya. *Advisory Committee* itu- contoh Yang Berhormat ya. Itu tertakluk kepada Jawatankuasa. Sekolah-sekolah baru ini ada jawatankuasa bertindak. Jawatankuasa bertindak ini biasanya diwakili oleh pemimpin-pemimpin tempatan, okey. Kita berikan ruang.

Contoh, saya terpaksa beri contoh yang dekat dengan saya. SJKT Sentosa, sekolah baru, jawatankuasa penduduk, jawatankuasa sana, pemimpin-pemimpin di sana, ia semua sekali, mereka akan dilantik dan ia tidak ada kena mengena dengan wakil-wakil rakyat ke ataupun politik. Kita telah berjaya melaksanakannya, jangan khuatir. Yang Berhormat, bagi saya yang pentingnya Yang Berhormat ialah pembinaan sekolah, bukan jawatankuasa. *So, very clear, but* saya ambil maklum. Sekiranya ada peluang kita bekerjasama, sudah pasti kita terbuka kerana kita di sini terbuka untuk bekerjasama, Yang Berhormat ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih. Saya nak- okey. Saya rasa *Advisory Committee* ini sama ada ahli politik atau tidak, saya rasa itu kita boleh setuju memang ada, betul tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sekarang *I don't have all the facts* tentang SJKT di Kluang tersebut, okey. Saya akui saya tidak ada maklumat tetapi seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ambil dua tahun untuk dapat itu kelulusan perancangan.

Jadi, sebab itu kita perlu ada wakil rakyat tempatan duduk dalam jawatankuasa bertindak itu, supaya beliau boleh bantu untuk memudahkan semula prosedur ini. Kalau kita memang nak mempercepatkan pembinaan itu, kenapa tidak berani untuk biarlah ADUN untuk kawasan itu untuk duduk dalam *committee* tersebut kan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tidakkannlah Yang Berhormat Menteri cakap...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Bahawa ADUN bukan wakil untuk orang tempatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai, saya rasa yang ini disentuh melibatkan perkara-perkara dasar. Jadi, kita pada peringkat Jawatankuasa. Sama ada *to allow or not to allow*, itu peringkat dasar Yang Berhormat, ya.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akur Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kita di Kementerian Pendidikan seperti mana kata, kita telah menerima dan kita akan melaksanakan tanggungjawab kita, jangan khuatir. Contoh Yang Berhormat, di Johor ya, dalam masa dua bulan kita dapat kelulusan merancang, tidak ada masalah. Saya ada masalah... *[Disampuk]* Yang Berhormat, saya boleh jawab. *Maybe we can have a cup of coffee later and I will explain to you all the details, you have been a very good person.* Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam *[Ketawa]*

Yang Berhormat Batu Kawan, tanah yang asal itu memang benar, sesuai tetapi kita tengok pergerakan pelajar. Jumlah pelajar yang masuk ke SJKT Batu Kawan itu, Yang Berhormat ya, kebanyakan- mohon maaf, Sungai Bakap mohon maaf. Hampir 30 peratus pelajar itu daripada Taman Seruling Emas. Jangan khuatir, bila Kementerian Pendidikan memberi peruntukan kepada pihak LPS, LPS pun sudah mengenal pasti, kita juga bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan PTG untuk membantu kita meratakan tanah.

So, kos yang kita bagi itu cukup untuk membina sekolah yang diperlukan. Saya seperti mana yang saya katakan tadi, LPS telah pun melantik konsultan, mereka aktif untuk memastikan projek ini selesai dalam masa yang cepat, jangan khuatir. Yang Berhormat, boleh saya teruskan? Ramai lagi Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit penjelasan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, macam ini. *This is very specific. I will explain to you later* Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *But, this have been four years,* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *No, I understand.* Yang Berhormat, *you are talking about four years.* Rajaji 2008 Yang Berhormat, *10 years.*

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Yes, the state government is in the process of identifying land,* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: So, tidak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya tidak bagi ruang untuk *you*, saya cakap dengan Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seorang, seorang, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *I want to put on record here that the state government is looking for land to relocate SJKT Rajaji...*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *It's okay, it's okay. We are all looking for land, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, *I would just like to refer to your answer given by Ministry of Education...*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Seterusnya, Yang Berhormat Libaran.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, saya belum dapat penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, duduk dulu.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Libaran, *because this is perbincangan, saya beri jawapan terperinci kemudian, Yang Berhormat ya. Terima kasih. Seterusnya...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Libaran ada dalam Dewan ya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *No, I need some clarification. I have to go back to my kawasan and explain to the PIBG.*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I, I, I...* Yang Berhormat...

■1650

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you stated in your answer here* pada masa yang sama pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan perpindahan ke tapak baru dan mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum sebarang pembinaan sekolah ini boleh dilaksanakan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Jangan khuatir.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *What is the status of that?*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Itu saya akan laksanakan. Tanggungjawab saya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bila?

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akan laksanakan, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan macam itu, jangan macam itu. Sudah cakap, jangan tanya bila, Yang Berhormat. *He would definitely* dia tidak akan dapat menjawab bila.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, *if something falls on the student's head tomorrow, who's responsible? If a child is injured, because the school is old, who is responsible? This is the situation of Sungai Bakap Tamil school.*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Libaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *I don't have an answer.*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Libaran, terima kasih kerana membangkitkan perkara ini. SMK Libaran menumpang di SK Bandar sejak 10 tahun lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek SMK Libaran adalah dalam persediaan tender untuk ditenderkan pada Januari 2018.

Untuk isu sekolah kebangsaan di Libaran, banyak kekurangan perlu diperbaiki, saya setuju. Permohonan bagi naik taraf dan pembaikan sekolah-sekolah daif dan gantian bangunan perlu dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui PPD dan JPN. Permohonan perlu melalui prosedur yang ditetapkan sebelum penelitian kepada keperluan projek dibuat pada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Libaran juga meminta isu tentang SMK Gum-Gum 2. SMK Gum-Gum 2, Libaran telah diserahkan kepada JKR sebagai agensi pelaksana. Status terkini, surat kebenaran masuk tapak baru sahaja diperoleh dan jangkaan tender adalah pada bulan Mac 2018. Sekolah Kebangsaan Libaran banyak kekurangan. Permohonan bagi naik taraf dan pembaikan sekolah-sekolah daif dalam gantian, seperti mana yang saya kata tadi, akan dimaklumkan.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Libaran iaitu SMK Bestari, Sekolah Seni Sabah, Yang Berhormat Libaran ya? Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil maklum akan status Sekolah Seni Sabah yang masih menumpang di SMK Elopura, Sandakan, Sabah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memohon untuk pembinaan Sekolah Seni Malaysia Sabah dalam *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesebelas tahun 2018. Namun, kelulusan adalah tertakluk kepada agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

Tentang pembinaan sekolah teknik Kolej Vokasional Libaran, status pembinaan Kolej Vokasional Sandakan yang baru adalah dalam proses akhir kelulusan reka bentuk oleh konsultan. Kelewatan disebabkan oleh kelulusan di bawah PBT. Peruntukan telah pun diluluskan di bawah RMKe-11 *Rolling Plan* Kedua sebanyak RM63 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat izin Tuan Pengerusi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Permatang Pauh sekiranya dibenarkan Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum itu, saya hendak minta maaf kerana saya membuat kesilapan. Saya nak memperbetulkan Butiran 010000 – Operasi Pendidikan di muka surat 489 bersama dengan Butiran 010200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 010300 – Pendidikan Menengah. Yang lain sama. Saya minta maaf kerana itu butirannya yang telah buat saya tersilap. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya akan cuba menjawab apa yang ada. Mungkin kesilapan itu kita akan betulkan kemudian tetapi saya ambil maklum atas apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi.

Yang Berhormat, tentang isu keciciran murid. Sebenarnya Yang Berhormat pun membangkitkan perkara ini, Yang Berhormat Lembah Pantai pun membangkitkannya. Malah, ramai Ahli-ahli Parlimen yang membangkitkan isu-isu ini sebentar tadi bersama dalam ucapan Jawatankuasa mereka.

Yang Berhormat, secara purata, peratus keciciran murid sekolah rendah bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah di antara 0.26 hingga 0.74 peratus di Semenanjung Malaysia. Baru semalam saya menjawab soalan ini secara soal jawab lisan. Bagi Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah 0.5 hingga 0.10 peratus. Manakala purata keciciran murid sekolah menengah bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah antara 1.09 ke 3.59 peratus bagi Semenanjung Malaysia dan bagi Sabah, Sarawak, Labuan, peratus keciciran ialah 0.41 hingga 1.18 peratus.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan satu inisiatif khusus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu peningkatan akses daripada peningkatan pra sekolah, menengah hingga menengah atas bertujuan untuk menangani masalah keciciran sekolah. Melalui inisiatif tersebut, satu garis panduan mengurus murid berisiko tercicir bagi membendung masalah keciciran sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan telah pun disediakan.

Selain itu, satu modul intervensi juga telah kita sediakan. Kementerian Pendidikan menyediakan bajet bagi bantuan seperti pemberian buku teks. Ini di antara kaedah-kaedah yang kita telah mengenal pasti. Semalam saya baru sahaja jawab soalan-soalan ini. Maksudnya, kita telah pun ada beberapa kaedah untuk membantu untuk mengatasi masalah keciciran ini.

Akan tetapi, segala modul intervensi ini juga pada masa guru-guru akan diberi bantuan secukupnya, saya rasa tanggungjawab untuk mengatasi masalah keciciran adalah tanggungjawab semua kita bersama, bukan sahaja guru-guru.

Guru-guru memainkan peranan yang penting. Malah, ada guru-guru di sekolah telah pun mewujudkan program-program spesifik, contoh ziarah 10. Maksudnya dia pergi 10 rumah anak-anak tercicir ini mendapat tahu secara peribadi tanpa desakan PPD, JPN, KPM, mereka sendiri guru-guru ini pergi ke rumah-rumah mencari apa masalah, bagaimana mereka dapat mengatasi dan bagaimana mereka dapat bawa ke sekolah. Tetapi, Yang Berhormat, masyarakat juga harus bekerjasama. Kadang-kadang kita lihat ada anak tertinggal di rumah mengapa tidak pergi sekolah, kita kena tanya mengapa anak ini tidak pergi sekolah. Maka saya rasa tanggungjawab ini tanggungjawab bersama untuk kita mengurangkan peratus keciciran ini.

Penggunaan buku teks perlu dikaji bagi mengelakkan masalah beg berat. Yang Berhormat Permatang Pauh juga membangkitkan benda ini dan benda ini juga dibangkitkan oleh beberapa orang lagi Ahli Parlimen yang bersama kita pada hari ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Tanah Merah tentang isu ini- Yang Berhormat Tanah Merah pun bangkit- iaitu dengan mengambil langkah penggunaan buku teks dan bahan pembelajaran berbentuk digital. Sehingga kini, terdapat 415 judul buku teks digital yang telah dimuat naik.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan platform pembelajaran maya (VLE) yang boleh diakses secara atas talian oleh guru dan murid termasuk ibu bapa. Bahan-bahan tersebut boleh diakses secara sendiri termasuk di luar waktu sekolah. Pembudayaan ICT dalam PDP telah diamalkan di sekolah-sekolah khususnya untuk pembelajaran abad ke-21.

Yang Berhormat Tanah Merah juga mencadangkan perkara ini....

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya juga tentang guru-guru. Bilangan guru-guru bertambahnya- keciciran itu adalah *second point*. *Point* yang pertama adalah tentang jawatan guru-guru tidak bertambah walaupun ramainya pelajar-pelajar di dalam sekolah-sekolah kita bertambah. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akan jawab soalan itu, Yang Berhormat. Saya tadi ambil isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat Tanah Merah, saya gabungkan tadi.

Tentang isu mengapa peruntukan rendah dan menengah akademik berkurangan, itu pun di antara perkara yang dibangkitkan. Peruntukan bagi pendidikan rendah berlaku peningkatan sebanyak 1.3 peratus ataupun peningkatan sebanyak RM223 juta. Manakala bagi pendidikan menengah juga berlaku peningkatan pada tahun 2018 berbanding 2017 sebanyak 4.3 peratus. Oleh yang demikian, kenyataan Yang Berhormat tadi kata ada pengurangan berbanding daripada tahun 2017 tidak wujudlah. *That is to clarify your earlier question. I know you corrected your subheading study.*

Sebanyak 70 peratus sekolah di Sarawak dalam keadaan daif dan mengalami kerosakan kritikal. Yang Berhormat, dalam Bajet 2018, peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan untuk pembaikan sekolah-sekolah daif adalah sebanyak RM1 bilion untuk Sarawak. Daripada 1,020 jumlah sekolah di Sarawak, peruntukan sebanyak RM67.382 juta telah diluluskan untuk pembangunan semula 20 buah sekolah daif secara IBS semasa *rolling plan* pertama RMKe-11 tahun 2016. Dalam *rolling plan* kedua tahun 2017, RM366.7 juta telah diluluskan untuk 183 buah sekolah daif.

Untuk pengukuhan operasi pendidikan, Yang Berhormat mengatakan tadi penurunan RM54.56 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2017, peruntukan butiran menengah dan rendah adalah sebanyak RM129,067,080. Manakala peruntukan bagi tahun 2018 adalah RM147,769,800 bagi butiran menengah dan rendah akademik. Manakala bagi tahun 2018, jumlah projek akademik menengah adalah sebanyak lima projek baru dan 247 projek sambungan.

Manakala bagi rendah akademik pula ada enam projek baru dan 106 projek sambungan. Manakala bagi tahun 2017, jumlah projek bagi menengah akademik adalah tiga projek baru dan 136 projek sambungan. Seterusnya bagi rendah akademik, enam projek baru dan 116 projek sambungan.

Yang Berhormat membangkitkan isu anggaran perbelanjaan kerajaan untuk pendidikan berbanding KDNK hanya 3.18 peratus, mohon dikaji semula. Perbelanjaan untuk pendidikan adalah berdasarkan kepada Dasar Pendidikan Negara. Untuk mengambil kira peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, pelaksanaan dasar pendidikan juga telah dilaksanakan melalui konsep NBOS bersama-sama kementerian lain dan juga pihak swasta.

Yang Berhormat, itu sahaja maklumat-maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat. Saya akan terus kepada Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah juga ada- seperti mana yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat Kulai yang bekerjasama dengan saya sebentar tadi, terima kasih, saya harap Yang Berhormat Rasah juga memberi peluang kepada saya untuk memberi segala jawapan, selepas itu Yang Berhormat kalau ada pencerahan, saya akan bagi.

Peruntukan penyelenggaraan bagi tahun 2018 dikurangkan, mengapa perkara ini terjadi?

■1700

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak berlaku pengurangan dari segi peruntukan penambahbaikan dan penyelenggaraan bagi tahun 2017 dan 2018. Mengapa tiada SMJK dalam peruntukan penyelenggaraan 2017 dan 2018?

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, contoh 2017, peruntukan 2016 bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak mengatakan bahawa spesifik SMJK akan diperuntukkan seberapa banyak. Akan tetapi, apabila peruntukan ini dikelolakan atau dirancang oleh Yang Berhormat Timbalan Pendidikan II, Senator, beliau telah mengagihkan RM15 juta untuk SMJK pada tahun 2017. Ini kerana kerajaan sentiasa komited bagi memastikan SMJK juga memperoleh peruntukan bagi proses pengajaran dan pembelajaran melalui peruntukan mengurus yang antara lain meliputi emolumen dan utiliti seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat tentang pengiktirafan UEC. Yang Berhormat, perkara ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Padang Terap dalam ucapan dasar beliau. Maka, saya cadangkan Yang Berhormat rujuk balik kepada *Hansard* jawapan dia, tetapi Yang Berhormat kita di sini terbuka, kita sedia dan untuk maklum Yang Berhormat, kita juga dalam proses terakhir perbincangan sedang dilakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Ayer Hitam dan Senator sendiri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan juga berusaha untuk mencari satu penyelesaian dan satu persefahaman di antara bagaimana kita dapat meneruskan persefahaman ini.

Akan tetapi, yang pentingnya Yang Berhormat kita di Kementerian Pendidikan Malaysia terbuka dan apabila dasar-dasar ini diambil terima kita tidak ada masalah. Akan tetapi seperti spesifik Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Padang Terap telah pun memberi jawapan secara spesifik dalam ucapan dasar beliau tadi. Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh bangun Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Jadi, untuk peruntukan penambahbaikan dan juga penyelenggaraan. Saya rasa dalam perkara itu sebenarnya apa yang saya cuba bangkitkan adalah sepatutnya pihak kerajaan dia perlu menunjukkan ataupun spesifik setiap sekolah dia terima berapa. Saya khuatir kerana apa yang berlaku pada tahun 2016, peruntukan tahun 2016 telah pun gagal turun pada tahun tersebut. Sebab itu, saya bercadang kepada pihak kerajaan supaya lebih *transparent*. Kita mahu lihat SK dapat berapa, SMJK dapat berapa, sekolah Tamil dapat berapa. Itu sebabnya saya membangkitkan isu ini.

Saya rasa adalah lebih baik bagi pihak kerajaan dia menentukan berapakah amaun. Senang untuk kita semua untuk buat pemantauan. Janganlah sampai hendak masa turunkan peruntukan kita tidak tahu berapa yang sepatutnya diturunkan kepada sekolah. Tanpa wujudnya SMJK ataupun Hua Chung itu merupakan satu tidak mengiktiraf kewujudan sekolah tersebut. Saya harap pihak kementerian ataupun pihak kerajaan boleh mengambil kira perkara ini.

Kedua, untuk pengiktirafan UEC. Saya memang faham apa Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun memberi jawapan ketika penggulungan dasarnya. Akan tetapi, apa yang saya ingin kata di sini sebab Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon pun kebetulan ada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya cuma hendak kata sebab Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon baru-baru ini dia baru mengeluarkan kenyataan bahawa ini pengiktirafan UEC dia sudah sampai penilaian sukatan pembelajaran dan juga proses pengiktirafan yang telah pun sampai ke *final stage*. Cuma tunggu nanti pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya rasa kalau ini benar-benar berlaku, saya rasa pihak kementerian khususnya bagi pihak Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sekurang-kurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu menjawab di dalam Dewan ini ataupun menyatakan di dalam Dewan ini, "*Okey, proses pengiktirafan sudah di final stage dan akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri*". Itu permintaan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu jawapan Yang Berhormat- itu jawapan Yang Berhormat mahu Yang Berhormat Menteri jawab?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *It's not fair like that [Ketawa]* Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya tadi jawatan-jawatan guru itu tidak ditambah. Kalau dibandingkan dengan beberapa ramai murid yang telah ditambah. Fasal peruntukannya tidak ada. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya hendak sentuh satu soalan tentang UEC. Ini kerana kalau ikut pengumuman ataupun kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan memang tidak boleh tambah itu bilangan untuk sekolah-sekolah menengah persendirian Cina (SMPC). Kalau tambah itu adalah *illegal*. Okey. Salah dalam segi undang-undang. Akan tetapi, saya juga baca satu kenyataan oleh Presiden MCA Yang Berhormat Bentong yang menyatakan bahawa tambah tidak ada apa-apa had dalam undang-undang untuk menambah bilangan SMPC.

Jadi, saya hendak tanya apa itu pendirian kerajaan sebenarnya. Boleh tambah bilangan SMPC atau tidak boleh? Tambah bilangan SMPC adalah salah dari segi undang-undang atau tidak salah. Ini kerana saya rasa kenyataan daripada wakil kerajaan ini cukuplah, jangan rasa *confuse everyone*. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan jawab Yang Berhormat Rasah dahulu, Tuan Pengerusi.

Saya setuju perincian peruntukan itu penting dan saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, rakan setugas saya akan memastikan segala perincian ini akan dilaksanakan dan akan diumumkan. Contoh saya apabila kita beri peruntukan pada SJKT, saya telus. Sekolah mana, dapat berapa puluh ribu, berapa puluh juta. Itu akan ada- inilah ketulusan yang kita akan laksanakan. Tidak ada masalah, maklumat-maklumat ini boleh diperoleh. Saya setuju.

Tentang aspek UEC dan juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Kulai. Saya tidak ingin menyentuh lagi aspek itu. Ini kerana bagi saya beberapa isu yang dibangkitkan ini dia isu dasar dan saya sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memaklumkan apa status terkini.

Saya tidak boleh memberi jawapan seperti apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi, segala apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Senator Datuk Chong Sin Woon dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Padang Terap sendiri merupakan keputusan semasa.

Sekiranya ada perubahan mereka akan memberi pengumuman dari semasa ke semasa. Itu saya pasti. Yang Berhormat, yang pentingnya Kementerian Pendidikan Malaysia terbuka untuk menerima apa-apa juga input dan kita di Kementerian Pendidikan malah Yang Berhormat, contoh di IPG. Di IPG kita menerima kelulusan UEC untuk mengambil bidang perguruan di IPG. Maka, kita sentiasa cuba mencari kaedah-kaedah bagaimana kita dapat menambah baik sistem pendidikan. Itu sahaja.

Yang Berhormat Permatang Pauh. Soalan Yang Berhormat tadi saya akan beri secara bertulis kerana buat masa sekarang maklumat tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya akan teruskan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Parit Sulong, banyak ditanya. Saya akan cuba seberapa banyak yang boleh saya jawab memandangkan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang cuba bertanya. Yang Berhormat, tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membaiki pendawaian elektrik di sekolah-sekolah di seluruh negara. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyalurkan peruntukan pembaikan dan naik taraf pendawaian elektrik berdasarkan permohonan dari sekolah-sekolah yang disenaraikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebanyak RM93 juta diperuntukkan di bawah Projek Pembaikan dan Penyelenggaraan Sekolah pada tahun 2017 untuk pembaikan pendawaian elektrik di sekolah-sekolah seluruh negara. Selain itu, bagi tahun 2017 juga peruntukan pembaikan pendawaian elektrik adalah sebanyak RM8.53 juta dan peruntukan naik taraf pendawaian elektrik sebanyak RM90,000 bagi sekolah-sekolah di seluruh negara. Pentaksiran sekolah rendah mohon terangkan saling kait antara empat jenis...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Boleh tidak saya hendak tambahan. Okey. Terima kasih di atas jawapan tersebut Yang Berhormat Menteri.

Boleh tidak saya bagi pihak sekolah-sekolah dalam kawasan saya, minta supaya JPN turun dekat semua sekolah dan tengok, sebab baru-baru ini yang terbakar itu pada bulan lepas. Jadi, saya minta supaya JPN mengambil satu langkah proaktif turun dan tengok. Ada setengahnya saya selaku Ahli Parlimen yang bantu tetapi saya tidak mampu hendak bantu semuanya. Jadi, saya harap JPN mengambil satu langkah proaktif mengenai perkara ini. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya akan ambil maklum dan juga akan meminta Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan juga PPD untuk melaksanakan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi untuk kebaikan kita sama-sama khususnya kepada anak-anak murid kita.

Pentaksiran sekolah rendah. Mohon terangkan saling kait antara empat jenis pelaporan pencapaian. Ini merupakan pelaporan terkini. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memaklumkan ini kepada semua guru-guru yang terlibat. Mungkin ada sedikit pemahaman yang masih kita menekankan di sini untuk guru-guru dan juga ibu bapa.

Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga JPN dan PPD sendiri akan turun untuk memberi penerangan, perincian dan penjelasan supaya semua dapat faham apa maksudnya penilaian atau pentaksiran yang kita buat ataupun cara kita buat pelaporan.

Untuk makluman Yang Berhormat, UPSR adalah sebahagian daripada pelaporan. Keputusan UPSR ini sebahagian pelaporan pentaksiran sekolah rendah yang melibatkan pentaksiran bilik darjah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran biometrik. Empat jenis pelaporan ini, dia berkaitan dengan kejayaan murid yang lebih menyeluruh dan bermakna dan tidak hanya berfokuskan kepada akademik semata-mata tetapi juga melaporkan secara formal kecerdasan semula jadi dan aptitud tahap penguasaan mata pelajaran, kecergasan, kesihatan dan penglibatan aktiviti murid di luar bilik darjah.

■1710

Ini seperti mana yang dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Ada yang kata kita tidak boleh tersangat fokus kepada pencapaian akademik sahaja. Kita hendak juga mencari bagaimana pelajar-pelajar ini dapat secara holistik bukan sahaja daripada kecemerlangan pendidikan tetapi bagaimana penglibatan beliau dalam aktiviti kokurikulum, aktiviti di luar bilik darjah, kecergasan, keaktifan dan juga keupayaan anak-anak ini dalam bidang mana.

Daripada pelaporan pentaksiran sekolah rendah ini, murid akan memperoleh faedah-faedah seperti berikut. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran. Contoh Yang Berhormat, dalam psikometri. Apabila kita dapat jawapan-jawapan daripada psikometri ini, kita dapat membuat satu analisis ke mana hala tuju anak murid ini. Mungkin anak murid itu jadi lebih cenderung dalam bidang seni muzik ataupun lebih cenderung dalam bidang-bidang kemahiran.

Maka kita boleh wujudkan kaedah-kaedah itu apabila dia pergi ke sekolah menengah. Itu faedahnya. Selain daripada itu, kita dapat merancang dan mengubahsuai kaedah dan aktiviti pembelajaran serta aktiviti di luar bilik darjah. Murid dan ibu bapa akan dapat mengambil tindakan susulan yang sesuai berkaitan aktiviti pembelajaran dan aktiviti luar bilik darjah dengan serta-merta.

Yang Berhormat, peranan ibu bapa, masyarakat untuk menyokong pelaporan UPSR. Pelaporan UPSR ini adalah berkaitan aspek kejayaan murid. Oleh yang demikian, peranan ibu bapa dan masyarakat dalam menyokong usaha ini adalah dengan memahami tujuan pelaporan tersebut disediakan. Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa mempertingkatkan dan mengemas kini kualiti pendidikan untuk generasi akan datang.

SMK Semerah, sebenarnya saya sudah pun memberikan jawapan ini secara spesifik kepada Yang Berhormat semasa Kamar Khas. Saya rasa itu mungkin mencukupi tetapi saya ambil maklum apa-apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Agihan yang terperinci...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, asalkan tahun 2018 buat sudah, saya *happy*.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya sama-sama...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Bagi pihak sekolah-sekolah saya dan anak murid dekat semua sekolah-sekolah saya. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dengan izin, *I understand your passion about that school*, sekolah lama. Saya pun bila saya baca jawapan Kamar Khas, pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengambil maklum dan kita akan cuba menyelesaikan masalah ini secepat mungkin, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tentang agihan secara terperinci sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Bajet dan untuk pembinaan Kelas Abad Ke-21. Inisiatif menaik taraf Bilik Darjah Pintar Pembelajaran Abad Ke-21 akan melibatkan 2,000 bilik darjah di 1,000 sekolah di seluruh negara termasuk di sekolah-sekolah luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyediakan kriteria bagi pemilihan sekolah antaranya ialah sekolah yang belum menerima bekalan peralatan ICT, mempunyai elektrik yang stabil serta sekolah yang terlibat dengan TIMSS dan PISA.

Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan setiap PPD akan mempunyai sekolah yang terlibat dengan inisiatif ini supaya boleh dijadikan penanda aras. Peranan KPM membangunkan modul peringkat IPG untuk persediaan dalam PDP abad ke-21. Pelajaran IPG program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PSMP) diberikan pengetahuan yang berkaitan dengan kemahiran pedagogi PDP abad ke-21 melalui kursus-kursus yang telah dimasukkan elemen-elemen PDP abad ke-21. Kurikulum pengajian juga diterapkan dengan perkembangan semasa seperti KBAT, pentaksiran berasaskan sekolah dan lain-lain.

Sekolah Kelas Pintar. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia terus komited menyediakan pendidikan terbaik kepada semua murid sekolah negara dalam usaha menaik taraf Bilik Darjah Abad Ke-21 secara berperingkat. Sekolah-sekolah yang dikenal pasti dipilih daripada setiap negeri termasuk Sabah.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil perhatian, pendekatan yang adil dan telus terhadap pemilihan sekolah yang akan terlibat dalam projek pembangunan dan peruntukan kewangan oleh kerajaan khusus bagi projek menaik taraf 2,000 kelas Bilik Darjah Pintar Pembelajaran Abad Ke-21.

Jumlah RM190 juta akan diperuntukkan kerajaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dilaksanakan. Memandangkan ia merupakan projek yang baru diluluskan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil pendekatan secara holistik dalam memuktamadkan senarai sekolah yang akan dipilih kelasnya untuk dinaiktarafkan. Ini bermaksud Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendapatkan senarai sekolah-sekolah yang terlibat melalui penglibatan bersama antara kesemua Pejabat Pendidikan Daerah dan juga Jabatan Pendidikan Negeri.

Peranan KPM dalam PDP abad ke-21. Pendekatan yang diambil oleh KPM untuk guru ialah memberi latihan berterusan dalam aspek pedagogi, kemahiran dan kompetensi terutamanya dalam bidang STEM dan KBAT. Semua guru sekolah rendah dan sekolah menengah telah diberikan latihan asas ICT berdasarkan standard antarabangsa *International Society Technology of Education (ISTE)* bagi meningkatkan kemahiran penguasaan ICT dalam PDP.

Program Sekolah Amanah pula. Pemilihan sekolah ini Program Sekolah Amanah wujud dalam tiga situasi. Pertama, penaja menyediakan peruntukan dan memilih sekolah tertentu atau penaja menyediakan peruntukan hanya memilih negeri atau akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan penaja.

Ketiga, penaja menyediakan peruntukan dan tidak menyatakan mana-mana negeri atau sekolah akan ada perbincangan dengan KPM dan penaja. Bilangan Sekolah Amanah di Johor buat masa ini 18 buah sekolah dan peningkatan ini bergantung kepada penajaan yang diperolehi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Guru stres. Ramai Ahli Parlimen juga membangkitkan isu ini. Penjawat awam—Bila kita katakan guru stres ini, daripada Kementerian Pendidikan Malaysia kita ambil pendekatan sebagai penjawat awam. Penjawat awam bersara pilihan berlaku di semua perkhidmatan awam. Bukan sahaja di kalangan guru, persaraan awal disebabkan oleh beberapa faktor antaranya masalah kesihatan, masalah peribadi atau masalah keluarga.

Bilangan guru yang bersara awal pada tahun 2015 adalah seramai 2,777. Pada tahun 2016, adalah 3,591 disebabkan pelbagai faktor seperti mana yang telah saya umumkan sebentar tadi. Kalau kita tengok angka ini berbanding dengan jumlah guru, ia hanya merupakan 0.8 peratus. Pada masa ini seramai 421 pembantu guru yang dilantik secara Pekerja Sambilan Harian sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini merupakan soalan penambahan pembantu guru sebentar tadi, Yang Berhormat.

Yang Berhormat, seterusnya saya ke Yang Berhormat Bukit Gantang, bersama kita. Terima kasih, Yang Berhormat. Kampus lama IPG perlu dikekalkan. Ini hujah Yang Berhormat sebentar tadi. Yang Berhormat, 17 IPG kampus yang kekal melaksanakan latihan guru mencukupi untuk IPG melaksanakan fungsi latihan guru sekolah rendah. Selain daripada itu, beberapa perkara turut diambil kira seperti jumlah kapasiti bagi menampung unjuran enrolmen IPG berdasarkan unjuran keperluan guru sekolah rendah.

Kedua, kekuatan kampus berkenaan daripada segi telah dikenali kepakaran dan pengkhususan dalam bidang tertentu, ekosistem untuk menyokong tawaran bidang-bidang tertentu dan sejarah dan peranan yang dimainkan untuk komuniti setempat. Kita juga melihat kesesuaian lokasi geografi dan memerlukan pelaburan yang minimum apabila kita melakukan pengubahsuaian ini.

Pembangunan kurikulum. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk mengurangkan penekanan terhadap peperiksaan dengan memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melalui 2011. Pelaksanaan PBS masih berjalan dengan penekanan diberikan kepada perkembangan pelajaran pembelajaran murid, kecenderungan murid, psikometri dan pentaksiran bilik darjah serta aspek kecergasan dan perkembangan kesihatan murid. *Holistic development of a child*, dengan izin Yang Berhormat. Pendidikan di peringkat prasekolah lebih menumpukan kepada pendedahan untuk murid bersosialisasi dan kesediaan untuk memasuki alam persekolahan sebenar di sekolah rendah.

Dalam hujah penyelenggaraan kawasan perumahan guru tidak digunakan di daerah Bukit Gantang. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan kuarters guru di negeri Perak sebanyak RM315,000 pada tahun 2017. Bagi kuarters di bawah Parlimen Bukit Gantang, Daerah Larut-Matang-Selama, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM110,000 untuk pembaikan dan penyelenggaraan kuarters berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Pembinaan rumah guru dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: ...Dan untuk tahun- sebentar, sebentar. Untuk tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan pembinaan rumah guru bersekali dengan pembinaan di lima buah sekolah-sekolah lagi. Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satunya ialah benarkah sebagaimana apa yang berjalan hari ini, hal yang berlaku tentang prasekolah kerana prasekolah hari ini pun kita sudah lihat bagaimana sistem P&P nya lebih berjalan kepada *exam oriented* dan tidak sepatutnya seperti mana yang patut ada dalam prasekolah ini ialah untuk bersosial seperti mana negara-negara maju? Itu satu.

Keduanya berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan rumah guru ini bukan saya timbulkan berkenaan peruntukan. Sekarang ini saya pertikaikan ada satu kompleks rumah guru, satu kompleks dekat dengan Jalan Matang, dekat simpang empat yang tidak diguna pakai. Sampai sekarang ini sudah habis tidak boleh pakai sudah. Kita tengok barang-barang perabot habis orang curi, elektrik semua orang curi. Jadi, ini yang saya hendak pertikaikan. Oleh sebab itu saya hendak supaya setiap tempat yang kalau dia hendak bina, biarlah ikut keperluan. Mungkin di situ kebanyakan ada kawasan perumahan orang tempatan, jadi tidak perlu. Sepatutnya bajet itu boleh diletakkan di tempat yang diperlukan. Terima kasih.

■ 1720

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang, saya ambil maklum saya pun sedar ada kuarters guru yang kita bina kadang-kadang tidak digunakan, kosong, tidak dipakai langsung. Kita telah ada beberapa mesyuarat malah kita ada perbincangan contohnya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Perak sendiri telah pun menunjukkan keprihatinan beliau dan keperluan.

Kita juga dalam proses melakukan NBOS dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, kementerian-kementerian berkenaan kerana ada keperluan kepada kakitangan-kakitangan awam yang lain mungkin bukan menjadi seorang cikgu tetapi masih boleh menjadikan kediaman itu untuk tempat tinggal mereka. Ini di antara kaedah-kaedah dan apabila kita membina kuarters harapannya ialah untuk menempatkan guru-guru di sana. Akan tetapi ada guru-guru memilih untuk sewa rumah daripada tinggal di sana. Saya ambil maklum apa yang Yang Berhormat maksudkan dalam aspek ini dan saya kita akan cuba mencari satu kaedah untuk maju ke depan apa yang ada.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat Menteri. Hendak bagi?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Kota Raja.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat boleh saya selesaikan dengan Yang Berhormat...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya hendak tanya fasal sekolah itu sahaja...

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Sekolah mana Yang Berhormat Bukit Gantang?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: I mean kuarters guru sahaja...

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Kuarters guru di Perak?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, saya cuma hairan sikit sebab banyak saya tengok ada beberapa yang tidak dihuni. Adakah masa kita merancang membuat kuarters itu kita tidak membuat apa-apa kajian? Kita terus bagi kontrak dan buat tiba-tiba tiada orang hendak duduk? Macam mana itu?

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Tidak begitu, ya. Bila kita buat ada permintaan tetapi bila sekolah kuarters itu sudah lama mungkin ada yang mereka yang biasa dengan kawasan itu mereka pilih untuk keluar daripada kuarters dan duduk di rumah-rumah sewa. Itu pilihan yang dibuat oleh guru-guru bukan kerana kita tidak membuat perancangan. Kita tidak akan membuat perancangan untuk mewujudkan atau membina sebuah kuarters guru tanpa orang hendak duduk di sana. Tidak begitu sama sekali Yang Berhormat, itu satu pendapat yang kurang tepat ya.

Yang Berhormat, SK Seri Jelapang terbengkalai berdasarkan semakan Yang Berhormat projek SK Jelapang telah pun ditangguhkan pada tahun 2010 kerana terdapat masalah di tapak seperti kaedah, keadaan tanah asal yang berair dan menyebabkan kerja-kerja pembersihan tapak sukar dilakukan sehingga selesai kerja-kerja tanah, pengorekan *detention pond* dan pembinaan pagar selesai, saya mohon maaf. Perkara ini telah pun diselesaikan dan terkini Kementerian Pendidikan telah memohon peruntukan kepada Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi menyambung pelaksanaan projek ini dan semakan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak juga di Seri Jelapang ini bukan SK Kampung Jelapang seperti mana Yang Berhormat maklum tadi.

Kualiti guru-guru, kursus yang diberi kepada guru-guru oleh KPM untuk yang lama berkhidmat untuk pembaharuan PDP, Yang Berhormat terima kasih amat prihatin dengan *The continued profession development of guru*, dengan izin. Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Berhormat sentiasa memberi latihan dan aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan dirancang bagi membolehkan guru bagi meningkatkan kemahiran kompetensi serta pengetahuan baru khususnya pembelajaran abad ke-21 dalam PdP.

Peningkatan profesionalisme guru juga berlaku melalui pelbagai pendekatan di sekolah dan dalam kalangan guru seperti melalui PLC dan juga *coaching* dan *sharing* dengan guru-guru SISE Plus, Ketua Panitia dan juga lain-lain kaedah kita gunakan. Yang Berhormat juga maklum tadi tentang guru-guru yang diberi kenaikan pangkat dalam usia-usia hendak bersara ini, Yang Berhormat kini kita menggunakan sistem contoh dalam sekolah-sekolah ya, kita ada proses untuk mendapat kelulusan NPQEL.

NPQEL ini Yang Berhormat ialah untuk memastikan guru-guru ini biasanya guru-guru ini dilatih dalam aspek pendidikan mereka tiada mempunyai keupayaan untuk contoh untuk jadi seorang pemimpin maka kita ada latihan kita terapkan. Kita telah mengenal pasti satu kaedah NPQEL- semua guru-guru Penolong Kanan yang akan menjadi guru besar satu hari nanti harus melalui program NPQEL ini dan dalam program NPQEL ini akan ada inisiatif-inisiatif yang akan memberi maklumat dan pembelajaran tentang *Leadership Management* pengurusan dan sebagainya. Kita akan masukan dalam sana.

Tentang status perubahan IPG pensyarah yang terlibat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa jumlah pensyarah daripada 10 IPG kampus yang tukar fungsi seramai 1,227 orang. Pensyarah-pensyarah ini akan disuraikan secara berperingkat berkadar dengan pengurangan jumlah pelajar kampus mulai tahun 2017 sehingga 2020. Penyuraian pensyarah melibatkan penempatan semula di 17 IPG yang kekal berdasarkan keperluan bidang kepakaran yang kedua penempatan semula di institusi-institusi Kementerian Pendidikan yang lain. Ada 10 IPG kampus yang terlibat dengan pertukaran fungsi akan terus melaksanakan latihan guru dan akan wujud secara bersama, *co-exist* dengan institusi baru sehingga semua pelajar sedia akan tamat pengajian pada tahun 2020.

Pembantu guru, Yang Berhormat kerajaan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi hendak balik kepada...

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang mana?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tadi yang berkaitan dengan pelantikan guru itu. Tuan Pengerusi saya hendak tanya, bukan saya hendak menyentuh berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan pengetua. Akan tetapi saya menyentuh berkenaan dengan Pengarah IPG yang diletakan di situ dalam keadaan orang yang hendak pencen dia duduk setahun. Sepatutnya kita letakkan dia dalam masa jarak tiga hingga lima tahun biar dia dapat merancang, dia meninggalkan, itu maksud saya, bukan maksud guru sekolah. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat saya mohon maaf saya beri penjelasan tadi tentang guru-guru, pengetua dan guru besar. Kita mengambil pendekatan yang sama juga kepada rektor-rektor IPG, Pengarah-pengarah IPG dan kita faham bahawa walau bagaimanapun Yang Berhormat ada di antara pensyarah-pensyarah IPG yang cukup hebat kepakaran mereka.

Walau bagaimanapun, proses pelantikan jawatan ini berdasarkan kepada kelayakan dan keupayaan dia sama ada beliau ini melaksanakan tanggungjawab dan umur ini kadang-kadang tidak begitu memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana kalau hasrat dia dan naluri dia memang baik atau pun *passion* dia tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab umur tidak memainkan peranan penting. Akan tetapi saya tahu maksud Yang Berhormat tentang isu ini kita ambil maklum apa cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat, tentang pembantu guru, kerajaan belum berhasrat untuk meluaskan program pembantu guru buat masa ini tetapi mengambil beberapa langkah bagi mengatasi isu bebanan tugas dan tanggungjawab guru. Ini termasuklah pengisian jawatankuasa di sekolah melihat keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana, mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data pelaporan dan memperhalusi kaedah pengoperasian pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid dan mengurangkan beban aktiviti-aktiviti yang bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini adalah seperti mana surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 13 tahun 2016 berhubung garis panduan pengurusan majlis, program, acara dan pengurangan amalan protokol dan sambutan di bahagian Jabatan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat yang terakhir ada dua lagi, purata tugas pensyarah yang saya telah maklumkan sebentar tadi. Bilangan pensyarah IPG yang mempunyai kelayakan PhD Yang Berhormat bangkitkan tadi, 524 orang maksudnya 14.6 peratus dan Ijazah Sarjana 2,627 orang 73 peratus. Bilangan pensyarah IPG yang mempunyai PhD ditingkatkan dengan pelbagai program khusus. Penyesuaian bidang kepakaran pensyarah adalah di antara perkara yang dititik beratkan bagi mengekalkan kualiti, latihan IPG dan memenuhi syarat untuk akreditasi program IPG.

Yang Berhormat tiada pertindanan kursus antara IPG dan IPTA dan IPTS. IPG menyediakan kursus yang khusus untuk menyediakan guru sekolah rendah mengikut pengkhususan mata pelajaran di sekolah rendah.

Yang Berhormat, seterusnya saya akan jawab soalan-soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tebrau ada? Ya, mohon KPM cepatkan pembinaan SMK Kota Masai 3 untuk menampung jumlah murid sekolah. SMK Kota Masai baru sahaja diluluskan peruntukannya dalam *Rolling Plan* Ketiga RMKe-11 semasa pengumuman Bajet 2018. Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan kerja-kerja awalan proses lantikan perunding dan reka bentuk seterusnya melaksanakan projek ini.

Penjawat awam, tentang cuti ataupun balik lebih awal. Pihak kementerian akan menggariskan kaedah pelaksanaan bagi penjawat awam wanita yang mengandung lima bulan dalam profesion guru sebaik sahaja pihak JPA mengeluarkan pekeliling berkenaan perkara tersebut.

Masukkan bil utiliti dalam geran per kapita. Bantuan geran per kapita atau PCG bertujuan untuk menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran PdP di dalam bilik darjah. Sekolah dibenarkan untuk menggunakan peruntukan PCG bagi pembayaran bil utiliti sekiranya terdapat lebihan. Peruntukan mengambil kira keperluan PdP. Walau bagaimanapun bantuan PCG ini lebih diberi keutamaan untuk keperluan PdP.

Melatih cikgu-cikgu dalam PdP dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kementerian Pendidikan Malaysia mempelbagaikan kaedah latihan kepada guru antaranya bersemuka, *face-to-face* dalam talian dalam program *blended learning*, sokongan profesional oleh pembimbing pedagogi dan secara *on-site training* pun diadakan. Elemen latihan yang diberi berfokuskan kepada KBAT, PLC, penguasaan kandungan dan kemahiran pedagogi Bahasa Melayu. Terima kasih Yang Berhormat.

■1730

Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lembah Pantai mohon tadi untuk memberi jawapan beliau secara bertulis memandangkan beliau tidak ada di dalam Dewan.

Yang Berhormat Setiu. Apakah langkah Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan guru-guru terlatih sahaja mengajar di prasekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya menempatkan guru-guru mengikut bidang yang dilatih sahaja untuk mengajar prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia juga melaksanakan kursus-kursus untuk guru agensi lain, KEMAS dan JPNIN bagi mendapatkan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Kemudahan komputer di sekolah luar bandar. Yang Berhormat, makmal komputer di naik taraf secara berperingkat melalui program penggantian dan penyelenggaraan. Sekolah-sekolah digalakkan untuk membuka makmal komputer untuk kegunaan murid-murid yang tiada kemudahan ICT di rumah dan di luar waktu pengajaran.

Yang Berhormat juga minta tentang isu pemantau penyediaan makanan kantin asrama. Yang Berhormat, bagi memastikan kontraktor perkhidmatan bekalan makanan bermasak di dewan makan asrama sekolah mematuhi obligasi serta mematuhi langkah-langkah keselamatan dan kualiti makanan semasa penyediaan makanan. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan mengejut secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mulai 1 Jun 2017, sekiranya berlaku kes keracunan makanan dalam kalangan penghuni asrama dan ia disahkan oleh Bahagian Keselamatan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia berpunca daripada kontraktor, kerajaan berhak menamatkan perjanjian perkhidmatan dengan kontraktor tersebut dengan serta-merta. Kontraktor perkhidmatan bekalan makanan bermasak asrama yang ditamatkan perjanjian perkhidmatannya akan disenarai hitam.

Yang Berhormat Setiu. Apakah usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kecemerlangan murid. Antara elemen sistem pendidikan awal kanak-kanak ialah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang ditambah baik dengan memberi penekanan KBAT, pemupukan semangat patriotik dan perpaduan, pembinaan sahsiah, pendidikan keselamatan diri dan kesihatan diri.

KSPK memberi penekanan penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid *hands on* dan menyeronokkan. Penambahbaikan kurikulum diharapkan dapat menyediakan murid yang yakin dengan berkomunikasi dan bersosial dan boleh menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta bersedia untuk mengikuti pendidikan seterusnya.

Prasekolah– pelaksanaan kurikulum standard prasekolah telah saya maklumkan sebentar tadi kepada Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Raja. Pendidikan menengah. Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) mula diperkenalkan untuk sekolah agama bantuan kerajaan pada tahun 2015. Masa kini, 11 buah sekolah menengah kebangsaan agama, empat buah SBP dan 16 SABK dengan jumlah murid seramai lebih kurang 9,000 orang murid dan 511 orang guru tahfiz interim telah dilatih.

Kementerian Pendidikan Malaysia meletakkan dasar nisbah murid dan guru iaitu satu guru dengan nisbah 10 murid telah dipatuhi dan dilaksanakan oleh kementerian. Kementerian meletakkan syarat guru tahfiz mesti memiliki Ijazah Pengajian Islam dan sekurang-kurangnya memiliki sijil tahfiz Malaysia. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti syarat tersebut dan mencari kaedah lain untuk mengatasi kekurangan guru tahfiz akan datang.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak bertanya mengenai sekolah tahfiz secara umum. Saya dengan spesifik bertanya dengan tujuh buah sekolah di Terengganu- Program Pendidikan Ulul Albab ini, yang tujuh buah sekolah yang Jabatan Audit melaporkan bahawa mereka tidak sampai kepada apa yang telah ditetapkan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat kata ini spesifik, boleh saya bagi secara bertulis? Terima kasih.

Program Sekolah Amanah. Apakah kepentingan pihak swasta dengan PSA. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan telah menekankan inisiatif perluasan penglibatan swasta di mana Kementerian Pendidikan Malaysia mengalu-alukan penglibatan swasta dalam pendidikan. Program Sekolah Amanah merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak swasta dalam membantu pendidikan untuk mencapai kecemerlangan murid dalam pembelajaran sekolah. Sehingga kini terdapat 83 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Mohon tambah bilik darjah untuk SMK Kota Kemuning. SMK Kota Kemuning 2 sedang dilaksanakan melalui kaedah IBS dengan skop pembinaan empat lagi bilik darjah. Pelantikan kontraktor telah pun selesai pada bukan Oktober yang lalu dan sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat, tentang isu DLP.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Satu tadi- itu sekolah menengah kebangsaan sedia ada. Yang lagi satu itu Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning 2 yang telah diluluskan melalui program UKAS. Itu tidak ada.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Itu pun spesifik juga Yang Berhormat. *so, I will touch the basic issues, very specific I will give you in handwritten question*, dengan izin Yang Berhormat.

Yang Berhormat, tentang DLP. Yang Berhormat Kapar pun isu tadi tentang DLP. Saya akan bagi sedikit penjelasan. Yang Berhormat, inisiatif *Dual Language Program* dilaksanakan di sekolah yang memohon untuk melaksanakannya dan memenuhi empat kriteria yang telah ditetapkan. Setakat ini DLP dilaksanakan di Tahun 1, 2, 4 dan 5 melibatkan 51,324 murid di sekolah rendah dan di Tingkatan 1 dan 2 melibatkan 78,535 murid di sekolah menengah.

Keputusan interim bagi kajian pencapaian bahasa Inggeris murid DLP kohort pertama yang melibatkan murid Tahun 2, Tahun 5 dan Tingkatan 2 berjumlah 38,843 orang. Kajian pencapaian ini yang membandingkan keputusan peperiksaan akhir tahun 2016 dan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2017 menunjukkan pencapaian bahasa Inggeris murid bagi sekolah rendah dan sekolah menengah telah meningkat.

Seramai 36.28 peratus murid sekolah rendah iaitu 5,368 orang murid menunjukkan peningkatan di dalam keputusan bahasa Inggeris. Manakala untuk sekolah menengah 46.44 peratus iaitu 10,664 murid telah menunjukkan peningkatan di dalam bahasa Inggeris. Perbandingan dengan keputusan peperiksaan akhir tahun 2017 akan dibuat pada bulan Disember 2017 untuk memastikan matlamat program.

DLP – untuk menyokong penguasaan kemahiran bahasa Inggeris melalui peningkatan masa pendedahan bahasa Inggeris secara tidak langsung tercapai. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat. Dua persoalan yang saya tanyakan tadi adalah satu mengenai perbezaan di antara dasar dan program, itu satu.

Kedua, adalah apakah kita telah mengkaji kelemahan-kelemahan dalam PPSMI dan itu telah memberi kita satu penjelasan supaya kita boleh membawa ini dalam bentuk program.

Ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan bahawa beberapa sekolah dan kejayaan pertengahan tahun dan hujung tahun 2016. Akan tetapi saya ingin menekankan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri itu penguasaan terhadap bahasa Inggeris boleh dilakukan tanpa mengajar dalam matematik dan sains dalam erti kata lain.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun boleh setuju di mana kita boleh memartabatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris hanya dengan memberi input-input pengajaran bahasa Inggeris dengan lebih efektif. *Just* mengajar matematik dan sains dan kita kata bahasa Inggeris telah meningkat dan sebagainya. Saya rasa itu tidak merangkumi kelemahan bahasa Inggeris sebelum ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, maklumat yang saya beri kepada Yang Berhormat ini berdasarkan kepada apa yang kita buat pemeriksaan di sekolah. So, maklumat ini maklumat benar. Saya setuju Yang Berhormat memang tidak dapat dinafikan kalau kita menambah baik pendidikan bahasa Inggeris, statusnya atau kualitinya akan lain. Akan tetapi, kita juga harus ada pendedahan yang lain.

Untuk makluman itu, PPSMI ini Yang Berhormat apabila dilaksanakan secara dasar- ada beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti. Oleh kerana itulah walaupun keputusan pada masa itu ramai tidak setuju tetapi kita terpaksa membuat satu keputusan untuk menghentikan PPSMI tetapi kita hendak memastikan pelajar-pelajar kita ini berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan pelajar-pelajar dwibahasa, keupayaan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Apabila ia dilaksanakan sebagai satu program, kita juga mewujudkan pendemokrasian dalam pendidikan. Kita memberi ruang kepada ibu bapa membuat keputusan. Bukan badan-badan bukan kerajaan membuat keputusan bagi pihak ibu bapa. Ibu bapa sendiri akan memilih sama ada anaknya harus melalui program DLP atau tidak dan sekolah pun disediakan. Segala syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan ada unsur paksaan daripada kementerian, jabatan atau PPD bila ada keperluan.

■1740

Walaupun kadang-kadang ibu bapa minta tetapi sekiranya sekolah itu tidak bersedia, kita tidak akan memberikan ruang untuk mengadakan kelas DLP. Akan tetapi sekiranya mereka memenuhi syarat dan cukup ibu bapa minta keperluan ini, maka kita akan melaksanakan kelas DLP ini. Kita juga akan terus mencari kaedah-kaedah yang baik, bagaimana kita dapat menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, Bahasa Melayu juga akan diberikan tekanan yang sewajarnya, untuk Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Akan tetapi sekarang dalam N-BOS pula, kita telah pun cuba membangkitkan *trilingual* kerana rakyat Malaysia ramai fasih dalam tiga bahasa. Oleh kerana itu, kita cuba memberikan sedikit penekanan dalam *trilingual* komuniti di Malaysia ini. Maka, apa yang kita buat sekarang ini berdasarkan kepada keperluan semasa dan kita akan sentiasa semak balik bagaimana efektifnya program ini supaya dapat memberikan penekanan yang sewajarnya dari semasa ke semasa.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Maksud Yang Berhormat Kapar tadi, saya setuju macam Yang Berhormat Kapar cakap. Dengan izin, Tuan Pengerusi.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, maknanya bukan mengajar matematik itu dalam bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Itu maksud Yang Berhormat Kapar. Bukan jalan penyelesaian kepada untuk membaiki bahasa Inggeris dengan mengajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, tetapi input lain yang lebih penting. Input yang lebih mudah dalam konteks untuk membaiki bahasa Inggeris. Itu maksud oleh Yang Berhormat Kapar tadi. Saya setuju dengan pandangannya.

Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, tambah sedikit. Keputusan pertengahan tahun 2017 dan akhir tahun 2016 dan peningkatan dalam penguasaan bahasa Inggeris adalah kerana inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris ini kerana ada tekanan daripada pihak-pihak yang menentang *Dual Language Program*.

Bukan sahaja barisan daripada Pakatan Harapan, malahan juga daripada sebelah sana juga, Barisan Nasional. Disebabkan oleh tekanan ini, kementerian telah memberi satu penekanan yang serius supaya penyelarasan DLP di sekolah-sekolah ini adalah pada tahap yang terbaik.

Pada pandangan saya, tekanan itu telah membuatkan satu kejayaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *withdue respect in 2017 and 2016*. Pandangan saya dan Yang Berhormat Rompin adalah hanya dengan mengajar bahasa Inggeris dalam *math* dan sains, tidak semestinya memberikan satu penguasaan yang holistik. Sebaliknya, Bahasa Melayu digunakan untuk mengajar *Math* dan Sains, bahasa Inggeris perlu dimartabatkan dengan sendiri. Contoh, modul mengajar, cara mengajar, cara penyampaian. Cikgu-cikgu kita perlu pada tahap yang terbaik.

Saya pernah bercakap dengan guru-guru sekolah yang mengajar bahasa Inggeris, mereka tidak dapat bezakan di antara *past tense* dengan *present tense*. So ini adalah masalah-masalah yang kita hadapi *with due respect to the teachers out there*. *Not all are making mistakes but I think*, kita kena ada satu modul yang holistik untuk membangunkan bahasa Inggeris.

Kita tidak boleh mengatakan hanya mengajar bahasa Inggeris di dalam *math* dan sains kita telah berjaya, *you know*, berjaya dalam membangunkan bahasa Inggeris di negara kita. *I* rasa penekanan itu, pendekatan itu perlu diperbaiki Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, sedikit mengenai bahasa Inggeris juga ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Baik, DLP itu adalah atas pilihan ibu bapa dan juga sekolahnya memenuhi kriteria untuk sebelum dapat dilaksanakan. Persoalannya adalah sekolah-sekolah yang tidak memenuhi kriteria dan ibu bapa mungkin tidak mempunyai kesedaran yang tinggi, apakah, bagaimanakah kementerian- apa tindakan kementerian sebenarnya untuk meningkatkan kualiti ataupun pencapaian bahasa Inggeris terutama di sekolah-sekolah luar bandar kerana mereka tidak termasuk di antara mungkin sekolah-sekolah yang kebanyakannya tidak akan jadi sekolah-sekolah yang mahu kepada DLP dan ibu bapa mungkin tidak mempunyai kesedaran itu.

Namun, saya setuju juga bahawa kalau hendak ditingkatkan bahasa Inggeris, *DLP is not a good program* sebab ia hanya matematik dan sains. Jadi, apakah modul atau apakah caranya kita hendak mempertingkatkan pencapaian bahasa Inggeris terutama di sekolah-sekolah luar bandar? Saya bimbang bahawa akan berlaku satu kesenjangan di antara sekolah-sekolah luar bandar yang tidak ambil modul ini dengan sekolah-sekolah di dalam bandar. Bagaimana?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat, setakat ini Yang Berhormat, daripada 5 juta pelajar yang melalui sistem pendidikan kita, sekolah rendah dan sekolah menengah, setakat ini hanya lebih kurang 130,000 pelajar sahaja terlibat dalam program DLP ini. Ramai lagi pelajar-pelajar yang tidak terlibat dalam DLP dan sistem pendidikan menggunakan bahasa Melayu. Seperti mana yang saya katakan tadi, ini merupakan pendemokrasian pendidikan.

Kita hendak beri ruang dan peluang kepada ibu bapa juga menentukan hala tuju anak mereka. Kita tidak mahu mengganggu gugat keputusan yang dibuat oleh ibu bapa. Pada masa yang sama, kita memantau. Kita akan teruskan pembelajaran Bahasa Melayu dengan seberapa banyak yang boleh dan sekolah-sekolah vernakular masih ada, beri kepentingan kepada bahasa ibunda masing-masing. Sekiranya ada keperluan, sekiranya ibu bapa minta dan sekiranya sekolah ini memenuhi segala keperluan-keperluan itu, maka kita akan melaksanakan program DLP.

Untuk sekolah-sekolah luar bandar Yang Berhormat, kita pun telah melaksanakan program *Highly Immersive Program* (HIP) untuk sekolah-sekolah luar bandar. Program-program ini juga akan membantu pelajar-pelajar di sekolah ini untuk melaksanakan pendidikan mereka ataupun pemahaman dalam bahasa Inggeris mereka dapat dilaksanakan. Kita juga Yang Berhormat, telah melaksanakan pelbagai program lagi untuk menambah baik mutu-mutu pengajaran bahasa Inggeris. Harus kita ambil maklum Yang Berhormat, sejak beberapa tahun ini, kita pun telah melaksanakan pelbagai latihan. Bukan sahaja untuk guru-guru yang bukan opsyen bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa Inggeris, tetapi kita telah melaksanakan beberapa kursus dalam cuti untuk tambah opsyen.

Guru-guru yang tidak mahir dalam mengajar bahasa Inggeris telah diberikan latihan dan peratusannya kini meningkat. Kita masih memantau dan kita akan terus membantu guru-guru ini menjadi guru-guru yang lebih efektif. Guru-guru ini baik, dia ada minatnya, ada keinginan tinggi untuk melihat anak muridnya berjaya dalam pendidikan, ini memang ada. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan mereka ini berjaya, kita akan melaksanakan tanggungjawab kita Yang Berhormat.

Yang Berhormat, *I have to move on. Can I...*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Last but not least. Thank you Sir.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini saya terpaksa bawa ke perbincangan Yang Berhormat, *at least* untuk memperhalus. Saya difahamkan juga di satu sekolah, kita ada beberapa darjah yang diajar dengan bahasa Inggeris dan beberapa darjah dalam Bahasa Melayu. Setuju? Saya rasa itu yang sedang berlaku di beberapa sekolah. Kalau tidak, boleh betulkan saya Yang Berhormat. Satu sekolah ada dua-dua program. Satu kelas dalam bahasa Inggeris, satu lagi kelas dalam Bahasa Melayu.

Ini Yang Berhormat, amat membahayakan *because you know why? The psychological effects of the children in the future.* Saya hargai ibu bapa buat keputusan tetapi dia sudah ada dua kluster yang berlainan. Pelajar yang ini tidak akan berkawan dengan pelajar yang ini. Pelajar yang tidak boleh menguasai dalam bahasa Inggeris akan makin lama ada *inferior complex* dalam diri mereka. saya rasa kerajaan tidak membuat kajian dari *psychological effects on the children.*

So, benda ini saya rasa tidak wajar dipulangkan balik kepada ibu bapa *just because of the political will or whatever. I don't understand but then,* kita sebagai kementerian, kita kena wajar mengambil suatu iktibar, *political will,* buat satu keputusan polisi sebegini dan bukan biarkan kepada ibu bapa dan sebagainya membuat keputusan. *It is because* yang jadi mangsa pada 10 tahun, 20 tahun yang akan datang adalah anak-anak itu sendiri kerana kita tidak beri pilihan kepada anak itu, tetapi orang lain yang membuat keputusan. Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya ada tegur tadi Yang Berhormat. Perkara-perkara yang melibatkan perbincangan dasar jangan dibawa di dalam Peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya boleh memberi maklumat terperinci. Mungkin saya akan bincang dengan Yang Berhormat untuk memberi secara spesifik, tetapi saya ambil maklum. Saya ambil maklum apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya setuju. Kita akan memantau sekolah-sekolah ini supaya tidak akan berlaku pembahagian atau *differentiation* itu. Saya setuju. *This is not good for the future.* Saya faham, tetapi kita akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku. Memang kita, respons inilah yang kita harapkan Yang Berhormat. *So, we have a constructive criticism and we can work towards a betterment, okay?* Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, Tuan Pengerusi. Saya baru selesai jawab 11 orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *And you have 19, 19 orang* Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: 21 Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi sehingga jam 6, nanti bermula jawapan bertulis Yang Berhormat ya.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akan cuba Yang Berhormat. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya rela menjawab tetapi memandangkan saya akur kepada Tuan Pengerusi, saya akan berhenti pada pukul 6.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya mohon maaf tetapi yang pastinya segala jawapan yang dibangkitkan itu akan kita buat secara tulisan Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas? Yang Berhormat Pasir Mas tentang isu pembangunan profesionalisme.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, saya minta jawab bertulis. Tidak apa.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, alangkah indahnya, alangkah baiknya ramai orang Ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Oleh sebab saya tunggu belia.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Oh! Tunggu belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, kita ada dua kementerian lagi selepas ini Yang Berhormat ya.

■1750

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Itu tidak ada dalam butiran Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab isu berkait dengan cikgu di Kuala Selangor.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, *one by one* Yang Berhormat. *Because...*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *You* masih ada lagi 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I give you until 6 o'clock* Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I beg your pardon.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *You have 10 minutes more.*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I understand Sir.* Saya faham, Tuan Pengerusi tetapi ada ramai lagi yang tanya. *So, when it comes to that, I will answer. But, I see your interest in that particular subject matter, I will try my best to answer. I am sure the Speaker will allow it.* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, 10 minit Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Rompin, boleh saya buat secara bertulis?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, tidak perlu. Yang Berhormat, tidak perlu minta izin.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya minta izin, kalau semua bagi macam ini kan mudah. Yang Berhormat Langkawi? Boleh secara bertulis?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey, boleh jawab sikit. Penginapan tidak cukup di Langkawi, guru. Tadi tidak digunakan, sekarang tidak cukup. Terdapat sebanyak 24 kuarters guru di Langkawi melibatkan sebanyak 381 unit dengan pengisian sebanyak 290 unit.

Manakala, sebanyak 91 unit kuarters masih kosong. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan pembaikan dengan penyelenggaraan bagi kuarters guru di Langkawi sebanyak RM16,300 berdasarkan permohonan dikemukakan RM16,000 JPN Kedah pada tahun 2017. Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengenal pasti kuarters-kuarters kosong yang dipohon dan JPN untuk pembaikan dan penyelenggaraan bagi dilaksanakan pada tahun 2018 berdasarkan skop kerja. Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat Langkawi juga- yang lain saya buat secara bertulis Yang Berhormat, boleh ya?

Beberapa Ahli: Boleh.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Can go to* Yang Berhormat Klang.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat Jerantut?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Apa maksud itu, Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Boleh bertulis, ya? Terima kasih. Yang Berhormat Kapar, *you have asked a question, I already responded to you on one. DLP is okay.* Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah memantapkan bahasa lain. Pada masa ini Yang Berhormat— *this one you did touch. I tidak reply tadi. So, I can reply sekarang.*

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan mata pelajaran bahasa tambahan kepada murid di peringkat rendah seperti bahasa Iban, KadazanDusun, Semai, Arab, Cina dan Tamil. Pada peringkat sekolah menengah, Iban, KadazanDusun, Semai, Arab, Cina, Tamil, bahasa Jepun, bahasa Jerman, bahasa Perancis dan juga bahasa Korea. Ini bahasa-bahasa yang lain. Yang Berhormat Batu Pahat?

Seorang Ahli: Tulislah semua. Terusakan.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey. Yang Berhormat Kuala Kangsar?

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tulis. Terima kasih. Yang Berhormat Parit?

Seorang Ahli: Semua, tulislah.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey. Yang Berhormat Batu Gajah?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *Only the RMT, if possible.*

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Okay, thank you very much. RMT, okay Sir.* Yang lain kita beri secara bertulis ya. Terima kasih Yang Berhormat. Rancangan Makanan Tambahan. Sebagai makluman Yang Berhormat, peruntukan Rancangan Makanan Tambahan bagi tahun 2018 adalah sama dengan tahun 2017 iaitu sebanyak RM299.9 juta.

Walau bagaimanapun, data murid yang menerima bantuan ini akan disemak dari semasa ke semasa. Ketetapan peruntukan adalah berdasarkan bilangan penerima bantuan. Kalau disemak semula pun Yang Berhormat, bukan- kalau sekiranya pelajar itu tidak layak, maka ia akan dikeluarkan tetapi program ini masih berterusan.

Sekiranya ada Yang Berhormat dapati sekolah-sekolah mengeluarkan murid-murid walaupun mereka memerlukan bantuan, sila maklumkan kepada kami di PPD atau JPN, kalau tidak, pada saya. Saya akan memastikan disiasat dan memastikan kalau sekiranya pelajar itu layak, dia harus diberi. *Full stop. There shouldn't be double standards about it,* Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, yang untuk sekolah itu, saya *just* perlukan bilangan pelajar dan kos purata untuk seorang. Bertulis boleh? Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Boleh, boleh. *We will give you in writing.* Yang Berhormat Bukit Bendera?

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Minta tolong jawab.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tolong jawab, okey. So, Yang Berhormat Klang kalau tidak dapat masa minta maaf ya. Yang Berhormat Bukit Bendera hendak menjawab. So, ambil maklum sahajalah.

Seorang Ahli: Semua secara bertulislah.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Akan tetapi dia hendak menjawab juga. Banyak benda telah dibangkitkan. Kalau izin Yang Berhormat, saya rasa kita beri jawapan kepada Yang Berhormat Klang boleh tidak?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya rasa yang Yang Berhormat Klang itu penting sebab dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan, jangan berunding Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Which one?*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia mencelah Yang Berhormat Kapar sebenarnya. Yang Berhormat Kapar punya soalan...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Bukit Bendera pun penting juga Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya jawab Yang Berhormat Klang dululah, dia mencelah Yang Berhormat Kapar. Tentang isu guru di Kuala Selangor. Yang Berhormat, laporan telah dibuat di polis. Apabila kita mendapat maklumat, kita telah menempatkan guru ini di PPD. Dia tidak dibenarkan sama sekali ke kawasan sekolah. Tindakan seterusnya akan dibuat setelah polis siasat, selesai siasatan.

Sekiranya, laporan yang dibuat dan ada kebenaran, maka kita akan ambil tindakan terhadap guru ini. Saya setuju dengan semua Yang Berhormat, bukan sahaja di sebelah sana, di sini juga ramai Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini. *There's one or two subject matters that we in the Kementerian Pendidikan we won't take it. One, drugs. Two, sex. If these two issues are found happening in schools, we will not hesitate to even take the teachers out of the system.* Itu pasti. Akan tetapi kita harus beri ruang untuk siasatan. Pihak polis sedang siasat. Kita benarkan selesai siasatan ini, selepas itu tindakan akan diambil mengikut ruang undang-undang yang ada. Itu maklumat saya kepada Yang Berhormat. Okey?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Soalan saya ialah walaupun kita telah tangkap cikgu itu tetapi *what is the extent of* gangguan seksual di sekolah yang melibatkan cikgu-cikgu, itu satu.

Kedua, mangsa itu, *students. What happens to students*, adakah mereka juga diberikan apa-apa *consultation, rehabilitation, a counseling* dan sebagainya? Oleh sebab kedua-dua pun mesti dijaga, khususnya kepentingan murid-murid.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa *this one* ini adalah kes jenayah. Tidak sewajarnya si pelaku itu ditukar ke jabatan lain, elakkan daripada pelajar-pelajar dan sebagainya. Kalau orang biasa di luar, masyarakat biasa yang bukan guru melakukan benda ini, cara kita siasat dan sebagainya adalah berbeza. Sepatutnya kalau dia diberhentikan kerja buat sementara, terus berhentikan kerja dan memberi ruang kepada pihak polis untuk siasat.

Saya rasa pihak polis siasat dalam masa dua minggu ke tiga minggu dan kita boleh buat satu keputusan. Meletakkan dia di jabatan yang lain, memberi ruang dan peluang kepada pihak polis untuk mengambil masa yang lebih panjang.

So, saya rasa benda ini perlu berinteraksi dengan KDN dan selaraskan satu bentuk hukuman. Oleh sebab saya rasa benda ini sentiasa berlaku. Tahun lepas pun kita ada isu lain yang saya bangkitkan, tahun ini tentang cikgu di Hulu Selangor. Saya minta jangan hantar ke pejabat-pejabat lain. So...

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat, Yang Berhormat. *Please correct that. Not cikgu dari Hulu Selangor. Kuala Selangor, Hulu Selangor baik punya cikgu semua.*

Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]: Ya, ya. *Correct, thank you. So, the issue- the subject matter, I am more bothered about the subject matter. Thank you. Apology for that. Subject matter please.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Yang Berhormat, guru-guru- *I mean* Yang Berhormat, *you have to take this point.* Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia, *I must tell you, 430,000 guru-guru ini luar biasa. No- I must tell you, almost if not all, almost all teachers, their sacrifice,* perjuangan dia, pengorbanan dia, luar biasa Yang Berhormat. Kadang-kadang, macam kata arwah P. Ramlee dulu ya. "Kadang-kadang" ada lah, jarang-jarang berlaku, "kadang-kadang" tertangkap. Apabila ada bukti yang cukup Yang Berhormat, *we will not keep them in the school.* Pernah ada guru-guru dikeluarkan apabila dibuktikan tetapi Yang Berhormat, mangsa juga harus tampil ke depan untuk membuat laporan. Kadang-kadang, balik kepada arwah P. Ramlee.

"Kadang-kadang" ibu-bapa, penjaga tidak mahu tampil. Isu-isu lain Yang Berhormat sedar mengapa mereka tidak buat laporan dan kita pula tidak boleh paksa mereka buat laporan. Ada masa, polis tunggu. Polis tunggu *someone from the family or affected family come to the police station and make a report. So that, they can nail that case. They will never get it.* So, kita bantu mana yang boleh tetapi proses kaunseling, sekiranya dikenal pasti, kita juga akan lakukan kaunseling. Bukan sahaja dari aspek ini, banyak lagi isu-isu yang mana kita akan melakukan proses kaunseling ini dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat, saya akan terus kepada Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Kaunseling untuk murid-murid sekolah *that is what you mean?*

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Ya, *surely. For* murid-murid yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, yang lain boleh jawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Okey, Yang Berhormat. Memandangkan Tuan Pengerusi telah pun maklum saya untuk memberi jawapan bertulis, saya akan memberi jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Yang Berhormat, terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM44,513,871,900 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM44,513,871,900 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,448,534,400 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,448,534,400 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

■1800

**Maksud B.45 [Jadual] –
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2018] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas. Dia ada *booked* tadi. Yang Berhormat Pasir Mas sudah *booked* awal-awal.

6.01 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya kalau hari Khamis memang ada masalah untuk pulang lewat. Saya terikat dengan janji Almarhum ayahanda. Malam Jumaat ini kena ada kuliah ganti dia. So, hari ini saya terpaksa balik lewat dan saya ucapkan terima kasih kerana- *flight* saya selamatlah kalau masa ini, *insya-Allah*.

Butiran 010300 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Kementerian Belia dan Sukan bagi saya amat rapat dengan Kementerian Pendidikan. Belia merupakan tunjang kepada pembangunan negara. Anak-anak kita yang dididik di sekolah mestilah memperoleh pendidikan yang sama dan tidak bertentangan di luar sekolah. Jika mereka telah tamat proses pendidikan formal, maka adalah penting pendidikan itu tidak terputus secara mengejut kerana suasana dan persekitaran di luar yang jauh berbeza daripada persekitaran di sekolah.

Justeru, Kementerian Belia dan Sukan mestilah merangka dasar yang bersifat menyambung dan beriringan dengan apa yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan. Dasar dan polisi mestilah diformulasi supaya menepati kehendak dan hala tuju yang benar-benar memberikan impak kepada pembangunan belia di negara ini dan seterusnya menjamin kelestarian pembangunan negara secara amnya.

Apa yang ingin saya kemukakan adalah kekagetan saya berkaitan sudut putih dan hitam pembinaan remaja kita. Dari satu sudut, kita rasa amat gembira dengan kejayaan demi kejayaan, tetapi dari sudut yang lain, kita masih ketakutan terhadap perkembangan pembangunan belia kita yang mungkin menghalang wawasan besar kita untuk kejayaan mereka pada masa hadapan.

Kes-kes jenayah yang melibatkan para belia hari ini perlu diperhalusi sedalamnya. Sepanjang tahun 2012 sehingga tahun 2015, sebanyak 14,000 kes buli dicatatkan. Ia suatu jumlah yang besar. Kes buli adalah petanda penting hilangnya akhlak yang subur yang harus tumbuh secara harmoni di dalam jiwa belia kita. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 pula menunjukkan 29.2 peratus iaitu 4.2 juta orang di kalangan mereka yang berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah mental. Masalah mental ini pula adalah petanda penting hilangnya kekuatan dan jati diri dalam diri remaja dan belia kita di dalam menghadapi cabaran kehidupan hari ini yang begitu mencabar.

Dua petanda negatif ini pastinya akan merencatkan pembangunan yang sepatutnya diterapkan kepada para belia di negara kita ini. Kita boleh membayangkan jika kita gagal mengatasinya dengan segera dan dengan baik, maka isu-isu gejala sosial yang menimpa kehidupan sebahagian belia kita yang seolah-olah hanya datang untuk meruntuhkan kembali kejayaan yang telah kita bina akan terus berlaku dan tidak diketahui hujungnya.

Saya mengajak kementerian supaya menjadikan pendidikan agama dalam setiap program dan polisi yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Inilah jati diri yang kukuh yang perlu diterapkan kepada mereka dan tidak membiarkan mereka terbuai dengan perkara yang merosakkan masa depan mereka. Biarlah peruntukan yang disediakan kepada kementerian dapat digunakan sebaiknya ke arah memberi penawar dan kekuatan kepada pembangunan belia kita. Itu cadangan daripada saya.

Butiran 010200 – Pembangunan Kemahiran Belia. Pelaksanaan TVET adalah untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini di samping mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing yang berkemahiran rendah dan separa mahir. Namun, isu gaji yang rendah berbanding kos sara hidup yang tinggi yang turut memberikan implikasi kepada produktiviti perlu diteliti supaya kita turut menyediakan suasana yang kondusif untuk para graduan menyertai pasaran kerja.

Justeru, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian tentang sejauh manakah kebolehpasaran graduan daripada TVET ketika ini dan apakah impak utamanya terhadap data pengangguran di negara kita hari ini? Saya juga berharap pihak kerajaan terus berusaha memastikan pelaksanaan TVET ini diberi penambahbaikan berdasarkan keperluan-keperluan semasa yang diperoleh datanya.

Butiran 010100 – Belia dan Sukan. Penggunaan *gadget* dan media sosial merupakan suatu yang amat penting dalam kehidupan hari ini. Namun, apabila ia mencapai tahap luar kawalan, ia akan menjadi suatu masalah sosial kepada kita. Kita telah memperoleh banyak data yang menunjukkan kesan-kesan buruk akibat penggunaan *gadget* dan media sosial secara salah dan luar kawalan. Lebih 72 peratus di kalangan mereka yang berumur tujuh hingga 35 tahun adalah pengguna tetap internet. Ini menunjukkan signifikannya pembangunan teknologi media sosial kepada golongan belia hari ini.

Walau bagaimanapun, suatu statistik turut menunjukkan mereka yang berumur di bawah 18 tahun melayari *internet* lebih kurang enam jam sehari. Ini adalah tahap yang agak membimbangkan perkembangan minda dan fizikal mereka. Oleh sebab itu, saya fikir budaya bersukan sebagai salah satu tarikan sosial yang baik kepada belia kita hari ini. Soalan saya, apakah mekanisme terbaru kerajaan di dalam membudayakan sukan di kalangan belia dan setakat ini sejauh manakah ia telah memberikan impak kepada mereka?

Seterusnya, secara ringkas, saya juga mahukan sedikit penjelasan daripada pihak kementerian mengenai sejauh manakah usul-usul yang dibahaskan di Parlimen Belia dibawa dan diutarakan di Dewan yang mulia ini? Sekian, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

6.07 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Pembangunan Belia dan Sukan, Butiran 00906 – Program Pembangunan Ahli Sukan dan Butiran 02301, kompleks sukan khususnya.

Melihat perkembangan sukan di negara kita, kadang-kadang kita amat berbangga sebab baru-baru ini keputusan sukan *SEA Games* di negara kita menampakkan kita boleh menjadi juara. Akan tetapi, saya lihat ini masalah dalam negara kita ini ahli-ahli sukan kita ini, saya tidak tahu, tetapi kebanyakannya jaguh kampung. Keluar daripada negara kita, habis. Tidak nampak pun. Tenggelam.

Jadi mungkin ketahanan mental itu tidak ada. Kementerian perlu melihat, mencari pakar-pakar psikologi yang boleh memantapkan mental para ahli sukan kita supaya mereka boleh bertarung di gelanggang antarabangsa. Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Jangan hanya di dalam negara mereka boleh menang dengan sesiapa, tetapi apabila ke luar sahaja menjadi 'ayam mati'. Jadi, inilah masalah yang kita hadapi. Saya tidak tahu apa teknologi, apakah punca, apakah sumbernya.

Kita lihat pula bagaimana bola sepak kita pada hari ini. Dahulu kata kalau pimpinan baru bola sepak boleh maju, boleh meningkat tetapi saya nampak semakin merudum, semakin merosot, sehinggakan kita dibelasah sampai 4-0, 6-0. Ini rasa saya bukanlah satu berita yang baik dibawa oleh pimpinan-pimpinan baru dalam FAM.

Jadi, kementerian, walaupun FAM ini mempunyai badan yang tersendiri, tetapi kementerian perlu juga campur tangan untuk memaklumkan FAM bahawa mereka *have to do something for the good of our football*. Sebab, bola sepak ini sukan rakyat, sukan seluruh negara. Tidak ada satu orang pun yang tidak minat sukan.

■1810

Yang Berhormat Bukit Gantang pun dia minat walaupun dia ada minat yang lain... [*Dewan ketawa*] Jadi, macam mana kita hendak menonton pasukan Malaysia? Asal main kena belasah, asal main kena belasah. Cakap bukan main-main, tinggi melambung di atas langit tetapi *result*-nya tidak ada. Ini masalah. Oleh sebab itu sebelum kita memimpin sebuah organisasi, jangan kita cakap terlalu tinggi. Kita harus relaks, ambil perhatian sebab nanti akan menimpa kita juga, memalukan. Amat memalukan sehingga mungkin inilah yang menyebabkan bola sepak negara kita ini sudah merosot. Kita ketinggalan jauh di antara negara-negara lain.

Saya pun tidak tahulah macam puas sudah kita bagi pandangan, bagi komen macam mana untuk membawa bola sepak kita ini, membawa atlet kita ke persada antarabangsa. Kita sudah ada podium, macam-macam program tetapi teknologi ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bukan boleh membawa satu perubahan. Apa yang membuat perubahan ini manusia, naluri kita itu macam mana hendak mengangkat darjat sukan dalam negara kita. Kita harus melihat bola sepak itu sebagai satu permainan rakyat.

Demikian juga dengan sepak takraw. Saya tengok tidak pernahlah, dahulu Malaysia memang selalu nombor satulah. Akan tetapi hari ini kita jadi belasan, negara-negara yang baru pun belasah kita. Kalau Thailand orang kata tidak ada lawanlah, memang jauh sekalilah. Saya tidak tahu macam mana, jadi minta Yang Berhormat Menteri panggil semua sukan-sukan ini, bagi mereka garis panduan, bagi mereka tempoh sejauh mana, dua tahun mesti mahu mencapai KPI. Kalau tidak bubar ini, ganti dengan kesatuan yang lain. Ini sebab kalau tidak, mereka sambil lewa sahaja. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun faham apa yang saya maksudkan.

Untuk merealisasikan sukan negara dalam TN50 ini, kementerian harus juga melihat kawasan-kawasan luar bandar disediakan prasarana sukan. Di Parlimen Kinabatangan, saya sudah memohon berkali-kali untuk mini stadium sahaja. Jadi *alhamdulillah* kelmarin saya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata *insya-Allah* tahun 2018 akan kita bagi. Jadi, saya harap perkara ini dapat direalisasikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa dia Yang Berhormat? Gimnasium? Mini gimnasium di Parlimen?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mini kompleks sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Ada lagi yang bangun saya tengok. Baik, selepas Yang Berhormat Kapar Yang Berhormat Sekijang, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.13 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada Butiran 010100, isu saya berkaitan dengan Majlis Olimpik Malaysia di bawah sukan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kontinjen Malaysia untuk keputusan cemerlang semasa temasya Sukan SEA... [*Tepuk*] Saya juga mengucapkan terima kasih juga kepada sukarelawan yang telah banyak membantu menjayakan temasya Sukan SEA ini. Saya walau bagaimanapun, saya ingin juga merakamkan rasa dukacita saya terhadap kesilapan dan kecuaiian mencetak bendera negara Indonesia yang terbalik dalam *SEA Games souvenir Book*... [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu sudah selesailah *brother*. Alamak, apalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dengar dahulu, dengar dahulu. Dengar, dengar, dengar. Yang Berhormat Menteri dengar itu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap poin lain. Minta stadiumlah. Itu tidak payahlah, sudah selesailah. Minta stadiumlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kita berterima kasih kepada Kerajaan Indonesia kerana menerima kecuaiian ini dengan hati yang terbuka tanpa boikot atau menarik diri dari temasya tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara yang perlu dijawab adalah mesti ada seseorang yang wajib mengambil tanggungjawab terhadap kecuaiannya ini, yang ini belum lagi diselaraskan. Saya mendapat input-input daripada Majlis Sukan sendiri yang mengatakan bahawa tidak ada sesiapa pun yang dipertanggungjawabkan atau diamanahkan kerana kesilapan ini. Ini bukan kesilapan yang boleh dipandang remeh seperti rakan-rakan kita kata tidak apa, sudah dijawab dan sebagainya.

Jawapan adalah daripada Yang Berhormat Menteri sendiri dan media-media sosial telah menyalahkan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merakamkan dekat sini bahawa Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bersalah dalam isu ini, tetapi Majlis Sukan Olimpik Malaysia terutamanya Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia, *Secretary General* yang dianugerahkan untuk mengawasi benda-benda sebegini perlu mengambil tanggungjawab sebab *printing* ini di *outsourc*e, saya faham.

Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun itu di *outsourc*e, *Secretary General* mempunyai tanggungjawab sendiri *for proofreading*. Dia gagal melakukan *proofreading* dan benda ini tidak di bicara di mana-mana. Jadi saya ingin menggunakan kesempatan ini walaupun Yang Berhormat Menteri dengan budi bicara beliau telah meminta maaf kepada negara Indonesia, *that is good. Thank you to him*.

However, ada orang yang telah melakukan kesilapan dan tahun depan kita akan mengambil bahagian dalam Asian Games 2018 di Indonesia. So kita tidak hendak apa-apa berlaku kepada negara kita, martabat negara kita, bendera negara kita, maka satu orang yang telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab ini perlu dipanggil, perlu disiasat, perlu dihukum dan sebagainya. Itu terlepas pandang oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Kementerian Belia dan Sukan ini.

So, saya mohon Yang Berhormat Menteri sebagai satu cadangan bahawa perlu membuka satu siasatan terhadap *Secretary General*, mengapa beliau terlepas pandang benda ini. Kalau betul beliau terlepas pandang atau kontinjen-kontinjen di bawah jawatankuasa beliau terlepas pandang, satu tindakan perlu diambil oleh KBS. Saya minta komitmen yang teguh daripada pihak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri KBS.

Seterusnya saya masuk kepada Butiran 040300 – Program Menangani Ekstremisme Di Kalangan Belia. Tahun lepas tidak ada apa-apa peruntukan, tahun ini ada peruntukan hampir RM5 juta. Walaupun saya kesal bahawa RM5 juta ini tidak memadai untuk kementerian Yang Berhormat untuk memperbaiki ekstremisme ini, tetapi apakah pelan-pelan yang telah dicadangkan oleh pihak kementerian untuk membantu bahagian peruntukan ini?

Saya mendapati Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada banyak kes gengsterisme dan belia tidak dapat dikawal dari sudut gejala sosial yang sedang berlaku. Jadi sebagai seorang kementerian yang menjaga belia-belia ini, saya rasa dengan RM5 juta ini tidak memadai tetapi ini sebagai satu permulaan sebab tahun lepas tidak adapun apa-apa peruntukan. Jika adanya peruntukan ini, mesti saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah ada perancangan. Saya ingin gunakan platform ini untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan bagaimana dana ini akan digunakan, bagaimana kita boleh menjaga ataupun mengeluarkan belia ini daripada *extremism- whatever they are doing at the moment*.

Seterusnya Butiran 050200 ini berkenaan dengan Penganjuran dan Penyertaan Sukan. Saya ingin mendapat juga pandangan dan juga komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai persediaan kita menghadapi *Sukan SEA, Asian Games 2018*. Saya juga ingin bersetuju dengan kata-kata Yang Berhormat Kinabatangan, walaupun saya tidak akan gunakan perkataan-perkataan drastik kerana masih juga ada pemain-pemain daripada Malaysia bukan sahaja dia jaguh di dalam negara, dia juga mampu membawa nama negara, mengharumkan nama negara di luar negara.

Akan tetapi apa yang Yang Berhormat Kinabatangan kata dengan perkataan drastik itu, saya akan kurangkan sedikit kerana masih lagi ada beberapa-beberapa atlet dia mendapat satu keputusan yang terbaik di Malaysia tetapi bila ke luar negara, dia tidak boleh mengulangi prestasi ini. Ini mungkin disebabkan satu adalah pendedahan kepada mereka.

Di sini ada sokongan daripada orang-orang yang menyokong beliau dan sebagainya. Bila pergi dekat sana tidak ada sokongan, tekanan daripada pasukan lawan dan sebagainya, dia tidak boleh menghasilkan satu *performance*, dengan izin, yang seperti biasa.

So yang ini betul, *psychologically* penting, pendedahan pun penting. Kita kena *sponsor* pemain-pemain ini untuk melalui banyak permainan di luar negara. Kalau kita menghantar dia keluar negara, barulah kita boleh dapat satu prestasi yang terbaik daripada mereka. So ini selain daripada *psychological health assistance* dengan izin, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri juga kena ada perancangan-perancangan lain.

■1820

Kenal pasti *points* lain, faktor-faktor lain yang mesti membantu pemain-pemain ini di dalam Malaysia, yang jaguh-jaguh di kampung menjadi jaguh di kalangan antarabangsa.

Terakhir sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini berkenaan dengan P.020007 iaitu Kompleks Sukan Komuniti. Saya telah beberapa kali meminta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membina satu kompleks sukan di Meru, Parlimen Kapar. Oleh sebab kita dapati kawasan Meru dan juga Sementa mempunyai ramai belia. Banyak juga yang terlibat dalam gejala-gejala yang tidak diingini. Sekiranya ada satu *sport complex* atau kompleks sukan komuniti, ia mampu membantu belia-belie di kawasan setempat. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

6.21 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk perbincangan berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya terus pergi kepada Butiran B.010100 berkaitan dengan Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya melihat bajet tahun ini tidak dinyatakan langsung berkaitan dengan sambutan Hari Belia Negara. Kalau kita lihat dalam bajet ini, Hari Sukan Negara ada lebih kurang RM3.2 juta tetapi tidak dimasukkan bajet untuk Hari Belia Negara.

Saya ingin bertanya, adakah tahun 2018 tidak akan ada program berkaitan dengan Hari Belia Negara baik di peringkat daerah, negeri mahupun di peringkat kebangsaan? Ini kerana saya agak khuatir akhir-akhir ini kita lihat kepentingan untuk kita menjaga persatuan-persatuan dan juga ahli-ahli belia kita di peringkat akar umbi terutamanya bagi meraikan mereka dalam sambutan Hari Belia ini adalah amat penting. Ini kerana kalau dilihat pada hari ini, rakan-rakan belia memerhatikan sambutan Hari Belia Negara ini adalah hari raya kepada orang muda. Jadi sekurang-kurangnya kalau dapat. Hari raya kepada orang muda.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hari raya, Hari Gawai, Hari Krismas, sekalilah itu Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: 15 Mei itu ataupun hari-hari yang lain itu sepatutnyalah dikekalkan untuk kita raikan golongan muda ini. Saya ingin juga bertanya dalam Bajet 2018 ini di bawah kepala yang sama, di bawah butiran yang sama, adakah pihak kementerian ada menyediakan peruntukan untuk membantu persatuan-persatuan belia dan juga NGO-NGO belia terutamanya yang berada di peringkat akar umbi ini dalam memperkasakan mereka?

Sejauh mana pihak kementerian masih lagi memberikan peruntukan-peruntukan terutamanya dari segi pengurusan kepada persatuan-persatuan belia ini? Ini kerana di peringkat persatuan-persatuan belia pada hari ini, rata-ratanya mereka masih lagi bertanyakan tentang peruntukan-peruntukan tambahan yang pernah Kementerian Belia dan Sukan sediakan dahulu terutamanya untuk diberikan kepada persatuan-persatuan belia dalam memastikan pengurusan di peringkat persatuan itu dapat kita bantu.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Pengerusi, sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya sila.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sekijang, apakah bersetuju sekiranya kementerian memberikan peruntukan khusus kepada persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi supaya mereka ini mampu mempunyai peruntukan asas sekurang-kurangnya, dapat menggerakkan aktiviti persatuan mereka? Terus masuk dalam persatuan seperti mana sebelum-sebelum ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya setuju, Yang Berhormat Jerantut. Minta dimasukkan dalam ucapan saya dan minta pihak kementerian dapat jawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut. Kita faham dalam memastikan agenda sosial yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri dalam memastikan pembangunan modal insan itu adalah satu perkara yang amat penting.

Saya tak nak sentuh berkaitan dengan sukan. Saya hendak sentuh beberapa perkara hari ini hanya berkaitan dengan belia. Jadi saya amat berharap supaya Kementerian Belia dan Sukan yang ada sebut belia dahulu baru sukan supaya dapat menitikberatkan juga hal berkaitan dengan belia. Ini kerana saya agak khuatir apabila melihatkan peruntukan Bajet 2018 pada kali ini pemberian ataupun penekanan untuk pembangunan modal insan iaitu berkaitan dengan belia ini dilihat semakin berkurangan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sedikit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan belia. Yang Berhormat, saya dengar kementerian telah menggubal Dasar Belia Negara, umur 35 tahun ke bawah. Itu dasar. Akan tetapi saya hendak tanya, kenapa kita ubah dasar tetapi ia tidak selaras dengan akta? Akta Pembangunan dan Pertubuhan Belia tetap mentakrifkan belia 40 tahun.

Kalau tanya saya, bekas pemimpin belia dahulu. Saya kata kalau saya masih lagi pemimpin belia, saya akan beritahu kepada pemimpin belia untuk apa kita *follow* dasar? Undang-undang dalam Dewan yang diwartakan masih lagi menetapkan umur 40 tahun. Ikutlah 40 tahun. Kenapa perlu ikut dasar? Oleh sebab itu saya ternanti-nanti. Dahulu Yang Berhormat Menteri jawab hendak bawa, hendak bawa. Bila hendak bawa? Dasar perubahan mesti diubah, satu.

Kedua, kalau dalam akta belia ini, semua perkara yang termaktub tadi, saya ingat saya adalah antara salah seorang yang menjadi jawatankuasa teknikal penggubalan akta ini bersama dengan Menteri Pengangkutan waktu itu. Saya tahu, dalam akta itu antara perkara penting yang perlu dimasukkan ialah mesti memberi peruntukan-peruntukan ini kepada persatuan-persatuan belia. Kenapa tidak *follow* akta ini?

Jadi saya harap kementerian bersandarlah kepada Akta Pembangunan dan Pertubuhan Belia yang nyata dari segi umurnya 40 tahun dan juga perlunya kementerian memberi bantuan secukupnya malah dalam akta tersebut mengatakan mewakili belia Malaysia ke peringkat antarabangsa juga mesti Majlis Belia Malaysia. Itu dalam akta. Saya harap ia diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih, Yang Berhormat Lenggong. Saya amat bersetuju apabila berkaitan dengan dasar ini. Sepatutnya pihak kementerian perlu pastikan belia melalui akta yang telah disediakan ini dapat diselaraskan. Saya ingat butiran berkaitan dengan 010100 iaitu Belia dan Sukan ini, kalau dilihat daripada tahun ini dan untuk tahun hadapan ada perbezaan sebanyak RM28 juta.

Saya tidak pasti tetapi melihat kepada bilangan perjawatan itu sebanyak 1,486. Adakah perbezaan ini adalah kerana hendak menampung jumlah perjawatan ataupun hendak disediakan program-program dan aktiviti berkaitan dengan belia dan juga sukan di dalam bajet yang telah disediakan ini? Seterusnya saya pergi kepada butiran...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit Yang Berhormat Sekijang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya sebagai seorang bekas pemimpin belia kepada Yang Berhormat Sekijang. Dahulu kita lihat peranan belia kita di peringkat antarabangsa ini agak menonjol. Sekarang ini kita tengok sukan sahaja.

Jadi bagaimanakah pandangan Yang Berhormat Sekijang untuk kita menggerakkan semula para belia kita ini supaya terserlah dari segi belianya, aktiviti kebeliaannya itu di peringkat antarabangsa. Apa pandangan?

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sekijang. Setakat ini, dahulu ada program belia Rakan Muda kita. Akan tetapi sekarang sepi, kenapa? Saya minta penjelasan Yang Berhormat Sekijang seorang muda dan belia. Jadi saya ingat teruskanlah kalau boleh Rakan Muda. Jangan biarkan ia sepi sangat untuk orang yang ada pengalaman. Minta penjelasan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih di atas keprihatinan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dalam memastikan program-program berkaitan dengan belia ini terus kita perkasakan. Saya minta kedua-dua ucapan Yang Berhormat ini dimasukkan ke dalam ucapan saya. Ini kerana kalau kita lihat Yang Berhormat hari ini rata-rata kepimpinan belia terutamanya di peringkat akar umbi, mereka sebenarnya memerlukan perhatian kita.

Saya amat yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di peringkat kawasan ada yang telah membantu rakan-rakan kita terutamanya persatuan-persatuan belia, NGO-NGO belia yang ada di kawasan masing-masing. Akan tetapi apabila keutamaan kita berikan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan kelestarian kepimpinan belia ini dapat kita perkukuhkan, saya amat yakin program baik di peringkat dalam negara, luar negara mahupun di peringkat antarabangsa akan kita dapat perkasakan rakan-rakan belia kita ini.

Saya tinggal satu minit. Saya terus kepada Butiran 040300 iaitu Program Menangani Ekstremism Di Kalangan Belia.

■1830

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Jumlahnya adalah RM 5 juta. Saya ingin kepada pihak kementerian sama seperti Yang Berhormat Kapar tadi. Apakah bentuk program yang dicadangkan oleh pihak kementerian untuk menangani ekstremisme ini. adakah program yang akan dicadangkan nanti adalah program lebih kepada berbentuk akar umbi. Program turun ke bawah. Maksudnya pihak kementerian menyediakan ruang untuk persatuan-persatuan belia terutamanya yang ada di peringkat akar umbi ini mencadangkan program-program dan aktiviti berkaitan dengan menangani ekstremisme ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Adakah pihak kementerian ada melakukan kerjasama, mungkin kerjasama NBOS dengan mana-mana kementerian yang lain untuk melaksanakan program ini secara bersama. Hal ini kerana saya setuju dengan rakan-rakan yang turut berbahas tadi berkaitan dengan aktiviti ekstremisme ini sudah seharusnya kementerian belia dan sukan sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab menjaga golongan belia memberikan penekanan yang lebih terutamanya untuk memastikan modal insan kita ini lebih terjaga dan lebih terbela. Saya minta izin Tuan Pengerusi untuk tambah lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada Yang Berhormat lain berminat?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Seterusnya 050300 - Perluasan Program Pembangunan Ekonomi Belia. Peruntukan hanya diberikan sebanyak RM 1 juta. Saya ingin mengetahui siapakah sasaran yang telah ditetapkan untuk Perluasan Program Pembangunan Ekonomi Belia ini. Kerana dengan peruntukkan RM1 juta ini saya kira memang tidak cukup untuk pelaksanaan program bagi Butiran 050300.

Terakhir Tuan Pengerusi, bagi maksud Pembangunan 04007 iaitu Kajian Pembangunan Belia sebanyak RM600 ribu. Yang ini pun saya ingat tidak cukup. Pertama, saya hendak tanya kepada siapakah bajet ini akan diserahkan oleh Kementerian Belia? Adakah kepada Institut Pembangunan Belia ataupun kepada siapa kajian ini akan dibuat untuk memastikan pembangunan belia itu dapat dilestarikan? Kemudian apakah bentuk kajian yang akan diberikan tumpuan dalam kajian pembangunan belia ini. Adakah ia berkaitan dengan TN50 Transformasi Nasional 50? Atau program-program di peringkat akar umbi. Jadi Tuan Pengerusi saya ingat itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang sekejap.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi Lenggong dulu la

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi tanya siapa minat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini ramai minat...

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Boleh?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Belum belum Menteri belum menjawab lagi ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada orang hendak bahas lagi ini..

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri pun jawab pendek sahaja. Dua soalan rugi...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pasir Puteh ringkas ya.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya minat menyampuk dalam belia ini. Saya tengok tumpuan banyak kepada sukan. Tahniah lah kerana belia ini suka kepada sukan. Akan tetapi saya rasa bagi belia ini yang lebih penting sekali adalah persiapan untuk kerjaya mereka. Saya lihat pada 00100 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) ada sedikit peruntukan RM74 *million*. Tahniah tetapi saya rasa penumpuan ditumpukan membentuk jadi diri belia ini supaya mereka boleh keluar daripada pengangguran.

Hal ini kerana kita lihat pada peningkatan belia yang tidak bekerja. Di sini lah apabila belia-belia ini tidak mempunyai pekerjaan, maka kita lihat mereka ini mencebur dalam gejala sosial dan seterusnya mungkin juga kepada aktiviti-aktiviti terrorisme dan ekstremisme. Kita lihat mereka yang *involved* dengan ekstremisme di kalangan orang muda ini selalunya mereka ini orang yang aktif tetapi mereka tidak mempunyai *channel* yang baik untuk mereka memberikan tenaga mereka itu untuk membantu masyarakat untuk *dichannelkan* kepada perkara-perkara yang baik. Jadi mereka akan terjerumus kepada kerja-kerja yang tidak baik.

Mereka akan *involve* dengan kumpulan gengster dan mereka akan *involve* dengan dadah. Mereka seterusnya akan terpengaruh dengan kumpulan-kumpulan yang ekstremisme kerana mereka itu berada di dalam dilema. Mereka ini ingin kepada kebaikan tetapi suasana yang ada tidak menjuruskan mereka kepada kebaikan dan menyebabkan mereka *rebel*. Mereka mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak baik dan seterusnya boleh membentuk mereka menjadi ekstremis.

Jadi, kalaulah Kementerian Belia dan Sukan boleh memainkan peranan yang lebih, saya rasa kita boleh menjadi satu usaha untuk mengurangkan ekstremisme yang mungkin berlaku dalam masyarakat kita. Satu lagi untuk belia ini kita jangan hanya memberi kekuatan kepada fizikal sahaja. Kita patut memberi jati diri yang lebih kepada mereka. Memberi kekuatan spiritual kepada mereka. Ini suatu yang mesti ditekankan di dalam semua program-program belia yang ada supaya mereka ini mempunyai kekuatan spiritual. Apabila mereka mempunyai kekuatan spiritual ini, mereka akan mempunyai keyakinan untuk melakukan apa sahaja di dalam sukan mereka akan cemerlang di dalam sukan.

Di dalam kerjaya mereka, mereka akan menjadi manusia yang berjaya. Ini lah memberikan keyakinan kepada mereka bahawa pihak kerajaan dan masyarakat dan ummah berharap kepada mereka untuk masa depan mereka dan juga masa depan negara kita. Ini mesti ditanamkan kepada belia-belia kita. Saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi ini lah. Saya rasa RM500 juta saya rasa tidak cukup. Banyak lagi kerana masalah kita sebenarnya berpunca dari sini. Kalau kita tidak dapat menangani golongan belia ini dengan baik masa depan kita amat gelap.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Pasir Puteh, saya ingin mencelah sedikit.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Pencelahan?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Pasir Puteh menekan tadi kepentingan kekuatan spiritual bolehkan kita masukan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah program-program spiritual dan kerohanian yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk tujuan ini?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja dan masukkan ucapan dia dalam ucapan saya supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjawab. Dia sedang berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Agama itu mungkin di sana sudah berbincang. Saya harap jawapan itu ada. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.37 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa peringkat Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Saya pohon panduan daripada Tuan Pengerusi yang mana tidak berada di dalam dewan sekiranya dapat memberi jawapan bertulis. Sebab pertamanya, Ahli Yang Berhormat Pasir Mas malam Jumaat dia ada komitmen lain. Dia sampaikan kuliah bagi pihak arwah Tok Guru. Jadi Yang Berhormat Pasir Mas saya jawab bertulis. Yang Berhormat Kinabatangan ada komitmen lain. Dia pun menyampaikan kuliah agaknya jadi kita sampaikan secara bertulis.

Saya pergi kepada Yang Berhormat daripada Kapar. Ahli Yang Berhormat daripada Kapar ada. Dia telah bangkitkan beberapa isu. Pertamanya adalah berkenaan dengan sokongan pendedahan latihan di luar negara. Ini juga ada kaitan dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi berkenaan bagaimana kita dapat memastikan bahawa pencapaian atlet kita bukan sekadar kejayaan di peringkat serantau Asia Tenggara dengan mudah kata bukan hanya jaguh kampung sahaja tetapi dapat mencapai peringkat yang lebih tinggi lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Kapar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan juga Institut Sukan Negara telah pun mengambil beberapa langkah terutamanya mendirikan beberapa *training base* yang ataupun pangkalan latihan yang bertempat di luar negara. Sebagai contoh kita telah menubuhkan satu *training base* bagi sukan basikal di Melbourne, Australia dan pasukan elit Basikal Trek kita termasuk saudara Azizulhasni Awang, juara dunia dalam acara keirin dan rakan-rakan yang lain ditempatkan sepenuh masa di Melbourne.

■1840

Di mana, latihan mereka dan juga pertandingan yang mereka didedahkan adalah lebih tinggi daripada apa yang ada di rantau Asia Tenggara. Oleh sebab itulah kita melihat lonjakan prestasi yang begitu ketara sekali dalam sukan berbasikal trek di mana kita bukan hanya menakluki pingat di peringkat sukan SEA tetapi sudah sampai ke peringkat Piala Dunia dan juga kejohanan dunia.

Sama juga dengan sukan terjun di mana pasukan elit kita hampir sepenuh masa berada di negara China dan mereka juga telah menghasilkan seorang juara dunia pada tahun ini, saudari Cheong Jun Hoong. Latihan dan pendedahan yang mereka terima di negara China itu jauh lebih daripada apa yang mereka boleh dapat di sini. Sama juga sukan-sukan lain di mana kita melihat dominasi global seperti sukan skuasy suatu ketika dahulu melalui Datuk Nicol David yang berpangkalan di Belanda dan juga *United Kingdom*. Wushu di negara China dan juga beberapa jenis sukan lain yang daripada masa ke semasa kita akan hantar ke *training base* yang ada di luar negara, itu yang pertama.

Kedua, kita melalui Program Podium yang dikendalikan oleh Institut Sukan Negara (ISN) telah menyediakan khidmat kepakaran sains sukan kepada atlet dan pasukan negara yang terbaik. Pendedahan yang kita bagi kepada atlet di bawah Program Podium ini, lain daripada pendedahan biasa. Mereka ini dihantar untuk kejohanan-kejohanan antarabangsa yang mungkin tidak akan dihantar sekiranya mereka tidak layak untuk menyertai Program Podium.

What is the selection criteria, dengan izin Tuan Pengerusi? *Selection criteria* untuk memasuki Program Podium adalah sama ada mereka layak ataupun keputusan mereka dan *ranking* mereka pada waktu ini cukup untuk melayakkan mereka menduduki kedudukan podium iaitu pingat emas, perak ataupun gangsa pada peringkat temasya Sukan Asia, Sukan Komanwel ataupun Sukan Olimpik.

Kelayakan itu adalah kelayakan yang tegas dan kemenangan pingat emas di Sukan SEA semata-mata tidak melayakkan mereka untuk menjadikan sebahagian daripada Program Podium yang boleh mengantarabangsakan kejayaan mereka untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Untuk makluman juga, saya ingin menyatakan di dalam Dewan ini bahawa di peringkat jawatankuasa, setakat ini kita mempunyai seramai 30 atlet yang telah mencapai *ranking* enam terbaik dunia pada tahun 2017 dan banyak lagi pencapaian peringkat antarabangsa yang akan diperolehi dalam pelbagai sukan... [Tepuk]

Jadi mudah kata, kita dan baru-baru ini saya telah sekali lagi keluaran kenyataan bahawa ukuran kejayaan sukan kita bukanlah Sukan SEA. Sukan SEA adalah satu kejayaan yang baik untuk peringkat pelapis, untuk peringkat atlet muda tetapi kejayaan sebenar sukan kita adalah di peringkat antarabangsa seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Saya melihat Yang Berhormat Kinabatangan dah selesai kuliah dia, dia dah masuk semula.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Saya dah jawab sedikit tadi, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan juga sentuh berkenaan dengan prasarana yang saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Kinabatangan sentuh soal perkara penting iaitu pakar psikologi yang mantap.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, Program Podium yang saya sebutkan tadi merupakan program persediaan atlet elit kita dan program itu bertunjangkan kepada konsep *winning mentality* dan *performance lifestyle* yang merupakan dua komponen penting dalam pemerksaan psikologi secara inklusif dalam persediaan atlet dan sekarang ini Institut Sukan Negara (ISN) turut menyediakan khidmat sokongan psikologi yang lebih ramai lagi dan lebih mantap lagi daripada segi kepakarannya. Dulu kita ada ramai tetapi mungkin kepakaran mereka mungkin mereka tidak cukup pengalaman tetapi *we have spent quite a lot of resources in hiring more qualified experience psychologist*, dengan izin.

Yang Berhormat Kinabatangan juga menyentuh soal menaikkan imej bola sepak negara. Hari ini, berita *ranking* kita semakin menurun. Namun demikian, saya percaya dan yakin bahawa itu adalah satu perkembangan jangka masa pendek. Saya percaya dan yakin bahawa dalam jangka masa sederhana dan panjang, kita akan dapat melihat peningkatan prestasi bola sepak negara kita kerana apa? Apakah saya hanya sebut perkara ini tanpa apa-apa bukti?

Saya ingin menyatakan bahawa kalau kita lihat daripada segi prestasi pasukan-pasukan kebangsaan bawah umur iaitu bawah umur 23, bawah umur 22, bawah umur 19, bawah umur 16, mereka telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan.

Kelayakan di peringkat bukan AFF, bukan di peringkat rantau Asia Tenggara tetapi kelayakan ke pusingan akhir AFC peringkat *Asian Football Confederation*, rantau Asia, rantau besar Asia dan ini adalah satu petanda yang baik untuk pemain-pemain muda.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Agak-agak *time frame* kita berapa tahun untuk kita memacu sehingga ke persada yang macam dulu-dulu, kita boleh lawan Korea, boleh lawan Jepun. Lima tahun, sepuluh tahun, lima belas tahun? Agak-agak?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Ya. Baru-baru ini ada juga bekas pemain bola sepak negara kebangsaan yang menyatakan bahawa mungkin kita ganti sahaja semua pemain *senior* ini dengan pemain-pemain daripada pasukan bawah umur 19 tahun yang baru ini layak ke pusingan AFC.

Akan tetapi pandangan daripada jurulatih mereka, kita tidak boleh pergi terus daripada tadika ke universiti. Mereka kena melalui segala langkah-langkah dan juga *step* untuk menjadi seorang pemain *senior* dan saya faham, kalau kita bagi pendedahan yang terlalu awal kepada mereka yang terlalu muda, maka mereka mungkin tidak ada ketahanan dan juga pengalaman untuk mencapai prestasi yang diharapkan.

Namun demikian, kita juga harap bahawa mereka tidak terlalu lama. Jadi dengan perkembangan baru Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) di bawah kepimpinan baru dibantu dengan pembangunan NFDN atau Program Pembangunan Bola Sepak Negara yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara yang sekarang ini ada 21,000 pemain antara umur 7 tahun hingga 17 tahun.

Saya boleh jawab kepada soalan Yang Berhormat tadi, jangka masa yang saya jangkakan memandangkan *gestation period*, memandangkan masa untuk menunggu mereka menjadi dewasa dan sebagainya, sepuluh tahun. Sepuluh tahun kita akan dapat melihat generasi ini menjadi pemain kebangsaan dan DNA ataupun satu falsafah permainan yang baharu mungkin dapat kita melihat bukan hanya di beberapa pemain sahaja tetapi menjadi corak permainan di seluruh liga Malaysia.

Hari ini kita masih lagi tengok corak permainan yang tendang bola jauh ke hadapan dan mengharapkan ada orang kejar dan sebagainya tetapi tidak ada *game play* yang tersusun, yang kemas dan yang diajar daripada awal. Itu yang kita cuba ajar daripada awal. Ini memerlukan masa tetapi saya percaya dan yakin *ten years*, sepuluh tahun kita akan melihat kebangkitan tersebut...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya terima baik penjelasan Yang Berhormat Menteri, *quite impact*. Terima kasih kerana memberi penerangan yang jitu. Namun begitu Yang Berhormat Menteri, saya ikut perkembangan bola sepak di Malaysia. Kalau kita ambil skuad 16 tahun, 19 tahun, 21 tahun dan sebagainya, sebelum ini pun mereka mempunyai pembabitan yang cemerlang.

Mereka *commit*, mereka telah menghasilkan beberapa keputusan luar biasa dan sebagainya. Masalah kita adalah selepas *junior* menjadi *senior*, di situ ada kelompangan dan di situlah kita perlu lakukan *assessment*. Saya nampak pelan sepuluh tahun itu *it's good, I'm not doubting that but then* sejarah menunjukkan *junior* bila menjadi *senior*, di situlah wujudnya satu kelompangan. Apa pandangan Yang Berhormat? Minta pencerahan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya pun ringkaskan sebab saya tahu ada kekangan waktu dan masa tetapi soalan ataupun pandangan itu sangat tepat sekali. Oleh sebab itu baru sahaja saya menghadap Ke Bawah Duli Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan idea Ke Bawah Duli Presiden adalah untuk kita mewujudkan lapisan yang pelbagai dalam liga kita.

Kalau Yang Berhormat perasan hari ini, kita paling banyak pun kita ada hanya tiga lapisan liga sahaja. *Super League, Premier League, FAM League*. Ada liga negeri tetapi bukan semua negeri yang mengendalikan liga di peringkat negeri, ada negeri yang langsung tidak ada liga sebab kita serahkan kepada Persatuan Bola sepak Negeri. Jadi idea presiden adalah untuk kita mewujudkan *a fourth division and a fifth division also* yang mana liga keempat, liga kelima ini menjadi *feeder* kepada *FAM League, Premier League* dengan *Super League*.

■1850

Dengan adanya lima lapisan ini, tambah pula dengan pemerksaan kepada Piala Belia dengan Piala Presiden sebab antara syarat yang kita hendak letakkan untuk *lower leagues* adalah mereka diwajibkan untuk menyenaraikan pemain-pemain junior dalam *team* mereka.

So, di situ kita melihat pemain-pemain yang keluar daripada akademi NFDP ini ada pendedahan. Kalau tidak saya *agree* dengan Yang Berhormat bahawa memang ada kelompongan, ada *gap between* mereka keluar daripada akademi sekolah sukan dan sebagainya dan mereka tidak tahu ke mana. Kalau mereka tidak ada bakat yang tinggi dan diambil oleh pasukan seperti JDT, Terengganu, Selangor, Kedah dan sebagainya mereka tidak ada peluang langsung. Ada *late bloomers*, ada yang mungkin bakat mereka hanya terserlah apabila mereka sudah mula main di peringkat semi pro dan sebagainya. Jadi itu jawapan saya kepada Yang Berhormat.

Baik, saya pergi kepada Yang Berhormat Sekijang dahulu, lepas itu saya patah balik kepada Yang Berhormat Kapar sebab Yang Berhormat Kapar mencelah tadi. Yang Berhormat Sekijang membangkitkan pelbagai isu berkenaan dengan belia. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Sekijang sebagai seorang bekas pemimpin belia, Presiden Majlis Belia FELDA Malaysia yang juga prihatin dengan sukan kerana dia Ahli Lembaga Pengarah Institut Sukan Negara. Akan tetapi hari ini dia pilih untuk cakap soal belia.

Pertamanya adalah berkenaan dengan bantuan kepada persatuan dan NGO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa dan ini juga menjawab celahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jerantut tadi yang juga bekas penggerak belia, bahawa bantuan pentadbiran memang diberikan kepada persatuan belia dan itu polisi, itu dasar Kementerian Belia dan Sukan. Kita cuba kekalkan bantuan pentadbiran itu mengikut kemampuan kita. Contohnya tahun ini kita lambat sedikit bayar sebab ada kekangan dari segi peruntukan tetapi kekangan tersebut telah pun dijelaskan oleh Kementerian Kewangan dan kita dapat sampaikan kepada majlis-majlis belia.

Untuk makluman Jawatankuasa, untuk makluman setakat tahun ini kita telah memberi Majlis Belia Malaysia RM1.2 juta dan mungkin Yang Berhormat Jerantut kata itu peringkat kebangsaan. Majlis Belia Negeri dapat RM80,000, Majlis Belia Daerah dapat RM40,000, ini semua daerah. Majlis Belia Beruniform dapat RM30,000 dan pertubuhan NGO peringkat kebangsaan yang tidak bukan MBM RM100,000 sehingga RM250,000 bergantung pada bilangan keahlian persatuan tersebut. Jadi ini memang polisi yang akan kita kekalkan. Ada peruntukannya dalam belanjawan untuk tahun depan dan akan kita teruskan. Sila Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap terima kasih kerana meneruskan polisi yang memang telah disediakan oleh pihak kementerian. Cuma saya ingin memberikan pandangan kepada pihak kementerian, oleh kerana kita tahu di peringkat daerah, negeri dan juga di peringkat kebangsaan, Majlis Belia, Majlis Belia Daerah, Majlis Belia Negeri memang ada diberikan peruntukan. Cuma di peringkat persatuan-persatuan belia ini selain daripada anugerah belia yang mereka terima setiap tahun, bolehkah pihak kementerian memilih sekurang-kurangnya ada 20 atau 30 buah persatuan belia di peringkat akar umbi ini, mungkin kalau tidak diberikan setiap tahun, mungkin lima tahun sekali diberikan kepada persatuan-persatuan belia ini. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Tiga tahun lepas, Yang Berhormat pun tahu pendekatan saya. Saya kaitkan peruntukan tambahan untuk persatuan-persatuan yang tidak tergolong dalam yang saya sebutkan tadi kepada prestasi mereka. Jadi sebab itulah *star rating* di bawah ROY ataupun Pendaftar Pertubuhan Belia.

Apabila mereka mencapai lima bintang, mereka akan dianugerahkan dengan bukan hanya sijil pengiktirafan tetapi juga dengan peruntukan tambahan untuk program-program mereka.

Jadi saya akan pastikan bahawa tahun depan kita teruskan dengan *star rating* sebab bila kita hendak bagi peruntukan ini, ramai yang minta Yang Berhormat. Ada yang tidak ada *star rating* langsung pun dapat kadang-kadang sebab datang daripada Yang Berhormat juga tetapi kita hendak memastikan bahawa sekurang-kurangnya pemberian peruntukan ini berdasarkan kepada satu kriteria yang objektif. Ada juga yang kata *star rating* ini tidak berapa objektif tetapi itu yang ada berdasarkan kepada maklumat yang diperlukan, telah dihantar dengan baik, segala akaun telah diaudit dengan baik, laporan tahunan diadakan dan sebagainya. Jadi kita akan pastikan bahawa ini dapat diteruskan.

Peruntukan di bawah ekonomi RM1 juta, siapa golongan sasaran? Peruntukan ini akan disasarkan kepada usahawan bumiputera yang berpotensi dan berkelayakan bagi memperkasakan komuniti bumiputera. Antara program yang dirancang adalah *Youth Skills Talent*, Kursus Teknikal, Belia Tani, Program Pembangunan Produk. Di sini saya ingin jawab soalan Yang Berhormat Sekijang berkenaan peruntukan RM1 juta peruntukan ekonomi sekali dengan apa Yang Berhormat Pasir Puteh sebut tadi berkenaan dengan peruntukan untuk belia *extremism*. Sebab maksud soalan tersebut lebih kurang sama iaitu peruntukannya terlalu kecil. Sekiranya kita cakap soal ekonomi belia, RM1 juta memang kecillah. Kalau kita cakap soal ekstremisme belia RM5 juta memang terlalu kecil.

Saya sebagai Menteri sudah pasti saya impikan bajet yang berbilion-bilion tetapi itu tidaklah berpijak atas alam yang nyata. Kita lebih mengambil pendekatan sekarang ini dengan diperkenalkan Dasar Belia Malaysia yang baru. Kita iktiraf dan akui bahawa belia ini adalah satu isu dan sektor yang merentasi kementerian, yang merentasi pelaksana. Maksudnya saya tidak boleh kata bahawa belia punya isu *is just* Kementerian Belia dan Sukan. Kalau begitu kita tidak akan dapat penyelesaian yang mendalam daripada semua pihak.

Jadi sebab itulah saya kerjasama rapat dengan semua, hampir semua kementerian. Kita ada Jawatankuasa Pembangunan Belia Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri yang mana ada sebahagian daripada sentuhan belia yang ada kaitan dengan isu radikalisme dengan ekstremisme ditangani oleh Kementerian Dalam Negeri, ditangani oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ditangani oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, penyelarasannya dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Kita kena anggap bahawa segala-gala masalah ini diselesaikan melalui Strategi Lautan Biru. Kalau tidak kita ada pertindihan, terlalu banyak pertindihan dan terlalu banyak *overlap*, *overlap* dari segi pelaksanaan, *overlap* dari segi peruntukan dan sebagainya. Jadi sebab itulah bagi saya walaupun bidang dan juga peruntukan itu nampak kecil, ekonomi belia contohnya RM1 juta sahaja.

Akan tetapi baru-baru ini kita ada program kerjasama dengan agensi-agensi pembiayaan kewangan usahawan yang lain seperti SME Corp., PUNB dan sebagainya. Kita gunakan peruntukan yang sedia ada di agensi dan kementerian lain untuk menggerakkan satu portal Youth Entrepreneurial Network sebagai contoh untuk memudahkan anak-anak muda dapat pembiayaan bagi perniagaan-perniagaan mereka.

Jadi bagi saya, memang kita jalankan program kita tetapi pada masa yang sama belia itu mesti dilihat sebagai satu sektor yang merentasi kementerian, yang merentasi pelaksana, kalau tidak kita tidak akan ada *a whole of government approach*, dengan izin, kepada penyelesaian masalah belia.

Yang Berhormat Sekijang, jumlah peruntukan RM600,000 akan disalurkan kepada IYRES – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, *pronunciation*nya IYRES. Bagi pelaksanaan kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia, kajian ini dilaksanakan untuk mewujudkan *benchmark* bagi mengukur tahap penglibatan masyarakat Malaysia dalam aktiviti sukan ke arah pencapaian sasaran 50 peratus masyarakat berbudaya sukan menjelang tahun 2020.

Kita kena buat satu kajian untuk melihat berapa ramai rakyat Malaysia yang bersukan kerana hendak jadi negara bersukan, kita kena mencecah 50 peratus rakyat Malaysia yang bersukan secara *regular*, dengan izin, iaitu tiga kali seminggu, lebih daripada 30 minit setiap kali.

Kita hendak ada *benchmark* supaya setiap dua tahun kita buat kajian ini untuk melihat bagaimana kecergasan negara kita meningkat dan kita dapat mengurangkan NCD ataupun *noncommunicable diseases*.

Yang Berhormat Sekijang juga sebut bahawa tidak ada butiran Hari Belia Negara. Namun tidak ada butiran tetapi pelaksanaan Hari Belia Negara memang ada dalam perancangan 2018, jangan risau. Hari raya tersebut untuk belia akan tiba dan sama-sama kita raikanlah hari raya tersebut.

Yang Berhormat Sekijang dan juga Yang Berhormat Lenggong, sahabat saya ada? Ada. Bekas Presiden Majlis Belia Malaysia sebut berkenaan dengan akta dan juga dasar belia. Saya hendak jelaskan di sini, Yang Berhormat Lenggong sebut dua perkara berkenaan dengan akta dan dasar seolah-olah andaian ada percanggahan antara akta dan juga dasar. Dua contoh yang dipilih adalah berkenaan dengan usia dan juga takrifan umur belia dan juga peruntukan. Peruntukan saya dah jawab tadi, memang kita bagi kepada persatuan-persatuan belia untuk peruntukan pentadbiran.

■1900

Soal usia ini Yang Berhormat Lenggong, apabila dibaca dengan teliti Dasar Belia Malaysia, Dasar Belia Malaysia dengan jelas menyatakan bahawa Dasar Belia Malaysia memperkenalkan takrifan usia yang baru bagi belia iaitu 30 tahun. 30 tahun ini sebut dalam Dasar Belia Malaysia akan diperkenalkan pada tahun 2018. Oleh sebab itu, kita masih belum pinda Akta Pembangunan Belia. Oleh sebab kita bagi satu jangka masa penyesuaian bagi persatuan-persatuan belia tempoh masa selama dua tahun.

Oleh sebab Dasar Belia ini diperkenalkan pada tahun 2016 untuk mereka menyediakan barisan kepimpinan mereka. Supaya apabila kita pinda akta nanti, ada pemimpin-pemimpin belia yang berusia 30 ke bawah yang boleh mengambil alih tampuk kepimpinan persatuan-persatuan. Yang Berhormat pun tahu, bukan senang. Kalau kita cakap di peringkat Malaysia (MBM), peringkat kebangsaan, mungkin ada anak-anak muda usia 20-an yang boleh mengambil alih organisasi tersebut dalam Parlimen Belia, kita melihat dan sebagainya.

Akan tetapi bayangkan di peringkat daerah, di peringkat akar umbi, agak sukar untuk kita cari. Oleh sebab itulah kita masih lagi dalam proses perbincangan dengan Majlis Belia Malaysia untuk mencari formula yang terbaik supaya dasar ini dapat menjadi realiti. Dasar memang betul, perlu disusuli dengan pindaan akta.

Akan tetapi pindaan akta itu kita *hold* dulu sehingga kita dapat melihat persediaan belia untuk melakukan transformasi tersebut. Mungkin kita akan mula dengan satu peringkat sahaja dan mungkin kita akan ada beberapa peringkat di dalam pelaksanaan. Ini adalah amalan terbaik dunia. Oleh sebab Yang Berhormat pun tahu, di tempat-tempat lain, negara-negara lain, takrifan belia mereka bukanlah 40 lagi. Saya percaya saya- kalau tak silap saya, di Asia Tenggara ini, kita dengan Brunei sahaja yang masih lagi 40. Sila.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham dengan isu itu. Pengalaman juga mengajar kita bagaimana keadaan organisasi belia hari ini apabila kita mengubah kepada 40 tahun dan kita perlu lihat kesannya. Kesan itu saya harap juga menjadi ukuran kepada kementerian untuk pelaksanaan kepada perancangan yang dibuat oleh kementerian. Itu kalau kita lihat kesannya kepada gerakan belia dalam negara. Saya kluatir peranan gerakan belia di peringkat antarabangsa. Kalau kita lihat sejarah sahaja, sejak dahulu lagi, baik di peringkat ASEAN, Asia, Komanwel ataupun di peringkat dunia, hampir keseluruhan, malah dalam tempoh yang agak lama, semuanya di pimpin oleh pemimpin muda daripada Malaysia. Ini hakikatnya.

Sebenarnya, itulah platform yang terbaik untuk kita melatih pemimpin muda kita terlebih awal untuk berinteraksi, berkomunikasi dan melaksanakan program-program dengan gerakan belia yang di seluruh dunia. Ini kerana, mereka juga pemimpin belia di luar negara, sebenarnya akan menjadi pemimpin kepada negara berkenaan. Kalau kita lihat pada hari ini, kesan sudah berlaku.

Satu, apabila COIC misalnya, kalau saya tak silap, sudah terlepas tangan, kalau saya tak silap, kepada Mongolia, terlepas satu. Saya bimbang nanti bagaimana pula kepada WAY sekarang ini di pimpin oleh Ketua Menteri Melaka, siapa pula penggantinya? Bagaimana di Komanwel, bagaimana di platform-platform lain?

Kita kena rancang semua ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri, pemimpin muda yang berkemampuan untuk fikirkan semua ini. Ini agenda besar juga supaya daripada peringkat awal lagi kita, pemimpin muda di Malaysia ini sudah menguasai platform antarabangsa. Ketika mereka nanti menjadi pemimpin negara, ia mudah. Kalau kita hilang pengaruh di peringkat itu, saya bimbang ia beri kesan juga kepada kita. Oleh sebab itu di dalam soal penggubalan akta, dasar ini kena juga mengambil kira perkara-perkara seumpama ini. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terima pandangan Yang Berhormat, untuk kita lebih melihat kepada pendedahan anak-anak muda kita di peringkat antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat, saya pergi kepada Yang Berhormat Kapar. *Last* sekali. *Sorry*, ada dua lagi.

Yang Berhormat Kapar, apakah pelan untuk menangani isu ekstremisme? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kapar, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia- IRIS iaitu *Institute for Youth Research*, telah menerbitkan satu buku garis panduan pencegahan fahaman ekstremisme dan radikalisme dalam kalangan belia dan masyarakat.

Buku ini dihasilkan selepas satu kajian mendalam dibuat daripada pihak IRIS dan juga pakar-pakar yang telah dilantik, yang menemu bual mereka yang ditahan menggunakan akta-akta yang ada kaitan dengan pencegahan keganasan, yang mana mereka ini didapati sama ada terlibat ataupun mula melibatkan diri dalam gerakan seperti Daish atau IS.

Selepas di buat temu bual secara mendalam dengan adanya ujian psikometri dan sebagainya, satu buku panduan telah dihasilkan dan telah dibentangkan ke satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Panduan ini telah diterima oleh pihak PDRM, pihak penjara, pihak JAKIM dan sebagainya. Dalam laporan yang telah disusuli, kita telah mencadangkan beberapa langkah untuk diadakan program pencegahan yang dapat mengelak belia tersebut ataupun mereka yang mempunyai profil psikologi yang sama seperti mereka yang telah pun ditahan untuk menjadi rekrut kepada kumpulan-kumpulan ekstremisme ini.

Antara program-program yang perlu kita jalankan adalah pendekatan di peringkat awal sekolah lagi. Di mana kita menjalankan beberapa ujian psikometri untuk melihat pelajar-pelajar yang mungkin ada ciri-ciri tersebut.

Kedua, program-program yang ada kaitan dengan *counter offensive information*. Ini penting sebab sebahagian besar daripada- dan saya boleh *share* dengan Jawatankuasa sebab laporan ini memang *public information*. Sebahagian besar daripada mereka yang telah ditahan di bawah akta-akta mencegah keganasan ini, sebahagian besar daripada mereka di rekrut melalui *social media*. Itulah sebenarnya gelanggang dan medan perang di mana kita berhadapan dengan masalah yang sangat-sangat besar.

Jadi, sekiranya tidak ada program untuk kita melakukan *counter offensive*, dengan izin, berkenaan propaganda yang mereka terima daripada kumpulan-kumpulan ini dalam *Facebook*, dalam internet, malah dalam *WhatsApp*. Maka, mereka ada a *direct recruitment channel* melalui *social media*. Jadi, ini antara langkah-langkah yang akan diambil dan inilah peruntukan yang diperlukan bersama kementerian-kementerian lain yang menjalankan program tersebut. Yang Berhormat Pasir Putih, oh! *Sorry*, Yang Berhormat Kapar juga tanya tadi tentang kompleks sukan, kalau tak silap saya, kompleks sukan. Kalau tak silap saya, sudah ada Kompleks Rakan Muda di Parlimen Kapar, yang mana- sebab mungkin kawasan itu besar, mungkin dia hendak minta lagi, mungkin itu yang dimaksudkan tadi, ya?

Ada ramai yang minta Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat Jerai depan ini, ada belakang. Yang Berhormat Kapar juga bangkitkan isu bendera waktu Sukan SEA. Saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat Kapar sebut tadi bahawa kebertanggungjawaban itu perlu diletakkan terhadap Setiausaha Agung Majlis Olimpik. Saya rasa cerita ini sudah selesai sudah Yang Berhormat, ya. Saya sendiri telah mengambil tanggungjawab atas perkara tersebut, tak perlu kita menuding jari kepada orang lain. *I have taken responsibility for it. It's already done* dan pihak berkenaan pun sudah terima permohonan maaf kita. Sekarang ini Yang Berhormat Pasir Putih membangkitkan- ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat. Ya, *thank you*. Tadi, dengan izin Tuan Pengerusi, saya sebenarnya telah berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, dengan hati yang terbuka telah menerima tanggungjawab tersebut. *Whatever it is* Yang Berhormat Menteri, kesalahan dan kecuaiian telah berlaku, *not* peringkat tempatan, *it's* peringkat antarabangsa.

So, oleh sebab itu, seharusnya walaupun saya menerima tanggungan dan tanggungjawab itu dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi pada dasarnya, sepatutnya mesti ada satu jawatankuasa ditubuhkan untuk siasat daripada mana benda ini berlaku supaya benda ini tidak berulang, itu yang pertama. Kedua, walaupun Yang Berhormat Menteri telah minta maaf, kesilapan telah berlaku, kecuaiian telah berlaku.

■1910

Kalau kita tidak mengatasi perkara ini, mungkin ini akan berulang pada masa hadapan. So saya minta perkara ini diperhalusi oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Okey, terima kasih. Perkara ini telah pun disiasat dan didapati bahawa kesilapan itu di peringkat pencetakan. Segala semakan telah pun dibuat. *Proofreading* telah dibuat. Saya sendiri buat. Tidak ada masalah. Cuma, mungkin kekurangan persefahaman antara apa yang saya sebut dengan arahan yang diterima oleh pencetak. Ini yang berlaku, Yang Berhormat. Semua *proofreading* dibuat, semua betul. Cuma, pada asalnya reka bentuk muka surat tersebut tidak berapa cantik. So saya kata tolong *improve a bit the design. I didn't look at the improved design. I just-you know, because it's not proofreading anymore*. Apabila dibuat reka bentuk semula, itulah kesilapan berlaku. Itu sahaja dan kita belajar daripada kesilapan kita. *Insyallah*.

Yang Berhormat Pasir Puteh, akhir sekali. Antara program-program yang membangunkan sahsiah dan jati diri yang kita buat sendiri adalah melalui Fit Masjid, Anugerah Perdana Belia Negara, *Fellow Perdana*, kepimpinan organisasi dan semua ini ada kita masukkan elemen spiritual dan kesahsiah. Kita tidak anggap bahawa itu sebagai pendekatan yang *separate*, yang berbeza daripada pendekatan kita. Pendekatan kita semua merangkumi pembangunan sahsiah dan juga spiritual. Kalau kita anggap bahawa itu agama lain, pembangunan kepimpinan lain, maka kita pisahkan agama dengan pendekatan kita. Jadi bagi kita, pendekatan semua program kita ada elemen dan komponen tersebut.

Sila, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Bagi kita orang Islam, mungkin mudah sedikitlah kita hendak masukkan *content spirituality* ini di kalangan atlet-atlet kita. Akan tetapi kalau di kalangan mereka yang bukan Islam, maka itu ada psikologi aspek. Akan tetapi kita lihat juga di sana itu ada juga sukan-sukan tertentu yang mana kita tahu yang mana kita sibuk sekarang ini tentang pemakaian hijab, menutup aurat. Ada sesetengah sukan itu yang melanggar undang-undang Islam itu sendiri dan membuka aurat. Jadi menyebabkan di sana itu ada pertembungan *spirituality* juga di dalam itu. Masalah keimanan dan *spirituality*.

Apakah cara kementerian untuk mengatasi masalah ini? Konflik yang berlaku di kalangan kita yang melihat dan juga ahli-ahli sukan kita yang Islam yang mana kita lihat di sana itu ada masalah konflik *spirituality* itu. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, jawab dengan dua perkara. Yang pertama, soal pakaian ini, mestilah mengikut garis panduan persatuan antarabangsa yang mengendalikan sukan tersebut. Saya bagi contoh yang konkrit kepada Yang Berhormat agar ini tidak percakapan kosong sahaja.

Pasukan bola jaring- *netball* kita, dulu mereka pakai skirt dan singlet. Akan tetapi Persatuan Bola Jaring Dunia, *National Federation* membenarkan pemakaian yang menutup aurat. Jadi mereka dengan sendiri, secara sukarela telah buat keputusan untuk mengubah uniform mereka. Jadi, itu dari segi kesesuaian sukan dan juga dari segi peraturan sukan itu sendiri. Yang mana tidak mengikut peraturan sukan, itu kita bagi pendedahan kepada mereka, Yang Berhormat.

Atlet kebangsaan kita sebahagian besar mereka sudah dewasa, mempunyai pendidikan agama yang cukup. Kita mengambil pendekatan *la iqra ha fiddin*. Dalam agama tidak ada paksaan.

Kita bagi pendedahan yang terbaik, kita bagi ajaran yang terbaik, kita bagi panduan yang terbaik dan kita bagi pilihan kepada mereka. *It's their choice* dan kita menghormati pilihan mereka. Saya percaya dan yakin ramai atlet wanita kita yang mungkin tidak tutup aurat waktu mereka beraksi sebagai atlet tetapi selepas mereka bersara, mereka terus menutup aurat dan itu adalah pendirian mereka sendiri dan kita seharusnya tidak menghukum keputusan mereka.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM451,565,900 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM451,565,900 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM401,939,800 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM401,939,800 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

**Maksud B.46 [Jadual] –
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2018] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Langat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sokong tanpa bahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Kuala Langat. Lepas kepala- lepas Yang Berhormat Kuala Langat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kepala?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kepala Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Barisan Nasional dua orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak semak betul-betul ini. Selepas Yang Berhormat Kuala...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dua orang sana, dua orang sini. Sana seorang, sini dua orang. Tiga orang sahaja.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, sini seorang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling minat berbahas tidak? Ya, selepas Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, saya pun hendak berbahas.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, jawab bertulis, jawab bertulis. Yang tidak ada, bertulis.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Ada satu lagi. Saya seminit sahaja.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh mencelah nanti.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak payah bagi tidak payah bagi. Terus. Satu, satu. *Fair*.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ada tiga orang di sini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Satu, satu. Cukup.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, ya sila.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Satu, satu, cukup.

7.16 m.m.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyinggung Bekalan 46 dan juga Pembangunan 46 dalam Butiran 050300 – Khidmat Pengurusan bersekali Butiran 030200 – Perhubungan Perusahaan.

Merungkai kepada dua perkara ini, saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang dilihat menjadi permasalahan pertanggungjawaban daripada khidmat pengurusan itu sendiri terutama sekali di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia mempunyai 24 akta yang terlindung di bawah tanggungjawab dan di spesifikasi mereka.

Namun yang jelas, pegawai-pegawai yang berada di bawah kementerian itu yang menjadi *enforcement* sekitar dalam 400 pegawai yang menjaga untuk dikendalikan meliputi hampir lebih 900,000 dan juga melewati dalam kumpulan 14.4 juta pekerja. Ini menjadikan satu peranan yang amat sukar untuk mereka laksanakan dan membolehkan mereka melakukan tugas dengan efisien kerana kalau kita tengok pada JTK sendiri yang mempunyai pertanggungjawaban kepada 12 akta di bawah mereka sedangkan mereka hanya mempunyai 400 pekerja atau pegawai yang terpaksa menggalas tanggungjawab yang begitu berat.

Kalau ditinjau daripada deskripsi mereka ini, memungkinkan kita di luar biasa kalau kita dapat mengatasi masalah yang telah dipertanggungjawab ke atas mereka. Dalam deskripsi ini, hampir 20 tanggungjawab diserahkan kepada mereka dan yang melibatkan mereka-mereka yang di bawah 700,000 yang terpalit dengan EPF dan 600,000 di bawah SOCSO.

Maka saya ingin menyarankan kepada kementerian, di bawah konvensyen ILO, jelas apabila dua tahun siasatan dilakukan, setiap dua tahun itu mesti diulangi siasatan itu. Namun yang jelas, tujuh tahun pun tidak dapat dikendalikan disebabkan oleh kerana ketidakcukupan pegawai-pegawai ini. Sebagai contoh, akur janji sekarang ini berkisar 8,000 yang telah pun mengambil pekerja asing dan di mana *labour* inspektor ini yang bertanggungjawab untuk memastikan akur janji itu terlaksana?

Maka saya ingin menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Malaysia supaya mengkaji semula kedudukan pegawai-pegawai ini yang diperlukan sangat walaupun kementerian ini bukanlah sumber seperti mana Kastam. Kalau Kastam minta, cepat-cepat bagi. Berapa ribu pekerja pun dia bagi tetapi kalau Kementerian Sumber Manusia ini, lebih cenderung kepada menegakkan hak undang-undang yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyarankan kepada kementerian dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan sedikit ruang yang mencukupi untuk pegawai-pegawai ini melaksanakan tugas mereka dan penambahan pegawai ini tidak boleh kita kompromi kerana kelihatan begitu banyak sangat kes-kes yang tertunggak. Kes-kes seperti mana JTK, dialah menjadi hakim, dialah menjadi pegawai pendakwaan, dialah yang pergi buat siasatan, dialah kena buat, dialah kena buat, dialah kena buat. Empat ratus ini terpaksa mengendalikan ribuan dan ratusan kes dalam negara ini.

■1920

Perlu ada satu anjakan yang memastikan bahawa mereka ini dipastikan dalam tugas itu mendapat matlamat atau sasaran yang betul supaya ia tidak tersisir ataupun tidak tercicir daripada apa sasaran matlamat yang sebenarnya. Saya terus kepada Butiran 010300 - Pembangunan Kemahiran mengenai TVET.

Mengikut sasaran yang ditujukan pekerja yang berkemahiran sebelum tahun 2020 adalah sekitar berkemahiran 35 peratus tetapi sekarang ini, sasarannya hanya sekitar 28 peratus yang ada tiga tahun lagi. Bolehkah kemampuan itu dicapai dalam 35 peratus sasaran pekerja berkemahiran dan separuh kemahiran yang disasarkan ialah 58 peratus. Akan tetapi waktu ini sekitar ini yang kita lihat bahawa pencapaian untuk 58 peratus ini masih belum dianjak dalam sekitar 40 peratus.

Saya hendak tanya dengan Kementerian Sumber Manusia apakah sasaran itu dapat dicapai untuk memastikan bahawa pekerja berkemahiran ini dapat mengatasi ataupun melepasi daripada pekerja statistik pegawai dagang aktif mengikut warga negara yang begitu mengejutkan kita iaitu 155 ribu orang yang sekarang ini dalam kategori kemahiran dan separuh kemahiran.

Bangladesh saja pun 62,609 orang dan ini memberikan satu igauan buruk kepada pekerja-pekerja tempatan yang saya fikir kerajaan harus menumpu sepenuhnya dalam pusat latihan. Ini untuk memastikan sasaran 2020 untuk mencapai pekerja berkemahiran dan separuh berkemahiran terutama sekali pekerja tempatan dapat dilaksanakan dan untuk memastikan pengurangan minimum pekerja-pekerja asing itu dapat diselenggarakan.

Saya terus kepada Butiran 030100 - Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Tuan Pengerusi, saya ketika menjadi Pemangku Presiden MTUC dulu, kita ada berbincang dan kita buat pindaan untuk memastikan bahawa akta ataupun rang undang-undang hal ehwal persatuan pekerja ini dapat dilaksanakan mengikut kehendak ILO. Kita telah menghabiskan berjuta-juta untuk kita mencapai ataupun kita hendak melengkapkan Konvensyen ILO.

Akan tetapi masalah sekarang saya hendak tanya dengan kementerian, apakah pindaan yang telah pun dikaji itu boleh dilaksanakan atau dibuat pindaan? Ini kerana bagi saya lapan peratus itu walaupun kecil jumlahnya yang berpersatuan tidak semestinya kita pinggirkan mereka. Lebih drastik lagi ialah apakah dengan hanya bergantung pada pelaksanaan TPPA kita hanya bergantung kepada Amerika yang Amerika menarik diri kemudian pindaan itu hanya menjadi khayalan yang tidak tercapai impiannya.

Maka saya ingin menyarankan kepada kementerian bahawa sekiranya pindaan itu dilaksanakan maka percepat dan permudahkan ia untuk dibentangkan dalam Dewan ini untuk dilaksanakan. Ini kerana Tuan Pengerusi, dalam Akta Kesatuan Sekerja ini, orang yang mati pun dipanggil untuk mengundi. Orang yang sudah mati dan ini dianggap bahawa undang-undang dah lapuk, sudah tidak boleh diterima lagi. Akan tetapi kenapa tidak boleh buat pindaan. Berkali-kali dan letih untuk dibicarakan atas desakan pindaan itu dibuat. Akan tetapi apabila hendak dilaksanakan, tidak sampai kerana ada halangan-halangan yang tidak boleh diterima oleh kami ataupun oleh mereka-mereka pekerja yang mengharapkan kebebasan berkesatuan.

Walaupun lapan peratus tetapi dalam masa yang sama kita juga harus mengambil langkah untuk memastikan lapan peratus itu ada anjakan. Takkan kita hendak biarkan lapan peratus sahaja. Ini menjadi satu persoalan kepada kementerian bahawa di mana tahap atau kedudukan yang jelas dalam rang undang-undang yang telah pun dibayar, dibiayai untuk dipinda.

Saya mohon kerajaan supaya memberi jawapan yang setulus ikhlasnya supaya dilihat sebagai ia boleh mencerminkan untuk kebebasan berkesatuan. Saya juga ingin menyinggung. Sebentar tadi saya bawa pada Butiran 050300 terlupe hendak beri tahu tadi. Sebagai contohnya kenapa penamaan itu dibuat baru ternampak dia punya *point*. Kes AAM bila JTK menjatuhkan hukum untuk dibayar gaji, lapan bulan tidak bayar gaji. AAM tidak bayar lapan bulan. Bila Mahkamah Buruh kata kena bayar, tapi pihak syarikat tak nak bayar.

Jadi peranan ataupun deskripsi JTK ini perlu di perkasa dan dipertingkatkan untuk juga menghukum majikan yang biadab dan tidak meng*apply* undang-undang yang ada dalam negara ini.

Saya juga ingin menyinggung Butiran 030300 - Mahkamah Perusahaan. Banyak kes mahkamah perusahaan apabila pihak majikan kalah, dia bawa kes itu ke Mahkamah Tinggi. Bila pergi Mahkamah Tinggi, dia kalah dia bawa pergi Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, akhirnya dia balik-balik ke Mahkamah Perusahaan. Maka persoalan saya dalam kes ini seperti mana kes AIROD Eksekutif dia sudah menang bonus sampai ke kes Mahkamah Persekutuan tetapi di bawa balik atas sifat majikan yang degil tak nak bayar duit bonus yang sepatutnya yang ada dalam aplikasi ataupun dalam undang-undang dalam perjanjian bersama.

Apa yang jelas bahawa saya ingin menyarankan kepada kementerian, ada kemungkinankah kalau boleh diwujudkan Mahkamah Tinggi dalam perusahaan itu yang membolehkan perbelanjaan kesatuan sekerja atau mereka yang terlibat di bawah seksyen 20 itu dapat sedikit terhurai ataupun tidak ditekan dengan kos yang begitu tinggi dalam waktu tidak sampai satu *second*. Terima kasih Tuan Pengerusi atas pendengaran ini dalam perbahasan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulung.

7.26 mlm.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua butiran iaitu Butiran 010000 - Pembangunan Kemahiran. Malaysia sekarang ini mempunyai 28 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi dan Rancangan Malaysia Kesebelas ia ada menyasarkan untuk mempertingkatkan jumlah ini kepada 35 peratus.

Walaupun ada peningkatan tetapi masih jauh lagi kalau kita bandingkan dengan negara lain seperti Jerman 85 peratus ataupun negara jiran kita 52 peratus. Kemudiannya ada beberapa laporan yang dibuat macam *Malaysia Economic Monitor* yang diterbitkan pada April 2011 oleh *World Bank*. Dia ada menyatakan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang menetap di luar negara adalah seramai satu juta orang dan satu pertiga daripadanya adalah tenaga profesional yang berusia 25 tahun ke atas daripada Malaysia.

Jadinya dalam waktu yang sama pada 2010 *World Bank* pula ada menyatakan 54 peratus rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi telah memilih untuk bekerja di luar negara seperti di Singapura atau Australia, dia ada statistik dia semua. Jadinya soalan saya pada pihak kementerian adalah adakah kementerian membuat kajian mengenai tenaga kerja berkemahiran ini? Berapakah sebenarnya jumlah pekerja mahir yang dikategorikan sebagai pekerja mahir di Malaysia ini? Dan apakah langkah berterusan kementerian? Mungkin bekerja sama secara N-BOS dengan TalentCorp dalam menangani isu peningkatan *brain drain* di negara Malaysia ini.

Butiran 08400 - projek Skim *Grant Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)*. Pada masa ini dianggarkan ada 4.8 juta rakyat Malaysia yang diklasifikasikan sebagai OKU. Menurut daripada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga November 2016 tahun lepas, terdapat lebih kurang 405,000 OKU yang berdaftar dengan kementerian. Walau bagaimanapun sebanyak 4,000 OKU kini berkhidmat di dalam sektor awam dan kerajaan memang melakukan pelbagai langkah untuk mempertingkatkan jumlah OKU dalam sektor awam ini dengan memperkenalkan sekurang-kurangnya satu peratus pekerja OKU.

Jadinya jumlah ini dilihat masih lagi sangat sedikit. Oleh kerana itulah berapa soalan yang saya hendak tanyakan pada pihak kementerian adalah apakah lagi usaha yang dibuat oleh pihak kementerian Yang Berhormat dalam usaha mungkin bekerja sama dengan kementerian lain secara N-BOS atau agensi lain ataupun dengan syarikat-syarikat swasta ataupun dengan *government* untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga mahir di kalangan OKU.

■1930

Apakah pencapaian, sebab kementerian ada satu geran galakan untuk OKU yang bagi peluang untuk perniagaan dan melalui geran ini apa pencapaian oleh pihak kementerian? Berapakah jumlah OKU yang telah mendapat manfaat daripada geran ini dan menjadi usahawan dan berjaya?

Kalau boleh Yang Berhormat boleh namakan berapa OKU yang berjaya mendapat geran ini dan boleh dijadikan sebagai *success story*. Terima kasih banyak-banyak, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Ya, tadi saya sudah putuskan dua, cuma...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Nanti Yang Berhormat Subang, saya baru hendak bercakap. Saya nampak Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Klang berlari-lari masuk dalam Dewan termasuk Yang Berhormat Sungai Siput. Saya faham. Boleh ringkas ya. 5 minit. Ya. Boleh ya. Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita cuba.

Tuan Pengerusi Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Sila, Yang Berhormat Subang.

7.31 mlm.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pergi terus kepada perbahasan saya.

Saya ingin sentuh pada dua Kepala, 050800, tajuk Antarabangsa dan juga saya akan sentuh 030200 iaitu Perhubungan Perusahaan. Tajuk yang pertama saya adalah berkaitan dengan Penggajian Pekerja Asing khususnya dari Bangladesh. Saya difahamkan tahun lepas 2016, ada pengumuman daripada wakil kerajaan bahawa kerajaan akan mengambil 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh.

Saya ingin pengesahan sama ada dasar itu masih ada, masih akan dilaksanakan dan saya minta pengesahan itu. Saya bangkitkan itu sebab dalam negara kita juga, kita melihat sekarang berjuta-juta pekerja asing dan separuhnya difahamkan tidak berdokumentasi, *undocumented workers*, dengan izin, dan saya minta Yang Berhormat Menteri beri pengesahan setakat hari ini, apakah statistik yang di dalam milik kementerian dari segi berapakah pekerja asing yang kita ada di Malaysia yang telah didokumentasikan secara sah? Berapa juta, angkanya yang tidak didokumentasikan? Memang itu akan jadi satu anggaran tapi pastinya kementerian mesti ada satu anggaran.

Saya sebut ini sebab dari segi pandangan pengurusan ekonomi, banyak pakar ekonomi berpendapat bahawa hakikat berjuta-juta pekerja asing dalam Malaysia adalah impak untuk mengurangkan gaji sebenar pekerja Malaysia. Ini satu realiti. Kita tidak boleh menafikan dia. So, jadi kerajaan pun mesti faham itu dan mesti tahu itu.

Jadi masa kita tahu hakikat itu, kenapa kita tidak ada dasar jangka masa tengah dan jangka masa panjang untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di negara Malaysia supaya pekerja-pekerja Malaysia akan dapat menikmati gaji sebenar yang jauh lebih tinggi daripada yang sekarang. Hal ini kerana masalah ekonomi yang sekarang dialami oleh ramai pekerja Malaysia ialah kos sara hidup yang terus meningkat dan gaji yang tidak meningkat selaras dengan peningkatan dalam kos sara hidup.

Jadi dan akibat saya melihat bahawa jumlah besar pekerja asing yang ada di Malaysia ialah satu punca utama untuk hakikat ini dan kerajaan mesti bertanggungjawab untuk menangani ini. Berterusan daripada isu 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh, saya ingin tanya juga tentang proses yang sekarang diusahakan oleh pihak kerajaan oleh kerajaan Malaysia untuk menguruskan penggajian atau *employment* pekerja-pekerja asing dari Malaysia.

Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri sendiri telah melibatkan secara terus dalam satu proses G2G yang telah tamat pada tahun lepas dan sudah capai satu persefahaman di mana pekerja-pekerja asing dari Bangladesh akan di-*recruit*, dengan izin, melalui 10 *manpower agencies*, dengan izin, dari Bangladesh- 10 sahaja.

Pada hal kita tahu di Bangladesh ada lebih kurang 800 hingga 900 *manpower agencies* yang terlibat dalam *business recruitment*, pekerja-pekerja bagi Malaysia.

Akan tetapi pendirian yang telah diambil secara rasmi dan secara bertulis oleh kerajaan Malaysia ialah untuk diproses di peringkat Bangladesh hanya 10 agensi yang boleh terlibat dan saya ada melihat satu salinan surat daripada Yang Berhormat Menteri dengan senarai 10 itu. Akibat menggunakan 10 agensi itu telah mencetuskan satu reaksi besar di negara Bangladesh dan memberi satu impak yang negatif kepada imej Malaysia di sana sehingga banyak media, publisiti yang negatif dan juga kes-kes dibawa ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung di sana untuk mencabar keputusan ini.

Satu impak lagi ialah bahawa kos untuk yang dibayar oleh pekerja asing di sana telah meningkat. Mula-mula kalau ini dibuka kepada semua, bukan dihadkan kepada 10 saja, kosnya lebih kurang pada RM2,000, BDT40,000. Akan tetapi dengan urusan macam ini, yang dimonopoli oleh 10 agensi ini, 10 syarikat ini yang dipilih, kosnya sudah meningkat. Saya difahamkan beberapa kali ganda.

Jadi ini pun menimbulkan isu tuduhan rasuah. Saya tidak kata rasuah memang berlaku tapi kos sudah meningkat dan membawa gambaran bahawa rasuah berlaku. Saya ingin pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, satu pendirian ini, dasar ini di mana kita buat urusan penggajian pekerja asing dari Bangladesh melalui hanya 10 agensi, *manpower agencies* di Dhaka atau di Bangladesh.

Adakah ini satu arahan daripada Kementerian Dalam Negeri? Sebab saya tidak faham logiknya, ini nampak satu dasar yang tidak logik dan dibantah keras oleh ramai di Bangladesh sehingga surat- saya juga sudah melihat satu surat yang ditulis kepada Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri yang dialamatkan dari *Bangladesh Association of International Recruiting Agency* (BAIRA), dengan izin, bertarikh 16 Ogos 2017.

Jadi, ini merupakan satu isu yang besar. Saya difahamkan dan saya minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah ini bukan dasar ini atau keputusan ini untuk melantik hanya 10 agensi, semua *business* ini di Bangladesh dimonopoli oleh 10 ini adalah arahan daripada Kementerian Dalam Negeri? Saya difahamkanlah ada surat juga daripada kementerian itu, adakah itu benar ya? Apakah keputusan kerajaan berkenaan ini? Adakah kita akan teruskan dengan dasar ini walaupun dasar ini kita tahu ditentang hebat, ditentang tegas oleh pihak-pihak di Bangladesh di bawah ke mahkamah, imej kita dijatuhkan di negara itu? Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan tentang isu ini?

Secara ringkas seminit saja, satu lagi. Isu yang kedua saya ringkaskan ini saja. Walaupun ini berkaitan dengan piawaian antarabangsa buruh ya dengan negara kita, walaupun kita tahu sekarang *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) sekarang tidak akan jadi satu realiti buat masa sekarang atau dalam jangka masa dekat, tapi kita tahu, kita masa itu kita sokong. Kerajaan Malaysia sokong kemasukan dalam perjanjian itu dan kita tahu kalau kita masuk dalam perjanjian itu kita ada obligasi atau kewajipan untuk pastikan undang-undang negara kita akan selaras dengan apa yang dikatakan adalah *Core Labour Standards* di peringkat antarabangsa atau piawaian antarabangsa or *international standards*.

Jadi walaupun sekarang kita tahu TPPA ini tidak akan jadi satu realiti, apakah jadi dengan komitmen yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui kementerian MITI dan Menteri-menteri yang berkenaan untuk pastikan undang-undang kita akan diselaras untuk capai piawaian itu, *to meet those international standards*, dengan izin. So, adakah Kementerian Sumber Manusia akan terus melaksanakan usaha-usaha itu untuk pastikan kita sampai ke standard itu dan apakah tindakan-tindakan yang kita akan lakukan? Itu saja. Sekian, terima kasih.

■1940

7.40 mlm.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 050100 iaitu Dasar Sumber Manusia. Pada waktu ekonomi berkembang, dasar Kerajaan Malaysia berkait dengan gaji minimum harus diubah. Sekarang kerajaan berpegang kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan RM920 di Sabah dan Sarawak.

Malah kerajaan berkata kalau gaji minimum naik, syarikat-syarikat akan tutup, kedai akan pindah ke negara lain. Menteri Sumber Manusia juga berkata bahawa ekonomi Malaysia akan bertambah lagi teruk jika gaji minimum dinaikkan. Tuan Pengerusi pandangan ini adalah sangat harus ditukar berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dibuat oleh ILO dan juga *international agency* dan sebagainya.

Misalnya *ILO Minimum Wage Fixing Recommendation*, Tuan Pengerusi mengatakan bahawa, *minimum wage rates should be adjusted from time to time, to take into account changes in the cost of living and other economic conditions*, ini daripada *ILO Minimum Wage Fixing Recommendation*. So, kita dapati seperti ini juga banyak kajian *ILO* mengatakan bahawa gaji minimum harus dinaikkan berdasarkan kepada *the cost of living, standard of living and so on and so forth*. Satu kajian juga yang telah dibuat selama 18 tahun di Brazil menunjukkan bahawa tidak ada impak negatif, *there is no negative impact* ke atas ekonomi jika gaji minimum ditingkatkan.

Malah kerajaan juga berkata bahawa gaji minimum antara dasar yang paling efektif untuk mengurangkan dasar kemiskinan dan perlu disertakan dengan dasar bantuan kesihatan dan aspek sosial yang lain. Kini *take home pay*, gaji yang ambil balik rakyat Malaysia hanya 32.9 peratus daripada ekonomi negara. Baki ini pergi ke tangan firma-firma ataupun *companies*. Maknanya bagi setiap ringgit dalam ekonomi negara, yang dijanakan dalam ekonomi negara, pekerja hanya mendapat 32 sen sahaja.

Kadar ini adalah amat kurang berbanding dengan Singapura iaitu 42 sen, China 48 sen, United Kingdom 55 sen dan Amerika Syarikat 56 sen. Pada waktu yang sama harga barang-barang asas di Malaysia sedang naik setiap tahun, tahun ini kos pengangkutan telah naik sebanyak 13.5 peratus, makanan telah naik 4.2 peratus manakala perumahan dan kesihatan telah meningkat sebanyak 2.2 peratus dan 26 peratus. Memandangkan keadaan ini, saya cadang kepada kerajaan supaya dengan cepat meningkatkan gaji minimum kepada RM1,500. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri berkait dengan isu ini.

Malaysia juga sedang menghadapi risiko apa yang dipanggil *an aging society*. Di mana purata umur negara sedang meningkat kepada kadar yang paling cepat berbanding dengan seluruh dunia. Keadaan ini akan mengakibatkan tekanan ke atas sistem pencen negara kerana jumlah orang tua akan meningkat serta tekanan ke atas simpanan bagi pekerja-pekerja swasta dan juga IPF. Apakah dasar kerajaan untuk memastikan sistem pencen kita adalah *sustainable* dan adakah kerajaan merancang untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun?.

Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 050200. Ini adalah berkait Dengan *Labour Consistency Plan* di dalam *Trans-Pacific Partnership Agreement*. Kerajaan telah memberi satu pegangan ataupun satu komitmen bahawa *Labour Consistency Plan* itu akan dilaksanakan walaupun sekarang Amerika Syarikat telah keluar dalam TPPA. Soalan saya kepada menteri ialah bagaimanakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam *Labour Consistency Plan* akan dilaksanakan dan bila akan bermula, minta *timetable on this matter*.

Isu yang berkait juga 050200 berkait dengan pengurusan pekerja asing. Sekarang pengurusan pekerja asing termasuk dengan memberi lesen dan sebagainya adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi saya fikir masa sudah sampai sekarang supaya tanggungjawab ini diambil alih oleh Kementerian Sumber Manusia, *is long overdue* Yang Berhormat. Adakah kerajaan telah membuat rancangan-rancangan yang berkaitan untuk mengambil alih pengurusan *migrant workers*.

Last sekali, *this sound is disturbing*, Tuan Pengerusi [*Ketawa*] Tidak boleh fokus. Pada bulan yang lalu, beberapa pekerja asing telah mengalami kecederaan di tapak pembinaan MRT di bandar Malaysia. *Incident* seperti ini kerap berlaku di tapak-tapak pembinaan di Malaysia dan ini menunjukkan terdapat kelemahan dalam sistem penguatkuasaan *Department of Safety and Health (DOSH)*.

So, saya hendak tanya kepada Menteri apakah langkah-langkah yang diambil? Adakah syarikat-syarikat diheret ke mahkamah untuk didakwa dan juga beberapa pegawai yang ditugaskan untuk memantau isu berkait dengan DOSH. Adakah kerajaan akan menaik tarafkan piawaian DOSH supaya kemalangan-kemalangan ini tidak berlaku. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

7.46 mlm.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Saya hanya nak bawa satu isu di bawah Butiran 050100 – Dasar Sumber Manusia. Yang Berhormat Menteri saya harap sebahagian daripada peruntukan di bawah butiran ini akan dipakai untuk kaji kaedah kontrak yang sedang dipakai secara luas di negara kita.

Di mana bekalan pekerja di sumber luarkan kepada syarikat-syarikat lain dan bukan oleh main *employer* kerana sistem ini menjejaskan kepentingan pekerja di beberapa cara. Satu ialah mereka kehilangan *security* kerja kerana tiap tiga tahun kontrak itu kena diperbaharui dan ada kemungkinan *company* lain akan dapatkan kontrak itu. So, tidak ada *security* pekerja, tiap tiga tahun ada kemungkinan mereka akan hilang kerja dia.

Kedua ialah gaji mereka tetap di peringkat terbawah di peringkat gaji minimum kerana bila tiga tahun habis bila ada persaingan antara syarikat-syarikat untuk kontrak bekalan buruh ini, syarikat yang bagi gaji yang lebih tinggi tidak boleh bagi satu kod yang rendah dia akan hilang dia punya kontrak. So, oleh itu gaji di sektor untuk pekerja ini akan terus di peringkat terbawah. Bukan macam bila mereka jadi *checkroll worker* mereka dapat kenaikan gaji tiap-tiap tahun mungkin RM20 sebulan ke, RM30 sebulan itu mereka akan dapat. Akan tetapi dalam kes macam ini mereka langsung tidak dapat apa-apa kenaikan gaji.

Cara ketiga di mana pekerja ini rugi bila dia di bawah sistem kontrak ialah tempoh servis mereka sentiasa di bawah tiga tahun. Tiap tiga tahun syarikat itu ditukar, mereka dapat syarikat yang baru yang ambil alih kerja itu. Katakan ada *retrenchment*, ada pemberhentian kerja, pekerja yang terlibat itu hanya boleh *claim* selama tiga tahun servis. So, inilah cara-cara dia sistem ini yang sumber luarkan buruh, tenaga kerja ke syarikat ketiga, ini menjejaskan kepentingan.

Saya tahu ini dipanggil *labour flexibility* oleh *World Bank and IMF*. Ini satu cara canggih untuk ekonomi baru. Akan tetapi saya ingat nama betulnya ialah pemangsaan pekerja atas kepentingan kapitalis besar. So, ini saya rasa kita kena kaji balikkah, kaji balik adakah ini perlu ataupun harus kah kita menyekat kaedah kontrak hanya untuk kerja-kerja yang sifat bermusim. Hanya dua, tiga, empat bulan selepas itu tidak ada kerja, itu boleh.

Akan tetapi yang kerja yang berterusan macam *cleaning of schools*, pembersihan sekolah, macam *security*. 12 bulan setiap tahun kerja itu perlu dan kita jadikan dia kontrak, kita kena haramkan itu. So ini permohonan sayalah bolehkah kita Pakai Dasar Sumber Manusia 050100, Dasar Perburuhan, 050200 untuk kaji ini dan saya yakin Persatuan-persatuan Pekerja akan sedia ambil bahagian dalam apa-apa perbincangan. Parti saya juga amat berminat untuk bincang isu ini.

Saya harap kita boleh kaji baik-baik, tengok apakah cara dia kita ada satu sistem yang lebih baik yang tidak menindas pekerja.

■1950

Saya harap dalam jangka masa dua, tiga tahun lagi kerajaan boleh membawa satu dasar baru di mana kontrak hanya disekat pada kerja-kerja yang betul-betul bermusim dan bukan untuk semua macam ini. Untuk buat itu, saya harap apa yang kena buat kerajaan sendiri kena hentikan sistem kontrak di sekolah-sekolah macam pekerja pembersihan sekolah, sekuriti sekolah, mereka semua hadapi banyak masalah. Apabila tidak dibayar EPF, tidak dibayar gaji kadang-kadang tetapi apabila kita pergi ke sekolah, sekolah kata ini bukan antara *you* dengan saya, ini dengan *labour*. So, inilah masalah saya ingat kita kena kaji ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan ambil serius dan tubuhkan satu *task force* di bawah butiran itu. Kami sedia mengambil bahagian dalam ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh ringkas...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Ringkas sahaja...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri jawab.

7.51 ptg.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja iaitu tentang pengangguran. Sekarang ini kita lihat musim ini musim ekonomi menurun dan harga barang naik. Kita lihat, kita dengar banyak kes-kes pengangguran meningkat daripada tenaga kerja yang sudah bekerja.

Jadi saya ingin tahulah daripada pihak Kementerian Sumber Manusia, berapa ramai kah dalam tahun ini sahaja pekerja-pekerja kita yang telah dibuang kerja. Apakah pandangan kementerian, adakah trend ini akan berterusan khususnya kita lihat sekarang ini dalam sektor pembangunan, sektor *housing*, pembangunan ia akan *stagnant* dan akan *slow down*, adakah ini juga kita jangka akan menyebabkan pengurangan kepada pekerja-pekerja. Kalau demikian, apakah perancangan pihak kementerian dalam hal ini.

Perkara kedua ialah tentang pekerja-pekerja pembantu rumah. Kita dengar bahawa kita tidak ada lagi perantara orang tengah untuk kita ambil pembantu rumah ini. Jadi adakah ini – bilakah program ini akan bermula dan bolehkah kalau misal kata, kalau di pihak majikan pergi ke negara jiran dan membawa pembantu rumah itu balik ke sini dengan urusan-urusan yang ada. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.54 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Pertama, dari Yang Berhormat Kuala Langat. Beliau menyentuh tentang pengurusan. Ya, saya amat berterima kasih kepada beliau kerana telah menyatakan bahawa di bawah Kementerian Sumber Manusia terdapat sebenarnya 25 akta dan akta ini telah menjadi panduan kepada kita dalam kita menjalankan tugas-tugas sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab lebih-lebih lagi untuk membangunkan modal insan di negara kita ini.

Tentang pengurusan, saya amat berterima kasih kerana beliau telah menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kekurangan *labor inspectors* di bawah Jabatan Tenaga Kerja. Memang sekarang kita hanya mempunyai 405 orang *labor inspectors* untuk menjalankan selain daripada pemeriksaan berkanun iaitu kepada syarikat-syarikat, premis-premis yang melanggar akta di bawah satu akta yang meliputi tenaga kerja ini.

Dalam perkara ini, beliau telah menyebut bahawa kita mempunyai 14.4 juta pekerja di seluruh negara, memang tepat. Sebenarnya 14.8 juta. Daripada 14.8 juta pekerja di seluruh negara, 1.6 juta adalah penjawat awam. Jadi dalam perkara ini, dalam kita menghadapi kekangan kerana tidak mempunyai pegawai atau khususnya *labor inspectors* yang mencukupi, maka kita telah menyediakan satu *Cabinet Paper* yang akan dibentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi dan kita amat berharap agar ia akan diluluskan oleh Kabinet dan seterusnya akan diluluskan oleh perkhidmatan awam- KPPA.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Langat...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. So, sekarang *proposal* itu untuk meningkat daripada 400 ke berapa?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Untuk meningkatkan ialah 400 – nombor itu, bilangan itu kita belum pasti.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey, okey, terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Langat juga telah menyentuh banyak perkara iaitu satu daripadanya ialah ada menyebut tentang *judicial review*. Jadi mengenai *judicial review*, *I think* tidak payah, kadang-kadang tengok itu keliru. *I think I know my staff. I'm better prepared.*

Mengenai *judicial review* yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Langat, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu mengikut apa yang harus dibuat mengenai *judicial review* iaitu- sekejap, mengenai *judicial review* iaitu- *labor inspector* telah saya jawab. Cuma mengenai *judicial review*, harus saya ingatkan di sini bahawa Mahkamah Perusahaan, *Industrial Court* adalah sebuah tribunal di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Oleh itu- *I think no need to pass anything to me, I know my staff*- oleh itu Tuan Pengerusi, sebarang semakan kehakiman atau *judicial review* terhadap keputusan Mahkamah Perusahaan boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi. Itu jawapan nombor satu. Nombor dua, beliau juga telah menyebut Konvensyen ILO. Beliau telah menyebut tentang kemahiran. Beliau telah menyebut tentang perkataan TVET, hal ehwal pekerjaan. Jadi dalam pada itu Tuan Pengerusi, mengenai TVET atau pekerja berkemahiran.

Saya ingin menjelaskan di sini dan ia juga disentuh oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Setakat ini sebenarnya peratusan tenaga pekerja yang mahir di negara kita adalah 28 peratus. Akan tetapi mengikut statistik yang belum lagi rasmi- statistik yang ada dengan kita menunjukkan bahawa kadar atau peratusan itu adalah peratusan pada tahun 2016 tetapi pada tahun ini sehingga bulan Jun 2017, peratusan itu telah meningkat pada 31 peratus walaupun belum rasmi lagi.

Maka sasaran kerajaan ialah untuk dapat memastikan peratusan tenaga pekerja mahir menjelang tahun 2020 kepada 35 peratus, sasaran itu boleh dicapai. Ia boleh dicapai kerana Tuan Pengerusi, harus diingatkan di sini bahawa di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri, kita mempunyai Jabatan Tenaga Manusia dalam mana kita mempunyai 32 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) termasuk lapan darinya yang memberi *diploma level* dan *advanced diploma* yang kita panggil sebagai ADTEC.

Selain dari itu, kita juga mempunyai Jabatan Pembangunan Kemahiran dan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, kita mempunyai apa yang kita panggil satu skim sebagai Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

■2000

Di bawah Kementerian Sumber Manusia sendiri kita mempunyai HRDF atau dalam bahasa Malaysia Perbadanan Sumber Manusia Berhad yang kalau ILP ADTEC mengeluarkan tenaga mahir iaitu kepada mereka-mereka yang baru keluar dari bangku sekolah. Akan tetapi di bawah HRDF ini adalah khas untuk mereka-mereka yang sudah pun bekerja tetapi ingin meningkatkan kemahiran mereka daripada segi *reskilling* dan *upskilling*.

Selain dari itu saya telah menyebut tentang Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) tadi dalam mana kita mempunyai Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam mana si pekerja yang sudah bekerja, 30 peratus daripada pelajarannya adalah *classroom learning* manakala yang 70 peratus lagi adalah *on the job* atau *practical training*. Ini sudah tentu dapat mempertingkatkan kemahiran seorang pekerja.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi harus di ingatkan selain daripada Kementerian Sumber Manusia terdapat enam kementerian lain yang sama-sama diamanahkan untuk memartabatkan atau memperkasakan apa yang kita namakan sebagai TVET. Dalam pada ini Tuan Pengerusi kita semua sedia maklum bahawa TVET Malaysia satu *brand* baru telah dilancarkan pada 27 September di ADTEC Shah Alam dalam mana ia telah dilancarkan secara besar-besaran.

Bila Yang Amat Berhormat selaku Menteri Kewangan membentangkan belanjawan atau Bajet 2018 beliau telah menegaskan bahawa perkataan melahirkan tenaga manusia yang mahir hendaklah menjadi keutamaan kepada negara kita. Dalam pada perkara ini Kementerian Sumber Manusia telah diamanahkan untuk menerajui kesemua enam kementerian yang lain untuk memastikan TVET ini dapat diperkasakan.

Maka dengan ini, jawapan Tuan Pengerusi *of course*, sememangnya industri-industri dan syarikat-syarikat tempatan juga memainkan peranan yang amat penting juga. Maka dengan ini jawapan saya sama ada ia boleh dicapai atau tidak, jawapan kita ya, kita pasti dan kita yakin bahawa ia akan dapat dicapai.

Malahan Tuan Pengerusi baru-baru ini Kementerian kita di peringkat pegawai yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Sumber Manusia sendiri telah pun mengadakan satu mesyuarat dalam mana kesemua kementerian-kementerian yang terlibat dalam TVET ini akan menubuhkan satu badan atau *counsel* dalam mana ia akan membuat garis panduan dan sebagainya. Apa jua yang ada bersangkut paut dengan pemertabatan TVET ini akan dimasukkan dan kita memberi tempoh 18 bulan untuk memastikan bahawa majlis ini atau badan induk ini akan berjalan dengan sepenuhnya.

Maka mengambil kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada kementerian-kementerian yang terlibat di peringkat kementerian yang telah pun menubuhkan badan induk untuk memertabatkan dan memperkasakan badan TVET ini. Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta pencerahan sedikit dengan topik *judicial review* yang disentuh tadi Yang Berhormat Menteri dalam jawapan. Saya setuju memang jawapan itu memang tepat dari segi status Mahkamah Perusahaan sebagai satu tribunal dan bila mahkamah itu adalah sebagai satu tribunal proses *judicial review* itu dibenarkan sisi undang-undang kita tidak boleh halang itu.

Pada masa yang sama, beberapa tahun dahulu ingat saya, beberapa cadang telah dicadangkan daripada kementerian kepada kerajaan untuk selesai untuk dapat menangani isu ataupun masalah yang di bawa oleh rakan saya Yang Berhormat Hulu Langat tadi. Untuk pastikan tidak ada kelambatan melalui proses *judicial review* ini dan seperti yang diamalkan di negara-negara lain.

Contoh di *United Kingdom* mereka pun ada tribunal yang lebih kurang sama macam Mahkamah Perusahaan di sana. Akan tetapi apa yang mereka buat perubahan dalam undang-undang mereka dan mereka sudah pastikan lepas keputusan di peringkat Mahkamah Perusahaan dia menjadi satu proses rayuan sahaja macam di mahkamah-mahkamah lain.

Jadi sesiapa yang tidak berpuas hati dengan keputusan di Mahkamah Perusahaan dia buat rayuan kepada satu badan lagi dan lepas itu habis cerita itu, habis proses di mahkamah. Jadi proses itu akan memastikan bahawa sesiapa yang bawa tuntutan mereka di mahkamah tidak akan macam di tarik ke mahkamah bertahun-tahun lah di beberapa langkah di mahkamah. Jadi apa yang dicadangkan dahulu dan saya di fahamkan diterima secara dasar oleh pihak kerajaan ialah kita tubuhkan satu Mahkamah Rayuan khusus untuk perkara-perkara daripada Mahkamah Perusahaan dan lepas itu proses itu berhenti.

Jadi, saya hendak minta pencerahan sedikit apa sudah jadi dengan idea itu? Sebab idea itu memang cukup baik tetapi kita tidak melihat pelaksanaan idea itu yang telah dibincangkan beberapa tahun dahulu. Adakah kita harapan lagi untuk bawa kerajaan mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan cadang itu supaya Yang Berhormat Kuala Langat tidak perlu bangkit isu itu sekali lagi.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi terima kasih kepada Yang Berhormat. Bagi saya itu adalah perkara baru untuk saya walau bagaimanapun kita akan ambil maklum tentang apa yang telah disarankan itu tadi. Terima kasih. Selepas itu, Yang Berhormat Kuala Langat telah menyebut tentang hal ehwal hak pekerja dalam mana kebebasan berkesatuan telah dibangkitkan, syarikat tidak mahu membayar gaji, lepas tangan lari dan sebagainya.

Jadi dalam perkara ini Tuan Pengerusi saya telah menjawab melalui apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu *judicial review*. Selepas itu saya pergi kepada Yang Berhormat Parit Sulong dalam mana beliau Yang Berhormat Parit Sulong walaupun beliau tidak ada di sini...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ada. Saya akan menyebut- beliau telah menyebut tentang...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Setuju bertulis.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Masih muda lagi pukul lapan, semalam 9.30 so tidak lama lagi tidak apa. So...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri teruskan sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, ya. Itulah saya kata baru pukul lapan jadi saya akan teruskan. Yang Berhormat Parit Sulong terima kasih kerana beliau telah membangkitkan isu pekerja mahir Malaysia yang telah berhijrah ke negara lain atau *brain drain*. Jadi jawapan saya di sini senang ia sepatutnya dijawab oleh TalentCorp yang bukan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Selepas itu soalan satu yang telah dibangkitkan adalah mengenai OKU tentang orang kurang upaya. Jadi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak *RM10.5 million* telah diperuntukkan kepada 378 orang kurang upaya melalui geran iaitu bagi tahun 2011 sehingga 2015. Selepas itu di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu mulai pada tahun 2016 dan sehingga hari ini seramai 118 orang OKU telah mendapat manfaat yang peruntukannya berjumlah RM6 juta. Ini menunjukkan Tuan Pengerusi, bahawa kita sebenarnya tidak pernah, kerajaan tidak pernah mengabaikan OKU-OKU.

■2010

Selepas itu, Yang Berhormat Parit Sulong juga telah membangkitkan tentang OKU melalui cara-cara membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam pada itu Tuan Pengerusi, Perbadanan Sumber Manusia Berhad (HRDF) telah melaksanakan program *OKU Talent Enhancement Programme* (OTEP) bagi memberi latihan yang bersesuaian kepada golongan OKU bagi mendapatkan pekerjaan. Sejak tahun 2016 sehingga Oktober 2017, seramai 200 orang OKU yang telah dilatih di bawah program ini sehingga mereka berjaya mendapat pekerjaan. Juga di bawah OKU, kita jangan lupa, kita mempunyai- kementerian saya mempunyai sembilan jabatan dan empat agensi. Satu daripada agensinya, saya telah sebutkan tadi HRDF, PSM atau PSMB.

Kita juga mempunyai satu lagi agensi yang dinamakan sebagai SOCSO ataupun PERKESO. PERKESO telah sendiri memperkenalkan Program *Return to Work* (RTW) pada tanggal 15 Januari 2007 lagi, yang merupakan pemulihan fizikal yang disediakan kepada orang yang berinsurans PERKESO, yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit, bagi mengembalikan mereka berfungsi anggota badan dan mental dan seterusnya, balik ke alam pekerjaan lebih awal.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di bawah *Return to Work* ini, sejak ia diperkenalkan pada tahun 2007, bilangan kes yang telah dikembalikan untuk bekerja pada tahun 2014 - 2,583 orang, tahun 2015 - 2,347 orang, tahun 2016 - 2,498 orang, tahun 2017 sehingga September - 1,889 orang. Ini bererti sejak tahun 2017 sehingga September tahun ini, bilangan orang OKU yang mendapat pekerjaan melalui program *Return to Work* ini berjumlah 17,368 orang.

Tuan Pengerusi, selepas itu Yang Berhormat Subang telah membangkitkan tentang— Yang Berhormat Subang masih ada? Okey, telah membangkitkan tentang isu 1.5 juta orang. Saya ingin menerangkan di sini bahawa sebenarnya dari mula-mula lagi, perkataan '1.5 juta orang' itu tidak wujud. Apa yang disebutkan adalah 1.5 juta orang, sebab saya sendiri telah pergi ke Dhaka tidak kurang daripada tiga kali. Bilangan ini adalah bilangan atau angka 1.5 juta orang atau pekerja Bangladesh yang boleh dihantar ke seluruh negara, termasuk Malaysia. Jadi, angka ini bukan dikhaskan kepada Malaysia sahaja. Angka ini adalah angka atau bilangan pekerja Bangladesh yang boleh dihantar ke seluruh negara, ke seluruh dunia.

Selepas daripada itu, beliau telah menyentuh tentang pekerja asing walaupun pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa pengambilan *recruitment and employment of foreign workers, is under the power of* di sana, *under the jurisdiction of* Kementerian Dalam Negeri tetapi saya selit sedikit. Sebenarnya pada tahun 2016, jumlah pekerja asing di negara kita adalah 2.1 juta yang *documented* atau *legal*. Sekarang ia telah berkurangan kepada 1.7 juta iaitu berkurangan lebih 300,000 orang. Jadi Tuan Pengerusi, tentang gaji minimum, saya fikir saya telah menjawab di Dewan yang mulia ini beberapa kali.

Walau bagaimanapun,...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: ...Oleh kerana ia disentuh oleh Yang Berhormat Klang juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tidak apa. *No, no. Please, let me...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebelum masuk ke gaji minimum. Kita habiskan cerita yang sebelum tadi. *Just* minta sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih atas penjelasan ringkas daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Tadi Yang Berhormat Menteri kata yang jumlah 1.5 juta itu adalah yang akan dihantar ke seluruh dunia dan termasuk Malaysia. Adakah dalam angka itu, satu jumlah yang ada- satu kuota untuk Malaysia yang spesifiklah? Kalau ada, sila beritahu Dewan ini.

Kedua ialah saya faham tadi Yang Berhormat Menteri kata isu penggajian ini atau *recruitment* ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, bukan dalam bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi surat yang dihantar oleh *Bangladesh Association of International Recruiting Agencies* (BAIRA) ada rujuk kepada perjumpaan-perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri sendiri dan penglibatan Yang Berhormat Menteri dan juga surat-surat yang dihantar oleh Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya yang spesifik iaitu peralihan dasar yang saya sebut. Dulu *recruitment* dibuka kepada 800, 900 *manpower agencies*...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sekarang ditumpukan kepada 10.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya belum pergi ke situ lagi. Dia terlalu cepat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Oh, *sorry*. Minta maaf.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *I am going into that.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ini janganlah cepat sangat. Tentang BAIRA. Saya telah sebut saya telah pergi ke Dhaka. *You* belum lagi pergi ke Bangladesh. Tiga kali untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri *Expatriates* dan *Foreign Employment Dhaka and the person- I would not mention his name here*. Sebenarnya, di Bangladesh terdapat 1,200 agensi pekerjaan. Daripada 1,200 agensi pekerjaan ini, 745 adalah yang kita panggil *or I will use the English word, are genuine recruitment agencies*.

Jadi, berkaitan dengan sepuluh yang dipilih ini. Pertama, bagaimana Yang Berhormat Menteri mendapat salinan surat itu, saya tidak tahu tetapi *anything to do with government surat-menyurat to me is an unofficial secret. It is comes under OSA...* [Disampuk] *Now, okay. Nanti, because you are mentioning there was a letter from me.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No, let me put it for the record. So that,* ini tidak disalahfahamkan. Surat ini adalah daripada pertubuhan yang dinamakan *Bangladesh Association of International Recruiting Agencies* (BAIRA).

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey, okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dialamatkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, *I heard that just now* tetapi dia telah menyebut surat daripada Menteri Sumber Manusia, *which should not be held by him, because it comes under OSA...* [Disampuk] *It comes under the OSA.*

Tuan Pengerusi, saya ingin memperjelaskan bahawa dasar negara lain, negara kita tidak boleh campur tangan. Pemilihan sepuluh agensi ini adalah keputusan Kerajaan Bangladesh, bukan keputusan negara kita Malaysia. Jadi, ini penjelasan saya. Oleh yang demikian, maka apa juga keputusan yang dibuat oleh negara Bangladesh adalah bukan keputusan negara kita. Itu jawapan. *Very simple answer.*

Maka, kita harus akur kepada apa yang telah diputuskan oleh negara berkenaan iaitu Bangladesh. Itu tentang BAIRA. Saya tahu lebih daripada Yang Berhormat sebab saya telah pergi ke sana tiga kali untuk berjumpa dengan Menteri, bukan untuk melancong.

Selepas itu, tentang gaji minimum. Walaupun saya tidak berhajat untuk bercakap dengan lebih panjang tentang gaji minimum sebab saya telah berulang kali memperjelaskan gaji minimum di Dewan yang mulia ini, akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Klang membangkitkannya semula.

■2020

Gaji minimum ini Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita semua maklum, sebelum apa juga gaji minimum ditetapkan- dan dalam perkara ini di bawah Akta Gaji Minimum iaitu kita ada satu majlis yang dinamakan Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) yang telah menetapkan bahawa gaji akan dikaji satu kali setiap dua tahun. Akan tetapi, ini tidak bererti bahawa kajian ini akan tiap-tiap dua tahun akan meningkatkan gaji.

Jadi, dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, harus diingatkan di sini, kerajaan menggunakan sistem apa yang kita namakan sebagai *tripartite* di mana pihak majikan dan pihak pekerja hendaklah sama-sama bersetuju. Dalam perkara ini, kalau kita hendak membuat kajian tentang gaji minimum ini, persetujuan hendaklah dibuat sama-sama oleh pihak majikan dan pihak pekerja. Dalam perkara ini, perkataan median *wage* atau keupayaan si majikan untuk menggaji pekerja hendaklah diambil kira.

Selepas itu, Yang Berhormat Sungai Siput juga telah menyebut...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya terima pandangan Yang Berhormat. Beberapa Ahli Parlimen di sebelah sini telah bangkit isu berkaitan dengan gaji minimum. Akan tetapi, kalau kita pergi ke luar jumpa dengan orang ramai khususnya belia-belia, mereka mengalami satu masalah yang besar iaitu bebanan kewangan. So, oleh sebab itu, saya fikir walaupun saya faham proses *tripartite system* dan juga keengganan pihak majikan untuk meningkatkan gaji, tetapi saya fikir sudah sampai masanya untuk kerajaan untuk mendesak. *There is no choice*. Sebab, kalau tidak, ketidaksamarataan di Malaysia akan menjadi lebih teruk. Itu satu.

Kedua, *the weight the debt*, pinjaman pun akan naik. Juga, kita dapati bahawa banyak anak negara kita pergi ke luar negara untuk kerja. Pergi ke Singapura untuk kerja. Pergi ke Thailand untuk kerja. *So, they are going because the wages are low. So, you cannot dismiss it by simply saying that there is a tripartite system*. Majikan tidak akan agree untuk meningkatkan gaji. Itu semua orang tahu. *But, how come in South Korea, in Japan, they have minimum wages? And the management agree. So, saya fikir kita mesti tukar cara kita fikir. Tukar perspektif kita mengenai gaji minimum. Kalau tidak, ini akan memangsakan rakyat Malaysia. This is the problem and we will keep depending on migrant workers.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri boleh habiskan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Lima minit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa minit, Yang Berhormat?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Just* lima minit, habis.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Dengan izin. *It is easier said than done. Even the EIS- I don't mind telling you. The EIS started way back in 2009. It only managed to get through in Parliament in 2017. Sebagai contoh. So, it is easier said than done.*

Last sekali, tentang pengangguran yang dibangkitkan oleh...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, *sorry*. Minta maaf

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No. No.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Penjelasan sedikit.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Pasir Puteh telah menyebut tentang pengangguran...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak apa. Siapa yang hendak balik boleh balikkah. *It's okay.* Tadi Yang Berhormat Menteri sebut- *you have stated insertion of facts. You stated just now that the...*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat, *this is my floor.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No. You have stated a fact that is not correct.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Pasir Puteh telah menanyakan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I just want to bring it to your attention. You stated a wrong fact.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *I'm not giving the floor...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You are not giving the floor because why? You don't want me to correct your fact? The fact that you stated...*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *My floor. This is my floor.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You are misleading the House. Tuan Pengerusi, I'm saying now the Minister is misleading the House by stating something wrong. I want to read the correct fact. You stated just now, it's the decision of the Bangladesh Government to appoint an agency. There is a letter from yourself stating that the recruitment will only be done by 10 agencies. That is stated in the letter from BAIRA to the Prime Minister. So, who is correct?*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Okay. Now. Okay.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I want to state that for the record. They are saying in this letter in black and white, it is your letter that states that recruitment must be done by 10 agencies.*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Macam mana dia boleh dapat itu surat, Yang Berhormat Menteri? Macam mana dia dapat surat itu?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *It is your letter, dengan izin.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey. Okey [Ketawa]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Macam mana boleh dapat surat itu?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I want to say that for the record, dengan izin.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey. Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri sudah sebut itu keputusan Kerajaan Bangladesh.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey. Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So, I'll say that for the record. You can say what you want now.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Okay. Now, thank you very much for the answer Yang Berhormat Subang. Thank you very much. Let me clarify. Let me clarify. That answer, yes, it was written by me. But, number one, it is a government document and the government document is actually protected under the OSA. OSA. Number one. Number two...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *It's a public fact in Bangladesh and the whole world. It has gone to court. Don't talk about secrecy. The issue now...*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dia curi surat itu. Ini, dia curi surat itu kah? Yang Berhormat Subang curi kah itu surat?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Secrecy to what? To debate.*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat Subang curi surat kah? Apakah curi surat orang kah? Apa tiada maruah? Tidak ada maruah kah Yang Berhormat Subang? Apa maruah tiada kah, curi kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apa tiada maruah kah, curi kah? Apakah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Biar dia *answer*. Duduk.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Buat apa duduk?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Dengar dulu, dengar dulu. Jangan jerit.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *You* curi surat kah? Pergilah. Apakah. Curi surat kata orang samseng sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Kalau...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey, Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini bahawa apa yang telah disebutkan- *I have to explain*. Apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Subang tadi adalah menjawab kepada surat yang telah disampaikan kepada kita. *That is it. It is a reply to their request*. Sekian, terima kasih. Lepas itu... *[Disampuk] It is a reply to the request of Government of Bangladesh.*

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh pula.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *It is not the reply to the association*. Lepas itu, terakhir, Yang Berhormat Pasir Puteh tentang pengangguran... *[Disampuk] It is our reply to their request*. Terakhir, nombor enam, Yang Berhormat Pasir Puteh tentang pengangguran. Pada tahun 2017 sehingga September 2017, seramai 30,700 pekerja telah diberhentikan dari bekerja. Kebanyakan pekerja yang dihentikan adalah dari sektor pembuatan iaitu seramai 23,409 orang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya, Yang Berhormat. Diam, Yang Berhormat. Kata hendak balik awal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM806,990,800 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM806,990,800 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM487,842,500 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM487,842,500 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi,
hari Isnin, 27 November 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.28 malam]